MANUSIA DAN ISLAM

JILID TIGA

Panel Penulis Diketuai Oleh
DR. HARON DIN

MANUSIA DAN ISLAM

JILID TIGA

Panel Penulis Diketuai Oleh

DR. HARON DIN

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2002

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR

Kemiskinan dan kefakiran adalah salah satu daripada fenomena hidup yang ada hikmahnya. Ia wujud di mana-mana sahaja di keperluan menjadikan orang itu papa tidak berdaya. Kebiasaan-akan datang. Di tengah-tengah masyarakat yang hidup serba mewah, terdapat fakir miskin yang menumpang hidup di celah-celahnya. Di dalam sebuah negara yang maju dan kaya, mesti ada rakyat miskin yang merempat dan menderita, hidup dalam keadaan yang tidak sepatutnya mereka berada.

Kekayaan manusia di dunia ini diukur pada kebiasaannya dengan harta benda yang dimilikinya. Banyak harta menjadikan pemiliknya kaya raya. Kurang harta sehingga tidak dapat menutupi keperluan menjadikan orang itu papa tidak berdaya. Kebiasaannya juga yang kaya disanjung dan dipuja, dan yang miskin dihina dan sentiasa teraniaya.

Sebenarnya kekayaan dan kemiskinan adalah suatu yang relatif. Tidak ada pengukur sebenar yang boleh mengukur kekayaan sebenar. Ada orang yang dikatakan kaya, pada hal dia sebenarnya seorang miskin. Ada orang lain pula, pada zahirnya miskin, tetapi dia adalah kaya. Ada orang kaya harta, tetapi miskin budi pekerti, yang lain pula kaya budi pekerti, tetapi miskin harta benda. Ada orang kaya ilmu, kaya pahala, kaya kawan rakan, kaya budi, kaya pingat, kaya anak pinak dan sebagainya. Tetapi semuanya itu tidak menjadi ukuran kekayaan dan kemiskinan. Yang menjadi ukuran umum ialah kekayaan harta benda dunia juga.

Menyedari hakikat seperti itulah, Rasulullah s.a.w. pernah menyebut di dalam sebuah Hadithnya (terjemahan): *Hampir-hampir kefakiran itu membawa kepada kekufuran*". Dalam Hadith lain

Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda (terjemahan): *'Seorang dari kamu, yang mengambil seutas tali dan kapak, lalu pergi memotong kayu api dan memberkasnya untuk dijual adalah lebih baik daripada meminta sedekah daripada manusia, sama ada diberi atau tidak.*

Ada Hadith lain yang secara langsung atau tidak, membayangkan bahawa antara yang berada dan memberi sedekah, dengan si miskin yang meminta sedekah daripadanya, yang memberi sedekah itu lebih baik daripada yang menerima sedekah. Rasulullah s.a.w. bersabda (terjemahan): *'Tangan yang di atas (yang memberi sedekah) adalah lebih baik daripada tangan yang di bawah (yang menerima sedekah)".*

Oleh kerana harta benda menjadi ukuran kekayaan dan status kehidupan di dunia, maka manusia berlumba-lumba mencari harta, menggunakan seluruh potensi kehidupannya untuk mencari kekayaan, sehingga kadang-kadang melanggar batas-batas kesusilaan dan kesopanan, malah melanggar hukum-hukum adat dan agamanya, semata-mata kerana mengejar kekayaan.

Manusia mengejar kekayaan kerana meyakini bahawa dengan memiliki harta benda yang banyak, kebahagiaan hidup akan tercapai. Tetapi apakah benar kekayaan merupakan taraf mutlak untuk kebahagiaan? Persoalan ini telah dijawab dengan kenyataan-kenyataan yang berlaku dalam masyarakat manusia bahawa harta benda tidak boleh menjamin kebahagiaan. Namun demikian, manusia tetap terus mengejar kekayaan. Memuja harta, menyanjung si kaya, menghina si miskin. Yang demikian, kadang-kadang berlagak kaya, agar di pandang bergaya. Yang kaya pula, kadang berlagak miskin kerana sesuatu tujuan.

Walau apapun yang berlaku, manusia tidak dapat lari dari kenyataan hidup, bahawa setiap orang memerlukan harta benda dunia, sama ada sedikit atau banyak. Kekayaan adalah suatu yang dikejar, kemiskinan adalah suatu yang hendak dihindar.

Harta benda di dunia ini sebenarnya bukan kepunyaan mutlak manusia, ia milik Allah s.w.t. Mereka yang dianugerahkan harta yang banyak adalah suatu penyerahan amanah Allah kepadanya. Amanah itu perlu di jaga dengan baik. Akhirnya apabila manusia telah dipanggil pulang oleh Allah s.w.t., semua harta terpaksa

ditinggalkan untuk diurus dan disambung oleh orang-orang baru pula. Begitulah seterusnya.

Meskipun semua manusia mengetahui bahawa kekayaan adalah suatu yang tidak kekal bersamanya, yang akan kekal bersamanya adalah amalan-amalan baik di dunia ini yang akan dibawa sehingga ke hari akhirat, namun yang diutamakan, manusia sejagat adalah harta benda dunia itu juga.

Islam mempunyai disiplin tersendiri, dalam masalah mengumpul dan membelanjakan harta. Ia tidak boleh dimiliki secara mutlak. Dan tidak pula tidak boleh dimiliki langsung. Yang mendapat harta perlu menguruskannya dengan cara yang betul, seperti yang diperintahkan oleh hukum Islam. Seperti yang tersebut di dalam al-Qur'an al-Karim (terjemahan): *"Dan di dalam harta-harta mereka yang kaya, ada hak untuk orang miskin, yang meminta dan yang tidak meminta.*

Untuk menjamin pengagihan harta kekayaan yang dianugerah Allah kepada manusia, agar berlaku dengan cara yang betul, Islam telah menggariskan hukum-hukum yang jelas untuk diikuti oleh manusia. Zakat diwajibkan, Riba diharamkan. Urusniaga yang betul disyari'atkan, semua itu menuju ke arah mengurangkan tekanan kemiskinan dalam masyarakat dan mengagihkan harta kekayaan dengan cara yang sebaik-baiknya.

Persoalan kemiskinan adalah persoalan besar, sehingga Islam mengaitkan dengan kekufuran. Oleh kerana itu, Islam telah meletakkan asas yang kukuh untuk mengurangkan kemiskinan iaitu dengan mewajibkan tiap-tiap umat Islam bekerja. Al-Qur'an al-Karim menyebut (terjemahan): *"Dan katakanlah, bekerjalah kamu bersungguh-sungguh nescaya Allah akan membalas usaha-usaha kamu itu. Rasul dan orang-orang yang beriman, akan melihat pekerjaanmu itu dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui apa yang ghaib dan nyata, lalu diberitahu kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan."* (Al-Qur'an Surah al-Taubah 9:105).

Rasulullah s.a.w. telah memuji orang yang kuat bekerja. Suatu hari Rasulullah s.a.w. telah bertemu dan bersalaman dengan seorang yang keras kematu tangannya, kerana kuat bekerja. Rasulullah bersabda kepada orang itu (terjemahan): *"Inilah tangan yang*

tidak akan dimakan oleh api neraka".

Pada ketika yang lain pula, Rasulullah s.a.w. pernah mendengar cakap-cakap sahabatnya yang memuji seorang teman mereka, yang menghabiskan keseluruhan waktunya beribadat di dalam masjid tanpa membuat sebarang kerja lain. Mendengar puji-pujian tersebut, Rasulullah s.a.w. bertanya mereka (terjemahan): *"Kalau dia sehari-harian berada di dalam masjid beribadat sepenuh masa, maka siapakah yang menyara hidupnya". Sahabat-sahabat baginda menjawab: 'Saudaranya yang menyara hidupnya". Bersabda Rasulullah s.a.w.: 'Kalau begitu saudaranya itu adalah lebih kuat beribadat daripadanya'. Walaupun ia tidak berada di dalam masjid, tetapi di medan pekerjaan.*

Kemiskinan boleh dihindarkan dengan cara kuat bekerja dan berusaha mencari rezeki yang halal. Allah s.w.t. menaburkan rezekinya di mana sahaja di dunia ini, di laut, di darat, di hutan belantara, di padang pasir dan di mana sahaja. Rezeki Allah tetap wujud. Kerana itu maka bekerja dan berusaha untuk mendapat rezeki adalah suatu kewajipan mulia dalam Islam.

Buku ini cuba memaparkan masalah kemiskinan dan pemilikan harta, dilihat dari sudut pandangan Islam. Akan dibincangkan juga perbandingan antara konsep Islam dalam pemilikan harta dengan konsep kapitalisme, sosiolisme dan komunisme secara menyeluruh. Masalah hak milik dan hak-hak yang lain, termasuk hak-hak asasi manusia, semuanya akan dijelaskan mengikut kesesuaian tajuk tersebut dengan keadaan buku ini yang serba terbatas.

Semoga buku ini akan memberi manfaat kepada umat Islam sekalian. Kepada Allah dipohonkan taufik dan hidayah.

Haron Din
Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
UKM

Bandar Baru Bangi
10 Ramadhan, 1409

I

ISLAM DAN KEMISKINAN

Pendahuluan

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa Islam tidak memandang suci kepada kemiskinan, kerana Islam berpendapat bahawa kemiskinan sebagai penyakit yang berbahaya, membahayakan 'aqidah, akhlak, pemikiran, rumahtangga, diri sendiri, masyarakat dan negara. Namun begitu Islam tidak pula menyerahkan penyelesaiannya kepada nasib semata-mata. Islam telah mengadakan peraturan-peraturan yang positif. Begitu juga Islam tidak pula menghapuskan hak milik kerana keinginan memiliki adalah salah satu daripada naluri manusia.

Sikap tidak mengambil berat terhadap kemiskinan yang terjadi dalam masyarakat adalah bertentangan dengan iman terhadap hari pembalasan. Lihat al-Qur'an, surah al-Ma'un ayat 1 — 7 yang mengandungi suruhan memberi makan, pada ayat ini bukannya memberi orang miskin itu sekali makan dalam kenduri atau sekali setahun diberi 10 ringgit dan sebagainya, kemudian dia lapar lagi. Akan tetapi maksudnya ialah memberi sumber makanan dan segala keperluan hidup. Orang yang tidak ingin bertindak dalam bidang ini sama ertinya dengan orang yang tidak beriman dengan hari qiamat. Beriman kepada hari qiamat adalah salah satu daripada Rukum Iman. Apabila salah satu rukun hilang maka seluruh bangunan akan runtuh.

Pada permulaan surah al-Baqarah dijelaskan bahawa al-Qur'an adalah petunjuk bagi orang-orang yang beriman kepada

yang ghaib dan orang-orang yang membelanjakan hartanya. Jadi orang yang tidak suka mengeluarkan hartanya tidaklah turut mendapat petunjuk dari Allah. Sesiapa yang tidak mendapat petunjuk dari Allah tidak ada yang dapat memberikannya petunjuk. Maka sesatlah jalan hidupnya selama-lamanya. Sebaliknya sesiapa yang ditunjuki oleh Allah tidak ada yang dapat menyesatkannya. Dalam al-Qur'an banyak ayat yang menggandingkan sembahyang dengan zakat bahkan banyak juga ayat al-Qur'an yang menyatakan hukum wajib mengeluarkan zakat.

Pada dasarnya, harta yang dikurniakan oleh Allah kepada seseorang itu bukanlah hartanya yang mutlak, seperti yang telah diterangkan di atas. Akan tetapi sebagai harta Allah yang diamanahkan padanya sebagai penyalur. Dia mendapat kehormatan dari Allah sebagai makhluk yang mulia. Oleh sebab itu Allah telah mengamanahkan kepadanya bagi diberikannya pula kepada orang-orang yang berhak. Oleh sebab itu, Allah berulangkali menyatakan (terjemahan) *"Apa-apa yang Kami kurniakan kepadanya, selamanya Allah mengingatkannya bahawa Allah yang memberikan kesenangan itu."* Maka jangan ia lupakan perkara itu. Allah berfirman:

وَفِىٓ أَمْوَٰلِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّآئِلِ وَٱلْمَحْرُومِ

Terjemahan: Dan pada harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).

(Al-Zariyat, 51:19)

Banyak lagi ayat yang menunjukkan kepentingan mengeluarkan zakat harta benda dan sebagainya. Maka seseorang itu diberi peluang untuk mendapat harta, tetapi jangan dia berasa bahawa harta benda itu hak mutlak baginya, tidak ada siapa pun yang boleh campur tangan lagi mengenainya. Maka di sini ada dua soal yang perlu diketahui:

Pertama: Hak milik memang diakui dalam Islam. Kedua: Dalam hak milik ada pula hak orang lain, yang mesti dikeluarkan

sama ada tuannya rela atau tidak. Kerajaan Islam berhak memaksa dia mengeluarkannya.

Dalam sejarah Islam Sayyidina Abu Bakar telah memerangi orang-orang yang enggan mengeluarkan zakat. Peperangan itu disebut *Harb al-Riddah* (Perang Kemurtadan). Jadi orang-orang yang enggan mengeluarkan zakat berserta i'tiqad bahawa zakat tidak wajib dihukum sebagai murtad (keluar dari Islam). Orang yang demikian jika thabit kesalahannya, memang boleh dihukum bunuh dalam Islam. Maka tidak hairanlah kalau Sayyidina Abu Bakar menjatuhkan hukuman kepada mereka sebagai orang murtad.

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa orang yang tidak memperdulikan kemiskinan orang lain atau rakyat jelata sama keadaannya dengan orang yang tidak percaya kepada agama dan hari balasan. Walaupun ia kelihatan bersembahyang, berpuasa, tetapi enggan mengeluarkan zakat, orang-orang yang sedemikian itu tidak boleh dimasukkan ke dalam senarai orang-orang yang beriman. Boleh jadi ada orang yang berfikir bahawa Islam tidak memberi kebebasan kepada penganutnya atau kepada orang-orang yang berada di bawah kekuasaannya. Kalau ada kebebasan mengapa pula orang dipaksa mengeluarkan zakat?

Di sini perlu dijelaskan bahawa alat pengukur mesti ditentukan lebih dahulu, setelah itu barulah dapat diketahui sesuatu ukuran atau sukatan. Kalau alat pengukur yang dipakai adalah fikiran orang kapitalis maka benarlah ia. Sebab kaum kapitalis tidak ingin diganggu kesenangan dan kemewahannya sendiri, biarpun orang lain mati kelaparan. Hal ini akan diterangkan dalam konsep kaum kapitalis mengenai hak milik.

Konsep Kapitalisme terhadap Hak Milik

Sebelum dibicarakan hal ini baiklah terlebih dahulu kita tinjau sepintas lalu latar belakang perkembangan fikiran di Eropah dan zaman peralihannya dari Abad Pertengahan (500 M — 1500 M) kepada zaman *Renaissance* (Zaman·Pencerahan), yang bermula dari 1500 M. Dengan demikian kita akan dapat melihat dengan jelas mengapa manusia di sana mengekalkan agama dalam kehidupan berfikir dan dapat pula kita lihat dengan jelas perbezaan jiwa Barat dalam bidang ini dengan jiwa Timur terutama dalam ke-

lemahan kaum Muslimin.

Kebebasan individu di Eropah pada Abad Pertengahan tidak ada. Kekuasaan mengendalikan fikiran adalah di tangan gereja. Gereja bekerjasama dengan raja-raja yang saling menguntungkan mereka. Kekuasaan mutlak berada dalam tangan gereja bukan agama Kristian. Agama Kristian tidak dapat diketahui keadaannya yang asli pada zaman itu, sebab Injil pun adalah tulisan manusia dan tulisan manusia mungkin benar atau tidak. Sejarah Injil yang ada di tangan kaum Kristian hingga sekarang menjelaskan hal itu. Nas-nas daripada Allah yang asal sebagai wahyu tidak didapati. Malahan Injil yang ada di tangan Paderi-paderi hanya terjemahan belaka. Akhirnya, daripada terjemahan itu diterjemahkan pula. Maka tidak dapat lagi diketahui nas-nas yang asli. Jadi hubungan manusia yang beragama dengan Tuhan sebenarnya sudah terputus.

Selain itu orang ramai sebenarnya tidak berhak membaca Injil, yang berhak membaca Injil ialah para paderi. Oleh sebab itu, apa jua yang disebut oleh para paderi itulah ajaran agama, tidak ada jalan sama sekali untuk menguji akan kebesarannya. Keluar daripada pengajaran para paderi bermakna keluar daripada agama. Tidak ada manusia yang boleh berfikir keluar daripada apa-apa yang diajarkan oleh para paderi di gereja, sesiapa yang berfikir demikian adalah terkeluar dari gereja dan terkeluar dari agama. Oleh yang demikian mereka yang berani menentangnya akan mendapat seksa yang pedih sejak di atas dunia lagi, kerana para paderi sahaja yang berhak menjadi wakil Tuhan di muka bumi.

Berbagai-bagai seksaan yang kejam terjadi pada Abad Pertengahan yang telah dijalankan oleh gereja terhadap orang yang ingkar atau menentang gereja atau orang-orang yang dituduh menyalahi atau menentang pendapat gereja.

Oleh sebab orang ramai tidak digalakkan membaca Injil dan tugas membaca hanya tugas paderi-paderi dan oleh sebab orang ramai cukup menerima fikiran-fikiran yang sudah dimasak oleh gereja dan tidak boleh memasak sendiri, maka kejahilan memang digalakkan. Namun begitu keadaan seperti ini tidak mungkin kekal, sebab manusia tidak dapat dibendung dari berfikir. Allah telah mengurniakan akal untuk berfikir. Membendung atau melarang manusia daripada berfikir sama sahaja dengan mematikannya.

Oleh sebab itu manusia akan mengadakan perlawanan sekuat tenaga untuk mengembalikan haknya. Sungguhpun sudah ramai orang yang diseksa kerana memperjuangkan kebebasan berfikir, tetapi mereka tidak akan gentar. Akhir sekali timbullah gerakan yang kuat iaitu *Renaissance* aliran pencerahan kembali lahir. Kembali lahir maksudnya kembali kepada kebudayaan Eropah lama, iaitu kebudayaan Yunani dan Rumawi dan meninggalkan kebudayaan yang menyeksa yang dipakai oleh gereja yang memang berasal dari Timur.

Renaissance adalah penentangan terhadap gereja, maka dengan sendirinya perlawanan terhadap agama Kristian sebagaimana yang digambarkan oleh gereja. Sungguhpun gereja yang bertanggungjawab, tetapi agama Kristian yang menjadi korban. Kebudayaan Yunani dan Rumawi sebenarnya adalah kebudayaan orang-orang yang tidak mempunyai agama *samawi*. Sungguhpun ada di antara mereka yang berfikir jauh dari kebenaran, namun mereka gagal dalam bidang itu. Kebanyakan mereka menegapkan fikirannya kepada sesuatu yang dapat ditangkap oleh pancainderanya. Sampai sekarang pun kebudayaan Barat masih berbentuk demikian.

Keadaan manusia di Eropah pada zaman *Renaissance* beralih dari agama paksaan gereja kepada iman kepada manusia, seakan-akan mereka mengucapkan syahadat "*Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan manusia yang terjadi dengan sendirinya, tiada sekutu baginya.*" Manusia mencipta, manusia mengadakan undang-undang, mengadakan teori-teori dan peraturan kemasyarakatan sendiri dengan tidak perlu bertanya kepada paderi dan gereja.

Manusia merasa mereka dapat berbuat dan berfikir sendiri, mereka menganggap sesuatu yang dapat mereka ketahui berdasarkan pancaindera mereka itulah sahaja yang benar. Segala yang bertentangan dengan itu, dongeng dan kosong belaka. Maka otak manusia perlu bersih daripada tahyul dan dongeng seperti itu.

Sungguhpun demikian, oleh sebab naluri yang ada pada jiwa manusia iaitu naluri ketuhanan maka mereka tidak dapat menjauhi agama pada keseluruhannya. Gereja mesti dipakai, dengan kekuasaan yang tidak mutlak lagi. Urusan pemerintahan, urusan ke-

hidupan di dunia tidak boleh dicampuri oleh gereja, terutama sekali Injil mereka menjelaskan yang demikian itu, *"Berilah hak Raja kepada Raja dan hak Tuhan kepada Tuhan*!" Jadi dengan tenteram dapatlah disusun pemerintah sekular atau duniawi, yang tidak dicampuri oleh agama lagi. Gereja cukup dibuat untuk upacara sahaja, sebagai melengkapi kebudayaan mereka. Peranannya sudah lemah sekali.

Untuk mereka sampai ke tahap ini memang lama dan mengalami pemberontakan-pemberontakan yang pahit, di antaranya Revolusi Peranchis yang terkenal itu. Perkembangan ekonomi di Eropah pun berlaku pula dengan pesat, terutama sekali sesudah orang Portugis dan Sepanyol datang mencari sumber-sumber rempah dan kekayaan di kepulauan Melayu dan di Nusantara kita ini.

Sebagaimana yang telah maklum bahawa kejayaan manusia memerlukan kepada tiga syarat: Pertama kecerdikan, kedua peluang dan ketiga kesungguhan, di samping tiga syarat hendaklah ada kuantiti yang banyak. Dalam perkembangan ekonomi itu ada orang yang mempunyai kualiti dan kuantiti yang tinggi, maka ia mendapat kejayaan yang cemerlang. Segala yang diperolehinya mengikut kepercayaannya adalah hak milik yang mutlak baginya. Tidak ada yang boleh mengganggunya. Oleh sebab itu ia bebas menggunakannya menurut kepentingan dirinya sendiri. Kalau ada orang susah yang memerlukan bantuan, dapatlah ia melimpahkan kasihannya, ini jika ia mahu, dan jika sebaliknya, maka tidak ada satu kekuasaan pun yang dapat memaksanya.

Golongan manusia yang mempunyai kepercayaan dan amalan beginilah yang dinamakan golongan kapitalis. Semangat mementingkan diri dengan begitu menonjol, dan semangat untuk hidup yang begitu mewah adalah amalan kaum ini. Kesannya memang dapat dirasai dalam masyarakat kita sekarang ini. Jadi, kalau dia hendak berbuat baik, boleh dia melakukannya, jikalau tidak maka tidak ada undang-undang yang boleh memaksakannya. Dia merasa harta bendanya adalah milik mutlaknya, dia dapat dengan kecerdikan dan kegiatan sendiri. Dalam bidang ini mereka sama dengan Qarun pada zaman hidup Nabi Musa (a.s.) dahulu.

Oleh sebab mereka berhasil menentang penghambaan gereja, maka suatu yang mereka agungkan, ialah kebebasan peribadi.

Mereka bebas menindas bangsa-bangsa lain. Mereka bebas memperbesarkan kekayaan dengan apa cara sekali pun. Kekayaan ini tidak ada yang dapat memaksa mereka memberikannya kepada sesiapa pun, kecuali dengan kehendak mereka sendiri. Sebagaimana gereja dahulu bekerjasama dengan pemerintah, maka golongan kapitalis itu terus-menerus bekerjasama dengan pemerintah. Bukan setakat itu sahaja, tetapi pemerintah itu sendiri dapat mereka pengaruhi untuk mengawal kepentingan mereka sendiri. Pemerintah hanya bertugas mengawal kebebasan individu. Pemerintah tidak berkuasa ke atas mereka. Oleh sebab itu mereka menentukan negara dengan tiga bidang: bidang perwakilan rakyat, bidang pelaksanaan undang-undang dan bidang kehakiman. Oleh sebab mereka mempunyai kekayaan besar maka biasanya mereka pula yang duduk di dewan perwakilan rakyat. Jadi merekalah yang membuat undang-undang. Sama ada dengan disedari atau tidak, kepentingan mereka tetap terjamin dengan adanya undang-undang yang dibuat oleh mereka. Kepentingan rakyat atau orang ramai tertakluk kepada kepentingan mereka.

Soal menggunakan harta benda pemerintah tidak boleh campur tangan. Campur tangan pemerintah dalam bidang ini bertentangan dengan kebebasan peribadi yang mereka pandang suci dan berlawanan dengan dasar demokrasi yang diamalkan bersama. Mereka memang membayar cukai yang diwajibkan oleh negara melalui Dewan Perwakilan Rakyat; diwajibkan oleh mereka untuk kepentingan mereka, sebab orang-orang yang duduk di dewan itu adalah mereka atau orang-orang yang memperjuangkan kepentingan mereka.

Di samping penguasaan di Dewan Perwakilan Rakyat mereka juga menguasai alat-alat sebaran am atau media massa. Itu penting, sebab anggota-anggota dewan dipilih. Jadi perlu ada kempen. media massa mengadakan kempen sepanjang masa; bukan sahaja setakat mengadakan kempen pilihanraya. Mungkin kapitalis-kapitalis besar tidak ada dalam dewan rakyat tetapi orang-orangnya tetap ada. Dalam sistem kapitalis pemerintah adalah alat bagi kepentingan golongan pemodal.

Dalam kapitalisme di antara tugas pemerintah ialah menjamin kebebasan mereka. Negara tidak memiliki modal, tidak mengem-

bangkan modal dan tidak mengadakan produksi, negara hanya berkhidmat; negara hanya menjaga keselamatan hak milik individu dan memelihara kebebasan diri peribadi. Kebebasan ini mestilah dibuka dengan seluas-luasnya termasuk dalam bidang agama. Orang bebas menyembah Tuhan dan bebas pula menyembah hantu.

Perbandingan di antara konsep Islam dengan kapitalisme.

1. Kapitalis menganggap bahawa dialah sendiri yang menjadi pemilik mutlak terhadap harta benda yang dimilikinya. Sebaliknya Islam memandang bahawa itu adalah harta Allah yang diamanahkan kepadanya, untuk dibelanjakan mengikut garis-garis yang ditetapkan oleh Allah.
2. Tidak ada orang yang berhak campur tangan atau memiliki yang ada di dalam tangan golongan kapitalis. Segala yang dikeluarkannya untuk kepentingan orang lain adalah semata-mata derma atau belas kasihan daripadanya. Sebenarnya belas kasihan itu jarang ada, yang terbanyak ialah untuk dakyah bagi orang yang mengeluarkannya. Oleh sebab itu derma-derma yang dikeluarkan adalah disiarkan oleh alat-alat sebaran am, yang dikeluarkan dengan riya' dan bangga.

   Islam menentukan bahawa bukan hanya dia yang berhak pada harta benda yang ada di tangannya, tetapi ada orang-orang lain yang sama berhak. Jadi dia mengeluarkan bukan berdasarkan kasihan belas atau perikemanusiaan semata-mata, tetapi menunaikan hak orang lain yang diperintah oleh Allah. Perbuatan inilah yang diistilahkan dengan *ihsan* dalam Islam. Dia mendapat ganjaran daripada Allah atas keihsanannya itu.
3. Golongan kapitalis bebas untuk menyimpan keuntungan yang diperolehinya daripada harta itu. Mereka bebas pula menggunakannya mengikut kemahuannya. Akan tetapi Islam mendorong supaya dia mengeluarkan harta benda yang lebih untuk kepentingan umum, dan cara menggunakan hartanya hendaklah sederhana jangan melampaui batas dan hendaklah digunakan kepada jalan-jalan yang dihalalkan oleh Allah sahaja. Nabi Muhammad bersabda

(terjemahan): *Sesiapa yang mempunyai perbekalan yang lebih, berilah kepada mereka yang tidak ada bekalan.*

4. Kaum kapitalis bebas memilih jalan untuk mencari keuntungan yang berlipat ganda bahkan makan riba adalah satu jalan yang baik untuk mereka mendapatkan keuntungan yang berlebih-lebihan. Akan tetapi Islam hanya mengakui milik dengan cara yang halal sahaja, manakala cara yang haram tidak diakuinya. Islam mengadakan batas-batas supaya orang ramai jangan ditindas. Riba dilarang dengan keras dalam Islam. Di samping itu Islam selalu menganjurkan keikhlasan hati kepada Allah supaya ia sentiasa jujur kepada dirinya dan orang ramai, dengan tujuan untuk mendapatkan keredaan Allah.
5. Kapitalis tidak melarang monopoli, malahan cara monopoli adalah jalan untuk mendapat keuntungan yang besar. Akan tetapi Islam melarang sebarang monopoli, kerana amalan itu bertentangan dengan kepentingan umum. Rasulullah bersabda (terjemahan): *Orang yang memonopoli barang-barang perlu dilaknatkan dan orang yang mengimport barang dengan dijual terus kepada umum dikurniakan rezeki (diberkatkan).*

Demikianlah perbezaan secara kasar di antara Islam dengan kapitalisme dan kita yakin bahawa Islamlah yang dapat mengendalikan individu, masyarakat dan negara dengan adil untuk kebahagiaan dan keamanan, dan Islamlah agama yang sederhana lagi praktikal.

Konsep Sosialisme terhadap Hak Milik dan Harta Benda

Sebetulnya manusia berpusing-pusing di sekitar kesulitan-kesulitan atau masalah-masalah yang dihadapinya tanpa ketentuan yang tegas untuk mencari jalan keluar mengatasinya. Akan tetapi mereka yang beriman kepada Allah s.w.t. selalu mendapat bimbingan daripada-Nya untuk mendapat cara penyelesaian yang diredai-Nya. Allah adalah pencipta jagat raya dan seluruh makhluk. Maka hukuman Allah sahaja yang mutlak yang tidak terikat dengan ruang dan waktu.

Ucapan orang Islam pada tiap-tiap hari dan tiap-tiap kali sembahyang ialah:

اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ

Terjemahan: Tunjukkan kami jalan yang benar.

(Al-Fatihah, 1:6)

Kaum sosialis tidak percaya kepada hukum Allah, mereka percaya kepada hukum mereka. Kadang-kadang ahli-ahli fikir dengan segera menyedari bahawa jalan yang dilalui oleh masyarakat tidak betul, tetapi untuk membawa rakyat supaya menyimpang daripada jalan yang salah itu bukan mudah. Maka, muncullah ahli-ahli fikir yang berjuang daripada satu generasi kepada satu generasi, dan tibalah masanya rakyat ingin mengikut jalannya, tetapi sesudah beberapa generasi di bawa ke jalan yang baru, tiba-tiba baru disedari bahawa jalan ini pun salah juga. Kemudian dicari jalan yang baru pula. Demikianlah sejarah perjuangan manusia sejak berabad-abad yang lalu mencari cahaya harapan, seolah-olah seperti sebuah kereta yang berpusing-pusing di bulatan jalan yang besar!

Oleh sebab itu manusia memerlukan bimbingan daripada Allah yang Maha Mengetahui, kerana nilai-nilai yang ditentukan Allah sahaja yang asli dan selaras dengan kepentingan manusia.

Kira-kira setengah abad selepas Revolusi Perancis yang terkenal itu terasa oleh sebahagian ahli fikir bahawa kebebasan individu tanpa batas akan menimbulkan gejala-gejala buruk dan kekacauan fikiran dan huru hara dalam masyarakat. Gejala ini telah kita rasai dan lihat dalam masyarakat Eropah sekarang.

Pada abad yang berikutnya iaitu abad yang kesembilan belas, ketika wujud sistem penjajahan yang sangat menonjol di dunia ini, ketika itulah penjajah dan kapitalis besar di dunia ini menjadi raja yang sebenar dan menikmati segala kemewahan yang ada secara berlebihan. Fikiran kebebasan peribadi yang telah diperjuangkan pada mulanya untuk menentang penghambaan gereja sekarang telah menimbulkan penghambaan bentuk yang baru, pada masa dahulu gereja dan kaum feudal yang menekan dan menindas, se-

karang orang-orang kaya dan bapa-bapa kapitalis pula yang menindas dengan sewenang-wenangnya. Golongan kapitalis yang besar itulah yang mempengaruhi corak politik di negara-negara kapitalis.

Mereka berasa senang memperhambakan bangsa dan negara lain asal sahaja kekayaan mereka tetap bertambah. Bangsa-bangsa yang menindas itu di antaranya termasuklah Inggeris, Perancis, Belanda, Portugis, Sepanyol dan Belgium. Kebebasan individu atau peribadi sebenarnya berada pada orang-orang kaya sahaja sedangkan orang-orang lain adalah menjadi hamba kepada mereka. Keadaan yang tidak adil dan nyata pincang ini membawa perasaan dendam kesumat pada kebanyakan rakyat yang berjuang. Oleh kerana kelihatan kekuasaan berada di tangan mereka, yang masing-masing memiliki harta benda yang begitu banyak, maka timbullah reaksi atau teori baru yang hendak melucutkan hak milik. Itulah sebenarnya teori sosialisme yang berpunca pada penghapusan hak milik perseorangan, kerana hak milik yang banyak dan kebebasan individu yang tidak berbatas membawa kepada gejala yang buruk dalam masyarakat dan dunia. Teori sosialisme ini berpendapat bahawa manusia boleh mendapat harta sekadar yang diperlukannya sahaja dan mengikut jasanya yang disumbangkan kepada masyarakat.

Harta benda yang lain itu hendaklah dijadikan milik negara. Negara dianggap sebagai perbendaharaan umum yang menjadi tempat berkumpulnya harta benda kekayaan. Menurut teori ini, masyarakat, pemimpin dan rakyat adalah sama-sama tidak mempunyai hak milik. Cara sedemikian diharapkan dapat mengelakkan pengaruh harta benda daripada menjadi alat kekuasaan untuk menindas rakyat jelata. Jadi hak milik itulah yang dibatasi atau dihapuskan sama sekali agar masing-masing mendapat bahagiannya yang setimpal mengikut jasa atau sumbangannya terhadap masyarakat. Hak harta benda pada masyarakat yang memberi hak milik secara terbatas adalah berfungsi antara individu dan masyarakat, tetapi pada masyarakat yang menghapuskan hak milik sama sekali, maka hak milik itu ada di tangan negara.

Semua anggota masyarakat dikira sama rata tidak mempunyai hak milik. Semua anggota masyarakat sama rata tentang peluang-peluang pekerjaan, tidak memilih tingkatan masyarakat, sebab

memang tidak ada kelas-kelas. Semua anggota masyarakat sama-sama mendapat peluang pelajaran, kesihatan, jaminan sosial untuk hari tua, jaminan pengangguran dan keperluan-keperluan lain lagi. Semua pemberian negara bukanlah secara sukarela atau kebajikan bahkan adalah menjadi kewajipan negara, sebab semua anggota masyarakat telah bersetuju bahawa hak miliknya dipusatkan di tangan negara. Maka negaralah pemilik besar bagi sumber-sumber kekayaan dan segala harta benda.

Boleh jadi negara mengambil cukai dari rakyat. Dalam bidang ini kaum kapitalis dan sosialis adalah sama. Sosialisme bertujuan mengelakkan daripada penindasan harta benda terhadap manusia dan mencegah jatuhnya ke tangan segolongan kecil hingga dengan ini mereka mempunyai kekuasaan politik dan pengaruh fikiran, lantaran naluri, kemahuan manusia biasanya tidak pernah merasa cukup dengan apa yang ada.

Sosialisme adalah kesan balas dari kepitalisme dan sebagai pengganti kapitalisme dalam bidang pemerintahan dan pengarahan fikiran. Sosialisme menyusun hubungan anggota-anggota masyarakat di antara satu dengan lain, atau mengatur masyarakat itu sebagai satu kumpulan. Kebebasan individu dalam sistem sosialisme adalah sebahagian daripada kebebasan masyarakat. Masyarakat dalam sistem ini merupakan kesatuan anggota masyarakat tetapi dalam sistem kapitalis masyarakat adalah kumpulan dari persatuan-persatuan. Sistem sosialisme sebagai kesan balas dari kapitalisme hendak mengembalikan nilai manusia kepada manusia, bukan segala sesuatu diukur dengan harta benda belaka sebagaimana yang terdapat dalam kapitalisme.

Oleh sebab itu harta benda bukan dijadikan sebagai matlamat hidup, tetapi jasa manusia sebagai tanda kemanusiaan menjadi matlamat hidup. Nilai manusia bukan timbul dari berapa banyak harta bendanya, tetapi dari jasa dan karyanya dalam masyarakat. Walau bagaimanapun sosialisme masih mengharuskan *riba*.

Dalam sistem kapitalis kebebasan peribadi menjadi pokok utama, tetapi dalam sistem sosialis kemanusiaan dari manusia itu sendiri yang menjadi pokok utama.

Perbandingan di antara Islam dengan Sosialisme tentang Hak Milik dan Harta Benda

Berikut ini akan diterangkan sekilas pandangan tentang pokok-pokok perbezaan yang besar di antara konsep Islam dengan konsep sosialisme untuk menjadi perbandingan.

1. Islam memandang bahawa alam semesta adalah milik Allah. Allah s.w.t. yang mencipta dan Dialah yang berhak menentukan hukum-hukum yang mesti dipatuhi. Perkara yang dihalalkan oleh Allah hendaklah diterima dan perkara yang diharamkan hendaklah dijauhi. Al-Qur'an selalu mengingatkan bahawa alam semesta bukan sahaja milik Allah bahkan sentiasa di dalam kekuasaan-Nya. Allah s.w.t memberi milik harta benda kepada manusia sebagai milik amanah, yang akan dipertanggungjawabkan pada hari kiamat kelak. Pemilikan itu hendaklah digunakan dengan sederhana iaitu pada jalan-jalan yang halal.

   Orang sosialis tidak memikirkan sampai kepada akhirat; yang penting untuk mereka ialah menjaga harta benda jangan terjatuh ke dalam segelintir yang menyebabkan kan majoriti menderita. Untuk mencegahnya mereka berpendapat harta benda hendaklah dijadikan hak milik negara. Individu dalam masyarakat boleh memilik secara yang terbatas atau tidak boleh memiliki langsung.

2. Pengawasan yang utama dalam perlaksanaan undang-undang bagi orang Islam ialah pengawasan dari dalam diri sendiri. Setiap muslim berkongsi sebagai khalifah Allah di bumi untuk memakmurkan kehidupan. Hati setiap muslim sentiasa bertaut dengan Allah dan ditujukan untuk mencapai keredaannya. Maka, laku perbuatan dan tindakan orang muslim bertujuan untuk membina sedangkan bagi kaum sosialis pengawasan yang kuat datangnya dari luar manusia, iaitu undang-undang negara. Lambang mereka untuk negara, lambang muslim untuk mencapai keredaan Allah demi manfaat negara.

3. Tujuan melaksanakan peraturan Islam dalam aspek hak milik adalah sebagai pengabdian kepada Allah dan mengharapkan keredaan-Nya, kerana harta benda yang ada adalah amanah Allah di tangan orang yang memegangnya.

Oleh itu Allah menyebutnya berulang kali dalam al-Qur'an (terjemahan); *Sesuatu yang Kami rezekikan,* tujuannya agar manusia tidak lupa akan tanggungjawabnya kepada Allah. Orang sosialis tidak memikirkan perkara itu, hanya hal dunia yang difikirkannya. Sedangkan Islam memikirkan kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat.

4. Islam tidak membataskan hak milik seseorang. Hanya Islam menganjurkan pemilik harta supaya mengeluarkan zakat dan membelanjakannya kepada jalan kebajikan yang diredai Allah. Oleh yang demikian Islam melarang orang menimbunkan harta benda tanpa dibelanjakan kepada jalan yang disuruh Allah. Orang sosialis membataskan hak milik perseorangan atau menghapuskan hak ia milik sama sekali.

5. Islam menyuruh orang bekerja untuk mendapatkan harta benda asalkan kerja itu halal dan baik. Oleh yang demikian orang tidak dibenarkan mengambil riba. Dalam hal ini kaum sosialis pun sama, iaitu terlibat dengan riba.

6. Dalam Islam ada juga jenis-jenis sumber kekayaan yang boleh dikuasai oleh negara seperti padang rumput, sumber air dan api, pendeknya segala yang bersangkut paut dengan kepentingan umum dikuasai oleh negara. Dalam perkara ini terdapat titik persamaan antara Islam dengan sosialisme.

7. Dalam sejarah Islam pada zaman yang silam ada juga didapati tanah-tanah ladang yang dimiliki oleh kerajaan Islam, untuk menjaga generasi yang di belakang supaya jangan sampai ada di antara mereka yang tidak akan mendapat tanah. Hal ini berlaku kepada negeri Iraq ketika dikuasai oleh kaum muslimin dahulu. Dalam hal seperti ini mungkin ada persamaan dengan kaum sosialis, tetapi ini secara kebetulan sahaja.

8. Tentang jaminan kemasyarakatan terhadap orang cacat, orang lemah, orang yang ramai keluarga, anak yatim, Islam meletakkannya sebagai tanggungjawab negara. Da-

lam hal ini secara kebetulan juga ada titik persamaan di antara Islam dengan sosialisme, kerana Rasulullah ada bersabda: (*terjemahan*) *Sesiapa yang meninggal dunia mempunyai harta, maka hartanya dibahagikan kepada waris-warisnya, dan sesiapa yang meninggalkan orang lemah* (*cacat*) *atau orang yang tiada tempat pergantungan, bawalah kepadaku dan ke atasku!*

Perbezaan yang utama di antara Islam dengan sosialisme seperti yang dibentangkan dengan ringkas dibuat dengan tujuan untuk menjadi perhatian dan perbandingan kepada kita sekalian. Sebab kita mencari kebenaran, maka ternyata Islam itu adalah kebenaran yang dicari-cari oleh manusia.

Konsep Komunisme tentang Hak Milik dan Harta Benda

Sosialisme adalah satu perkataan yang mempunyai banyak pengertian, masing-masing menggunakannya mengikut pentafsiran orang yang memakainya. Orang yang paling bergiat menggerakkan fikiran terhadap pergerakan sosialis hingga menjadi suatu ideologi ialah Karl Marx iaitu pengarang buku *Das Kapital*, kemudian golongan sosialis berpecah kepada dua golongan. Golongan pertama ialah Marxis Leninis yang pendapatnya dianut di negara Rusia dan kemudian di negeri China. Sekarang ini muncul pula pertentangan pendapat di antara Rusia dengan China sehingga hubungan antara kedua-duanya menjadi tegang. Beginilah keadaan fikiran-fikiran ciptaan manusia yang selama-lamanya akan menimbulkan penafsiran dan perbezaan yang berlainan. Kedua-duanya mengaku sama-sama penganut Marx.

Golongan kedua ialah golongan sosialis demokratik. Inilah yang dianuti oleh Parti Buruh di Britain. Golongan pertama mengaku sebagai pengikut Karl Marx, beliau seorang bangsa Jerman dari keturunan darah Yahudi. Beliau dilahirkan pada tahun 1818. Beliau telah terpengaruh dengan pendapat Hegel, seorang ahli falsafah Jerman, sehingga pendapat ini telah membentukkan fikirannya. Walaupun beliau mempunyai Ijazah Ph.D tetapi Universiti Bonn tidak mahu menerimanya menjadi pensyarah. Sejak itulah timbul konflik dalam jiwanya kemudian dia bekerja sebagai wartawan. Beliau bersifat bongkak dan malas bekerja, selalu me-

minta wang dari bapanya. Beliau suka membuat kacau dan membuat fitnah terhadap rakan-rakannya. Beliau terpaksa meninggalkan negeri Jerman disebabkan bukunya mengenai sosialisme. Dia berhijrah ke Adies dan di sana beliau bergaul dengan pengacau-pengacau dan kaum buruh. Di Parislah beliau berkenalan dengan Engels bangsa Jerman juga. Mereka bersahabat baik kerana pendapat mereka sehaluan. Di Parislah mereka berusaha untuk mempraktikkan fikiran mereka, tetapi Karl Marx hanya berjaya menulis bukunya *Das Kapital* itu semasa beliau berada di London.

Akhirnya Karl Marx dan Engels mengadakan perhubungan dengan pertubuhan sulit yang ditubuhkan oleh kaum sosialis dan komunis dan mengeluarkan *Manifesto Komunis* yang terkenal itu. Kedua-dua rakan sejawat ini berasa sudah membina fikiran mereka dalam bentuk yang terakhir. Engels terus memperjuangkan fikiran Marx dalam tulisannya semasa Marx meninggal dunia pada tahun 1887. Fikiran yang terpenting dalam *manifesto komunis* antara lainnya:

1. Seruan kepada tidak mempercayai kepada Tuhan. Tidak ada Tuhan bagi alam ini. Semuanya yang ada hanya benda tetapi perkara ini tidak boleh dijelaskan kepada setengah-setengah suasana. Hal ini dirahsiakan.
2. Tafsiran ahli falsafah mengenai alam ini ada bermacam-macam. Yang terpenting mereka dapat merubah alam ini dengan revolusi dan pertentangan antara kasta atau kelas.
3. Sejarah adalah urutan evolusi masyarakat yang tidak berhenti-henti. Kita tafsirkan sejarah di atas dasar materialis ekonomi semata-mata tidak ada lain dari itu.
4. Pertentangan kasta atau kelas sebagai perkara mesti dan perkara semula jadi dan mesti dipindahkan hakikat ini kepada bidang-bidang yang lain seperti politik, falsafah, kehakiman, angkatan bersenjata dan agama.
5. Sistem produksi dalam masyarakat, itulah yang menentukan bentuk kemasyarakatan dan politik.
6. Sosialisme adalah pemecahan yang pasti bagi mengatasi persoalan-persoalan ekonomi dalam masyarakat. Milikan perseorangan, modal dan kerja perseorangan mesti di-

hapuskan supaya menjadi sifat bekerjasama.

7. Kaum *borjuis* (golongan menengah) mesti dihancurkan. Kapitalisme pada keadaan-keadaan tertentu dalam perjalanannya menjadi penghalang bagi kemajuan manusia. Pemerintah hendaklah dipegang oleh kaum buruh untuk membentuk masyarakat baru.
8. Apabila kaum buruh mendirikan pemerintah diktator buruh, barulah manusia benar-benar bebas dan merdeka. Ketika itulah keselamatan meliputi seluruh masyarakat. tiada lagi diancam oleh peperangan dan tidak ada pertentangan di antara kelas atau kasta.

Perkara yang dibentangkan oleh Marx dan Engels dalam *Manifesto Komunis* itu yang mesti sampai kepada cita-cita dengan jalan menggerakkan pertarungan kelas adalah seperti berikut:

1. Memiliknegarakan tanah-tanah dan menghapuskan hak milik individu.
2. Memiliknegarakan alat-alat pengangkutan dan menjadikan milik negara.
3. Memiliknegarakan alat-alat produksi dan kilang-kilang.
4. Menghapuskan hak-hak pusaka (pewarisan).
5. Merampas harta benda orang-orang yang meninggalkan negeri dan yang mengadakan pertentangan atau pemberontakan.
6. Memusatkan jaminan kewangan di tangan negara melalui Bank Nasional dengan modal negara dan monopoli urusan penjaminan.
7. Mewajibkan cukai berganda atas penghasilan.

Golongan ini menggelarkan anutan itu sebagai sosialisme ilmiah, untuk memindahkannya dari aliran-aliran sosialisme perubahan terhadap teori Marx supaya dapat dilaksanakan di Rusia, kerana teori-teori itu jika dilaksanakan juga mengikut asalnya akan membawa bencana ke atas Rusia. Oleh itu teori ini dinamakan *Marxisme Leninsme.*

Tentang sosialisme yang dianuti oleh Parti Buruh di England telah diterangkan dahulu. Fahaman itu berjalan dengan cara evo-

lusi tidak dengan revolusi, bertolak ansur tidak dengan cara kekerasan. Sosialisme Marxisme menggantikan ibadat kepada Allah dengan penghambaan diri kepada masyarakat atau negara. Kehidupan ekonomi adalah ganti dari kehidupan akhirat. Produksi sebagai ganti zuhud. Kilang dan ladang-ladang perusahaan sebagai ganti gereja. Ahli-ahli ekonomi sebagai ganti paderi. Begitulah seterusnya.

Di dunia ini manusia mesti menjadi satu, tidak ada perbezaan antara bangsa, bahasa dan keluarga. Ketika dihapuskan hak milik di Rusia dan ditetapkan hak golongan atau kumpulan pada tahun 1919 bertukarlah nama sosialisme yang menjiwai revolusi di Rusia pada tahun 1917 menjadi komunisme. Oleh sebab itu komunisme yang menentang kapitalisme dan demokrasi di Rusia adalah berlainan dengan sosialisme sederhana yang mengambil jalan tengah.

Komunisme telah menetapkan:

1. Hak milik harta benda di tangan umum. Tidak boleh orang perseorangan mempunyai sesuatu dan bebas menguruskannya untuk keperluan peribadi.
2. Agama mesti dihapuskan, menjadi faktor kemunduran dan menjadi penghalang untuk produksi. Individu-individu yang menganutnya tidak mempunyai kepentingan padanya, cuma dia sebagai dadah sama sahaja dengan jenis dadah yang lain. Kalau sudah menagihnya bererti merosakkan bangsa. Tidak ada yang timbul daripadanya kecuali malas, menyerah diri dan tidak menghadapi hidup ini dengan penuh semangat.

Tujuan Terakhir dari Falsafah dan Tujuan Terakhir dari Islam

Falsafah manusia hanya memikirkan hidup di dunia ini semata-mata. Jika ada kehidupan lain daripada kehidupan dunia ini tidak dapat lagi dicapai oleh fikiran manusia yang relatif dan terbatas itu. Oleh sebab itu kadang-kadang mereka sebut tidak mungkin ada. Sebenarnya bukan pengetahuan kita mengadakan yang ada menjadi ada, tetapi pengetahuan kita hanya mengajar yang sudah ada. Kalau pengetahuan kita sampai ke sana tahulah kita tentang adanya, tetapi sebelum sampai pengetahuan kita dia tetap

ada. Oleh itu manusia makhluk yang lemah memerlukan wahyu untuk memahami kehidupan akhirat yang ghaib itu.

Akal manusia mempunyai dua fungsi iaitu untuk memahami yang sedia ada yang dapat dicapai dan kedua untuk menerima pemberitahuan daripada Allah yang Maha Mengetahui. Sejarah kehidupan manusia bermula dari mati (tidak ada), dan kemudian kembali kepada Allah. Tidak ada seorang pun yang dapat mengelak daripada mati kerana mati sebagai suatu hakikat yang pasti dirasai oleh tiap-tiap yang hidup. Islam mengajarkan supaya manusia memperolehi kebahagiaan yang relatif di dunia dan kebahagiaan yang paling tinggi dan abadi di akhirat, lantaran kehidupan di dunia ini sekejap dan sedikit sahaja. Oleh sebab itu, selaras dengan norma akhlak yang mulia mulai dari iman sampai kepada budi pekerti yang baik adalah bertujuan untuk kebahagiaan di akhirat kelak.

Demikian juga dalam aspek hak milik dan harta benda, dalam kehidupan dunia ini Allah s.w.t menjadikan dua perkara yang bertentangan iaitu baik dan buruk, benar dan salah, hak dan batil begitulah seterusnya. Kedua-dua perkara itu tidak boleh bertemu. Kalau ada yang baik yang buruk terjauh, kalau ada yang hak maka yang batil akan tersingkir, begitu pula yang sebaliknya. Oleh sebab itu hidup di dunia ini tidak pernah berhenti dari perjuangan dan pergolakan. Jikalau ingin beristirahat dari perjuangan yang tidak terhenti itu hanya di akhirat sahaja.

Andai kata buruh sudah menguasai bumi Allah ini berbagai-bagai masalah tetap akan timbul. Mungkin Marx tidak dapat menggambarkan apakah masalah yang akan timbul. Namun itu tidak bermakna masalah tidak ada. Dunia tetap dunia, dunia merupakan urutan gerak dan peristiwa yang tidak habis-habis, kadang-kadang senang, kadang-kadang susah, kadang-kadang bangun, kadang-kadang rebah, kadang-kadang sakit, kadang-kadang ketawa dan kadang-kadang menangis. Begitulah seterusnya.

Manusia bukan benda, begitu juga kebahagiaan bukan benda. Oleh sebab itu, kebendaan bukan boleh membawa kepada kebahagiaan. Kita lihat ramai orang kaya raya hidup merana, dan kita lihat juga ramai orang yang hidup sederhana nampaknya bahagia. Kebahagiaan adalah sifat rohani yang dirasai oleh orang-orang

yang beriman kepada Allah, yang selalu menumpukan doanya kepada Allah s.w.t agar mereka diselamatkan di dunia dan di akhirat. Maka, imanlah yang menjadi faktor yang penting untuk menyuburkan perasaan bahagia. Allah s.w.t yang menjadikan jiwa manusia. Dialah sahaja yang dapat memberikan kebahagiaan kepada jiwa yang paling abstrak itu. Oleh sebab itu kebahagiaan tertinggi yang ditunggu adalah di syurga.

> *"Wahai Tuhan kami kurniakanlah kepada kami kesejahteraan di dunia dan kesejahteraan di akhirat dan hindarkanlah daripada kami akan keazaban api neraka."*

II

MU'AMALAT (KIRA BICARA) JUAL BELI, KHIYAR, RIBA DAN SALAM

Pendahuluan

Allah s.w.t. menjadikan umat manusia atas asas saling perlu di antara satu dengan lain. Tidak ada seorang pun yang boleh hidup bersendirian tanpa bantuan dari orang lain. Ada orang yang mempunyai setengah alat-alat kemudahan sedangkan orang lain tidak memilikinya, ada setengah-setengah orang yang mempunyai bahan makanan sedangkan setengah-setengahnya tidak mempunyainya. Ada orang yang mempunyai kemahiran tetapi tidak ada modal, begitulah sebaliknya. Demikianlah sistem kehidupan atau sunnah Allah di dunia ini.

Oleh yang demikian Allah s.w.t. telah memberi ilham kepada manusia agar bergaul dan saling bertukar ganti sama ada benda-benda, atau faedah-faedah atau jasa-jasa antara mereka baik dengan cara jual beli, pinjam-meminjam, upah-mengupah, sewa-menyewa, gadai-menggadai dan berbagai-bagai cara lagi yang dilakukan dalam kehidupan sehari-hari.

Tujuannya semata-mata untuk memperkemaskan dan melicinkan urusan kehidupan supaya dengan jalan itu manusia dapat menghindarkan kesulitan-kesulitan yang timbul dalam kehidupan manusia dari semasa ke semasa.

Oleh kerana Allah s.w.t. hendak memajukan kehidupan manusia menurut erti kata yang sebenar, maka Allah telah menetap-

kan beberapa dasar yang dapat dijadikan panduan dan bimbingan oleh umat manusia. Dengan dasar-dasar itu dapatlah manusia mengatur cara hidup mereka menurut lunas-lunas yang baik agar mereka dapat melaksanakan corak kehidupan dan aliran tamadun yang diredai Allah dan Rasul-Nya.

Ketika Rasulullah s.a.w. diutuskan ke dunia memang masyarakat Arab telah menjalankan berbagai-bagai cara kira bicara atau urusan hidup, lalu Rasulullah mengakui setengah-setengah cara mereka yang baik yang tidak bertentangan dengan lunas-lunas Islam dan sebaliknya membatalkan setengah-setengah cara mereka itu, kerana tidak menepati kehendak Allah.

Maka, *mu'amalat* atau kira bicara Islam ialah merangkumi tukar-menukar antara barang atau sesuatu yang memberi manfaat dengan cara yang ditentukan seperti jual-beli, sewa-menyewa, upah-mengupah, pinjam-meminjam, urusan bercucuk tanam, berkongsi dan sebagainya.

Jual Beli

Takrifnya: Tukar menukar suatu barang dengan barang atau wang mengikut cara-cara yang tertentu (*'aqad*). Firman Allah:

وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلْبَيْعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰا

Terjemahan: Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

(*Al-Baqarah, 2:275*)

لَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ إِلَّآ أَن تَكُونَ تِجَٰرَةً عَن تَرَاضٍ مِّنكُمْ

Terjemahan: Janganlah kamu makan harta di antara kamu dengan cara yang batil melainkan dengan cara jual beli yang berdasarkan suka sama suka.

(*Al-Nisa', 4:29*)

Rukun jual beli:

1. Penjual dan pembeli
2. Wang dan benda atau barangan yang dibeli.
3. Ijab dan qabul.

1. Penjual dan pembeli: Syarat kedua-duanya:

   i. Berakal, supaya kedua-duanya tidak tertipu. Orang yang gila atau bodoh tidak sah jual belinya.
   ii. Dengan kemahuan sendiri yakni bukan dipaksa.
   iii. Keadaannya tidak membazir (pemboros); kerana harta orang yang membazir itu di tangan walinya.
   iv. *Baligh* (cukup umur). Anak kecil tidak sah jual belinya, tetapi kanak-kanak yang sudah mengerti walhal belum sampai umur baligh, menurut pendapat setengah-setengah ulama bahawa mereka dibolehkan berjual beli tentang barang-barang yang kecil, kerana jika tidak dibolehkan sudah tentu akan timbul kesulitan dan kesukaran pada waktu-waktu tertentu, sedangkan agama Islam tidak sekali-kali mengadakan aturan yang mendatangkan kesulitan kepada penganut-penganutnya.
2. Wang dan benda yang dibeli: Syarat kedua-duanya:

   i. Suci. Benda atau barangan yang najis tidak sah dijual dan tidak boleh dijadikan harta untuk dibelikan seperti kulit bangkai yang belum disamak dan sebagainya.
   ii. Ada manfaatnya. Maka tidak boleh menjual suatu benda atau barangan yang tidak ada manfaatnya dan mengambil tukarannya dilarang juga, kerana termasuk ke dalam erti mensia-siakan harta yang dilarang di dalam kitab suci.
   iii. Keadaan benda atau barangan itu dapat diserahkan. maka tidak sah menjual satu benda atau barangan yang tidak dapat diserahkan kepada pembelinya, seperti ikan di dalam kolam atau sungai atau burung di angkasa dan sebagainya.

iv. Keadaan benda atau barangan kepunyaan yang menjual atau kepunyaan yang diwakilinya. Sabda Rasulullah s.a.w (terjemahan): *Tidak sah jual beli melainkan pada barang yang dimiliki.*

v. Benda atau barangan itu diketahui oleh penjual dan pembeli dengan jelas tentang zat, bentuk, kadar dan sifat-sifatnya supaya tidak menimbulkan kekeliruan kekecohan antara kedua-duanya.

3. *Ijab* dan *qabul*: Lafaz yakni perkataan *ijab* dan *qabul* (menetap dan menerima). *Ijab* perkataan, penjual seperti dia mengatakan *"Saya jualkan barang ini dengan harga sekian,"* manakala *qabul* pula seperti kata pembeli *"Saya terima atau membeli barang tersebut dengan harga sekian."* Perkara ini adalah berdasarkan Hadith Rasulullah s.a.w.

إِنَّمَا الْبَيْعُ عَنْ تَرَاضٍ

Terjemahan: Sesungguhnya jual beli itu sah jika suka sama suka.

(*Riwayat Ibn Hibban*)

Sedangkan suka sama suka atau rela sama rela itu tidak ternyata diketahui melainkan dengan perkataan yang menunjukkan kerelaan di antara mereka. Inilah pendapat *Jumhur 'Ulama'* tetapi menurut pendapat setengah ulama seperti al-Nawawi, Mutawalli dan al-Baghawi mengatakan bahawa lafaz itu tidak menjadi rukun hanya menurut adat kebiasaan sahaja, apabila adat telah berlaku yang seperti itu dipandang sebagai jual beli, maka itu sudah cukup kerana tidak ada satu dalil yang terang untuk mewajibkan lafaz *ijab* dan *qabul.*

Jual Beli yang Diharamkan

1. Jual benda-benda atau barangan yang haram adalah haram: Tiap-tiap hasilnya itu akan mendatangkan keburukan. Maka menjual atau memperdagangkan benda atau barangan itu

adalah haram, misalnya babi, arak, candu dan makanan atau minuman yang diharamkan oleh syara' atau patung dan sebagainya, kerana jika dibenarkan menjual dan memperdagangkan benda-benda atau barangan tersebut bermaknalah sama-sama membesarkan maksiat atau menggalakkan orang lain menggunakannya atau memberi kemudahan kepada orang lain untuk menjalankan maksiat. Dalilnya Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّ اللّٰهَ وَرَسُوْلَهُ حَرَّمَ بَيْعَ الْخَمْرِ وَالْمَيْتَةِ وَالْخِنْزِيْرِ وَالْأَصْنَامِ ، وَقَالَ إِنَّ اللّٰهَ إِذَا حَرَّمَ شَيْئًا حَرَّمَ ثَمَنَهُ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya melarang menjual arak, bangkai, babi dan patung-patung selepas itu baginda berkata: Sesungguhnya apabila Allah mengharamkan sesuatu maka diharamkan harganya.

(*Riwayat Imam Ahmad, Abu Daud*)

2. Menepati dengan tujuan ini diharamkan orang Islam menjual benih keturunan yang ada di dalam alat jantina binatang yang jantan atau benih keturunan binatang yang masih dalam rahim betina. Dalilnya:

عَنْ جَابِرٍ أَنَّ النَّبِىَ صلعم نَهَى عَنْ بَيْعِ ضُرَابِ الْفَحْلِ

Terjemahan: Jabir meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. melarang daripada menjual air jantan.

(*Riwayat Muslim dan al-Nasai*)

3. Islam melarang menjual burung di udara atau ikan di dalam air atau sebarang benda yang mengandungi makna penipuan. Ini diriwayatkan dalam Hadith Rasulullah s.a.w. dan lainnya.

4. Islam melarang menjual buah-buahan di atas pokok yang masih putik dan belum sesuai untuk dimakan, kecuali setelah ma-

sak atau sudah tua, kerana ada kemungkinan perbuatan itu akan mencetuskan perbalahan dan kezaliman. Dalilnya ialah:

عَنْ ابْنِ عُمَرْ نَهَى النَّبِيُّ صلعم عَنْ بَيْعِ الثِّمَارِ حَتَّى يَبْدُوْ صَلاَحُهَا

Terjemahan: Ibn Umar meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. telah melarang menjual buah-buahan sehingga ternyata masaknya atau tuanya.

(*Hadith ini dipersetujui oleh Imam al-Bukhari dan Muslim*)

5. Islam melarang membeli barang yang sudah dibeli oleh orang lain yang masih dalam masa khiar (pilihannya). Dalilnya sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هريرة رضي الله عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهُ صلعم: لاَيَبِعْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ أَخِيْهِ

Terjemahan: Abu Hurairah berkata bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Jangan menjual seorang akan suatu barang yang sudah dibeli oleh orang lainnya.

6. Islam melarang menghambat orang-orang dari desa di luar kota dan membeli barang mereka sebelum sampai ke pasar, dan mereka pada waktu itu belum mengetahui harganya yang sebenarnya, kerana sikap ini boleh merugikan pihak penjual. Dalilnya:

عن ابن عباس رضي الله عنه قال: قَالَ رَسُوْلُ اللهُ صلعم لاَتَتَلَقَّوْا الرُّكْبَانَ

Terjemahan: Ibn Abbas berkata: Bahawa Rasulullah telah bersabda. "Jangan kamu menghambat orang-orang yang akan ke pasar di tengah jalan sebelum mereka sampai ke sana."

7. Orang monopoli محتكر dilaknat Allah: Walaupun Islam telah menjamin hak kebebasan kepada tiap-tiap orang tentang menjual, dan membeli serta persaingan yang sihat dalam perda-

gangan, tetapi Islam mengutuk sikap pedagang yang memonopoli barang-barang keperluan rakyat tanpa memikirkan *maslahat* mereka itu, cuma semata-mata mencari untung buat diri sendiri, iaitu dengan cara menyimpan barang-barang keperluan rakyat di dalam kedai buat sementara untuk dinaikkan harganya dengan sewenang-wenangnya, maka pedagang itu dilaknat Allah. Dalilnya Rasulullah telah bersabda:

مَنْ إِحْتَكَرَ الطَّعَامَ أَرْبَعِيْنَ لَيْلَةً فَقَدْ بَرِيَ مِنَ اللهِ وَبَرِئَ اللهُ مِنْهُ

Terjemahan: Sesiapa yang monopoli barang makanan selama 40 malam, maka terlepaslah ia daripada Allah dan Allah terlepas daripadanya.

(*Riwayat Imam Ahmad, al-Hakim dan al-Bazzar*)

لاَيَحْتَكِرُ إِلاَّ خَاطِئٌ

Terjemahan: Tidak monopoli kecuali orang yang bersalah.

(*Riwayat Imam Muslim*)

Perkataan bersalah dalam Hadith ini bukanlah bermakna dosa kecil, bahkan perkataan berat yang kesan untuk mengkritik orang yang melakukan kesalahan besar. Demikian juga perkataan ***khati'*** telah digunakan di dalam al-Qur'an di masa mengecam Firaun dan Haman dengan tentera-tentera mereka. Firman Allah:

إِنَّ فِرْعَوْنَ وَهَامَانَ وَجُنُوْدَهُمَا كَانُوْا خَاطِئِيْنَ

Terjemahan: Sesungguhnya Fir'aun dan Haman serta tentera-tentera mereka adalah bersalah.

(*Al-Qasas, 28:8*)

Junjungan kita telah membongkar rahsia hati kaum kapitalis atau kaum monopoli. Sabdanya:

بِئْسَ الْعَبْدُ الْمُحْتَكِرُ، إِنْ سَمِعَ بِرُخَصٍ سَاءَ وَإِنْ سَمِعَ بِغَلاَءٍ فَرِحَ

Terjemahan: Hamba yang monopoli sangat buruk, jika ia mendengar dengan kemurahannya (harga barang) nescaya kecewa dan jika ia mendapat dengan kenaikan harga lalu ia suka.

(*Disebutkan oleh Ruzain dalam kitabnya*)

Jika kita siasat perjalanan pasar dan sikap pedagang-pedagang yang menjalankan usaha mereka untuk mencari rezeki, kita dapati mereka melakukannya dengan dua cara:

Pertama: Pedagang-pedagang menyembunyikan barang-barang keperluan asasi di dalam gudang (stor) sehingga ke waktu yang tertentu untuk dijualkan dengan harga yang tinggi. Ketika pelanggan-pelanggan datang dikatakan barang-barang sudah habis dan apabila datang orang-orang yang sangat memerlukan barang-barang asasi dijualkannya dengan harga yang berlipat ganda. Sikap seperti ini sikap yang melampaui batas. Inilah sikap kaum kapitalis yang tamak haloba untuk menjadi kaya raya dengan cepat.

Kedua: Pedagang-pedagang yang mengimport barang-barang keperluan, lalu dijualnya terus-menerus dengan keuntungan yang kecil atau munasabah, kemudian diimport lagi dan dijualnya terus-menerus. Maka sikap pedagang seperti ini adalah dipuji kerana ia memberi manfaat kepada orang ramai, dan ia dipuji oleh Allah. Sabda Rasulullah:

الْجَالِبُ مَرْزُوْقٌ وَالْمُحْتَكِرُ مَلْعُوْنٌ

Terjemahan: Pengimport itu diberkati dan yang monopoli (yang menyorok) itu dilaknatkan.

(*Riwayat Imam Ahmad dan al-Tabrani*)

8. Islam melarang jual beli menipu sama ada dalam urusan jual beli itu ada penipuan, baik dari pembeli atau dari penjual atau terhadap keadaan barangnya, sukatan atau ukurannya. Sabda Rasulullah s.a.w.:

عن أبي هريرة رضي الله عنه، أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صلعم مَرَّ عَلى صِبْرَةِ طَعَامٍ

فَأَدْخَلَ يَدَهُ فِيْهَا فَنَالَتْ أَصَابِعُهُ بَلَلاً فَقَالَ: مَاهَذَا يَاصَاحِبَ الطَّعَامِ؟
قَالَ أَصَابَتْهُ السَّمَاءُ يَارَسُوْلَ اللهِ، قَالَ: أَفَلاَ جَعَلْتَهُ فَوْقَ الطَّعَامِ كَيْ
يَرَاهُ النَّاسُ مَنْ غَشَّ فَلَيْسَ مِنِّي.

Terjemahan: Diriwayatkan dari Abu Hurairah: Katanya bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersua dengan satu longgokan (timbunan) makanan yang hendak dijual, lalu baginda memasukkan tangannya ke dalam longgokan itu, tiba-tiba jarinya terasa basah, lalu dikeluarkan jarinya yang basah itu serta berkata: Apakah ini? Jawab tuan punya makanan: Basah kerana hujan wahai Rasulullah. Baginda bersabda: Mengapakah engkau tidak letakkan di atas supaya dapat dilihat orang? Kemudian beliau berkata lagi dengan ancaman terhadap tuan punya makanan tadi: Sesiapa yang mengecoh, maka ia bukan umatku.

(*Riwayat Imam Muslim*)

Dalam Hadith di atas ternyatalah bahawa menipu itu haram yakni dosa besar dalam Islam dan perbuatan itu sangat dicela, kerana menyalahi dasar agama dan lunas-lunas kesusilaan serta perikemanusiaan.

9. Mengurangkan sukatan dan timbangan. Di antara corak penipuan dan kekecohan ialah mengurangkan sukatan dan timbangan. Oleh kerana perkara ini selalu terjadi dalam dunia perniagaan, maka Allah s.w.t. sangat memandang berat terhadap masalah ini dan dijadikan satu daripada sepuluh pesanan yang termantap di akhir surat al-An'am. Firman Allah:

وَأَوْفُوا الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ لاَنُكَلِّفُ نَفْسًا إِلاَّ وُسْعَهَا

Terjemahan: Dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil. —Kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajipan melainkan sekadar kesanggupannya.

(*Al-An'am, 6:152*)

وَأَوْفُوا۟ ٱلْكَيْلَ إِذَا كِلْتُمْ وَزِنُوا۟ بِٱلْقِسْطَاسِ ٱلْمُسْتَقِيمِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Terjemahan: Dan sempurnakanlah sukatan apabila kamu menyukat, dan timbanglah dengan timbangan yang adil, yang demikian itu baik (kesannya bagi kamu di dunia) dan sebaik-baik kesudahan (yang mendatangkan pahala di akhirat kelak).

(*Al-Isra', 17:35*)

Allah telah memperuntukkan satu surah dalam al-Qur'an al-Karim yang dinamakan dengan surah *al-Mutaffifin* (mengurangkan timbangan atau sukatan) untuk diteliti dan dinafi oleh kaum muslimin bagaimana akibat mereka di akhirat kelak. Oleh itu mereka perlu menyukat dan menimbang dengan betul. Firman Allah:

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ٱلَّذِينَ إِذَا ٱكْتَالُوا۟ عَلَى ٱلنَّاسِ يَسْتَوْفُونَ وَإِذَا كَالُوهُمْ أَو وَّزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ ٣ أَلَا يَظُنُّ أُو۟لَٰٓئِكَ أَنَّهُم مَّبْعُوثُونَ لِيَوْمٍ عَظِيمٍ يَوْمَ يَقُومُ ٱلنَّاسُ لِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ

Terjemahan: Kecelakaan besar kepada orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan). (Iaitu) mereka yang apabila menerima sukatan (gantang-cupak) dari orang lain, mereka mengambilnya dengan cukup. Dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurang. Tidakkah mereka menyangka bahawa mereka akan dibangkitkan? Pada hari (qiamat) yang amat besar (huru-haranya). Hari berdiri manusia untuk mengadap Tuhan sekalian alam.

(*Al-Mutaffifin, 83:1–6*)

Khiyar (pilihan)

Khiyar maknanya pilihan yakni boleh memilih antara dua: meneruskan 'aqad jual beli atau membatalkannya. Hikmat diada-

kan khiyar ini ialah untuk menjaga kepentingan penjual dan pembeli dengan memandangkan kemaslahatan masing-masing dengan halus supaya tidak terjadi penyesalan kelak.

Khiyar atau pilihan itu ada tiga jenis:

1. *Khiyar majlis:* Ertinya pembeli dan penjual boleh memilih antara dua perkara di atas selama masa kedua-duanya masih tetap ditempat jual beli. Khiyar majlis ini diharuskan dalam semua jual beli. Sabda Rasulullah s.a.w. (terjemahan):

> ***Dua orang yang berjualan harus memilih akan meneruskan jual beli mereka atau tidak, selama masa keduanya belum berpisah daripada tempat 'aqad.***

i. Tempoh khiyar majlis habis apabila: Kedua-duanya memilih akan terus 'aqad. Apabila memilih salah seorang daripada kedua-duanya akan terus 'aqad, maka habislah pilihan dari pihaknya, tetapi pihak yang lain masih tetap.

ii. Dengan berpisah kedua-duanya dari tempat jual beli, erti berpisah menurut adat kebiasaan. Apabila adat menghukum bahawa keadaan kedua-duanya sudah berpisah tetaplah jual beli antara keduanya. Kalau adat mengatakan belum berpisah masih terbuka pintu pilihan antara kedua-duanya.

2. *Khiyar syarat*: Khiyar syarat maksudnya dijadikan syarat sewaktu 'aqad oleh kedua-duanya atau salah seorang seperti kata penjual, *"Saya jual barang ini dengan harga sekian dengan syarat pilihan dalam tempoh tiga hari atau kurang daripada itu"*

Khiyar syarat harus dilakukan dalam segala jenis jual beli, kecuali barang yang dapat diterima di tempat jual beli seperti barang-barang yang riba. Tempoh pilihan syarat paling lama hanya tiga hari tiga malam yang bermula dari waktu 'aqad. Dalilnya sabda Rasulullah s.a.w.

Terjemahan: Engkau boleh khiyar pada segala barang yang telah engkau beli selama tiga hari tiga malam.

(*Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim*)

Benda atau barang yang dijual itu seperti dalam masa pilihan menjadi kepunyaan orang yang mensyaratkan pilihan, jika yang khiyar itu hanya salah seorang daripada mereka, tetapi kalau kedua-duanya mensyaratkan khiyar, maka barang itu ditawaqqufkan (ditangguhkan ketentuannya) sahaja dahulu (tidak dipunyai oleh seorang pun daripada keduanya).

Jikalau jual beli sudah tetap barulah diketahui bahawa barang itu kepunyaan pembeli mulai dari masa *'aqad*, tetapi jikalau jual beli tidak terus, maka barang tetap kepunyaan penjual. Untuk meneruskan jual beli atau tidak hendaklah dilakukan dengan lafaz yang jelas yang menunjukkan terus atau tidak jual beli itu.

3. *Pilihan keaiban* (*kecacatan*): Maksud pilihan yang ketiga ini, pembeli boleh memulangkan barang yang dibelinya apabila terdapat pada barang yang dibeli itu suatu kecacatan yang mengurangkan akan yang dimaksudkan pada barang itu atau mengurangkan harganya, sedang pada kebiasaannya barang seperti itu baik dan didapati kecacatan itu sudah ada tetapi pembeli tidak tahu atau terjadi sesudah *'aqad*, iaitu sebelum diterimanya. Dalilnya sabda Rasulullah s.a.w.

رَوَتْ عَائِشَةُ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَجُلاً اِبْتَاعَ غُلاَمًا فَأَقَامَ عِنْدَهُ مَاشَآءَ اللهُ
ثُمَّ وَجَدَبِهِ عَيْبًا فَخَاصَمَهُ اِلَى النَّبِيِ صلعم فَرَدَّهُ عَلَيْهِ.

Terjemahan: (*'Aisyah*) *telah meriwayatkan bahawa seseorang lelaki telah membeli seorang budak, budak itu tinggal beberapa ketika dengannya, kemudian kedapatan bahawa budak itu ada cacatnya, lalu dikemukakannya perkara itu kepada Rasulullah s.a.w. Keputusannya dari beliau, budak itu dikembalikan kepada penjual.*

(*Riwayat Imam Ahmad, Abu Daud dan al-Tirmizi*)

Riba

Perkataan riba dalam bahasa Arab bermakna lebih atau bertambah. Pengertiannya dalam syara' ialah 'aqad yang terjadi dengan penukaran yang tertentu, tidak diketahui sama atau tidaknya menurut aturan syara' atau terlambat menerimanya.

Jenis-jenis Riba

Menurut setengah-setengah pendapat ulama, riba ada empat jenis:

1. *Riba al-Fadl* (الفضل) (menukarkan dua barang yang sejenis dengan tidak sama).
2. *Riba al-Qirad* (القراض) (meminjam dengan syarat ada keuntungan bagi yang mempiutangi).
3. *Riba al-Yad* (اليد) (berpisah dari tempat akad sebelum timbang terima).
4. *Riba al-Nasi'ah* (النسيئة) (penukaran yang disyaratkan terlambat salah satu dua barang).

Ada ulama yang membahagikan riba kepada tiga jenis sahaja iaitu:

1. Riba al-Fadl.
2. Riba al-Yad dan riba al-Nasi'ah.
3. Riba al-Qirad termasuk riba al-Nasi'ah.

Barang atau benda yang boleh berlaku riba ialah emas, perak dan makanan yang mengenyangkan atau yang berguna untuk mengenyangkan seperti garam. Tindakan jual beli terhadap perkara yang di atas, kalau sama jenisnya seperti emas dengan emas, gandum dengan gandum, beras dengan beras, maka di syaratkan dengan tiga syarat:

1. Tunai.
2. Timbang terima.
3. Sama timbangan atau sukatannya.

Akan tetapi berlainan jenisnya, satu *'illah* (علة) ribanya seperti emas dengan perak, boleh tidak sama timbangannya atau sukatannya, tetapi mesti dengan jalan tunai dan ada timbang

terima. Kalau berlainan jenis dan *'illah* ribanya seperti perak dengan beras boleh dijual dengan apa cara sahaja seperti barang-barang yang lain yakni tidak disyaratkan suatu syarat daripada yang tiga itu. Rasulullah s.a.w. bersabda:

عَنْ عُبَّادَةَ بْنِ الصَّامِتِ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ: الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيْرُ بِالشَّعِيْرِ وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ مِثْلاً بِمِثْلٍ سَوَاءً بِسَوَاءٍ يَدًا بِيَدٍ، فَاِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَبِيْعُوْا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ"

Terjemahannya: 'Ubadah bin al-Samit meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda: Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, syair dengan syair, korma dengan korma, garam dengan garam, hendaklah sama banyaknya, tunai dan timbang terima, apabila berlainan jenisnya boleh kamu jual sekehendakmu, asalkan tunai.

(*Riwayat Imam Muslim dan Ahmad*)

Pengharaman Riba

Islam menghalalkan penanaman modal dengan jalan perdagangan atau perniagaan. Firman Allah:

يَأَيُّهَاالَّذِينَ ءَامَنُوا لاَتَأْكُلُوٓاأَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ إِلاَّ أَن تَكُونَ تِجَٰرَةً عَن تَرَاضٍ مِّنكُمْ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan (menggunakan) harta-harta kamu di antara kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan (jalan) perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.

(*al-Nisa', 4:29*)

Dalam ayat yang lain Allah memuji orang yang menjelajah di dalam negeri atau di luar untuk tujuan perniagaan. Firman Allah:

وَءَاخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِي ٱلْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ

Terjemahan: Dan yang lainnya orang-orang yang musafir di bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah.

(*Al-Muzammil, 73:20*)

Akan tetapi Islam menutup sebarang pintu ke atas orang yang berusaha menanam atau melaburkan modalnya dengan cara riba. Maka, diharamkan cara ini sama ada banyak atau sedikit. Islam mengancam kaum Yahudi yang mengambil riba walhal riba itu diharamkan ke atas mereka. Dalam surah al-Baqarah terdapat firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَذَرُوا۟ مَا بَقِىَ مِنَ ٱلرِّبَوٰٓا۟ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا۟ فَأْذَنُوا۟ بِحَرْبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَإِن تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَٰلِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika (benar) kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan ada peperangan dari Allah dan Rasul-Nya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu (dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.

(*Al-Baqarah, 2:278-9*)

Seterusnya Allah mengisytiharkan perang ke atas golongan yang mengamalkam riba dan menerangkan peribahayanya ter-

hadap masyarakat. Sabda Rasullullah s.a.w.:

إِذَا ظَهَرَ الرِّبَا وَالزِّنَا فِى قَرْيَةٍ فَقَدْ أَحَلُّوا بِأَنْفُسِهِمْ عَذَابَ اللهِ

Terjemahan: Apabila riba dan zina menjadi-jadi di sebuah kampung (negeri) maka sesungguhnya mereka telah membenarkan mereka itu diazab oleh Allah.

(*Riwayat al-Hakim dan Abu Ya'ali dengan sanadnya yang baik*)

Sikap Islam terhadap pengharaman riba itu bukanlah persoalan baru, bahkan pengharam itu memang wujud dalam syari'at-syari'at Allah yang terdahulu, sehinggakan dalam syari'at Yahudi ada tercatat (terjemahan):

Apabila saudara kamu berhajat hendaklah menanggungnya, jangan kamu meminta keuntungan dan faedah daripadanya.

Seterusnya dalam syari'at Nasrani ada tersebut dalam *Injil Luqa* (*terjemahan*):

Buatlah kamu akan kebajikan dan beri pinjamlah tanpa menunggu faedahnya, maka pahala kamu adalah besar.

Akan tetapi ada penyelewengan yang telah berlaku dalam syari'at Yahudi selepas daripada itu iaitu perkataan *akhuka* (أخوك) itu ditafsirkan khusus kepada kaum Yahudi sahaja, dan dicatat dalam kitab *"Sifra Tathniyat al-Isytira"* yang bermaksud:

Bagi orang-orang asing boleh kamu meminjamkan dengan riba, tetapi bagi saudaramu janganlah kamu pinjamkan dengan jalan riba.

Hikmat Pengharaman Riha

Islam memandang berat terhadap riba dan mengharamkannya dengan cukup tegas dengan tujuan untuk mengawal dan memelihara kepentingan manusia selı ruhnya sama ada dari segi akhlak, kemasyarakat dan ekonomi. Ulama Islam telah menyebut beberapa

rahsia tentang pengharamannya.

Di sini akan diterangkan pendapat Imam al-Razi dalam kitab tafsirnya.

1. Bahawa riba itu bermakna mengambil harta manusia tanpa ganti. Orang yang menjual mata wangnya sebanyak satu dirham dengan dua dirham bermakna pihak pengambil mendapat lebih satu dirham tanpa ganti (tukaran) pada hal harta manusia itu adalah keperluannya yang mutlak yang mempunyai kehormatan. Ini telah dinyatakan dalam Hadith:

حُرْمَةُ مَالِ الْإِنْسَانِ كَحُرْمَةِ دَمِهِ

Terjemahan: Kehormatan harta manusia itu serupa dengan kehormatan darahnya.

Maka mengambil hartanya tanpa gantian adalah haram sama seperti menghisap darahnya.

2. Bahawa berpegang pada riba boleh menghalangkan manusia daripada mencari nafkahnya dengan jalan membina, sebab pemakan riba yang memberi pinjam satu dirham mendapat satu dirham yang lebih dengan jalan riba. Jadi ia berasa senang mendapat yang lebih. Maka ia tidak perlu berusaha untuk berjuang mencari nafkah lagi sumber-sumber kehidupan yang membina seperti menggunakan tenaga atau berdagang atau membuka perusahaan yang boleh mendatangkan faedah bersama kepada masyarakat. Maka, dengan demikian terputuslah maslahat makhluk lain atau orang lain. Sebagaimana telah maklum bahawa dunia seluruhnya bergantung pada perdagangan, perindustrian, pertukangan dan pembinaan.
3. Riba boleh membawa terputus kebajikan di antara orang ramai dalam masalah pinjaman, kerana pengharaman riba boleh memperbaiki jiwa dan perasaan manusia, sebab peminjam itu mendapat balik wangnya tanpa lebih dan tanpa kurang. Sebaliknya jika dihalalkan riba bermakna

si peminjam yang mengambil satu dirham terpaksa membayar balik dua dirham. Ini membawa terputusnya nilai-nilai kebajikan, tolong-menolong dan kerjasama di antara orang ramai. Pendapat ini memang selaras dengan aliran ilmu akhlak.

4. Menurut kebiasaan bahawa yang memberi pinjam itu orang kaya atau orang yang mampu manakala orang yang berhutang biasanya orang miskin atau orang yang tidak mampu. Maka orang yang mengharuskan riba itu bermakna membuka peluang kepada orang kaya untuk mengambil faedah daripada orang yang miskin dan lemah. Keadaan ini tidak selaras dengan kerahmatan Allah Yang Maha Pemurah lagi Pengasih. Rasulullah s.a.w. telah bersabda.

عَنْ جَابِرٍ لَعَنَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ آكِلَ الرِّبَا وَمُوَكِّلَهُ وَكَاتِبَهُ وَشَاهِدَيْهِ

Terjemahan: Jabir telah meriwayatkan bahawa Rasulullah telah melaknatkan orang yang makan riba, orang berwakil daripadanya, penulisnya dan dua saksinya.

(*Riwayat Imam Muslim*)

Jual Salam (Jual Beli Tempah)

Salam ertinya menjual sesuatu barangan yang tidak dilihat zatnya, hanya ditentukan dengan sifat; barangan itu ada dalam peng akuan atau tanggungan si penjual. Misalnya kata si penjual, *"Saya jual kepada kamu sebuah kereta baru jenis Proton Saga, 1300 cc, warna putih, empat pintu, dengan harta $13,000 ringgit Malaysia."* lalu kata pembeli, *"Saya beli motokar dengan sifat-sifat tersebut dengan harga $13,000."* Lalu dia membayar wangnya pada waktu 'aqad itu, tetapi motokar belum ada. Jadi salam ini bermakna jual beli hutang dari pihak si penjual dan tunai dari pihak pembeli, sebab wangnya telah dibayar.

Rahsia Salam

Orang yang menjalankan perusahaan sering kali memerlukan wang untuk keperluan perusahaannya, kadang-kadang ia menghadapi kesulitan untuk menjalankan perusahaannya kerana kekurangan wang atau modal. Padahal pihak pembeli selain mendapat barangan yang sesuai dengan kemahuannya bererti telah menolong akan kemajuan perusahaan saudaranya. Maka untuk kepentingan tersebut Islam mengadakan peraturan Jual Salam.

Rukun Salam:

1. Penjual dan pembeli.
2. Barang dan wang.
3. Lafaz 'aqad.

Syarat Salam:

1. Wang harganya hendaklah dibayar di majlis 'aqad.
2. Barangannya menjadi hutang ke atas penjual.
3. Barangannya dapat diberikan atau diserahkan sewaktu perjanjiannya tiba, maknanya pada waktu yang dijanjikan biasanya barangan itu telah ada.
4. Barangan itu hendaklah jelas ukurannya, baik dengan sukatan atau timbangan atau ukuran atau bilangan. Ini menurut kebiasaan cara-cara menjual barangan semacam itu.
5. Diketahui dan disebutkan sifat-sifat barangannya satu persatu.
6. Disebutkan tempat menerimanya.

Dalil yang menunjukkan keharusannya: Kata Ibn 'Abbas r.a., ketika Rasulullah s.a.w. datang ke Madinah baginda mendapati orang Islam di sini telah menempah atau mengeluarkan buah-buahan semasa setahun atau dua iaitu mereka membayar tunai harganya untuk memperolehi buah-buahan selepas daripada setahun atau dua tahun. Maka baginda bersabda:

يَدُاللهِ عَلَى الشَّرِيْكَيْنِ مَالَمْ يَخُنْ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ، فَإِذَا خَانَ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ رَفَعَهَا عَنْهُمَا

Terjemahan: Sesiapa yang ingin menempah atau meng-edar hendaklah ia mengikut sukatan tertentu, timbangan tertentu dan tempoh yang tertentu.

(*Riwayat al-Jama'ah*)

Maka, dengan penentuan Rasulullah s.a.w. tentang sukatan, timbangan dan tempohnya terhindarlah segala perbalahan atau perselisihan dan penipuan.

III

MU'AMALAT (KIRA BICARA) 'INAN, SYARIKAT, AL-QIRAD AL-IJARAH, AL-JI'ALAH DAN GADAIAN

Perkongsian atau persyarikatan ada beberapa jenis, tetapi yang hendak diterangkan di sini hanya dua jenis sahaja kerana dua jenis inilah yang selalu berlaku dalam masyarakat kita.

Pensyarikatan (Perkongsian atau 'Inan) Harta

Maksudnya: 'Aqad dari dua orang atau lebih untuk bersyarikat (berkongsi) pada harta yang ditentukan oleh keduanya dengan tujuan mencari keuntungan dan keuntungan itu untuk mereka yang berkongsi itu. Dalilnya sabda Rasulullah s.a.w.:

يَدُاللهِ عَلَى الشَّرِيكَيْنِ مَالَمْ يَخُنْ اَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ فَإِذَا خَانَ اَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ رَفَعَهَا عَنْهُمَا

Terjemahan: Kekuasaan Allah (bantuan Allah) ke atas dua orang bersyarikat, selama masa salah seorang tidak mengkhianati rakannya, apabila ia khianat maka Allah melepaskan bantuan daripada keduanya.

(*Riwayat al-Daruqatni*)

أَنَا ثَالِثُ الشَّرِيْكَيْنِ مَالَمْ يَخُنْ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ فَإِذَا خَانَ أَحَدُهُمَا صَاحِبَه خَرَجْتُ مِنْ بَيْنِهِمَا

Terjemahan: Aku (Allah) pihak yang ketiga bagi dua orang yang berkongsi selama masa seorang kongsi tidak mengkhianati yang lain, jika ia mengkhianatinya maka aku keluar daripada mereka.

(*Tambahan ini disebut oleh Ruzain di dalam kumpulannya* (*Jami'nya*)

Sebagaimana yang dikatakan bahawa harus bagi tiap-tiap orang yang berminat melaburkan hartanya dengan cara persendirian terhadap sesuatu projek yang halal menurut *syarak*, dan harus bagi pemodal memberi modalnya kepada orang yang mahir atau mempunyai pengalaman untuk diselanggarakan dalam projek yang halal seperti (*al-Mudarabah*) dalam Fiqh Islam. Dalam Islam diharuskan beberapa orang pemodal menubuhkan syarikat dalam suatu projek yang halal sama ada dalam perindustrian perusahaan, perdagangan, pertukangan dan sebagainya. Sebab ada di antara projek itu yang memerlukan wang berjuta-juta ringgit dan berpuluh-puluh ahli teknik yang mahir seterusnya beratus-ratus atau beribu-ribu pekerja. Maka, modal perseorangan atau modal beberapa orang tidak mencukupi untuk mengendalikan projek-projek yang besar itu seperti projek besi waja, kelapa sawit, memproseskan bahan-bahan tempatan atau kilang kain.

Ini semua memerlukan modal yang banyak dan tenaga yang ramai. Maka menubuhkan syarikat atau perkongsian seperti itu selaras dengan dasar-dasar syarak yang suci. Firman Allah:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَى

Terjemahan: Dan bantu-membantulah kamu di atas perkara kebajikan dan ketaqwaan.

(*Al-Ma'idah, 5:2*)

Rukun-rukun persyarikatan (perkongsian):

1. Lafaz 'aqad.
2. Orang yang bersyarikat.
3. Pokok pekerjaan.

Syarat-syarat lafaz (*sighah*). Perkataan 'aqad hendaklah mengandungi erti izin untuk membelanja barangan syarikat, seperti dikatakan oleh salah seorang di antara keduanya, "*Kita bersyarikat pada barang ini dan saya izinkan anda menjalankannya dengan jalan jual beli dan lain-lainnya.*" Maka jawab yang lain "*Saya terima seperti yang anda katakan itu.*"

Syarat-syarat menjadi ahli perkongsian:
1. Orang yang berkongsi hendaklah orang yang berakal.
2. Baligh (yakni sudah sampai umur 15 tahun atau sebagainya).
3. Merdeka dan dengan kemahuan sendiri tanpa dipaksa.

Syarat pokok perkongsian:
1. Keadaan pokok (modal) hendaklah mata wang (emas dan perak) atau barang yang ditimbang atau disukat seperti beras, gula dan sebagainya.
2. Kedua-dua barang pokok itu hendaklah dicampurkan sebelum melakukan 'aqad sehingga tidak dapat dibezakan antara kedua-dua bahagian barang itu.

Pokok (modal) tidak mesti sama, tetapi boleh seseorang memberi modal atau pokok (umpamanya) $10,000/-, dan yang lain memberi $15,000/- asalkan menurut persetujuan di antara kedua-duanya.

Keuntungan dan kerugian: Keuntungan dan kerugian hendaklah ditanggung bersama oleh ahli-ahli perkongsian mengikut nisbah dan persetujuan masing-masing, asalkan ada dasar keadilan di antara mereka.

Syarikat

Maksud syarikat kerja ialah dua orang pekerja atau lebih bermuafakat atas sesuatu pekerjaan supaya kedua-duanya sama-sama

mengerjakan pekerjaan tersebut. Pendapatan atau upahan untuk mereka bersama menurut perjanjian antara mereka, sama ada kepandaian kedua-duanya sama atau berlainan, seperti tukang kayu dengan tukang kayu, atau tukang besi dengan tukang simen. Begitu juga tentang pendapatan, sama atau tidak, menurut persetujuan antara mereka, hanya hendaklah ditentukan perbandingannya pada 'aqad.

Hukum syarikat: Syarikat yang pertama syarikat *'inan* (عنان) yakni syarikat harta, ulama-ulama telah bersetuju mengatakan sahnya, hanya ada terdapat sedikit perbezaan faham tentang syarat-syarat dan cara-caranya.

Akan tetapi yang kedua iaitu syarikat atau perkongsian kerja menurut mazhab Syafi'i kita tidak sah, tetapi mengikut mazhab yang lain boleh dan sah. Jika kita perhatikan betapa perlunya masyarakat dan perseorangan kepada perkongsian kerja ini, maka kita bersetuju dengan mazhab lain yang mengharuskan yang kedua ini.

Al-Qirad: Kerjasama antara Modal (Pokok) dan Tenaga

Al-Qirad (القراض) iaitu memberikan pokok atau modal dari seorang kepada seorang lain untuk memperniagakannya sedang keuntungannya untuk kedua-duanya mengikut perjanjian antara kedua-duanya pada waktu 'aqad, sama ada dibahagi dua atau dibahagi tiga.

Dalil keharusannya: Perkara ini telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. yang mengambil modal dari Sayyidatuna Khadijah sewaktu beliau berniaga ke Syam dan *ijma'* para sahabat mengatakan harusnya.

Qirad memang telah dilakukan pada masa Jahiliyah kemudian ditetapkan oleh agama Islam. Allah s.w.t. telah mengurniakan dan membekal bakat, daya dan tuah kepada manusia menurut kadar tertentu dengan penuh bijaksana dan hikmatnya yang tinggi. Banyak sekali kita lihat orang yang mempunyai pengalaman dan kepandaian tetapi tidak mempunyai harta yang cukup atau tidak mempunyai modal langsung. Sebaliknya ramai pula kita dapati yang mempunyai harta atau modal yang banyak tetapi pengalaman yang sedikit atau tidak mempunyai pengalaman langsung.

Jadi, mengapakah peluang yang baik ini tidak diambil dengan cara yang berharta atau pemodal memberi modalnya kepada orang yang mempunyai pengalaman atau kemahiran untuk diselenggarakan wangnya kepada satu projek dengan syarat diberi ganjaran terhadap wangnya dengan keuntungan yang tertentu dan begitu juga kepada penyelenggaranya.

Dengan cara ini orang yang mempunyai kemahiran atau pengalaman mendapat faedah dengan wang modal, seterusnya pemodal sendiri dapat faedah dengan pengalaman orang lain. Dalam negara kita yang sedang membangun ini banyak projek yang besar yang hendak dilaksanakan dari semasa ke semasa. Projek-projek yang besar itu memerlukan modal yang banyak dan tenaga mahir yang ramai. Dalam negara kita ini ramai orang kaya tetapi mereka tidak mempunyai masa atau tidak berpengalaman untuk menguruskan modalnya. Mengapakah wang yang banyak itu tidak diselenggarakan oleh orang-orang yang mempunyai kepandaian dan kemahiran?

Syari'at Islam tidak melarang sama sekali untuk diadakan kerjasama antara modal dengan tenaga atau pengalaman, sebagaimana yang dikatakan dalam Fiqh Islam dalam bab *al-Mudarabah* atau *al-Qirad*. Islam menetapkan dasar yang adil dan konkrit terhadap kerjasama seperti ini dan Islam telah menetapkan syarat-syarat terhadap *al-Qirad* atau *al-Mudarabah*, iaitu tiap-tiap satu pihak pemodal dan pekerja hendaklah sama-sama menanggung, sama ada untung atau rugi tentang kadar atau nisbah keuntungan dan kerugian itu terpulanglah kepada syarat-syarat perjanjian yang diadakan di antara mereka, sama ada separuh atau sepertiga dan sebagainya.

Jadi corak kerjasama di antara dua pihak pemodal dan pekerja itu adalah kerjasama di antara dua orang yang setara, tiap-tiap satu pihak mempunyai bahagian dalam keuntungan dan begitulah seterusnya. Apabila mereka beroleh keuntungan, maka pembahagian kewangannya adalah menurut syarat-syarat yang ditetapkan pada masa 'aqad dahulu. Jika berlaku kerugian kedua-duanya sama memikul bebanannya.

Jika ditetapkan dari awal lagi kepada pemodal (tuan empunya wang) keuntungan yang tertentu yang terjamin dibayar tidak lebih

dan tidak kurang, walaupun projek itu mendapat keuntungan yang berlipat ganda, atau berlaku kerugian, maka sistem ini bertentangan dengan dasar keadilan dan juga bermakna berat sebelah kepada pemodal, sebaliknya menekan tenaga pekerja, seterusnya tidak selaras dengan undang-undang kehidupan yang ada pasang surut atau untung ruginya.

Rukun Qirad:

1. Harta modal (pokok) baik berupa wang ringgit atau lainnya keadaan modal hendaklah diketahui jumlahnya.
2. Pekerjaan, iaitu perniagaan dan selainnya yang bersangkut dengan urusan perdagangan itu, barang yang hendak diperdagangkan begitu juga tempat, hendaklah tidak ditentukan hanya diserahkan sahaja kepada yang bekerja, apakah barangnya dan di tempat mana, asalkan menurut pandangannya ada harapan untuk mendapat keuntungan.
3. Keuntungan, banyak keuntungan untuk yang bekerja hendaklah ditentukan sewaktu 'aqad iaitu peratus dari jumlah keuntungan, seperdua atau sepertiga umpamanya.
4. Yang mengeluarkan modal dan yang bekerja disyaratkan keadaan kedua-duanya seorang yang berakal dan sudah baligh dan bukan orang yang ditahan kuasa; *al-hijr* (الحجر)

Al-Ijarah (Sewaan)

Takrif *al-Ijarah* ialah 'aqad atas manfaat yang dimaksudkan lagi diketahui, dengan tukaran yang diketahui, menurut syarat-syarat yang tertentu. Dalil keharusannya firman Allah:

فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ

Terjemahan: Kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah untuk mereka upahnya.

(*Al-Talaq, 65:6*)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

أَنَّهُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اِحْتَجَمَ وَأَعْطَى الْحِجَامَ أَجْرَهُ

Terjemahan: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah pernah berbekam kepada seorang dan baginda memberi upah kepada tukang bekam itu.

(*Riwayat al-Syaikhan*)

Rukun al-Ijarah:

1. Yang mengupah dan yang mengambil upah dan syarat-syaratnya:
   i. Berakal.
   ii. Dengan kemahuan sendiri, tanpa paksa.
   iii. Keadaan kedua-duanya tidak bersifat membazir.
   iv. Baligh.

2. Upahan, disyaratkan keadaan upahan diketahui dalam beberapa hal:
   i. Jenisnya.
   ii. Kadarnya.
   iii. Sifatnya.

3. Manfaat dan syarat-syaratnya:
   i. Manfaat yang berharga.
   ii. Keadaan manfaat dapat diberikan oleh yang mengambil upah.
   iii. Diketahui kadarnya dalam jangka masa seperti menyewa rumah satu tahun dan sebagainya.

Al-Ji'alah (الجعالة)

Takrif *al-Ji'alah* iaitu minta kembalikan barang yang hilang dengan bayaran yang ditentukan, seperti seorang kehilangan lembu dia berkata, *"Sesiapa yang boleh mendapat lembuku dan dikembalikan kepadaku, maka aku bayarkan sekian ringgit."*

Rukun al-Ji'alah:

1. Lafaz. Hendaklah kalimah lafaz itu mengandung erti izin kepada yang akan bekerja juga tidak ditentukan waktunya.
2. Orang yang menjanjikan upahnya. Orang yang menjanjikan upahnya boleh dari yang kehilangan itu sendiri atau wakilnya.
3. Pekerjaan (mencari barang yang hilang).
4. Upahan. Disyaratkan keadaan upah sama ada wang ringgit atau barang yang tertentu.

Andai kata yang kehilangan barang berseru kepada umum, "*Sesiapa yang mendapatkan barangku akan aku beri wang sekian.*" Kemudian dua orang bekerja mencari barang tersebut sampai kedua-duanya berjaya mendapatkan barang itu bersama. Maka upahan yang dijanjikan tadi adalah berkongsi di antara kedua-duanya.

Penulisan Hutang-Piutang

Hutang-piutang takrifnya: Memberikan sesuatu kepada seseorang dengan perjanjian bahawa dia akan membayar balik dengan yang sama, seperti A berhutang kepada B $50/- ringgit untuk dibayar dalam masa dua bulan atau sebagainya.

Semangat tolong-menolong atau saling membantu dalam kehidupan adalah dipuji oleh Islam, sebab manusia di dunia ini tidak boleh hidup bersendirian, malah satu dengan lain saling perlu-memerlukan. Oleh yang demikian Allah s.w.t. menggalakkan semangat saling membantu.
Allah berfirman:

وَتَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ

Terjemahan: Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan Untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada dosa (maksiat) dan pencerobohan.

(*Al-Ma'idah, 5:2*)

Sabda Rasulullah s.a.w.

وَاللهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ

Terjemahan: Allah akan menolong hamba-Nya selama hamba-Nya itu menolong saudaranya.

(*Riwayat Imam Muslim*)

Hukum memberi hutang ini pada amnya adalah sunat dan kadang-kadang menjadi wajib seperti memberi hutang kepada orang yang terlantar yang sangat-sangat memerlukan bantuan sedangkan orang lain itu kaya atau mampu memberi kepadanya. Memang disedari bahawa hal ini adalah satu daripada pekerjaan yang mulia dan sumbangan yang baik terhadap masyarakat, kerana tiap-tiap orang dalam masyarakat biasanya masing-masing berhajat kepada pertolongan dari yang lain. Memang kehidupan dalam dunia ini tidak tetap, selalu bertukar. Hari ini mungkin kita senang tetapi besok mungkin kita susah, bulan ini mungkin beruntung dan bulan hadapan mungkin rugi, begitulah sebaliknya. Rasulullah bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Terjemahan: Tidak sempurna iman seseorang daripada Kamu sehingga ia mengasihi saudaranya (sama Islam) seperti yang ia mengasihi dirinya.

Rukun hutang-piutang:

1. Lafaz, seperti kata orang yang memberi hutang, "*Saya hutangkan ini kepada engkau.*" Jawab yang berhutang pula, "*Saya mengaku berhutang kepada engkau.*"
2. Yang berpiutang (memberi hutang) dan yang berhutang.
3. Barang yang dihutangkan.

Gadaian

Takrif gadaian ialah satu barang yang dijadikan peneguhan (jaminan) kepercayaan dalam hutang-piutang. Barang itu boleh

dijual jikalau hutang tidak dapat dijelaskan, dengan syarat penjualan itu hendaklah dilakukan dengan adil (dengan harga yang berpatutan pada masa itu). Dalil keharusannya ialah Firman Allah:

وَإِن كُنتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهَانٌ مَّقْبُوضَةٌ

Terjemahan: Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang yang memberi hutang).

(*Al-Baqarah, 2:283*)

Rasulullah s.a.w. bersabda:

عَنْ أَنَسٍ قَالَ رَهَنَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ دِرْعًا عِنْدَ يَهُوْدِيٍّ بِالْمَدِيْنَةِ وَأَخَذَ مِنْهُ شَعِيْرًا لِإِهْلِهِ

Terjemahan: Riwayat dari Anas berkata: Rasulullah s.a.w. telah menggadaikan baju besi beliau kepada seorang Yahudi di Madinah, lalu beliau berhutang syair (gandum) daripadanya (Yahudi) untuk keluarganya.

(*Riwayat Imam Ahmad, al-Bazzar, al-Nasai dan selainnya*)

Hadith ini menjelaskan kepada kita bahawa agama Islam membuka peluang yang luas dalam urusan hidup untuk bergaul dan mencari maslahat bersama di antara penganut Islam dengan yang bukan Islam. Ini selaras dengan risalah Islam, sebagai agama untuk semua bangsa dan semua umat. Orang Islam wajib membayar hak pemeluk agama lain yang hidup dengan damai dalam negara Islam, sama seperti yang dilakukan sesama Islam. Begitu juga tidak halal harta benda orang yang bukan Islam melainkan dengan cara yang halal terhadap sesama muslimin.

Rukun Gadaian:

1. Lafaz, iaitu perkataan 'aqad seperti kata orang yang menggadaikan, *"Saya gadaikan benda ini kepada anda untuk hutangku yang sekian banyak kepada anda."* Maka jawab orang yang memberi hutang, *"Saya terima gadaian ini."*
2. Ada dua pihak iaitu orang yang menggadai dan orang yang menerima gadai dan disyaratkan keadaan kedua-duanya mempunyai keahlian membelanjakan hartanya.
3. Barang atau benda yang digadaikan iaitu tiap-tiap benda atau barangan yang boleh dijual bolehlah digadaikan dengan syarat benda atau barangan itu tidak rosak sebelum tiba masa janji hutang dijelaskan.
4. Ada hutang, disyaratkan keadaan hutang telah tetap. Apabila benda atau barangan yang digadaikan itu diterima oleh yang berpiutang, maka tetaplah gadaian, dan apabila telah tetap gadaian, maka orang yang mempunyai benda atau barangan tidak boleh menghilangkan miliknya dari benda atau barangan itu, sama ada dengan cara dijual atau dihadiahkan atau sebagainya kecuali dengan kebenaran yang berpiutang.

Apabila rosak atau hilang benda atau barangan yang digadaikan di tangan orang yang memegangnya ia tidak perlu mengganti, kerana benda atau barangan gadaian ia adalah barang amanah (percaya-mempercayai) kecuali jika berlaku kerosakan atau kehilangan yang disebabkan oleh kecuaiannya sendiri.

Faedah Barang yang Digadaikan

Orang yang empunya benda atau barangan tetap berhak mengambil manfaat atau faedah dari barangannya yang digadaikan, bahkan semua manfaatnya tetap menjadi kepunyaan pada tuan yang asal. Ia berhak mengambil manfaat barangan yang digadaikan itu, walaupun tanpa kebenaran daripada orang yang menerima gadaian, tetapi usahanya untuk menghilangkan miliknya daripada barangan itu atau mengurangi harga barangan itu, tidak dibolehkan, melainkan dengan keizinan yang menerima gadaian, maka tidaklah sah bagi orang yang menggadaikan menjual barangan

yang sedang digadaikan itu, begitu juga menyewakannya, apabila masa sewa-menyewa itu melewati masa gadaian. Sabda Rasulullah s.a.w.:

لَايَغْلِقُ الرَّهْنُ مِنْ صَاحِبِهِ الَّذِى رَهَنَهُ لَهُ غَنْمَهُ وَعَلَيْهِ غُرْمُهُ

Terjemahan: Gadaian tidak menutup akan orang yang mempunyainya dari mendapat manfaat barang itu, faedah-nya kepunyaannya dan dia wajib membayar dendanya.

(*Riwayat al-Syafi'i dan al-Daruqatni*)

Cuma yang memegang gadai boleh mengambil manfaat terhadap barang yang digadaikan dengan sekadar ganti kerugiannya untuk menjaga barang itu.

Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

إِذَا ارْتَهَنَ شَاةً شَرِبَ الْمُرْتَهِنُ مِنْ لَبَنِهَا بِقَدْرِ عَلَفِهَا فَإِنْ اِسْتَفْضَلَ مِنَ اللَّبَنِ بَعْدَثَمَنِ الْعَلَفِ فَهُوَ رِبَا

Terjemahan: Apabila digadaikan seekor biri-biri, maka orang yang memegang gadaian itu boleh minum susunya sekadar sebanyak makanan yang diberikannya kepada biri-biri itu, maka jika dilebihkannya dari sebanyak itu, maka lebihnya itu menjadi riba.

(*Riwayat Hammad Ibn Salmah*)

IV

MU'AMALAT (KIRA BICARA) IKRAR, WAKILAN, WAQAF DAN WASIAT

Ikrar (Pengakuan)

Takrif ikrar ialah mengakui akan kebenaran sesuatu yang bersangkutan ke atas dirinya untuk orang lain, seperti seseorang itu berkata, *"Saya mengaku bahawa saya terhutang kepada orang itu."* Firman Allah s.w.t:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ بِٱلْقِسْطِ شُهَدَآءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri.

(*Al-Nisa', 4:135*)

Menurut pendapat ahli tafsir bahawa saksi atau pengakuan ke atas diri sendiri itulah yang dimaksudkan dengan ikrar atau pengakuan.

Hikmatnya ialah untuk membuktikan kebenaran, melahirkan kejujuran dan kesucian hati serta menjauhkan diri daripada pendustaan.

Rukun Ikrar:

1. Orang yang mengaku disyaratkan mempunyai keahlian *tasarruf* (bebas bertindak) dan dengan kemahuan sendiri.
2. Orang yang diakui baginya (المقرله) hendaklah keadaan berhak memiliki sesuatu yang diakuinya.
3. Hak yang diakui, disyaratkan keadaan hak, bukan kepunyaan yang mengakui pada masa ia berikrar.
4. Lafaz. Syaratnya hendaklah menunjukkan ketentuan hak yang diakui.

Berkenaan dengan hak yang diakui tadi kalau semata-mata hal yang bersangkutan dengan Allah sahaja, seperti minum arak umpamanya, yang mengaku boleh menarik balik pengakuannya, umpama dia berkata sesudah ia mengaku, *"Saya sebenarnya tidak minum arak."* Apabila pengakuan itu sudah ditarik balik maka hukum keseksaan minum arak tidak dikenakan ke atasnya.

Akan tetapi, jika hak yang diakui itu hak manusia, pengakuan tidak boleh dibatalkan. Kalau hak yang diakui itu tidak jelas, maka hendaklah diminta penjelasan dan seterusnya penjelasan itu diterima.

Wakilan

Takrif wakilan ialah menyerahkan pekerjaan yang boleh dikerjakan kepada orang lain supaya dikerjakan oleh wakil semasa hidupnya (yang mewakil). Hukum wakilan itu pada amnya adalah sunat, kadang-kadang menjadi wajib kalau terpaksa dan haram jika pekerjaan yang diwakilkan itu perkara yang haram di sisi syarak dan makruh juga pekerjaan itu makruh. Dalilnya firman Allah:

فَٱبْعَثُوٓا۟ أَحَدَكُم بِوَرِقِكُمْ هَٰذِهِۦٓ إِلَى ٱلْمَدِينَةِ

Terjemahan; Maka, utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar.

(*Al-Kahfi, 18:19*)

Maka utusan tersebut adalah mewakili bagi pihak mereka semua.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

قَالَ اَبُو هُرَيْرَةَ وَكَلَّنِى النَّبِىُّ صَلَّعم فِى حِفْظِ زَكَاةِ رَمَضَانَ وَأَعْطَى النَّبِىُّ صلعم عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ غَنَمًا يَقْسِمُهَا بَيْنَ أَصْحَابِهِ

Terjemahan: Abu Hurairah berkata: "Nabi s.a.w. telah mewakilkan kepadaku untuk menjaga zakat fitrah, dan baginda telah memberi 'Uqbah bin Amir seekor kambing supaya dibahagi-bahagikan kepada sahabat-sahabat baginda."

(*Riwayat Imam al-Bukhari*)

Rukun Wakilan:

1. *Al-Muwakkil* (orang yang memberi wakil) dan wakil. Syarat kedua-duanya hendaklah masing-masing sah mengerjakan pekerjaan itu dengan sendirinya. Tiap-tiap pekerjaan atau urusan yang boleh dikerjakannya sendiri bolehlah dia memberi wakil kepada yang lain untuk mengerjakannya atau menguruskannya. Oleh itu anak yang kecil atau orang gila tidak sah memberi wakil dan menjadi wakil.
2. Pekerjaan atau urusan yang diserahkan dengan syarat:
   i. Oleh kerana pekerjaan atau urusan itu boleh digantikan oleh orang lain, maka tidak sah berwakil untuk mengerjakan sembahyang dan sebagainya.
   ii. Pekerjaan itu telah menjadi hak atau kepunyaan yang memberi wakil pada waktu ia berwakil. Oleh sebab itu tidak sah berwakil menjual barang yang belum dimiliknya.
   iii. Keadaan pekerjaan itu diketahui.
3. Lafaz atau sifat: Lafaz itu hendaklah perkataan yang menunjukkan kerelaan yang memberi wakil seperti katanya, *"Saya wakilkan"* atau *"Saya serahkan kepada anda untuk mengerjakan perkara ini."* Akan tetapi tidak disyaratkan lafaz *qabul* (terima) kerana wakilan adalah termasuk ke dalam hukum membolehkan sesuatu seperti membolehkan

makan makanan kepada orang yang hendak makan makanan itu. Perlu diingat bahawa wakil tidak berhak memberi wakil kepada orang lain kecuali dengan kebenaran daripada orang yang memberi wakil itu.

Wakilan adalah 'aqad yang tidak mesti terus-menerus yakni yang memberi wakil dan wakil boleh memberhentikan perwakilan antara kedua-duanya apabila dikendaki dalam sebarang waktu.

Wakil adalah seorang yang dipercayai dari pihak yang memberi wakil, oleh kerana itu apabila rosak atau hilang sesuatu yang diwakilkan, maka wakil tidak wajib menggantinya, kecuali jika ia cuai.

Pihak wakil tidak boleh menjual atau membeli melainkan dengan wang dan harga yang munasabah pada masa itu dan dia tidak boleh menjual dengan kerugian yang banyak. Begitu juga dia tidak boleh menjual barang yang diwakilkan kepada diri sendiri.

Waqaf

Takrif *waqaf* ialah menahan sesuatu benda yang kekal zatnya yang boleh diambil manfaat daripadanya untuk diberikan kepada jalan kebajikan. Dalilnya firman Allah s.w.t.:

وَافْعَلُوا ٱلْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Terjemahan: Dan berbuat kebajikanlah kamu moga-moga kamu mendapat kemenangan.

(*Al-Haj, 22:77*)

Firman Allah lagi:

لَن تَنَالُوا۟ ٱلْبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُوا۟ مِمَّا تُحِبُّونَ

Terjemahan: Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi.

(*Ali Imran, 3:92*)

Sabda Rasulullah (s.a.w.):

عَن ابى هريرة رضي الله عنه قال : إِذَامَاتَ ابْنُ آدَمَ اِنْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلاَّ مِنْ ثَلاَثَةٍ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُوْلَهُ

Terjemahan: Abu Hurairah berkata "bahawa Nabi s.a.w. bersabda: Apabila mati seseorang mukmin terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: Waqaf atau sedekah yang berkekalan, atau ilmu yang berguna (sama ada dengan kitab atau murid-murid yang melanjutkan ilmu gurunya) atau anak yang salih yang berdoa untuk ibu bapanya.

(*Riwayat al-Jama'ah kecuali al-Bukhari dan Ibn Majah*)

Menurut Hadith di atas ternyatalah bahawa waqaf itu mempunyai ganjaran yang besar yang lebih besar daripada sedekah biasa, kerana pahala waqaf itu akan kekal berterusan selama barang itu masih berguna kepada masyarakat dan orang ramai.

Institusi waqaf ini telah memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat Islam pada setiap masa dan semua peringkat. Buktinya negeri-negeri Islam di Asia Barat dan negeri-negeri Islam yang lain dalam dunia ini telah mendapat manfaat yang besar daripada institusi waqaf. Oleh itu, kaum muslimin yang mampu membuat waqaf hendaklah mendampingkan diri kepada Allah dan berbakti kepada masyarakat.

Rukun Waqaf:

1. Orang yang berwaqaf dengan syarat:
   i. Berwaqaf membuat kebaikan walaupun bukan Islam.
   ii. Dengan kehendak sendiri dan tidak sah kerana dipaksa.
2. Benda yang diwaqafkan dengan syarat:
   i. Hendaklah kekal zatnya yakni ketika diambil manfaatnya zatnya tidak rosak, seperti sekolah, rumah dan tanah.

ii. Kepunyaan yang memberi waqaf.

3. Tempat berwaqaf (yang berhak menerima hasil waqaf itu). Kalau berwaqaf kepada orang yang tertentu disyaratkan orang yang berhak menerima hasil waqaf itu orang yang berhak memiliki sesuatu, maka tidak sah waqaf kepada anak yang masih dalam kandungan rahim ibu, begitu juga waqaf kepada sahaya.
   Waqaf untuk kebajikan am.
4. Lafaz waqaf seperti kata orang yang memberi waqaf, *"Saya waqafkan ladang saya ini kepada orang-orang miskin."* atau *"Saya waqafkan bangunan ini untuk kediaman pelajar-pelajar dan sebagainya."*

Beberapa Syarat Waqaf:

1. Waqaf berkuatkuasa selama-lamanya, iaitu waqaf tidak dibataskan dengan waktu. Maka jika seseorang itu berkata, *"Saya waqafkan ini kepada fakir miskin dalam masa dua tahun,"* maka tidak sah, kerana tidak berkekalan.
2. Waqaf berlaku dengan tunai dan tidak ada *khiyar* (pilihan) bersyarat, kerana waqaf bermakna pemindahan milik pada waqaf itu. Jika disyaratkan *khiyar* atau dia berkata, *"Kalau saya datang saya waqafkan ini kepada sekolah itu."* Waqaf semasa ini tidak sah, kerana tidak bersifat tunai, kecuali jika dihubungkan dengan mati, seperti seseorang itu berkata, *"Saya waqafkan ladang getah saya kepada Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia sesudah saya mati,"* maka lafaz ini menjadi wasiat bukan waqaf.
3. Hendaklah waqaf itu diterangkan kepada orang tertentu atau pihak tertentu yang menerima waqaf itu. Jika ia berkata: *"Saya waqafkan rumah ini,"* tidak sah, kerana tidak diterangkan kepada siapakah atau pihak manakah rumah itu diwaqafkan?

Wasiat

Takrif wasiat ialah berpesan tentang sesuatu kebajikan yang akan dijalankan sesudah seorang meninggal dunia. Wasiat hukum-

nya sunat. Dalilnya firman Allah:

مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِى بِهَا أَوْدَيْنٍ

Terjemahan: (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati.

(Al-Nisa'. 4:11)

Sabda Rasulullah (s.a.w.):

مَاحَقُّ امْرِىءٍ مُسْلِمٍ لَهُ شَىْءٌ يُوْصِي فِيْهِ بِبَيْتُ لَيْلَتَيْنِ إِلاَّ وَصِيَّتُهُ مَكْتُوْبَةٌ عِنْدَ رَأْسِهِ

Terjemahan: Tidak ada hak seorang muslim yang mempunyai sesuatu, yang layak diwasiatkan sampai dua malam, melainkan hendaklah wasiatnya ditulis di sisi kepalanya.

(Riwayat al-Syaikhan)

Rukun Wasiat:

1. Orang yang berwasiat disyaratkan keadaannya bersifat *mukallaf* dan berhak membuat kebajikan serta dengan kehendaknya sendiri.
2. Orang yang menerima wasiat hendaklah menggunakan benda atau barang yang diwasiatkan itu untuk sesuatu yang bukan maksiat, seperti untuk maslahat umum umpama membuat masjid, sekolah dan sebagainya. Akan tetapi, jikalau diuntukkan kepada yang tertentu hendaklah ditambah syarat yang bersifat seorang yang boleh memilikinya.
3. Sesuatu benda atau barang yang diwasiatkan itu disyarat keadaannya dapat berpindah milik dari seorang kepada orang lain.
4. Lafaz wasiat hendaklah dengan perkataan yang boleh difahami untuk wasiat.

Beberapa Perkara Penting tentang Wasiat

1. Sebanyak-banyak wasiat hanya satu pertiga seluruh harta, tidak boleh lebih kecuali apabila diizinkan oleh sekalian ahli warith sesudah mati orang yang berwasiat. Sabda Rasulullah s.a.w.:

عن ابن عباس قَالَ لَوْأَنَّ النَّاسَ غَضُّوْا مِنَ الثُّلُثِ إِلَى الرُّبْعِ فَإِنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الثُّلُثُ كَثِيْرٌ

Terjemahan: Dari Ibn 'Abbas, beliau berkata: Alangkah baiknya jika manusia mengurangkan wasiat mereka dari satu pertiga kepada satu perempat, maka sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Wasiat itu satu pertiga sedangkan satu pertiga itu sudah banyak.

(*Riwayat al-Bukhari dan Muslim*)

2. Wasiat tidak dibolehkan kepada orang yang menerima pusaka dan tidak sah kepada ahli warith. Sabda Rasulullah s.a.w.:

لاَوَصِيَّةَ لِوَارِثٍ

Terjemahan: Tidak sah wasiat kepada waris.

(*Riwayat lima orang ahli Hadith melainkan al-Nasai*)

Wasiat yang tersebut di atas ialah yang berkaitan dengan harta benda, tetapi jika wasiat itu ada berkaitan dengan hak kekuasaan atau tanggungjawab yang akan dijalankan selepas ia meninggal dunia seperti seorang berwasiat kepada seorang yang lain supaya ia membayar hutangnya kelak, atau mendidik anaknya atau menguruskan benda-benda yang dipinjam untuk dikembalikan kepada tuan asalnya. Hak kekuasaan yang diserahkan hendaklah berupa harta benda.

Hak kekuasaan yang tidak berupa harta tidak sah diwasiatkan, seperti untuk mengahwinkan anaknya, kerana kekuasaan wali setelah ia meninggal dunia telah berpindah kepada wali yang lain menurut tertib perwalian yang termaklum dalam kitab fiqh Islam.

Disyaratkan keadaan orang yang diserahkan untuk menjalani wasiat yang akhir ini enam perkara:

1. Islam, yakni orang yang akan menjalankan wasiat itu hendaklah beragama Islam.
2. Baligh.
3. Berakal.
4. Merdeka; bukan hamba sahaya.
5. Amanah.
6. Cekap menjalankan urusan mengikut apa-apa yang dikehendaki oleh yang berwasiat.

Syarat-syarat tersebut perlu kerana penyerahan itu adalah penyerahan tanggungjawab yang hendak dilaksanakan dengan tegas, jujur dan membina.

V

MEMILIKI DALAM EKONOMI ISLAM

Tiap-tiap pemilik dalam Islam hendaklah menepati lunas-lunas agama baik dari segi cara mendapat kekayaan dan cara membelanjakannya, dan kedua-duanya ada dua segi iaitu positif dan negatif yang akan diterangkan kelak. Pemilik harta hendaklah mengawal cara pelaburan dan cara-cara perbelanjaan demikian juga ditetapkan cara-cara yang halal untuk mendapat kekayaan. Jika ia tidak mematuhi cara-cara tersebut ia dianggap berdosa dan bersikap zalim yang akan dikenakan balasan yang setimpal di akhirat kelak. Sebaliknya, jika ia mematuhi cara-cara Islam, maka ia mendapat kebahagian di dunia seterusnya mendapat ganjaran di akhirat.

Untuk menyampaikan kepada matlamat Islam iaitu kesejahteraan di dunia dan akhirat hendaklah ada kerajaan yang mengawal masyarakat Islam untuk mentadbir segala urusan agama dan keduniaan, kerajaanlah yang akan menjalankan kuatkuasanya supaya tiap-tiap rakyat mematuhi semua disiplin atau undang-undang Islam satu persatu.

Kewajipan Pemilik Harta

Pertama: Harta hendaklah dilabur jika harta itu termasuk dalam sumber produksi. Tanggungjawab utama bagi pemilik harta hendaklah berusaha dengan sedaya upaya untuk pelaburan yang diharuskan syara' demi menjamin keperluan diri sendiri dan keluarga

yang di bawah tanggungannya tanpa merosakkan kepentingan masyarakat. Agama Islam berlainan daripada setengah-setengah agama lain kerana Islam membenci kemiskinan. Sabda Rasulullah s.a.w.:

كَادَ الْفَقْرُ اَنْ يَكُوْنَ كُفْرًا

Terjemahan: Kemiskinan itu hampir-hampir membawa kekufuran.

Orang muslim yang lebih berjaya di dunia dan di akhirat ialah orang yang lebih teguh ekonominya untuk kepentingan diri sendiri dan memberi sumbangan kepada masyarakat, bahkan urusan ibadat yang menjadi rukun agama seperti zakat, haji dan kebajikan am yang lain tidak boleh ditunaikan tanpa mempunyai wang ringgit, cuma cara mendapat wang ringgit dan pelaburan itu hendaklah menepati dengan cara yang diharuskan syara'.

Tiap-tiap pemilik yang membekukan hartanya dalam jangka waktu yang lama tanpa pelaburan yang boleh mendatangkan faedah terhadap diri sendiri dan masyarakatnya dikira berdosa, sebab sikap pembekuan wang dengan sengaja dan dalam jangka waktu yang panjang bermakna mengingkari nikmat-nikmat Allah yang dikurniakan kepada manusia; kurniaan berupa harta benda.

Kedua: Zakat. Takrifnya ialah mengeluarkan sebahagian harta tertentu terhadap golongan tertentu dengan syarat-syarat yang tertentu. Zakat merupakan kewajipan tiap-tiap orang Islam untuk menjamin kepentingan golongan-golongan yang miskin atau yang tidak mampu dalam masyarakat. Apabila ada orang yang enggan mengeluarkan kerajaan boleh mengambilnya dengan paksa. Sikap enggan itu merupakan suatu gejala buruk yang akan meruntuhkan Islam.

Zakat mempunyai dua tujuan. Pertama, untuk membersihkan rohani pengeluarnya. Kedua, untuk membersih dan memberkatkan harta kekayaan pendeknya ia mengandungi matlamat rohani dari segi ibadat dan matlamat ekonomi dari segi masyarakat itu memupuk perasaan timbang rasa dan perpaduan kemasyarakatan.

Ketiga: Membelanjakan harta kepada jalan Allah. Membelanjakan harta pada jalan Allah membawa pengertian yang lebih luas daripada zakat, kerana zakat mengeluarkan sebahagian tertentu bagi harta tertentu kepada golongan yang tertentu, sedangkan membelanjakan harta pada jalan Allah ialah sumbangan yang dikeluarkan oleh pemilik kepada jalan Allah yakni jalan kebajikan umum bagi masyarakat. Diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w.:

إِنَّ فِي الْمَالِ حَقًّا سِوَى الزَّكَاةِ

Terjemahan: Sesungguhnya bagi harta itu hak kewajipan selain zakat.

Kemudian baginda membaca ayat:

لَّيْسَ ٱلْبِرَّ أَن تُوَلُّوا۟ وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَٰكِنَّ ٱلْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْأَخِرِ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةِ وَٱلْكِتَٰبِ وَٱلنَّبِيِّنَ وَءَاتَى ٱلْمَالَ عَلَىٰ حُبِّهِۦ ذَوِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينَ وَابْنَ ٱلسَّبِيلِ وَٱلسَّآئِلِينَ وَفِى ٱلرِّقَابِ وَأَقَامَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَى ٱلزَّكَوٰةَ

Terjemahan: Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke arah timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah beriman seseorang itu kepada Allah dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala kitab, dan sekalian Nabi dan berderma seseorang itu dengan hartanya sedangkan ia menyayanginya, kepada kaum kerabat dan anak yatim dan orang-orang miskin dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan dan kepada orang-orang yang meminta dan untuk memerdekakan hamba-hamba 'abdi dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat.

(*Al-Baqarah: 21:177*)

Ayat suci ini menjelaskan perbezaan di antara *al-infaq fi sabililLah* yakni membelanjakan harta pada jalan Allah, zakat dan

sembahyang, yang dengan jelas menunjukkan pengertian yang tidak sama di antara zakat dengan *al-infaq fi sabilillah.* Jadi, kedua-duanya dikira kewajipan atau tanggungjawab dalam Islam.

Banyak ayat al-Qur'an al-Karim yang mengangkatkan darjat orang yang berbelanja pada jalan Allah di tempat yang tinggi. Tujuannya ialah untuk menjamin keselamatan masyarakat. Firman Allah:

وَأَنفِقُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا تُلْقُوا۟ بِأَيْدِيكُمْ إِلَى ٱلتَّهْلُكَةِ

Terjemahan: Hendaklah kamu membelanjakan pada jalan Allah dan janganlah kamu mencampakkan diri ke dalam kebinasaan.

(*Al-Baqarah: 21:195*)

Ayat ini menyatakan bahawa membelanjakan harta pada jalan Allah itu boleh menghindarkan masyarakat dari kebinasaan, ayat yang lain pula ada menyatakan persamaan taraf di antara membelanjakan harta pada jalan Allah dengan kewajipan mempertarungkan jiwa untuk jalan Allah, bahkan disebut membelanjakan harta pada jalan Allah itu sebelum daripada mempertarungkan jiwa. Firman Allah:

تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتُجَـٰهِدُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ ذَٰلِكُمْ
خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ

Terjemahan: (Iaitu) kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu; yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

(*Al-Saf, 61:11*)

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا۟ وَجَـٰهَدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ
وَأَنفُسِهِمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ أُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّـٰدِقُونَ

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya).

(*Al-Hujurat, 49:15*)

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ
دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِ

Terjemahan: Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan diri mereka, adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah.

(*Al-Taubah, 9:20*)

Akan tetapi kemahuan orang Islam di sini tidak bebas dalam semua keadaan, Allah mewajibkan mereka berbelanja pada jalan Allah demi untuk kepentingan masyarakat Islam. Maka, pihak pemerintah yang mewakili pihak masyarakat berkewajipan untuk melaksanakan pengajaran moral ini yang selaras dengan kuatkuasa kerajaan yang diberi kepercayaan oleh rakyat. Apabila rakyat lalai atau enggan memberi sumbangan pada jalan Allah atau pemberian mereka tidak mencukupi dengan kehendak atau keperluan masyarakat, maka pihak pemerintah bolehlah memungut mengikut kadar yang setimpal terhadap harta benda orang-orang yang mampu untuk memenuhi keperluan masyarakat. Inilah yang menjadi dasar bagi cukai yang dipungut oleh kerajaan di samping zakat.

Beberapa Aspek Negatif dalam Pembelanjaan Harta

Pertama: Pemilik hendaklah menghindarkan kemudaratan pada masa menggunakan hartanya.

Tiap-tiap orang pada masa menggunakan hartanya mestilah menjauhi sama sekali kemudaratan yang boleh menimpa keburuk-

an terhadap harta benda orang lain atau mendatangkan bahaya terhadap maslahat umum. Kewajipan ini terkandung dalam sabda Rasulullah s.a.w.:

لاَضَرَرَ وَلاَضِرَارَ فِى الْإِسْلاَمِ

Terjemahan: Tidak ada kemudaratan atau tidak dimudaratkan di dalam Islam.

Prinsip ini banyak sekali dapat digunakan oleh kerajaan untuk menghindarkan bahaya dalam masyarakat atau negara seperti menguatkuasakan undang-undang membayar ganti rugi atau undang-undang keseksaan yang digunakan oleh orang yang melibatkan kemudaratan terhadap orang lain.

Prinsip ini bermaksud supaya dielakkan kemudaratan dan kemudaratan pula merangkumi bahaya umum dan khusus. Ini juga bermaksud menolak kemudaratan sebelum daripada berlaku dengan cara mengawalnya atau menghilangkannya selepas daripada berlaku.

Kedua: Kewajipan terhadap cara pelaburan wang atau harta. Untuk melaksanakan tujuan kebahagiaan bersama, maka diharamkan ke atas setiap muslim melaburkan hartanya dengan cara riba atau penipuan dalam kira bicara atau dengan cara monopoli. Memang riba menjadi perkara biasa bagi sistem pelaburan modal dalam kemajuan kebendaan yang ada pada masa sekarang ini, di sini cukuplah diterangkan tiga jenis sahaja yang mustahak iaitu riba, penipuan dan monopoli.

i. Islam mengharamkan penganutnya melaburkan harta melalui sistem riba. Riba itu sangat lumrah sebelum daripada kemunculan Islam sama ada riba konsumsi dan pinjaman produksi. Memang sistem riba ini menjadi tunjang ekonomi pada zaman Jahiliyah dan sistem-sistem ekonomi di negara-negara kapitalis sekarang. Islam bertindak menurut prinsip-prinsip akhlaknya dengan cara beransur-ansur untuk menghindarkan penyakit yang teruk itu. Cara beransur-ansur itulah yang mendatangkan kejayaan kepada Islam untuk bertindak terhadap suatu penyakit masyarakat. Ayat

pertama diturunkan ialah firman-Nya:

وَمَآ ءَاتَيْتُم مِّن رِّبًا لِّيَرْبُوَا۟ فِىٓ أَمْوَٰلِ ٱلنَّاسِ فَلَا يَرْبُوا۟ عِندَ ٱللَّهِ وَمَآ ءَاتَيْتُم مِّن
زَكَوٰةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ ٱللَّهِ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُضْعِفُونَ

Terjemahan: Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan, supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia, maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda.

(*Al-Rum, 30:39*)

Ayat ini sebagai nasihat yang menjelaskan unsur negatif iaitu riba tidak mempunyai ganjaran di sisi Allah, dan tidak dikatakan bahawa Allah akan menyediakan balasan terhadap pemakan riba. Kemudian berpindah kepada peringkat yang kedua yang memberi pengajaran dan *i'tibar* yang disalurkan oleh al-Qur'an tentang pembawaan hidup kaum Yahudi. firman Allah:

فَبِظُلْمٍ مِّنَ ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ طَيِّبَٰتٍ أُحِلَّتْ لَهُمْ وَبِصَدِّهِمْ عَن
سَبِيلِ ٱللَّهِ كَثِيرًا وَأَخْذِهِمُ ٱلرِّبَوٰا۟ وَقَدْ نُهُوا۟ عَنْهُ وَأَكْلِهِمْ أَمْوَٰلَ ٱلنَّاسِ
بِٱلْبَٰطِلِ وَأَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا

Terjemahan: Maka disebabkan kezaliman yang amat besar dari perbuatan orang Yahudi, Kami haramkan atas mereka makanan yang baik-baik yang pernah dihalalkan bagi mereka, dan disebabkan mereka banyak menghalang manusia dari jalan Allah. Dan juga (disebabkan) mereka mengambil riba pada hal mereka telah dilarang melakukannya, dan (disebabkan) mereka memakan harta orang dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya). Dan

(ingatlah) Kami telah menyediakan bagi orang yang kafir di antara mereka azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

(*Al-Nisa', 45:160-1*)

Ayat-ayat tersebut menyatakan dengan isyarah bukan dengan nas yang terang, kemudian berpindah kepada peringkat yang ketiga iaitu keharaman riba yang banyak yang berlipat ganda. Firman-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَأْكُلُواْ ٱلرِّبَوٰٓاْ أَضْعَٰفًا مُّضَٰعَفَةً وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya.

(*Ali 'Imran, 3:130*)

Pada akhir sekali berpindah kepada peringkat yang keempat yang menyatakan prinsip-prinsip akhlak tentang persoalan riba yang dilarang dengan tegas terhadap apa-apa faedah yang lebih daripada modal wang, firman-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَذَرُواْ مَا بَقِيَ مِنَ ٱلرِّبَوٰٓاْ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ فَإِن
لَّمْ تَفْعَلُواْ فَأْذَنُواْ بِحَرْبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَإِن تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَٰلِكُمْ
لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (janganlah menuntut lagi) saki-baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu, akan adanya peperangan dari Allah dan Rasul-Nya

(akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.

(Al-Baqarah, 2:278-9)

Oleh sebab memandangkan riba itu telah menjadi begitu kuat kedudukannya dalam struktur ekonomi sekarang di negara-negara bukan Islam dan negara Islam sendiri maka pakar-pakar ekonomi dan ulama-ulama Islam mestilah mengatasi persoalan itu untuk menggariskan sistem ekonomi yang berjiwa Islam guna mengambil tempat sistem sekarang yang rata-rata berjalan atas dasar riba di samping mengawal keperluan ekonomi masyarakat supaya berkembang maju tanpa penindasan.

ii. Setiap musim diharamkan melakukan penipuan dalam kira bicara. Sabdanya Rasulullah s.a.w.:

مَنْ غَشَّ فَلَيْسَ مِنِّى

Terjemahan: Sesiapa yang menipu tidak termasuk ke dalam kalanganku. Sabda Rasulullah s.a.w.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

اَلْبَيِّعَانِ بِالْخِيَارِ فَإِنْ صَدَقَا وَبَيَّنَا بُوْرِكَ لَهُمَا فِى بَيْعِهِمَا وَإِنْ كَتَمَا وَكَذَبَا سُحِقَتْ بَرَكَةُ بَيْعِهِمَا

Terjemahan: Penjual dan pembeli berhak pilihan, jika kedua berkait benar dan menerangkan dengan jelas nescaya diberi berkat terhadap jual beli mereka dan juga mereka menyembunyikan berbohong nescaya dihapuskan keberkatan jual beli mereka.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Setiap muslim janganlah menipu dalam kira bicara atau jual beli sama ada terhadap barang atau mata wang. Andai kata barang

atau mata wang ada keaiban atau kecacatan hendaklah diterang kan. Jika tidak, maka dia dianggap penipu, maka keuntungan yang didapati dengan cara tipu adalah haram.

Majikan yang menggunakan pekerja-pekerja atau buruh-buruh dengan diberi gaji yang murah yang tidak sesuai dengan titik peluh mereka telah melakukan jenayah tipu dan seterusnya termasuk ke dalam pengertian orang yang mengurangkan sukatan atau timbangan. Firman Allah:

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ٱلَّذِينَ إِذَا ٱكْتَالُوا۟ عَلَى ٱلنَّاسِ يَسْتَوْفُونَ وَإِذَا كَالُوهُمْ
أَو وَّزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ أَلَا يَظُنُّ أُو۟لَٰٓئِكَ أَنَّهُم مَّبْعُوثُونَ لِيَوْمٍ عَظِيمٍ

Terjemahan: Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan). Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang-cupak) dari orang-orang lain, mereka mengambilnya dengan cukup. Dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi. Tidakkah mereka menyangka bahawa mereka akan dibangkitkan (hidup semula sesudah mati)? Pada hari (qiamat) yang amat besar (huru-haranya).

(Al-Munafiqun, 63:1-5)

iii. Islam mengharamkan ke atas penganutnya melakukan sikap monopoli, kata Ibn 'Abidin pengertian *ikhtikar* dan segi bahasa ialah memegang sesuatu untuk menunggu harga mahal dan pengertian dalam syarak ialah membeli makanan dan sebagainya kemudian disekatkan sehingga ke waktu mahal harganya baru dijual, dalil pengharaman memang banyak, di antaranya ialah sabda Rasulullah s.a.w.:

لايحتكر الا خاطىء

Terjemahan: Tidak melakukan monopoli kecuali orang salah.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Sabda Rasulullah s.a.w.

مَنْ دَخَلَ فِي شَيْءٍ مِنْ أَسْعَارِ الْمُسْلِمِيْنَ لِيَغْلِيَهُ عَلَيْكُمْ كَانَ حَقًّا عَلَى اللهِ أَنْ يَقْعِدَهُ بِعَظْمٍ مِنَ النَّارِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Terjemahan: Sesiapa yang campur tangan terhadap sesuatu benda dalam harga orang-orang Islam untuk menaikkan harga ke atas mereka itu, maka berhaklah Allah mendudukkannya dengan tulang dari api pada hari qiamat.

(*Riwayat Sebahagian Ahli Sunan*)

اَلْجَالِبُ مَرْزُوْقٌ وَالْمُحْتَكِرُ مَلْعُوْنٌ

Terjemahan: Orang yang mengimport dikurniakan rezeki dan orang monopoli dikutuk.

(*Riwayat sebahagian Ahli Sunan*)

مَنِ احْتَكَرَ طَعَامًا أَرْبَعِيْنَ يَوْمًا فَقَدْ بَرِئَ مِنَ اللهِ وَبَرِئَ اللهُ مِنْهُ

Terjemahan: Sesiapa yang monopoli barang makanan selama 40 hari maka sesungguhnya ia terlepas daripada Allah dan terlepaslah Allah daripadanya.

(*Riwayat Sebahagian Ahli Sunan*)

Menurut pendapat setengah-setengah ulama monopoli yang diharamkan itu ialah yang berkenaan dengan jenis makanan dan sebagainya. Manakala setengah-setengah ulama lain mengatakan monopoli itu diharamkan secara umum, kata Abu Yusuf:

وَكُلُّ مَا اَضَرَّ بِالنَّاسِ فَهُوَ اِحْتِكَارٌ وَاِنْ كَانَ طَعَامًا اَوْثِيَابًا

Terjemahan: Tiap-tiap perkara yang boleh mendatangkan bahaya terhadap orang lain dinamakan ihtikar atau monopoli walaupun jenis makanan atau pakaian.

Ketiga: Tidak membazir dan tidak bakhil. Setiap muslim diharamkan berbelanja dengan boros atau membazir dan tidak bakhil, sebab kedua-duanya adalah bertentangan dengan maslahat masyarakat, sikap bakhil atau kedekut dan perkara yang berkaitan dengannya seperti menyimpan emas, perak atau lainnya yang menjadi jalan kepada perkembangan wang ringgit yang dilonggok-longgok itu menghalang peredaran mata wang, sedangkan pengedaran mata wang merupakan cara yang baik untuk memajukan ekonomi dalam mana-mana masyarakat pun. Maka pembekuan wang ringgit boleh melumpuhkannya dari kegiatan-kegiatan ekonomi yang sihat lagi membina seperti menyediakan peluang-peluang kerja kepada pekerja-pekerja. Firman Allah:

وَٱلَّذِينَ يَكْنِزُونَ ٱلذَّهَبَ وَٱلْفِضَّةَ وَلَا يُنفِقُونَهَا فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

Terjemahan: Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

(Al-Taubah, 9:34)

Begitu juga sikap bakhil itu bertentangan dengan ajaran Islam yang menyuruh penganutnya supaya mengambil habuan kenikmatan hidup tanpa boros dan tanpa bangga, maka setiap muslim yang mampu hendaklah melahirkan kenikmatan Allah secara sederhana dan janganlah bersikap mencerut perut, berdasarkan firman Allah:

وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ

Terjemahan: Adapun nikmat Tuhanmu maka hendaklah engkau sebut-sebut (dan zahirkan) sebagai bersyukur kepada-Nya.

(Al-Duha, 93: 11)

Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا اَتَاكَ اللهُ مَالاً فَلْيَرَ اَثَرَ نِعْمَتِهِ عَلَيْكَ وَكَرَامَتِهِ

Terjemahan: Apabila Allah mengurniakan kamu harta hendaklah perlihatkan kesan nikmat Allah dan kemurah-annya ke atas kamu.

(*Riwayat sebahagian Ahli Sunan*)

Berkenaan dengan sikap membuang wang ringgit dan boros di sana sini dengan berbagai-bagai aneka kemewahan yang lebih boleh menimbulkan perasaan benci-membenci dan hasad dengki kepada golongan yang tidak mampu dan orang miskin, keadaan ini boleh merosakkan kerukunan dan keamanan masyarakat.

Ayat-ayat al-Qur'an al-Karim dan Hadith Nabi memang membenci kemewahan yang berlebihan kerana kemewahan boleh membawa kepada kerosakan dan kehancuran kepada diri sendiri dan masyarakatnya. Orang yang terlalu mewah mudah terdorong untuk melakukan maksiat dan melemahkan moral atau semangat perjuangan dalam hidup, firman Allah:

وَإِذَآ أُنزِلَتْ سُورَةٌ أَنْ ءَامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَجَٰهِدُوا۟ مَعَ رَسُولِهِ ٱسْتَـْٔذَنَكَ أُو۟لُوا۟ ٱلطَّوْلِ مِنْهُمْ وَقَالُوا۟ ذَرْنَا نَكُن مَّعَ ٱلْقَٰعِدِينَ

Terjemahan: Dan apabila diturunkan satu surah al-Qur'an (yang menyuruh mereka): "Berimanlah kamu kepada Allah dan berjihadlah bersama-sama dengan Rasul-Nya, nescaya orang-orang yang kaya di antara mereka meminta izin kepadamu dengan berkata: Biarkanlah kami tinggal bersama-sama orang-orang yang tinggal (tidak turut berperang).

(*Al-Taubah: 9:86*)

Bahkan al-Qur'an meletakkan orang-orang yang mewah bersama-sama dengan golongan orang-orang yang kiri yakni orang-

orang yang mendapat kecelakaan di akhirat, firman Allah:

وَأَصْحَٰبُ ٱلشِّمَالِ مَآ أَصْحَٰبُ ٱلشِّمَالِ فِى سَمُومٍ وَحَمِيمٍ وَظِلٍّ مِّن يَحْمُومٍ لَّا بَارِدٍ وَلَا كَرِيمٍ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَبْلَ ذَٰلِكَ مُتْرَفِينَ

Terjemahan: Dan puak kiri – alangkah seksanya keadaan puak kiri itu? Mereka diseksa dengan angin yang membakar dan air yang menggelegak. Serta naungan dari asap hitam yang tidak sejuk dan tidak pula memberi kesenangan. Sesungguhnya mereka sebelum itu dilalaikan oleh kemewahan (dunia, dari mengingati hukum Tuhan).

(*Al-Waqi'ah, 56:41-5*)

Kebinasaan itu bukan sahaja akan mengenai orang-orang yang terlalu mewah, bahkan akan menimpa masyarakat yang membenarkan wujudnya golongan yang terlalu mewah, firman Allah:

وَإِذَآ أَرَدْنَآ أَن نُّهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيهَا فَفَسَقُوا۟ فِيهَا فَحَقَّ عَلَيْهَا ٱلْقَوْلُ فَدَمَّرْنَٰهَا تَدْمِيرًا

Terjemahan: Dan apabila sampai tempoh Kami hendak membinasakan penduduk sesebuah negeri, Kami perintahkan (lebih dahulu) orang-orang yang melampau-lampau dengan kemewahan di antara mereka (supaya taat), lalu mereka menderhaka dan kelakuan maksiat padanya, maka berhaklah negeri itu dibinasakan, lalu Kami menghancurkannya sehancur-hancurnya.

Maksud hendak atau iradat Allah membinasakan di sini bukan sebagai paksaan tetapi menurut undang-undang alam iaitu kaitan di antara sebab dan akibat, kerana wujudnya golongan yang terlalu mewah dalam masyarakat atau negeri dan pihak masyarakat pula membenarkan keadaan ini yang tidak seimbang itu seterusnya mereka tidak mengubahkan keadaan tersebut hingga golongan yang mewah melakukan tindakan dengan sewenang-wenang, semua itu adalah sebab yang pasti membawa keruntuhan.

Prinsip Akhlak terhadap Milik Harta

Akhlak dalam Islam berfungsi untuk mendidik jiwa dan perasaan supaya dapat menerima hidayah Allah dengan mematuhi suruhan dan menjauhi larangan dengan penuh kesetiaan dalam menjalankan amanah selaku Khalifah Allah di bumi demi memakmurkan bumi ini menurut keadah-kaedah al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

Islam sebagai agama fitrah bagi insan memang menyedari tabiat manusia yang berada antara dua pengaruh; kebaikan dan keburukan atau kebenaran dan kesesatan. Inilah di antara sifat istimewa Islam dalam menyusun segala urusan manusia yang berbeza daripada sistem-sistem lain ciptaan manusia. Islam dengan syari'atnya terlebih dahulu telah menyediakan jiwa dan perasaan insan dengan sifat istimewa untuk mematuhi pengajaran akhlak yang merangkumi berbagai-bagai amalan baik dalam bidang kemasyarakatan dan ekonomi yang di bawah pentadbiran negara Islam.

Langkah pertama untuk membentuk negara Islam mestilah wujud pemerintah atau kerajaan yang akan melaksanakan prinsip-prinsip Islam dengan sepenuhnya. Firman Allah s.w.t.

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟ ۚ وَٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنتُمْ
أَعْدَآءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُم بِنِعْمَتِهِۦٓ إِخْوَٰنًا وَكُنتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ
مِّنَ ٱلنَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنْهَا ۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ
وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى ٱلْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ
ٱلْمُنكَرِ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ

Terjemahan: Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai berai, dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa Jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatupadu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang

neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa Jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangannya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahnya. Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat dekian ialah orang-orang yang berjaya.

(*Ali 'Imran, 3: 103–4*)

Di sini kita hendaklah meneliti dan mempelajari dengan halus tentang saranan serta pengajaran yang terkandung dalam kedua-dua ayat yang tersebut; perkara yang diwajibkan Allah ke atas masyarakat Islam ialah memilih golongan pentadbir untuk mengurus tiga tugas yang terpenting:

1. Menyeru kepada kebaikan. Seruan kepada kebaikan yang dipikul oleh pemerintah yang mempunyai kuatkuasa dalam masyarakat bukanlah semata-mata berdakwah tetapi hendaklah menjalankan usaha yang berkesan untuk melaksanakan tujuan kebajikan bagi masyarakat. Jadi, matlamat negara Islam itu mestilah bercorak negara kebajikan. Cogannya ialah mewujudkan kesejahteraan dan kemajuan bagi masyarakat manusia dengan erti kata yang seluas-luasnya.
2. Pemerintah hendaklah menyuruh masyarakat melakukan ma'aruf dengan pengertian bahawa pelaksanaan setiap kaedah atau prinsip sejagat yang ditetapkan Islam bagi kepentingan masyarakat.
3. Islam melarang dan mencegah masyarakat daripada kemungkaran, perkara-perkara mungkar ialah tiap-tiap perkara yang dilarang oleh Islam yang merangkumi tiap-tiap tindakan yang mendatangkan kemudaratan terhadap masyarakat dan individu.

Inilah tiga tugas yang mesti dipikul oleh jentera pentadbiran dalam masyarakat Islam, iaitu menyeru dan melaksanakan kebaik-

an serta kemajuan dalam masyarakat, menyuruh melakukan ma'aruf dan melarang serta mencegah daripada kemungkaran.

Pada permulaan ayat 103 Surah Ali 'Imran disebutkan semangat yang mengawasi masyarakat yang merangkum golongan pemerintah dan rakyat, perkara yang sangat mustahak sekali ialah mesti ada semangat persaudaran yang tulen yang mengeratkan tali kasih sayang di antara seluruh rakyat dengan pihak kerajaan yang dijalinkan oleh suatu tali atau agama Allah, dan tiap-tiap jalinan yang diikat dengan agama Allah itu mestilah ada tolong-menolong, perpaduan dan pengorbanan di antara kaum muslimin demi kebajikan bersama. Mereka sekalian hendaklah tunduk di bawah arahan prinsip-prinsip Islam baik berkenaan dengan kesusilaan, kemasyarakatan, ekonomi dan pemerintahan.

Dalam keterangan yang ringkas ini akan ditekankan tentang kewajipan atau tugas pemerintah atau menjalankan ajaran Islam yang berkenaan dengan kesusilaan (akhlak) terhadap milikan perseorangan dan batasannya, mengikut konsep Islam.

Pihak pemerintah yang menguruskan negara telah menerima amanat daripada rakyat dalam bahasa Arab terkenal dengan *Uli al-Amri*, maka hendaklah ia menjalankan undang-undang Allah terhadap semua aspek hidup termasuk masalah milikan perseorangan. Sebab milikan ini ada mempunyai perhubungan rapat dengan kedudukan tiap-tiap anggota masyarakat untuk memakmurkan bumi dengan harta atau wang ringgit.

Apabila tiap-tiap orang mematuhi nas atau prinsip yang ditetapkan Allah itu, maka senanglah pihak *Uli al-Amri* menjalankan tugasnya untuk menyampaikan kepada matlamat, *"Negara yang baik (aman dan makmur)* dan *Tuhan yang pengampun."* Akan tetapi jikalau rakyat cuai maka hendaklah pihak pemerintah atau *Uli al-Amri* mengambil segala tindakan yang sewajarnya untuk melaksanakan matlamat tersebut supaya dengan ini masyarakat Islam terpelihara dengan baiknya.

Apabila pihak pemerintah atau *Uli al-Amri* telah mencuaikan tanggungjawabnya dan rakyat berdiam diri sahaja, maka kesemua pihak menanggung dosa, sebab pentadbiran negara termasuk dalam *fardu kifayah.* Jika tidak ada satu golongan yang cekap men-

jalankannya, maka dosanya akan ditanggung oleh semua penduduk.

Ahli Fiqh Islam telah sepakat dalam mentafsirkan tugas *Uli al-Amri,* di antara kaedah atau prinsip yang mesti dipegang ialah:

تَصَرُّفُ الْاِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنُوْطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Terjemahan: Tindakan yang dijalankan oleh ketua negara terhadap urusan rakyat adalah terikat dengan muslihat.

Kaedah ini telah diterangkan dengan lanjut dalam tajuk berasingan dulu. Imam al-Ghazali berkata:

نَعْنِى مِنَ الْمَصْلَحَةِ الْمُحَافَظَةُ عَلَى مَقْصُوْدِ الشَّرْعِ وَمَقْصُوْدُ الشَّرْعِ مِنَ
الْخَلْقِ خَمْسَةٌ، هُوَأَنْ يَحْفَظَ عَلَيْهِمْ دِيْنَهُمْ وَنَفْسَهُمْ، وَعَقْلَهُمْ،
وَنَسْلَهُمْ، وَمَالَهُمْ، فَكُلُّ مَايَتَضَمَّنُ حِفْظُ هَذِهِ الْأُصُوْلُ الْخَمْسَةُ
فَهُوَمُصْلَحَةٌ، وَكُلُّ مَايَفُوْتُ هَذِهِ الْأُصُوْلُ فَهُوَمَفْسَدَةٌ، وَدَفْعُهَا مَصْلَحَةٌ

Terjemahan: Yang kami kehendaki dengan muslihat ialah mengawal tujuan-tujuan syara', manakala tujuan syara' bagi makhluk ialah lima perkara, iaitu mengawal agama, jiwa (diri), akal fikiran, keturunan, dan harta benda mereka, maka tiap-tiap perkara yang boleh menjaminkan dasar-dasar itu dinamakan muslihat, dan tiap-tiap perkara yang boleh menghilangkan dasar-dasar tersebut dinamakan kerosakan.

Imam Abu Ishaq al-Syatibi telah memberi bayangan ada kemungkinan berubahnya muslihat terhadap perkara-perkara yang berkenaan urusan dunia disebabkan ada perubahan keadaan di sekitar masyarakat.

Terdahulu daripada ini telah diterangkan kaedah-kaedah atau prinsip fiqh Islam yang diambil daripada petunjuk al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w. dan di sini akan diterangkan semula beberapa prinsip kerana bahasan di sini ialah mengenai tugas *Uli al-Amri* (golongan pemerintah) terhadap harta benda rakyat.

لاَضَرَرَ وَلاَضِرَارُ

"Tidak ada kemudaratan dan tidak dimudaratkan."

مَالاَيَتِمُّ الْوَاجِبُ اِلاَّبِهِ فَهُوَ وَاجِبُ

"Perkara yang tidak sempurna sesuatu yang wajib melainkan dengannya maka ia menjadi wajib."

دَرْءُالْمَفَاسِدِ مُقَدَّمُ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ

"Mencegah (menghindarkan) kerosakan lebih diutamakan daripada mencari muslihat."

الضَرُوْرَاتُ تُبِيْحُ الْمَحْظُوْرَاتِ

"Darurat mengharuskan larangan."

يَتَحَمَّلُ الضَّرَرُ الْخَاصُ لِدَفْعِ الضَّرَرِ الْعَامِ

"Ditanggung kemudaratan khas untuk menolak kemudaratan am."

يَتَحَمَّلُ الضَّرَرُ الْاَدْنَى لِدَفْعِ الْأَعْلَى

"Ditanggung kemudaratan yang ringan untuk menolak kemudaratan yang berat."

المَشَقَّةُ تَجْلِبُ التَّيْسِيْرِ

"Kesukaran menarik atau mendatangkan kesenangan."

تَصَرُّفُ الْاِمَامُ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنُوْطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

"Tindakan ketua negara ke atas rakyat terikat dengan muslihat."

لَايُنْكَرُ تَغَيُّرُ الْاَحْكَامِ بِتَغَيُّرِ الْاَزْمَانِ

"Tidak diingkari perubahan hukum-hukum disebabkan perubahan zaman."

اَلْاُمُوْرُ بِمَقَاصِدِهَا

"Tiap-tiap satu perkara menurut tujuannya."

الضَّرُوْرَةُ تُقَدَّرُ بِقَدَرِهَا

"Setiap darurat dikira menurut kadarnya."

Berdasarkan kaedah-kaedah yang tersebut dan berdasarkan 'aqidah muslim terhadap milikan harta benda marilah kita mengkaji hak-hak *Uli al-Amri* untuk campur tangan terhadap milikan individu iaitu sejauh manakah pihak *Uli al-Amri* boleh campur tangan dalam perkara ini?

Sejauh manakah pihak *Uli al-Amri* boleh campur tangan dalam persoalan ini? Muslihat dalam masa yang tertentu dan keadaan yang tertentu boleh menentukan kedudukan ini. Oleh yang demikian semua hak itu termasuk juga hak milikan tidak boleh diakui milikan apabila tidak menepati syarat-syarat syara', manakala tugas syara' ialah mengawal muslihat umum bagi masyarakat.

Adapun campur tangan dari pihak *Uli al-Amri* itu memang diakui, masalah milikan perseorangan pun sama hak juga dengan yang lain iaitu kesemuanya mesti tunduk kepada hukum syara' dari segi pengakuan hak, jenis-jenis harta benda yang boleh diakui milikan apabila menepati dengan syarat-syarat syara', manakala tugas syara' ialah mengawal muslihat umum bagi masyarakat.

Tidak syak bagi kaedah-kaedah syara' yang tersebut di atas memang diakui oleh fuqaha' Islam dan telah menyuluh kepada kita akan jalan untuk menentukan sejauh mana *Uli al-Amri* boleh campur tangan terhadap milikan individu.

Kaedah Pertama

Mula-mula sekali hendaklah kita memerhati kaedah:

تَغَيُّرُ الْأَحْكَامِ بِتَغَيُّرِ الْأَزْمَانِ

"Perubahan hukum-hukum menurut perubahan zaman."

tiada konteksnya dengan perkara campur tangan kerajaan.

Ibn al-Qayyim telah memperuntukkan satu fasal dalam bukunya; tajuk fasal itu ialah

تَغَيُّرُ الْفَتْوَى وَاخْتِلَافِهَا بِحَسَبِ تَغَيُّرِ الْأَزْمِنَةِ وَالْأَمْكِنَةِ وَالْأَحْوَالِ وَالنِّيَّاتِ وَالْعَوَائِدِ

"Perubahan fatwa dan perbezaannya mengikut perubahan zaman, tempat, keadaan-keadaan, niat-niat dan adat-adat."

Katanya lagi yang bermaksud fasal ini mempunyai kaedah yang besar, sesungguhnya berlaku kesalahan yang besar terhadap syari'at, disebabkan oleh kejahilan tentang fasal ini yang menyebabkan kesukaran, kesempitan dan membebankan perkara yang tidak patut, sedangkan telah diketahui bahawa syari'at yang tinggi lagi suci tegak atas setinggi darjat muslihat dan mengapa tidak dilaksanakan? Sesungguhnya syari'at Islam terbina dan terbentuk, atas kebijaksanaan, kemuslihatan dan hikmat yang penuh. Maka tiap-tiap masalah yang menyimpang daripada dasar keadilan kepada kezaliman, atau daripada kerahmatan kepada kesusahan atau daripada muslihat kepada kerosakan atau daripada kebijaksanaan kepada kebodohan bukanlah boleh dianggap syari'at, walaupun dilakukan dalam berbagai-bagai *ta'wil.* Ibn 'Abidin berkata banyak hukum yang berbeza mengikut peredaran zaman, kerana berlaku perubahan atau berlaku darurat atau disebabkan kerosakan sikap manusia pada suatu zaman. Jika dikekalkan suatu hukum menurut asalnya akan timbul kesusahan dan kerosakan, dan boleh menyalahi kaedah-kaedah syari'at yang berdasarkan kesenangan dan sebaliknya menolak kerosakan. Oleh yang demikian anda lihat bahawa sarjana-sarjana Islam dalam satu mazhab telah meng-

ambil pendapat yang berlainan daripada nas-nas Imam Mazhab mereka sendiri dalam berbagai-bagai masalah yang telah ditetapkan pada zamannya, kerana mengetahui sikap yang sama seperti mereka juga, ini pula diambil daripada kaedah-kaedah mazhabnya.

Ada pun hukum-hukum yang dibawa oleh syari'at untuk menegakkan prinsip agama mengikut nasnya yang asal sama ada nas yang menyuruh atau menegah, seperti keharaman perkara-perkara yang dilarang, wajib ada kerelaan dalam *'aqad-'aqad* (kontrak), tiap-tiap orang mesti mematuhi 'aqad yang halal, mengganti rugi terhadap kemudaratan ke atas orang lain, kewajipannya mencegah kejahatan, menutup segala pintu kerosakan mengawal hak-hak orang lain, tiap-tiap orang bertanggungjawab terhadap perbuatan atau tindakan dan sebagainya adalah termasuk dalam hukum-hukum tetap dan dasar-dasar syari'at yang tidak mungkin berubah sama sekali. Ini semua tidak mungkin bertukar pada sepanjang zaman dan segenap generasi, bahkan ia merupakan kaedah atau dasar-dasar universal yang dibawa oleh syari'at untuk memperbaiki mana-mana zaman atau apa juga generasi, cuma cara pelaksanaan dan praktiknya mungkin berubah selaras dengan tuntutan masa dan peristiwa.

Misalnya, cara mengawal hak-hak dengan melalui mahkamah, kadang-kadang mahkamah memerlukan mahkamah seorang hakim sahaja, dan ini mungkin berubah tentang cara iaitu adakalanya mahkamah memerlukan beberapa orang hakim, dan berbagai-bagai peringkat mahkamah pula. Hal ini mengikut muslihat tuntutan zaman dan keperluan masyarakat.

Keadaan setengah-setengah hukum syara' yang mungkin berubah mengikut perubahan zaman pada hakikatnya dan dasar syara' hanya satu sahaja iaitu membenarkan kebenaran, menarik muslihat dan mencegah daripada kerosakan.

Kita perlu memahami bahawa prinsip tetap tidak berubah yang berubah ialah *wasilah* atau cara-cara sahaja. Manakala *wasilah* dan cara itu pada kebiasaannya tidak ditetapkan oleh syari'at Islam, supaya dengan demikian dapat dipilih berbagai-bagai *wasilah* pada tiap-tiap zaman suatu cara yang lebih berkesan dan lebih berjaya untuk menegakkan kebenaran dan keadilan.

Kitab-kitab fiqh telah membahagikan faktor-faktor perubahan zaman kepada dua, pertama perubahan hukum *ijtihad* yang disebabkan oleh kerosakan zaman dan yang kedua, perubahan hukum-hukum ijtihad kerana perubahan wasilah-wasilah dan keadaan masyarakat mengikut contoh-contoh masalah yang berkenaan dengan perkara yang tersebut ternyatalah bahawa perubahan hukum-hukum menurut perubahan zaman itu lebih dekat konteksnya dengan pandangan *al-Masalih al-Mursalah,* dari pandangan teori *al-ma'aruf* sebab pun dikatakan demikian kerana kelemahan semangat dan rosak perasaan tanggungjawab, semangat tamak dan kemerosotan semangat agama tidaklah boleh dianggap sebagai arah yang digunakan oleh masyarakat untuk membenarkan amalan-amalan dan kira bicara dalam kehidupan mereka, tetapi sebenarnya ialah gejala-gejala keruntuhan moral yang melemahkan semangat kepercayaan kepada diri sendiri atau perubahan yang berlaku dalam cara penyusunan hidup. Semua itu membawa hukum-hukum yang berasaskan ijtihad bagi keadaan yang berbeza; dahulu tidak selaras lagi dengan keadaan-keadaan baru untuk melaksanakan tujuan-tujuan syara'. Maka hendaklah hukum diubahsuai mengikut corak yang munasabah dengan keadaan yang ada yang boleh melaksanakan tujuan syara' terhadap hukum yang asal dahulu.

Contoh seperti sebuah kapal layar yang menuju ke suatu matlamat menurut tiupan angin utara, maka layarnya mesti disesuaikan dengan keadaan itu, tetapi apabila angin berubah daripada utara hendaklah diubah kedudukan layar tadi supaya dapat menjaminkan kapal itu sampai kepada matlamatnya. Jikalau tidak tentulah akan pergi ke lain tempat atau terhenti sama sekali.

Kaedah Kedua

Yang perlu diteliti terhadap penentuan sejauh mana harus *Uli al-Amri* campur tangan dalam milikan perseorangan ialah kaedah:

لَاضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

"Tidak kemudaratan dan tidak ada dimudaratkan."

Ini ialah nas Hadith Nabi s.a.w.; kemudaratan maknanya melibatkan kerosakan kepada yang lain. Prinsip ini memang masyhur dalam syari'at Islam, banyak nas sama ada daripada al-Qur'an dan Hadith. Ḳaedah ini merupakan satu daripada dasar untuk mencegah perbuatan yang berbahaya, kesan daripada kaedah ini timbul hukum wajib membayar ganti rugi terhadap barang-barang yang dirosakkan dan hukuman keseksaan. Demikian juga untuk mencari muslihat bagi kaedah:

جَلْبُ الْمَصَالِحِ وَدَرْءُالْمَفَاسِدِ

"Menarik muslihat dan mencegah kerosakan."

Kedua-dua kaedah tersebut memerlukan supaya semua bahaya hendaklah ditolak, bahaya pula ada dua jenis bahaya khas dan bahaya am. Jadi tiap-tiap bahaya hendaklah dielak terlebih dahulu dengan menyediakan langkah-langkah yang diperlukan untuk menghindarkannya, dan jika berlaku hendaklah semua pihak berusaha untuk mengelakkannya. Seterusnya jika berlaku dua bahaya, maka hendaklah ditolak bahaya yang lebih besar. Inilah kaedah.

يَجُوْزُ اِرْتِكَابُ أَهْوَنَ الشَّرَّيْنِ لِدَفْعِ أَعْظَمِهِمَا

"Harus dipilih bahaya yang lebih ringan untuk menolak bahaya yang lebih berat."

Prinsip yang tersebut menerbitkan beberapa kaedah atau prinsip cadangan yang lain di antara lainnya.

Pertama:

اَلضَّرَرُ يُدْفَعُ بِقَدَرِ الْإِمْكَانِ

"Kemudaratan atau kemerbahayaan ditolak dengan sedapat mungkin."

Kaedah atau prinsip ini membawa pengertian iaitu wajib mencegah kemudaratan sebelum daripada berlakunya dengan menye-

diakan segala langkah-langkah yang perlu termasuk dalam dasar *al-Masalih al-Mursalah* dengan siasat syara', kerana kita telah sama-sama mengetahui bahawa mengawal adalah lebih baik daripada mengubat. Ini semua kembali kepada kesanggupan manusia, sebab sebarang *taklif* syara' adalah didasarkan atas kemampuan atau kesanggupan manusia. Selaras dengan dasar ini, maka disyari'atkan jihad untuk mencegah bahaya daripada musuh Islam, begitu juga hendaklah menutup segala pintu yang membawa kepada kerosakan dan langkah-langkah lain yang perlu demi menghindarkan kemudaratan atau bahaya.

Kedua:

اَلضَّرَرُ يُزَالُ

"Kemudaratan dihilangkan."

Kaedah atau prinsip ini bermakna bahawa kemudaratan hendaklah dihilangkan atau diperbaiki semula setelah berlaku. Perkara ini telah dibuat penjelasan sebelum daripada ini.

اَلضَّرَرُ لاَيُزَالُ بِمِثْلِهِ

"Kemudaratan tidak dapat dihapuskan dengan sesuatu yang sepertinya."

Kaedah atau prinsip ini menentapkan syarat-syarat yang mengikatkan kaedah-kaedah yang dahulu, sebab menghilangkan kemudaratan tidak harus melibatkan kemudaratan baru yang sama berat dengannya, misalnya seorang yang lapar tidak harus mengambil makanan orang lain yang serupa lapar dengannya. Kaedah ini telah diterangkan dengan lanjut sebelum daripada ini.

Rumusan tentang sejauh manakah pihak *Uli al-Amri* boleh campur tangan dalam perkara milikan perseorangan dapat dibuat seperti berikut.:

Sebagaimana telah ditegaskan bahawa cara Islam menyusun masyarakat dalam berbagai-bagai bidang adalah dimulakan dengan menguatkuasakan pengajaran akhlak ke atas tiap-tiap anggota masyarakat supaya tiap-tiap orang mematuhi dasar-dasar itu

dengan kerelaan dan menerima dengan tangan yang terbuka. Apabila tiap-tiap orang telah bersikap sedemikian, maka ringanlah bebanan kerajaan, tetapi apabila mereka enggan mematuhinya barulah kerajaan boleh campur tangan.

Islam itu agama semula jadi (fitrah) bagi manusia, Allah s.w.t. sangat-sangat mengetahui tabiat makhluk-Nya. Dia telah menunjukkan dua garis jalan; jalan yang lurus dan jalan yang bengkok atau menunjukkan dua cara, iaitu cara kebaikan dan kejahatan. Maka setiap diberikan kebebasan memilih di antara dua itu, untuk menjamin ajaran Allah itu berjalan dengan lancar hendaklah ada kerajaan yang mengawal dan mentadbir perjalanan itu.

Apabila setiap anggota masyarakat atau mojoritinya patuh dengan kerelaan hati menjalankan ajaran Allah maka kuranglah campur tangan *Uli al-Amri* terhadap sesuatu urusan, tetapi jika sebaliknya yakni anggota masyarakat tidak memperdulikan ajaran akhlak Islam maka terpaksalah *Uli al-Amri* campur tangan dan beratlah tugas kerajaan untuk memaksa mereka agar mematuhi undang-undang Allah.

Inilah secara umum tentang pengukuran sejauh manakah *Uli al-Amri* (pihak pemerintah) boleh campur tangan terhadap harta kekayaan individu. Ertinya hal ini mungkin menjadi luas atau sempit mengikut darjat budi pekerti yang berlaku dalam masyarakat, di samping itu mungkin ada pula keadaan-keadaan tertentu yang mendatang ke atas masyarakat yang boleh mengancamnya.

Pendeknya, tidak ada kaedah yang tetap atau statistik yang mengingatkan *Uli al-Amri* untuk menentukan sejauh manakah boleh campur tangan untuk memastikan pelaksanaan pengajaran akhlak Islam bagi penyusunan masyarakat yang termasuk dalamnya milikan harta benda?

Misalnya jika anggota masyarakat Islam masing-masing mengeluarkan zakat dan di samping itu ia memberi sumbangan pula pada jalan Allah yakni muslihat umum, maka pihak kerajaan tidak perlu mengambil tindakan mengutip zakat dengan paksa. Cuma peranan *Uli al-Amri* di sini mengarahkan hasil itu kepada mana-mana bahagian yang diperlukan oleh masyarakat sebagai menunaikan kehendak Islam yang cintakan perpaduan masyarakat. Sabda Rasulullah s.a.w.

اَلْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا

Terjemahan: Hubungan orang-orang mukmin bagi orang-orang mukmin sebagai bangunan setengah dengan setengahnya saling kuat-menguatkan.

(*Riwayat Sebahagian Ahli Sunan*)

Akan tetapi, jika semangat iman lemah dan akhlak merosot dalam masyarakat, seterusnya mereka enggan mengeluarkan zakat serta tidak memberi sumbangan secara sukarela pada jalan Allah demi memenuhi keperluan masyarakat Islam, maka tidak ada jalan lain lagi bagi *Uli al-Amri* hanya mengambil tindakan yang wajar untuk menjamin pelaksanaan hukum-hukum Allah, walaupun dengan mengisytiharkan perang ke atas mereka.

VI

HAK ASASI MANUSIA DALAM ISLAM

Islam mempunyai keistimewaan berbanding dengan agama lain yang terkenal di dunia ini seperti Yahudi, Kristian, Hindu, Budha dan sebagainya yang mana Islam menekankan keseimbangan dan integrasi antara dunia dan akhirat serta mengawal dasar keseimbangan dan keadilan di antara tuntutan atau kehendak rohaniah dengan jasmaniah.

Penganut Islam tidak dilarang untuk menikmati harta benda dan tuntutan jasmani selagi yang diperolehinya itu menurut cara yang halal dan diambil dalam kadar yang sederhana dan munasabah.

Dasar membuat perseimbangan ini jelas ternyata dalam kebanyakan ayat al-Qur'an yang menggalakkan seseorang muslim mengambil kedua-duanya sekali. Firman Allah:

وَٱبْتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلْءَاخِرَةَ وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنْيَا وَأَحْسِن كَمَآ أَحْسَنَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ

Terjemahan: Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagian hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia, dan berbuat baiklah (kepada) hamba-hamba Allah, sebagai-

mana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah).

(*Al-Qasas*, 28: 77)

Islam mengharuskan penganutnya menggunakan alat-alat perhiasan, makan dan minum yang lazat dan sebagainya asal sahaja dalam kadar yang sederhana atau munasabah. Firman Allah:

يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ خُذُواْ زِينَتَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُواْ وَٱشْرَبُواْ وَلَا تُسْرِفُوٓاْ ۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلْمُسْرِفِينَ ۝ قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ ٱللَّهِ ٱلَّتِيٓ أَخْرَجَ لِعِبَادِهِۦ وَٱلطَّيِّبَٰتِ مِنَ ٱلرِّزْقِ ۚ قُلْ هِيَ لِلَّذِينَ ءَامَنُواْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

Terjemahan: Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang) dan jangan pula kamu melampau-lampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas. Katakanlah (wahai Muhammad): siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkannya untuk hamba-hamba-Nya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakan-Nya? Katakanlah: Semuanya itu ialah (nikmat-nikmat) untuk orang-orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (nikmat-nikmat itu pula). Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu-persatu bagi orang-orang yang (mahu) mengetahui.

(*Al-A'raf*, 7:31–2)

Allah memberi arahan kepada orang-orang muslim supaya doa mereka itu merangkumi kedua-dua tuntutan sekali iaitu dunia dan akhirat: Firman Allah:

فَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَقُولُ رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا وَمَا لَهُۥ فِى ٱلْءَاخِرَةِ مِنْ خَلَٰقٍ

وَمِنْهُم مَّن يَقُولُ رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ

Terjemahan: Dalam pada itu, ada di antara manusia yang (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan Kami! Berilah kami (kebaikan) di dunia." (Orang-orang ini diberikan kebaikan di dunia) dan tidak ada baginya sedikit pun kebaikan di akhirat. Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka."

(Al-Baqarah: 2:200-1)

Firman Allah:

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ لَكُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا

Terjemahan: Dia (Allah) yang telah menjadikan untuk kamu apa yang ada di bumi kesemuanya.

(Al-Baqarah, 2:29)

وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Terjemahan: Dan Ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripada-Nya; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaan-Nya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti.

(Al-Jasiyah 45:13)

Rasulullah s.a.w. bersabda:

لاَرَهْبَانِيَّةَ فِى الإِسْلاَمِ

Terjemahan: Tidak ada konsep kepaderian (kependetaan) dalam Islam.

Maka, dengan ayat-ayat yang disebutkan di atas ternyata kepada kita tentang konsep kesederhanaan dan dasar praktikal Islam dalam kehidupan ini yang selalu menggunakan keseimbangan dan perpaduan untuk menyampaikan kesejahteraan di dunia ini. Allah s.w.t. memberikan kepada tiap-tiap manusia di dunia ini lima hak asasi yang paling mutlak atau paling pokok iaitu hak hidup, hak kebebasan, hak pengetahuan dan pelajaran, hak kehormatan dan hak milik. Di bawah ini akan diterangkan dengan ringkas tiap-tiap hak tersebut.

Hak Hidup

Allah, Tuhan sarwa sekalian alam telah mengurniakan hidup bagi setiap insan, maka hak ini tidak boleh dicabar kecuali dalam kebenaran. Hidup itu adalah juga hak kemasyarakatan. Firman Allah:

وَإِنَّا لَنَحْنُ نُحْيِ وَنُمِيتُ وَنَحْنُ ٱلْوَٰرِثُونَ

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kamilah yang menghidupkan dan mematikan, dan Kamilah yang kekal memiliki segala-galanya.

(*Al-Hijr, 15:23*)

Oleh sebab itu menodai atau menceroboh ke atas nyawa seseorang bermakna menceroboh ke atas masyarakat.

مَن قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْفَسَادٍ فِى ٱلْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ ٱلنَّاسَ جَمِيعًا

Terjemahan: Sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di bumi, maka seolah-olah dia membunuh manusia semuanya.

(*Surah al-Ma'idah, ayat 32*)

وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ

Terjemahan: Dan janganlah kamu membunuh diri kamu.

Dengan pengakuan Islam terhadap hak-hak hidup ini, maka dapatlah dirumuskan beberapa hukumnya:

1. Tiap-tiap perkara yang berhubung dengan hidup dan membawa keselamatan tubuh badan dikira wajib seperti memelihara kesihatan, merawat dan mencegah penyakit atau mengawal wabak-wabak yang menular adalah wajib.
2. Tiap-tiap perkara yang boleh merosakkan tubuh badan mengancam nyawa atau melemahkannya adalah haram, seperti mabuk, memakan benda-benda yang menghayalkan seperti dadah, candu, heroin dan sebagainya atau memakan benda-benda yang mendatangkan kemerbahayaan kepada tubuh badan, sehinggakan beribadat dengan keterlaluan yang boleh membawa kelemahan anggota adalah dilarang.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

إِنَّ لِنَفْسِكَ عَلَيْكَ حَقًّا وَإِنَّ لِجِسْمِكَ عَلَيْكَ حَقًّا

Terjemahan: Sesungguhnya diri kamu itu ada mempunyai hak dan tubuh badan kamu mempunyai hak juga.

(*Riwayat sebahagian Ahli Sunan*)

Jadi, memelihara kerehatan dan kesihatan tubuh badan hendaklah dikawal dengan baik, sebab manusia berfungsi sebagai khalifah di dunia untuk memakmurkan bumi yang luas terbentang ini memerlukan tenaga fikiran yang sihat. Setiap kegiatan yang diniatkan untuk pembangunan hidup bagi mencapai keredaan Allah, semuanya dikira amal salih mengikut istilah Islam. Rasulullah bersabda lagi:

Terjemahan: Diri kamu menjadi kenderaanmu, maka hendaklah kamu kasihan akan dia.

(*Riwayat Sebahagian Ahli Sunan*)

3. Tiap-tiap perkara yang boleh memelihara kehidupan hukumnya wajib, seperti makan minum dan pakaian. Cuma jangan melampaui batas, sebab melampaui batas dalam makan minum boleh membawa penyakit dan boleh merosakkan kesihatan. Begitu juga melampaui batas memakai pakaian yang terlalu mahal atau terlalu mewah boleh membawa kepada perasaan riak, bongkak dan takbur, sedangkan sifat-sifat itu adalah buruk dalam syara'. Firman Allah:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا ۚ

Terjemahan: Makanlah kamu dan minumlah tetapi jangan melampaui batas.

(*Al-A'raf, 7: 31*)

4. Setiap perkara yang boleh mengelakkan diri daripada mati itu hukumnya harus, bahkan terkadang wajib, iaitu sekiranya dengan perbuatan itu dapat menghindarkan kita daripada mati. Sebab itu agama Islam agama yang mudah lagi praktik.

Hak Kebebasan

Islam menetapkan hak kebebasan bagi tiap-tiap insan sejak mula ia dilahirkan ke dunia ini. Tiap-tiap insan telah diperanakkan dengan bebas. Sebab itu Sayyidina Umar bin al-Khattab berkata, *"Bagaimanakah kamu memperhambakan manusia padahal dia diperanakkan dengan bebas."*

Hak kebebasan manusia tidak harus dilucutkan melainkan pada keadaan darurat, iaitu ketika mempertahankan kemerdekaan dan keselamatan bagi umat Islam. Pada masa musuh Islam dapat mengalahkan kaum muslimin, mereka telah melucutkan hak ini

dan menjalankan penindasan dan cengkaman ke atas kaum muslimin.

Hak-hak kebebasan itu merangkumi kebebasan bercakap, kebebasan berfikir, kebebasan bersuara dan lain-lainnya. Antara hak kebebasan ialah membebaskan manusia daripada penyembahan dan pendewaan terhadap sesuatu benda atau sesama manusia. Orang tidak harus menyembah sesuatu melainkan Allah jua. Firman-Nya:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Terjemahan: Hanya Engkau yang kami sembah dan hanya kepada Engkaulah kami memohon pertolongan.

Perkataan ini diulangkan 30 kali pada sehari semalam di dalam sembahyang. Seseorang muslim hendaklah bebas juga daripada sebarang kezaliman, daripada pengabdian terhadap kebendaan dan perkosaan hawa nafsu. Pengabdian kepada hawa nafsu adalah dikutuk oleh Allah. Firman-Nya.

أَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَٰهَهُ هَوَىٰهُ

Terjemahan: Tidakkah engkau fikirkan (bagaimana peleknya) yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhannya.

(Al-Furqan, 25: 43)

Teras atau pokok bagi segala kebebasan ialah kebebasan fikiran. Seseorang muslim berhak melahirkan pendapat atau fikirannya tanpa diganggu oleh undang-undang. Begitu juga kebebasan beragama. Firman Allah:

لَآ إِكْرَاهَ فِى ٱلدِّينِ

Terjemahan: Tidak ada paksaan di dalam beragama.

Demikian juga kebebasan individu di dalam tanah airnya. Firman Allah:

وَنُرِيدُ أَن نَّمُنَّ عَلَى ٱلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَنَجْعَلَهُمْ أَئِمَّةً

وَنَجْعَلَهُمُ ٱلْوَٰرِثِينَ

Terjemahan: Dan Kami hendak berihsan dengan memberikan pertolongan kepada kaum yang tertindas di negeri itu, dan hendak menjadikan mereka pemimpin-peminpin, serta hendak menjadikan mereka orang-orang yang mewarisi (apa yang dimiliki oleh Fir'aun dan kaumnya).

(Al-Qasas, 38: 5)

ٱلَّذِينَ إِن مَّكَّنَّٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ أَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَمَرُوا۟
بِٱلْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا۟ عَنِ ٱلْمُنكَرِ

Terjemahan: Iaitu mereka(umat Islam) yang jika kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar.

(Al-Haj, 22: 41)

Ayat ini memberikan garis kasar terhadap negara Islam iaitu mereka yang telah diberi kuasa oleh Allah di bumi, maka mereka menggunakan kuasa politik itu untuk menegakkan empat strategi atau matlamat yang pokok, demi kebajikan dan kebaikan masyarakat iaitu:

1. Menyuruh rakyat menunaikan sembahyang, kerana sembahyang menjadi alat yang paling berkesan untuk membentuk peribadi yang mukmin atau rakyat-rakyat yang beriman dengan Allah.
2. Menyuruh rakyat supaya mengeluarkan zakat, kerana dalam Islam zakat adalah merupakan cara yang baik untuk memperdekatkan jurang perbezaan ekonomi di antara rakyat, supaya tiap-tiap rakyat mempunyai makan dan minum yang munasabah, mempunyai pakaian yang cukup, mempunyai wang yang cukup untuk membuat rumah, mempunyai wang bagi pendidikan dan pelajaran

dan akhirnya mempunyai kemampuan untuk merawat tubuh badan. Jika ada kecukupan dalam lima perkara ini barulah hidup mereka di dunia ini bahagia.

3. Menggunakan kuasa politik untuk menyuruh rakyat melakukan kebajikan dan segala perkara yang mendatangkan faedah kepada individu dan masyarakat.
4. Menggunakan kuasa untuk melarang rakyat dari melakukan kemungkaran dan apa-apa perkara yang mendatangkan kerosakan baik terhadap individu dan masyarakat.

Semua ciri kebebasan yang tersebut di atas adalah terikat dengan muslihat umum atau kepentingan orang ramai. Muslihat umum hendaklah dikawal dalam Islam. Sebaliknya muslihat umum janganlah pula menghancurkan muslihat individu. Jadi, kebebasan dalam Islam terikat dengan garis hukum-hukum Allah demi keselamatan manusia sendiri.

Hak Ilmu Pengetahuan dan Pelajaran

Islam menuntut tiap-tiap penganutnya menuntut ilmu pengetahuan yang berguna. Sabda Nabi s.a.w.:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Terjemahan: Menuntut ilmu itu adalah wajib ke atas tiap-tiap muslim.

Orang yang tidak pandai atau tidak mempunyai pengetahuan hendaklah belajar kepada orang yang pandai atau berpengetahuan. Firman Allah:

فَسْئَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِن كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Terjemahan: Maka hendaklah kamu bertanya kepada orang yang pandai, jika kamu tidak mengetahui.

(Al-Nahl, 16: 43)

Demikianlah semangat ilmu pengetahuan dalam Islam. Dalam masyarakat Islam tidak ada tempat kecuali dua golongan sahaja, iaitu orang yang pandai atau berilmu atau pelajar-pelajar. Adapun orang yang jahil tidak ada tempat dalam masyarakat. Sabda Nabi s.a.w.:

النَّاسُ اثْنَانِ: عَالِمٌ أَوْمُتَعَلِّمٌ وَلاَخَيْرَ فِيْمَنْ عَدَاهُمَا

Terjemahan: Manusia itu ada dua golongan sahaja, orang pandai dan pelajar dan tidak ada kebajikan selain daripada keduanya.

Al-Qur'an sendiri menafikan orang-orang jahil atau bodoh itu mempunyai kedudukan fikiran. Firman Allah:

وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ نَضْرِبُهَالِلنَّاسِ وَمَايَعْقِلُهَآإِلاَّالْعٰلِمُوْنَ

Terjemahan: Dan misal-misal perbandingan yang demikian itu Kami kemukakan kepada umat manusia, dan hanya orang-orang yang berilmu yang dapat memahaminya.

(*Al-'Ankabut, 29: 43*)

Islam tidak mengakui adanya orang-orang jahil di samping orang yang pandai, bahkan hendaklah mereka belajar kepada orang-orang yang pandai, dan orang-orang yang pandai pula mengajarkan mereka itu.

Rasulullah s.a.w. telah berucap pada suatu hari sabdanya

Terjemahan: Apakah sikap kaum-kaum yang tidak mengajarkan tetangga mereka, tidak mendidikkan mereka, tidak menasihati mereka, tidak menyuruh mereka, tidak melarang mereka, dan apakah sikap kaum-kaum yang tidak belajar daripada tetangga mereka, tidak mengambil fikiran dari mereka, demi Tuhan, hendaklah mereka (kaum-kaum) mengajarkan tetang mereka, menunjukkan mereka, menyuruhkan mereka, mengambil fikiran daripada mereka atau dilekaskan turun bala.

Begitulah seterusnya Rasulullah s.a.w. memberi amaran kepada orang ramai supaya belajar dan mengajar. Memang ilmu pengetahuan itu menjadi alat mutlak untuk membina dan membangun masyarakat. Firman Allah:

لُعِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ لِسَانِ دَاوُۥدَ وَعِيسَى ٱبْنِ مَرْيَمَ ۚ
ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوا۟ وَّكَانُوا۟ يَعْتَدُونَ كَانُوا۟ لَا يَتَنَاهَوْنَ عَن مُّنكَرٍ فَعَلُوهُ ۚ

Terjemahan: Orang-orang kafir Yahudi dari Bani Israel telah dilaknat (di dalam kitab-kitab Zabur dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi 'Isa bin Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu menceroboh. Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan. (sesama sendiri) dari perbuatan mungkar (derhaka dan ceroboh), yang mereka lakukan.

(*Al-Ma'idah, 5:78-9*)

Sebahagian ayat-ayat yang tersebut di atas telah cukup menjadi gambaran umum kepada seluruh kaum muslimin bagaimana sikap kedudukan ilmu pengetahuan dalam Islam. Ilmu menjadi alat untuk pembangunan peribadi masyarakat dan negara.

Antara faktor penting yang melemahkan imej umat Islam di dunia sejak dua dan tiga abad kebelakangan ini ialah kejahilan dan kebodohan umat Islam sendiri. Mereka telah tertinggal jauh daripada umat-umat yang lain di dunia ini dalam bidang pelajaran dan ilmu pengetahuan. Orang bukan Islam telah begitu maju dalam ilmu sains, ilmu kejuruteraan, ilmu kedoktoran, ilmu pertanian, ilmu pentadbiran, ilmu kira-kira, ilmu kajihayat dan sebagainya. Pendeknya, mereka telah begitu maju dalam ilmu-ilmu yang berkenaan dengan keduniaan. Sedangkan umat Islam tertinggal jauh ke belakang. Inilah antara faktor penting yang menyebabkan kita dipandang hina dalam masyarakat antarabangsa.

Sedangkan fuqaha' (Ahli Perundangan Islam) Islam telah menetapkan hukum, bahawa setengah-setengah pengetahuan dan pelajaran itu berupa fardu *'ain* yakni wajib dipelajari dan difahami oleh tiap-tiap muslim lelaki dan perempuan, dan setengah-se-

tengahnya bercorak fardu *kifayah*, seperti pelajaran dan ilmu yang berkenaan dengan urusan kehidupan di dunia seperti ilmu perdagangan, ilmu kedoktoran, pertanian, perkapalan, kejuruteraan, pengurusan dan pentadbiran seni bina, dan beratus-ratus ilmu lagi yang berkenaan secara langsung dengan urusan keduniaan.

Oleh kerana memandangkan pengetahuan itu sebagai hak asasi bagi setiap kaum muslimin, maka para fuquha' telah menetapkan bahawa perbelanjaan menuntut ilmu dan alat-alat pelajaran bagi murid-murid dan pelajar tertanggung ke atas bahu keluarga mereka yang mampu. Jika ibu bapa murid dan pelajar miskin hendaklah ditanggung oleh negara, segala buku-buku pengetahuan dan pelajaran yang digunakan selain daripada tujuan perdagangan adalah dikecualikan daripada zakat, sebab kejahilan menurut pendapat ulama dan ahli bijak pandai samalah bahayanya dengan kebinasaan.

Menurut kaedah fiqh Islam tiap-tiap pengetahuan yang diperlukan oleh masyarakat sama ada pengetahuan praktikal dan teori hendaklah ada sebahagian daripada kaum muslimin mempelajari dan menguasainya dàn hendaklah ada sebahagian kaum muslimin yang mengajarnya kepada kaum muslimin, sekira-kira dapat memenuhi tuntutan dan pentadbiran hidup di dunia ini. Jika tidak maka seluruh kaum muslimin berdosa sebab mereka tidak menjalankan fardu *kifayah*.

Kita suka menarik perhatian bahawa agama Islam tidak mengakui ilmu pengetahuan yang dicapai itu melainkan dengan tiga cara: Pertama: melalui perkhabaran yang benar yang tidak ada keraguan di dalamnya; Kedua; melalui cara percubaan dan yang ketiga: melalui akal fikiran dan undang-undang logik, supaya dengan demikian dapat mengelakkan diri daripada sebarang prasangka atau kesamaran. Firman Allah:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ ٱلسَّمْعَ وَٱلْبَصَرَ وَٱلْفُؤَادَ كُلُّ أُوْلَٰئِكَ كَانَ
عَنْهُ مَسْئُولًا

Terjemahan: Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati,

semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.

(*Al-Isra', 17:36*)

Hak Kehormatan atau Maruah

Dalam Islam hak kehormatan atau maruah ini hendaklah dikawal sebab manusia yang beriman adalah sejenis makhluk yang mulia di sisi Allah. Firman Allah:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْاِنْسٰنَ فِى اَحْسَنِ تَقْوِيْمٍ

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah mencipta manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya).

(*Al-Tin, 95: 4*)

Oleh kerana manusia itu dijadikan Allah s.w.t. dengan sifatnya yang teristimewa itu, maka hendaklah manusia mengawal maruahnya supaya tidak terjatuh menjadi makhluk yang rendah. Firman-Nya:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِىٓ ءَادَمَ وَحَمَلْنٰهُمْ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ وَرَزَقْنٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبٰتِ وَفَضَّلْنٰهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلاً

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah memberi mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut, dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.

(*Al-Isra' 17:70*)

Ayat ini menjadi bukti yang terang bahawa manusia adalah sebaik-baik makhluk Allah dan kehormatannya telah tetap dengan sifat insan atau Bani Adam tanpa dikira agama, asal keturunan, bahasa dan keadaannya. Menurut pendapat al-Alusi dalam fafsirnya: *Kami jadikan sekalian mereka itu, baik atau jahat, mempunyai kehormatan.*

Kehormatan bagi tiap-tiap individu itu memerlukan tiap-tiap orang mendapat hak yang sama terhadap menjaga kehormatan atau maruah diri, mengawal kedudukan, mencari rezeki hidup dan sebagainya.

Oleh sebab itu, haruslah satu golongan tidak menghinakan golongan yang lain atau satu kaum merendahkan kedudukan kaum yang lain. Firman Allah:

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka, dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka, dan janganlah setengah kamu mengatakan keaiban setengahnya yang lain, dan janganlah pula panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk.

(Al-Hujurat, 49: 11)

Ayat di atas melarang orang-orang yang beriman daripada melakukan sebarang tindakan yang boleh merosakkan maruah atau menjatuhkan nama baik orang lain, supaya perpaduan dan semangat saling mengerti dapat dipertahankan di antara mereka.

Seluruh manusia dalam dunia ini berasal dari satu induk iaitu dari seorang bapa dan seorang ibu. Sabda Rasulullah s.a.w.:

يَاأَيُّهَاالنَّاسُ ، اِنَّ رَبَّكُمْ وَاحِدٌ، وَاِنَّ أَبَاكُمْ وَاحِدٌ، كُلُّكُمْ لِآدَمَ وَآدَمُ مِنْ تُرَابٍ

Terjemahan: Wahai manusia sekalian! Tuhan kamu satu, bapa kamu satu, kamu semua berasal dari Adam dan Adam berasal dari tanah.

Walaupun manusia mempunyai bahasa yang berbeza-beza dan kebudayaan yang berlainan yang disebabkan oleh faktor-faktor alam sekeliling dan disebabkan oleh kebaikan dan perkembangan hidup yang begitu lama, tetapi mereka digesa supaya bekerjasama dan saling membantu di antara satu dengan lain untuk menghasilkan muslihat bersama. Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَٰكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَٰكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓا۟ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ

Terjemahan: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah mencipta kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah yang lebih taqwanya di antara kamu.

(*Al-Hujurat, 49: 13*)

Ayat ini sungguh menarik hati kita, kerana pengajaran yang dibawanya adalah menjadi perpaduan seluruh umat manusia di permukaan bumi ini, supaya mereka bekerjasama menegakkan perdamaian, keamanan dan persaudaraan sejagat, tanpa mengira warna kulit, bahasa dan kebudayaan. Semuanya diseru bekerjasama untuk muslihat seperti perpaduan yang diperjuangkan dalam

Bangsa-Bangsa Bersatu.

Maksud taqwa di sini bukanlah sahaja mengamalkan sembahyang, puasa, haji dan zakat bahkan maknanya lebih luas, iaitu membuat kebajikan untuk dirinya dan orang ramai. Orang yang lebih banyak membuat kebajikan dan lebih berjasa kepada orang ramai dialah yang lebih tinggi martabatnya di sisi Allah. Rasulullah s.a.w. bersabda:

خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ

Terjemahan: Sebaik-baik manusia ialah yang lebih bermanfaat kepada orang lain.

(Riwayat Sebahagian Ahli Sunnan)

Bakat dan Persediaan Manusia Tidak Sama

Walaupun manusia itu sama dari segi induknya, tetapi ia tidak sama tentang setengah-setengah sifat, bakat, persediaan, kegiatan, watak dan sebagainya. Peribahasa Melayu ada berkata "Rambut sama hitam tetapi hati masing-masing." Oleh yang demikian menyamakan mereka dalam segala keadaan adalah berlawanan dengan fitrah semula jadi yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. Jadi dengan demikian sudah semestinya ada orang yang bijak dan yang kurang bijak, ada yang rajin ada yang kurang rajin, ada yang berhemah tinggi ada yang kurang berhemah, ada yang gemarkan ilmu-ilmu yang tertentu ada yang kurang gemar kepada ilmu itu, ada yang penyabar dan ada yang kurang, ada yang pemanas dan ada yang pendingin, ada yang martabatnya lebih tinggi disebabkan oleh bakat-bakat yang berbeza-beza itu. Firman Allah:

وَهُوَ الَّذِى جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ الْأَرْضِ لِيَبْلُوَكُمْ فِى مَآ آتَاكُمْ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ

Terjemahan: Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain, beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepadamu.

(Al-An'am, 6:165)

Kelebihan mereka dalam setengah-setengah sifat di sisi Allah dan masyarakat itu dinamakan kelebihan moral, dan tiap-tiap orang yang mempunyai kelebihan itu hendaklah digunakan untuk berkhidmat kepada orang ramai dan masyarakat. Inilah tujuannya. (لِيَبْلُوَكُمْ فِيمَا آتَاكُمْ) dalam ayat di atas, tetapi dalam undang-undang dan sebagainya mereka adalah sama sahaja sama ada pandai atau bodoh, cantik atau kurang, kaya atau miskin, begitulah seterusnya.

Orang yang pandai jika membunuh orang bodoh hendaklah dibunuh balas. Demikian pula sebaliknya. Jadi, kesimpulannya manusia itu sama sahaja dari segi undang-undang.

Perbezaan tentang bakat dan sifat yang tersebut di atas adalah menjadi "Sunnalı Allah" atau peraturan alam untuk mengisi kehidupan di dunia ini supaya satu dengan lain sentiasa tolong-menolong dalam menyempurnakan matlamat hidup. Ada orang yang berbakat menjadi doktor, ada orang yang berbakat menjadi tentera atau polis, ada orang yang berbakat menjadi pedagang, ada orang yang berbakat menjadi petani, ada orang yang berbakat menjadi pensyarah, ada orang yang berbakat menjadi pemimpin.

Maka tiap-tiap orang yang menggunakan kegiatannya mengikut bakat asli untuk mencari keredaan pada jalan Allah. Allah berfirman:

نَحْنُ قَسَمْنَا بَيْنَهُم مَّعِيشَتَهُمْ فِى الْحَيَوٰةِ الدُّنْيَا وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ لِّيَتَّخِذَ بَعْضُهُم بَعْضًا سُخْرِيًّا.

Terjemahan: Kami membahagi-bahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan dunia ini (setengah-setengahnya) Kami jadikan kaya-raya dan setengah-setengahnya miskin menderita), dan juga Kami menjadikan darjat setengah-setengah mereka tertinggi dari darjat setengah-setengahnya yang lain (semuanya itu) supaya sebahagian dari mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupannya dari (bantuan) setengahnya yang lain.

(Al-Zukhruf, 43: 32)

Peraturan-peraturan ini dapat menjamin semangat kerjasama di antara semua golongan atau satu bangsa dalam sebuah negara. Tiap-tiap seorang dari anggota masyarakat atau tiap-tiap warganegara mempunyai kewajipan masing-masing untuk membina kehidupan dan mereka mempunyai kehormatan sebagai manusia tanpa pengecualian. Tidak ada dalam Islam ahli-ahli agama yang terlepas daripada kerja, tidak ada golongan atasan yang boleh mendapat wang percuma, tidak ada raja-raja yang terkecuali daripada undang-undang, tidak ada orang kaya yang boleh dikecualikan daripada membayar cukai, bahkan semuanya sebagai satu bangsa yang tertakluk kepada hukum Allah dan undang-undang.

Hak Milik dalam Islam dan Konsep Amal

Kita telah mengetahui dengan serba ringkas tentang hak-hak asasi manusia dalam Islam. Sekarang marilah kita meninjau pula hikmat Allah yang mencipta alam semesta ini untuk kepentingan kita. Sebab Allah terkaya dari sesuatu. Firman Allah:

اللهُ الَّذِى سَخَّرَ لَكُمُ الْبَحْرَ لِتَجْرِىَ الْفُلْكُ فِيهِ بِأَمْرِهِ وَلِتَبْتَغُوا مِن فَضْلِهِ
وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِى السَّمٰوَاتِ وَمَا فِى الْأَرْضِ جَمِيعًا

Terjemahan: Allah yang memudahkan laut bagi kegunaan kamu, supaya kapal-kapal belayar padanya dengan perintah-Nya, dan supaya kamu mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan juga supaya kamu bersyukur. Dan Ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi (sebagai rahmat pemberian) daripada-Nya.

(*Al-Jathiyah, 45: 12–3*)

Ketika Islam mengakui segala hak-hak yang di atas, ia mengakui pula hak-hak yang kelima iaitu hak milik. Hak ini adalah hak fitrah bagi tiap-tiap manusia. Tiap-tiap orang dituntut mencari rezeki hidup mata pencarian ada terbuka luas kepada tiap-tiap orang, tiap-tiap rakyat. Kekayaan di dunia ini diperuntukkan su-

paya dinikmati bersama yang selaras dengan usaha masing-masing. Firman Allah:

وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنسَٰنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ

Terjemahan: Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya.

(*Al-Najm, 53: 39*)

Maka tiap-tiap rakyat atau warga negara hendaklah bekerja, bergiat dan berjuang dalam kehidupan untuk mencari rezeki yang halal bagi keperluan diri, keluarga dan selainnya, sama ada menjadi pedagang, pegawai, kerani, doktor, tentera, polis, penternak, pelombong, guru, buruh dan sebagainya. Orang yang malas tidak ada tempat dalam Islam. Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud *"Sesungguhnya Allah mengasihi hamba-Nya yang berbakat profesional."* Apabila seorang mendapat harta benda dengan titik peluh yang halal, maka harta benda itu tidak harus dirampas atau dilucutkan daripadanya. pengakuan hak milik individu yang halal ini, adalah satu fitrah manusia yang asli atau menjadi hukum alam menurut istilah ilmu, kerana pengakuan inilah yang menjadi sebesar-besar dorongan kepada tiap-tiap individu untuk bekerja lebih giat dan lebih berdedikasi yang sesuai dengan bakat masing-masing. Mana-mana aliran atau ideologi yang menentang fitrah ini tidak akan selamat dan tidak akan berkekalan lama.

Dunia ini Milik Allah

Sesungguhnya dunia dan segala sesuatu yang ada di dalamnya, dan segala sesuatu yang ada di jagat raya adalah diciptakan Allah, dan Allahlah pemiliknya. Allah pencipta, pemilik dan pentadbir jagat raya atau alam semesta yang luas ini. Firman Allah:

Terjemahan: Bagi Allahlah pemilik langit dan bumi.

لِلَّهِ مَافِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَافِي ٱلْأَرْضِ

Terjemahan: Kepunyaan Allahlah segala apa yang di langit dan apa yang di bumi.

(*Al-Baqarah, 2: 84*)

Demikianlah di antara nas al-Qur'an al-Karim yang telah menegaskan bahawa isi langit dan bumi itu kepunyaan Allah seperti mata benda, tanah, lautan, planet, manusia, sebab Allah terkaya daripada alam, malahan manusia dan selainnya sentiasa berkehendak pada setiap masa dan ketika kepada pengawalan dan kerahmatan Allah. Firman Allah:

وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلْفُلْكَ لِتَجْرِىَ فِى ٱلْبَحْرِ بِأَمْرِهِۦ وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلْأَنْهَٰرَ وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ دَآئِبَيْنِ وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ

Terjemahan: Dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintah-Nya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat baginya). Dan Ia yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar, untuk kepentingan kemudahan kamu, dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah kamu.

(*Ibrahim, 14: 32–3*)

Ayat ini memberi pandangan, di antaranya Allah memudahkan atau menundukkan segala sesuatu sama ada benda yang ada di laut, di udara, di angkasa lepas seperti matahari, bulan, bintang dan planet-planet lain, malam dan siang untuk kepentingan manusia. Alangkah banyaknya nikmat Allah yang dicurahkan kepada kita semua. Allah berfirman:

سَخَّرَ لَكُم مَّافِي ٱلْأَرْضِ

Terjemahan: Ia telah memudahkan (menundukkan) untuk kamu segala apa yang ada di bumi.

Menurut pendapat ahli bahasa dan sastera Arab, *al-Sukhrah* ertinya benda yang dimudahkan atau ditundukkan atau disenangkan. Seperti orang gaji, binatang, kenderaan dan sebagainya. Cuba kita rasa sendiri alangkah senang dan selesanya kita menaiki kereta untuk pergi ke tempat jauh, alangkah senangnya kita pergi ke Makkah menunaikan fardu haji dengan kapal terbang, betapa senangnya kita mengangkat barang-barang keperluan yang kita perlu dengan kapal-kapal, ini semua adalah kenikmatan Allah s.w.t.

Perkara menundukkan atau memudahkan alam semesta bagi memenuhkan keperluan manusia, adalah bertujuan untuk mencapai dua matlamat yang penting. Pertama: Tidak ada dalam alam ini yang sukar dicapai oleh manusia apabila digunakan fikiran, pengetahuan dan cara bertindak yang betul. Allah memudahkan alam ini untuk kita dan hendaklah kita berusaha untuk mendapat manfaat daripada kejadiannya itu. Kedua: Sekalian manusia adalah berhak mendapat manfaat daripada isi bumi dan langit. Allah mengurniakan alam ini kepada kita dengan percuma dan memberi peluang untuk mendapat kemudahan-kemudahan itu bagi kepentingan seluruh penduduk.

Maka janganlah ada golongan tertentu yang monopoli segala kemudahan, segala nikmat dan segala kekayaan untuk golongannya atau suku-sakatnya sekali. Hendaklah mereka berfikir bahawa orang lain juga makhluk Allah yang sama berhak hidup dan berhak mendapat kemudahan-kemudahan dalam kehidupan dan bukalah seluas-luas peluang untuk hidup bersama dan sama-sama menikmati kurniaan Allah Yang Maha Pemurah.

Pandangan Islam tentang Harta Benda.

Harta benda (kekayaan sebagai jalan untuk kebajikan). Dalam Islam harta benda atau kekayaan bukanlah menjadi tujuan atau matlamat hidup, cuma menjadi jalan untuk kepentingan bersama. Orang yang menggunakan harta kekayaannya untuk jalan Allah yakni kepentingan umum maka harta benda itu akan menjadi muslihat bagi dirinya dan juga masyarakatnya. Sebaliknya orang yang menjadikan harta kekayaan itu sebagai tujuan atau matlamat hidup maka bertukarlah ia menjadi nafsu yang akan merosakkan empunyanya sendiri, kerana nafsu manusia tidak akan puas, bila diisi

sebahagiannya maka ia meminta lagi sampai tidak habis-habis. Akhirnya manusia menjadi korban nafsu seperti kata pepatah Melayu "Mati semut kerana gula," dan kata pepatah lagi "Ikut hati mati, ikut rasa binasa."

Dalam hidup ini, kita telah menyaksikan sendiri bagaimana harta kekayaan telah mempengaruhi ramai dari penduduk di dunia ini. Ramai daripada mereka gilakan harta benda, kemewahan, pangkat tanpa dikawal oleh rasa tanggungjawab terhadap kepentingan bersama, lantas mereka menjalankan berbagai-bagai usaha dan tipu helah untuk memperolehi sebanyak-banyak harta, sama ada dengan menipu, menindas, memakan riba, rasuah, menggunakan pengaruh untuk mendapatkan harta. Pendeknya oleh kerana mereka menjadikan harta kekayaan sebagai matlamatnya, maka timbullah berbagai-bagai gejala yang buruk dalam masyarakat dan negara.

Islam memang memuji harta benda yang halal yang dimiliki oleh orang-orang yang salih. Sabda Rasulullah (s.a.w.)

نِعْمَ ٱلْمَالُ الصَّالِحُ لِلرَّجُلِ الصَّالِحِ

Terjemahan: Sebaik-baik harta yang salih (halal) ialah bagi lelaki yang salih.

Harta yang salih ialah harta halal yang dikumpulkan dengan cara-cara yang halal yakni dengan cara yang diakui syara' sama ada dengan perniagaan, pelaburan, perusahaan dan sebagainya yang menurut lunas-lunas hukum syara'. Manakala lelaki yang salih ialah orang yang baik yang membelanjakan harta bendanya kepada kebajikan dan kebaikan seperti makan minum yang sederhana, pakaian yang sederhana, alat-alat kemudahan yang sederhana, pakaian yang sederhana dan semua keperluan hidup yang dianggap munasabah di dalam tradisi satu masyarakat dan negara.

Sejarah telah mencatatkan bahawa golongan orang-orang yang mewah dan terlalu kaya itu banyak melakukan kerosakan dalam sebuah negara atau bumi Allah. Firman-Nya:

وَإِذَآ أَرَدْنَآ أَن نُّهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيهَا فَفَسَقُوا۟ فِيهَا فَحَقَّ عَلَيْهَا ٱلْقَوْلُ فَدَمَّرْنَٰهَا تَدْمِيرًا

Terjemahan: Dan apabila sampai tempoh Kami hendak membinasakan penduduk sesebuah negeri, Kami perintahkan (lebih dahulu) orang-orang yang melampau-lampau dengan kemewahan di antara mereka (supaya taat), lalu mereka menderhaka dan melakukan maksiat padanya, maka berhaklah negeri itu dibinasakan, lalu Kami menghancurkannya sehancur-hancurnya.

(*Al-Isra', 17:16*)

Oleh yang demikian al-Ghazali pernah berkata di dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*. Maksudnya, "*Sesiapa yang mengambil kekayaan lebih daripada keperluannya, maka ia akan bertemu dengan kebinasaan*." Para ulama dan pemimpin-pemimpin Islam pada zaman kecermelangan Islam dahulu adalah golongan yang menjauhkan diri daripada sikap memboros atau membazir bahkan mereka hidup dengan begitu sederhana, sama seperti orang ramai, bahkan Rasulullah s.a.w., Abu Bakar, Umar, Ali dan sahabat-sahabat pilihan semuanya hidup secara sederhana.

Ada khalifah Islam seperti Umar bin Abdul Aziz yang hidup sangat sederhana, kesederhanaan itulah melambangkan kebesaran jiwa, dan kemurnian akhlak bagi manusia yang sederhana dan mempunyai rasa tanggungjawab dalam kehidupan dunia yang sementara ini. Rasulullah s.a.w. bersabda:

خَيْرُ الْأُمُوْرِ أَوْسَاطُهَا

Terjemahan: Sebaik-baik perkara ialah yang sederhana.

Kemiskinan Penyakit Masyarakat

Allah s.w.t. menetapkan segala kekayaan di bumi untuk manfaat bersama oleh manusia seluruhnya dan setiap orang ada mempunyai bahagian atau saham dalam harta benda kekayaan Allah itu. Firman Allah:

وَمَا مِن دَآبَّةٍ فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ رِزْقُهَا

Terjemahan: Dan tiadalah sesuatu pun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi, melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya untuk mendapatkannya.

Sebagaimana telah dikatakan di atas bahaya harta benda kekayaan itu adalah jalan untuk kebajikan dan manfaat bersama, maka tiap-tiap seorang hendaklah berusaha dan bersikap negatif iaitu tidak perlu berusaha dengan andaiannya bahawa rezekinya telah dijamin oleh Allah.

Sebenarnya "*Sunnah Allah*" atau "*hukum Alam*" adalah berdasarkan sebab dan akibat. Sesiapa yang bekerja akan dapat, sebaliknya sesiapa yang malas akan hampa. Orang yang merawat dirinya yang sakit insya Allah akan sembuh, tetapi orang yang tidak merawat dirinya daripada penyakit yang dihidapi akan bertambah teruk dan mungkin membawa kepada maut. Hukum alam atau Sunnah Allah menetapkan orang yang menanam akan mendapat buahnya dan yang berpeluk tubuh tidak akan mendapat apa-apa. Oleh yang demikian Allah menyuruh hamba-Nya supaya berusaha dan bekerja. Firman Allah:

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ ذَلُولًا فَٱمْشُوا۟ فِى مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا۟ مِن رِّزْقِهِۦ
وَإِلَيْهِ ٱلنُّشُورُ

Terjemahan: Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu, mudah digunakan maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula.

(*Al-Mulk, 66:15*)

Sebenarnya kemiskinan itu berlaku disebabkan oleh dua faktor; Pertama, sebab malas atau segan. Sikap ini tidak diakui sama sekali oleh agama. Kedua, sebab tidak berdaya untuk bekerja kerana cacat dan sebagainya, maka hendaklah pemerintah Islam menjamin hidupnya dalam segi makan, minum, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya. Jika tidak ada peluang maka hendaklah mereka itu menghapuskan halangan-halangan atau suasana-

suasana yang pincang itu dan pemerintah hendaklah menyediakan peluang yang sama kepada seluruh rakyat dalam bidang pekerjaan.

Usaha dan Kerja adalah Jalan Memperolehi Harta Benda

Dalam Islam tidak ada jalan lain untuk menikmati kekayaan dan rezeki cuma dengan berusaha dan bekerja. Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّ أَفْضَلَ الْكَسْبِ كَسْبُ الرَّجُلِ بِيَدِهِ

Terjemahan: Sebaik-baik mata pencarian ialah pendapatan seorang daripada tangannya sendiri.

Tiap-tiap orang yang sihat atau mampu bekerja wajiblah bekerja. Dalam negara kita Malaysia ini yang mempunyai bumi yang luas dan penduduknya belum begitu ramai memang bidang pekerjaan atau peluang bekerja adalah terbuka luas asalkan jangan membuang masa atau berpeluk tubuh. Dalam berbagai-bagai Rancangan Malaysia banyak peluang terbuka, khususnya kepada bumiputera untuk menceburkan diri dalam sektor pertanian, sektor perusahaan, perdagangan, pendidikan, penternakan, perikanan, perlombongan, perkapalan, perhutanan dan berbagai-bagai bidang lagi yang disediakan oleh kerajaan. Cuma bumiputera hendaklah sedia mengambil peluang berkenaan. Jika mereka berusaha insya Allah tidak akan lapar dan kemungkinan besar mereka akan menikmati bersama sumber-sumber kekayaan di bumi Malaysia ini. Dalam bidang perusahaan dan pertukangan Allah berfirman:

قَدْ أَنزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُوَارِي سَوْءَاتِكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسُ ٱلتَّقْوَىٰ ذَٰلِكَ خَيْرٌ

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan dan pakaian yang berupa taqwa itulah sebaik-baiknya.

(*Al-A'raf, 7:26*)

Selain itu sejarah perkembangan Islam telah membuktikan bahawa kebanyakan sahabat Nabi Muhammad s.a.w. telah ber-

pindah ke negeri Syam, Iraq dan lain-lain lagi kerana menjalankan usaha pertanian dan pertukangan, sedang mereka adalah orang-orang yang salih dan mempunyai martabat yang tinggi dalam Islam.

Kerajaan kita telah melancarkan berbagai-bagai projek pembangunan dalam setiap Rancangan Malaysia untuk memperbaiki taraf hidup rakyat dan meningkatkan kemajuan ekonomi negara.

Kerajaan telah menyediakan klinik, bekalan air dan elektrik, untuk kemudahan rakyat dan membolehkan rakyat meluaskan mata pencarian dan melipatgandakan penghasilan negara. Inilah hasil kemerdekaan yang telah kita capai. Maka terpulanglah kepada kita sendiri sebagai bumiputera sama ada mahu maju atau terus mundur dan ditinggalkan oleh kaum-kaum yang telah maju. Masa berjalan terus dan perubahan sentiasa mendatang. Allah berfirman:

وَٱلْعَصْرِ إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لَفِى خُسْرٍ إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ
وَتَوَاصَوْا۟ بِٱلْحَقِّ وَتَوَاصَوْا۟ بِٱلصَّبْرِ

Terjemahan: Demi Masa Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

كَادَ الْفَقْرُ أَنْ يَكُوْنَ كُفْرًا

Terjemahan: Hampir-hampir kepapaan itu menjadikan kekufuran.

Berikut dengan ini kita akan bincangkan pula pengajaran-pengajaran Islam tentang bidang akhlak yang menjadi satu dari faktor utama untuk membentuk peribadi mukmin. Di antara pengajaran-pengajaran itu termasuklah sifat-sifat amanah, adil, bertanggungjawab, berani, berjihad pada jalan Allah, berdisiplin, berkorban, tolong-menolong, hormat-menghormati, persaudaraan dan

sebagainya, kerana Rasulullah sendiri pernah bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأُتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Terjemahan: Sesungguhnya aku dibangkitkan untuk menyempurnakan keluhuran akhlak.

VII

ISLAM UNTUK KESELAMATAN DUNIA DAN AKHIRAT

Dasar perimbangan

Allah adalah Pencipta jagat raya. Dia mencipta makhluk-Nya iaitu alam dan manusia. Dia bersifat "*al-Rahman*" dan "*al-Rahim*" yakni yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang terhadap hamba-hamba-Nya. Kepada hamba-hamba-Nya diturunkan wahyu dengan perantaraan Rasul-rasul-Nya untuk memberitakan, menjelaskan, memperincikan, mentafsir dan memberi teladan itu dalam kehidupan yang nyata.

Wahyu dan penerapannya dalam kehidupan yang nyata mewujudkan salam yakni kebahagiaan. Kesejahteraan dan keselamatan bagi hamba-hamba-Nya yang berakal. Wahyu-Nya kepada alam semesta atau jagat raya berbentuk Sunnah Allah yang diterjemahkan oleh istilah alam "hukum Alam" untuk melaksanakan salam dalam kehidupan alam. Wahyu dan cara penerapannya yang diturunkan kepada manusia pun adalah juga dinamakan "*Sunnah Allah*" yang diistilahkan dengan nama al-Islam.

Allah mewajibkan salam kepada manusia untuk kepentingan manusia sendiri, supaya manusia benar-benar dapat menikmati keamanan, kesejahteraan dan keselamatan. Allah tidak mempercayai kepentingan kerana Dia terkaya dari alam semesta dan Dia Maha Kaya lagi Maha Sempurna. Allah menurunkan agama Islam kerana semata-mata kasih sayang-Nya kepada hamba.

Manusia terdiri dari dua unsur iaitu roh dan jasad atau rohani dan jasmani. Salam yang diarahkan oleh Allah terhadap naluri manusia bukan untuk jasad sahaja dan bukan untuk roh sahaja tetapi untuk kedua-duanya sekali, iaitu salam jasmaniah dan salam rohaniah. Ertinya salam yang berimbangan antara kedua-duanya. Oleh yang demikian Allah mengarahkan tiap-tiap salam supaya memohon kepada-Nya sekali pada tiap-tiap kali selepas sembahyang agar berdoa: Firman-Nya:

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ

Terjemahan: Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan jagalah kami (jauhkan kami) dari keażaban api neraka.

(*Al-A'raf. 7:31*)

Salam dalam kehidupan hanya terwujud jika manusia tidak melewati batas dalam usahanya mewujudkan salam atau kesejahteraan kepada jasmani sahaja atau rohani sahaja. Apabila jasad sahaja yang diutamakan mungkin ia selamat atau senang tetapi rohaninya celaka atau terseksa, sebaliknya kalau roh sahaja yang dipentingkan mungkin rohaniah selamat satu senang, tetapi jasmaniah merana dan terseksa di dunia. Oleh itu Allah melarang manusia melewati batas. Firman Allah:

وَكُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ وَلَا تُسْرِفُوٓا۟ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلْمُسْرِفِينَ

Terjemahan: Makan minumlah kamu dan kamu jangan melewati batas, sesungguhnya Ia tidak kasihkan orang-orang yang melampaui (batas).

(*Al-A'raf. 7:31*)

Prinsip ilmu kesihatan pun sesuai dengan ayat ini, sebab makan minum yang sederhana itulah yang dapat mencegahkan penyakit daripada badan, makan dan minum yang berlebihan akan mendatangkan penyakit. Allah menyeru ahli kitab dalam al-Qur'an yang diturunkan kepada Nabi Muhammad supaya mereka tidak

melewati batas atau melampaui sempadan. Firman Allah:

يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لَاتَغْلُوا۟ فِى دِينِكُمْ

Terjemahan: Wahai Ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu.

Apabila manusia tidak boleh melewati batas dalam urusan rohaniah dan juga dalam urusan jasmaniah, seterusnya tidak berlebih-lebihan dalam urusan akhirat dan tidak berlebihan dalam urusan dunia, maka jalan seperti itu akan membawa manusia kepada "jalan tengah" di antara dua perkara yang bertentangan itu.

Umat yang menempuhi jalan tengah itu adalah umat pertengahan atau umat yang sederhana yang disebut oleh bahasa al-Qur'an *"ummatan wasatan."* Umat Islam dijadikan Allah menjadi umat pertengahan atau umat sederhana. Firman-Nya:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَٰكُمْ أُمَّةً وَسَطًا

Terjemahan: Begitulah Kami jadikan kamu (umat Islam) umat yang pertengahan (sederhana).

Sebagaimana Allah telah menjadikan Rasul-Nya teladan yang baik bagi umat manusia, maka umat Islam pula harus menjadi teladan atau contoh yang baik kepada umat yang lain. Apabila kita mengikuti jalan tengah, tidak melewati batas ke kiri dan tidak melewati batas ke kanan, maka bermaknalah antara sebelah kiri dan sebelah kanan berimbang, seterusnya tertempuhlah jalan lurus yang diistilahkan oleh al-Qur'an dengan *"al-sirat al-mustaqim"* yakni pada tiap-tiap kali sembahyang dan pada tiap-tiap raka'at orang muslim berkata ketika membaca al-Fatihah

ٱهْدِنَا ٱلصِّرَٰطَ ٱلْمُسْتَقِيمَ

Terjemahan: Tunjukkanlah kepada kami jalan yang lurus.

Setelah kita mempelajari konsep Islam itu marilah kita membahas pula sebahagian daripada pengajaran-pengajaran Islam yang penting dalam bidang agama dan bidang kehidupan supaya kita akan memperolehi hukum perimbangan atau dasar kesederhanaan itu.

1. Dunia dicari akhirat dituntut: Islam mempunyai keistimewaan berbanding dengan agama yang lain yang terkenal di dunia seperti Yahudi, Kristian, Hindu, Budha dan sebagainya, kerana Islam menekankan kesederhanaan, keseimbangan dan keadilan antara tuntutan rohaniah dan jasmaniah. Penganut-penganut Islam tidak dilarang untuk menikmati mata benda kehidupan dan tuntutan jasmaniah, selagi yang diperolehinya itu menurut cara yang halal dan yang diambil itu dalam lengkongan yang sederhana dan munasabah. Firman Allah:

وَٱبْتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلْءَاخِرَةَ وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنْيَا وَأَحْسِن
كَمَآ أَحْسَنَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ

Terjemahan: Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadanya.

(Al-Qasas, 28: 77)

Islam mengharuskan penganut-penganut menggunakan alat-alat kelengkapan, perhiasan, kemudahan-kemudahan, makanan dan minuman yang baik dan sebagainya dalam kadar yang sederhana atau munasabah. Firman Allah:

۞ يَٰبَنِىٓ ءَادَمَ خُذُوا۟ زِينَتَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ وَلَا تُسْرِفُوٓا۟
إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلْمُسْرِفِينَ

Terjemahan: Wahai anak Adam!, ambillah pakaian kamu yang indah di setiap kali kamu memasuki tempat ibadat

atau sembahyang makan dan minumlah kamu, tetapi jangan berlebih-lebihan (melewati batas). Sesungguhnya Ia tidak kasihkan orang-orang yang melewati batas.

(*Al-A'raf, 7:31*)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُحَرِّمُوا۟ طَيِّبَٰتِ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ
لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ وَكُلُوا۟ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ حَلَٰلًا طَيِّبًا وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ٱلَّذِىٓ
أَنتُم بِهِۦ مُؤْمِنُونَ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik-baik yang telah dihalalkan oleh Allah bagi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang telah ditetapkan halalnya itu), kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas. Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertakwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman.

(*Al-Ma'idah, 5:87-8*)

Di antara yang menarik perhatian dalam ayat yang di atas ialah *"hirman al-nafs"* melarang diri daripada menikmati benda-benda yang halal itu adalah menceroboh yakni menyimpang dari landasan yang sederhana atau batas keadilan antara dua tabiat iaitu rohaniah dan jasmaniah. Ini berlainan daripada setengah-setengah agama seperti agama Budha yang menafikan kelazatan dunia sama sekali, antara penganut-penganutnya memandang tinggi kepada konsep kependetaan iaitu para sami menumpukan sepenuhnya kepada kerohanian untuk mencapai taraf yang "nirwana" dengan hidup di dalam kuil-kuil.

Begitu juga berlainan dengan dasar agama Kristian terutama mazhab Katholik yang memandang suci kepada hidup kependetaan kerana paderi-paderi besar seperti Pope dan lain-lainnya dilarang berkahwin.

Kesimpulan yang diambil daripada ayat yang di atas ialah Allah menyuruh manusia menggunakan dan menikmati matabenda, kehidupan, iaitu hak jasmaniah perlu diisi dan hak rohaniah perlu dipenuhi. Allah s.w.t. menciptakan bumi dan lain-lainnya untuk ditunduk dan diselenggarakan oleh manusia. Firman Allah:

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ لَكُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا

Terjemahan: Dia (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi kesemuanya.

وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Terjemahan: Dan Ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan di bumi (sebagai rahmat pemberian) daripadanya, sesungguhnya semua itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaan-Nya, bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti.

Ayat ini menyarankan kepada kita tentang penguasaan manusia terhadap alam kebendaan. Ini membuktikan mu'jizat falsafah al-Qur'an sebelum abad ke-19 yang silam tidak ada orang yang memperkatakan ini dalam segi ilmiah sedangkan Rasulullah s.a.w. bersabda:

لاَ رَهْبَانِيَّةَ فِى الإِسْلاَمِ

Terjemahan: Tidak ada konsep kepaderian di dalam Islam.

Islam memang mencela konsep kependetaan, sebab konsep seperti itu melampaui batas atau sikap terhadap nikmat Allah atau sumber kekayaan alam yang disediakan Allah yang diselenggara

dan dinikmati oleh manusia dalam kadar yang munasabah. Firman Allah:

وَرَهْبَانِيَّةً ٱبْتَدَعُوهَا مَاكَتَبْنَٰهَا عَلَيْهِمْ إِلَّا ٱبْتِغَآءَ رِضْوَٰنِ ٱللَّهِ فَمَارَعَوْهَا حَقَّ
رِعَايَتِهَا فَـَٔاتَيْنَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مِنْهُمْ أَجْرَهُمْ وَكَثِيرٌ مِّنْهُمْ فَٰسِقُونَ

Terjemahan: Dan (perbuatan mereka beribadat secara) "Rahbaniyah", merekalah sahaja yang mengadakan dan merekakannya Kami tidak mewajibkannya atas mereka (mereka berbuat demikian) kerana mencari keredaan Allah, dalam pada itu mereka tidak menjaga dan memeliharanya menurut yang sewajibnya, oleh itu orang-orang yang beriman (kepada Nabi Muhammad) di antara mereka Kami berikan pahalanya dan (sebaliknya) ramai di antara mereka yang fasik derhaka.

(*Al-Hadid, 57: 27*)

Sebenarnya, dasar Islam mengadakan perimbangan di antara rohaniah dengan jasmaniah adalah yang bolah diterima oleh tabiat manusia yang asli. Allah tidak menjadikan naluri, nafsu dan kekuatan badan atau tenaga dengan sia-sia atau naluri-naluri tersebut hendaklah ditekan atau dihilangkan dengan tujuan yang baik dan supaya manusia dapat menguasai naluri-naluri tersebut untuk tujuan pembangunan yang sihat.

Sikap terlalu condong kepada rohaniah adalah tidak sihat dan tidak realistik begitu juga sikap terlalu condong kepada kebendaan adalah tidak realistik dan tidak sihat untuk merealisasikan keselamatan, kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

2. Agama: Surah Ali 'Imran ayat 112 mengajarkan kita dua rangka hubungan iaitu hubungan dengan Allah, dan hubungan dengan manusia. Hubungan dengan Allah mestilah berkaitan dengan hubungan antara manusia, ibadat dan Islam hendaklah dilanjutkan oleh *mu'amalat*. Agama berimbang dengan kehidupan atau kebudayaan. Perimbang agama dan kehidupan atau kebudayaan membawa penyelarasan antara dunia dan akhirat.

Menurut ajaran Islam tiap-tiap perbuatan mestilah diniatkan

untuk mencapai keredaan Allah. Semua perkara yang diniatkan kerana Allah itu tetap memberi kesan manfaat kepada manusia. Demikianlah tindakan yang dilakukan kerana mentaati Allah, tetapi hikmat dan hasilnya untuk kebajikan manusia sendiri. Perimbangan ini ternyata dalam ungkapan kata kita iaitu "*Membuat sesuatu kerana Allah tetapi keselamatan dan kesejahteraan untuk manusia.*"

Dalam Islam iman mesti berimbang dengan amal salih, iman sahaja tidak bererti kalau tidak menjadi amalan atau kenyataan. Iman tanpa amal laksana pokok tanpa buah atau ada mahkamah tanpa hakim, atau ada raga tanpa isi. Amal sahaja tidak bermakna tanpa berpangkal dari iman. Amalan kita akan keliru, akan salah, laksana pokok yang berbuah busuk. Iman itu berbentuk teori, amalan pula berbentuk praktik. Iman ialah awalan ajaran Islam manakala amal salih menjadi hujung ajaran Islam. Maka perimbangan antara kedua itu dinamakan oleh al-Qur'an dengan:

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ

Terjemahan: Mereka yang beriman dan beramal salih.

(*Al-Baqarah, 2: 25*)

Rukun iman dalam Islam diimbangi oleh rukun Islam, sebagaimana pengajaran diimbangi oleh pendidikan. Iman itu terletak di dalam hati nubari. Apakah seseorang itu beriman atau tidak, kita tidak dapat ketahui, tetapi rukun Islam itu bersifat aktif dalam perbuatan, rukun Islam merupakan pernyataan dan rukun iman.

Matlamat agama ialah membentuk manusia supaya bertaqwa; sifat taqwa juga menjadi pangkal kehidupan untuk merealisasikan kehidupan yang baik, taqwa sebagai sikap hidup yang dibentuk oleh agama untuk menjadi kenyataan yang diamalkan oleh manusia dalam kehidupan sehari-hari.

Manusia mencari kesucian, tetapi tidak boleh mengasingkan diri daripada masyarakat yang terdapat banyak gejala yang buruk atau kekotoran. Untuk mencapai kesucian pendeta Katholik hidup membujang, tetapi muslim yang mencari kesucian dan kemuliaan hendaklah berkahwin dan hidup berjuang di tengah-tengah masyarakat yang sememangnya ada yang baik dan yang buruk. Manusia

wajib berbakti kepada Allah tetapi tidak disuruh hidup secara kepaderian. Rasulullah s.a.w. bersabda:

خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ

Terjemahan: Sebaik-baik manusia ialah yang berguna kepada orang ramai.

(*Riwayat Sebahagian Ahli Sunan*)

Rasulullah s.a.w. bersabda:

تَنَاكَحُوْا تَنَاسَلُوْا تَكْثُرُوْا فَإِنِّي مُبَاهٍ بِكُمُ الْأُمَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Terjemahan: Berkahwinlah kamu dan beranak-pinaklah kamu nescaya kamu menjadi biak, sesungguhnya aku berbangga dengan keramaian kamu terhadap umat-umat lain.

(*Riwayat Sebahagian Ahli Sunan*)

3. Perimbangan Sosial: Dalam Islam individu dan masyarakat saling berkaitan; bermula dengan diri sendiri dan kemudian meluas kepada masyarakat; memenuhi keperluan diri sendiri juga keperluan masyarakat. Dalam mencari keuntungan bagi diri sendiri, tidak boleh melupakan masyarakat apatah lagi merugikannya. Islam membenarkan hak-hak asasi manusia, tetapi dalam pelaksanaannya Islam tidak membenarkan tindakan itu mengganggu hak-hak orang lain. Usaha menyuruh berbuat baik dan mencegah kejahatan harus dimulai dengan diri sendiri berlanjutan kepada keluarga dan tetangga dan meluas kepada masyarakat.

Dalam membina kepentingan diri sendiri Islam tidak mengizinkan tindakan kepentingan orang lain. Sembahyang adalah hubungan peribadi dengan Allah tetapi sembahyang fardu hendaklah dilakukan dengan berjemaah. Dalam Islam tidak boleh memisahkan diri dari masyarakat, hak perimbangan peribadi pada masyarakat berimbang dengan hak kewajipan masyarakat pada peribadi.

Fardu 'ain berimbang dengan fardu kifayah. Fardu 'ain adalah kewajipan ke atas diri sendiri manakala fardu kifayah adalah ke-

wajipan ke atas masyarakat. Kewajipan bagi diri sendiri seimbang dengan kewajipan bagi masyarkat; yang pertama mengarah kepada perseorangan atau individu, sebaliknya yang kedua mengarah kepada masyarakat atau kolektif.

Dalam pergaulan sehari-hari orang muslim harus merendahkan diri, tetapi mereka dilarang menghinakan diri, sebab muslim mempunyai maruah atau harga diri sendiri, tetapi mereka tidak boleh bersikap sombong, angkuh, takbur kerana sifat-sifat itu sangat dicela oleh Islam.

Masyarakat Islam terdiri daripada orang-orang seiman, tetapi Islam dapat menerima orang-orang yang bukan Islam dalam kehidupan sosial. Dalam tata hubungan dengan Allah mereka dilarang bertolak-ansur tetapi dalam tata hubungan sesama manusia disuruh bertolak-ansur.

Kedudukan Akhirat Lebih Tinggi daripada Dunia.

Al-Qur'an menyatakan bahawa kehidupan di akhirat lebih baik daripada kehidupan di dunia, dan sesungguhnya kesempurnaan dan kemuliaan rohaniah itu hendaklah menjadi matlamat bagi tiap-tiap muslim di dunia yang sementara ini. Oleh yang demikian Allah memberi amaran keras terhadap mereka yang hanya memberi tumpuan kepada kehidupan di dunia tanpa membuat persiapan untuk akhirat. Firman Allah:

مَن كَانَ يُرِيدُ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا وَزِينَتَهَا نُوَفِّ إِلَيْهِمْ أَعْمَٰلَهُمْ فِيهَا وَهُمْ فِيهَا
لَا يُبْخَسُونَ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَيْسَ لَهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ إِلَّا ٱلنَّارُ وَحَبِطَ
مَا صَنَعُوا۟ فِيهَا وَبَٰطِلٌ مَّا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ

Terjemahan: Sesiapa yang keadaan usahanya semata-mata berkehendakkan kehidupan dunia dan perhiasannya (dengan tidak disaksikan sama oleh al-Qur'an tentang sah batalnya), maka Kami akan sempurnakan hasil usaha mereka di dunia dan mereka tidak dikurangkan sedikit pun padanya. Merekalah orang-orang yang tidak ada baginya pada hari akhirat kelak selain daripada azab neraka,

dan pada hari itu gugurlah apa yang mereka lakukan di dunia, dan batallah apa yang mereka telah kerjakan.

(*Hud, 11: 15–6*)

Allah s.w.t. memuji hamba-Nya yang hampir kepada-Nya, yakni hamba yang murni jiwanya. Firman-Nya:

وَقِيلَ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا مَاذَا أَنزَلَ رَبُّكُمْ قَالُوا خَيْرًا لِّلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَٰذِهِ
الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَلَدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ وَلَنِعْمَ دَارُ الْمُتَّقِينَ

Terjemahan: Dan ditanya pula kepada orang-orang yang bertaqwa, "Apakah yang telah diturunkan oleh Tuhan kamu?" Mereka manjawab "Kebaikan", dan sesungguhnya batasan negeri akhirat itu lebih baik lagi, dan memanglah negeri akhirat ialah sebaik-baik negeri. Dan sebaik-baik negeri bagi orang-orang yang bertaqwa.

(*Al-Nahl, 16: 30*)

Al-Qur'an telah banyak menerangkan bahawa kedudukan hidup di akhirat itu lebih utama daripada kehidupan di dunia, sebab dunia ini tempat perjuangan dan ujian; tempat kita terserempak dengan berbagai-bagai peristiwa, kadang-kadang suka, kadang-kadang duka, kadang-kadang kaya, kadang-kadang miskin, kadang-kadang untung, kadang-kadang rugi, kadang-kadang sihat, kadang-kadang di dunia kita tidak dapat mencapai kesejahteraan sepenuhnya, tetapi di akhiratlah kita akan menikmati kebahagian yang abadi, kesejahteraan yang paling maksimum. Di sana nanti tidak akan sakit, tidak akan tua, tidak akan susah, tidak akan kurang, tetapi selama-lamanya muda, selama-lamanya sihat, selama-lamanya sempurna; kenikmatan penuh yang tidak dapat digambarkan dengan ungkapan kata, hanyalah Allah sahaja yang lebih mengetahui.

Di antara ayat al-Qur'an yang menyatakan kehidupan akhirat:

وَمَا هَٰذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَهْوٌ وَلَعِبٌ وَإِنَّ الدَّارَ الْآخِرَةَ لَهِيَ الْحَيَوَانُ
لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ

Terjemahan: Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilaikan dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan, dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya, kalaulah mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari akhirat).

(Al-'Ankabut, 29: 64)

بَلْ تُؤْثِرُونَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا وَٱلْأَخِرَةُ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰٓ

Terjemahan: Bahkan kamu mengutamakan kehidupan dunia, padahal kehidupan akhirat itu lebih baik dan lebih kekal.

(Al-A'la, ayat 6: 7-8)

Memberi Keadilan dalam Islam dan Hak Masing-masing:

Islam adalah agama yang sederhana lagi praktikal yang meletakkan sesuatu pada tempatnya masing-masing. Sabda Rasulullah s.a.w.:

اِنَّ لِزَوْجِكِ عَلَيْكَ حَقًّا، فَأَعْطِ كُلَّ ذِىْ حَقٍّ حَقَّهُ

Terjemahan: Sesungguhnya kamu mempunyai kewajipan terhadap isteri kamu, maka berilah kepada tiap-tiap yang mempunyai hak akan haknya.

(Riwayat Kebanyakan Ahli Sunan)

Hadith ini memberi pengertian tentang suatu prinsip yang sangat menarik, sederhana dan praktikal. Pertama, ia menyatakan bahawa tanggungjawab kita terhadap Allah hendaklah disempurnakan dalam bentuk ibadat, segala kewajipan ibadat kita terhadap Allah hendaklah disempurnakan dengan tekun, jujur dan janganlah diabaikan sama sekali. Sembahyang, puasa, zakat, haji

dan lain-lain ibadat hendaklah dijalankan dengan baik.

Kedua, kewajipan kita terhadap diri sendiri hendaklah dilaksanakan, yakni di samping kita beribadat kepada Allah s.w.t. tidaklah kita disuruh bermati-mati dalam ibadat hingga merosak atau melemahkan tubuh badan, tubuh badan dan keimanan kita hendaklah dikawal, tubuh badan kita memerlukan makanan yang berzat dan baik hendaklah dipenuhi: tubuh badan kita perlu tidur, kerehatan dan pakaian. Rasulullah bersabda maksudnya: *Tubuh badan kamu laksana kenderaan kamu, maka hendaklah kamu kasihan kepadanya*. Maka kesihatan dan kerehatan jasmani hendaklah dijaga dengan baik.

Ketiga, tanggungjawab kita terhadap isteri hendaklah dipenuhi, di samping kita beribadat, menjaga kesihatan dan kerehatan diri sendiri, kita hendaklah menunaikan tanggungjawab terhadap isteri, dengan memberi layanan yang memuaskan atau yang berpatutan terhadap isteri sama ada dari segi nafkah zahir dan layanan kehendak kelamin, supaya dengan demikian dapat kita menjaga keutuhan rumah tangga.

Ada satu peristiwa yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w. yang sungguh menarik iaitu ada tiga orang sahabat Rasulullah s.a.w. yang hendak menziarahi keluarga Rasulullah untuk bertanya tentang ibadat dan hidup Rasulullah. Apabila mereka tiba di halaman rumah Rasulullah, mereka sama-sama bercakap di antara mereka, kata seorang daripada mereka. "Di manakah kedudukan kita berbanding dengan Rasulullah, sebab Rasulullah telah diampun dosanya?" Lalu kata seorang daripadanya, "Aku akan berjaga tiap-tiap malam untuk beribadat." Kata seorang lagi, "Aku akan puasa siang hari selama-lamanya," dan kata orang yang ketiga, "Aku akan menjauhkan diri daripada perempuan dan tidak mahu berkahwin."

Perbualan mereka telah didengar oleh Rasulullah lalu Baginda menjemput mereka itu kemudian bersabda, (Terjemahan): *Kamu semua yang berkata demikian. Demi Allah! Aku lebih bertaqwa kepada Allah, aku sembahyang dan aku tidur! Aku puasa dan aku berbuka! dan aku pun berkahwin*. Kemudian Baginda bersabda lagi (terjemahan): *Sesiapa yang tidak suka cara hidupku, maka ia tidak termasuk ke dalam golonganku*. Inilah dasar yang praktikal

dan dasar hidup yang sederhana yang boleh menjaminkan kesejahteraan, keselamatan sama ada di dunia atau akhirat.

Penutup

Islam adalah agama Allah yang sebenar. Yang memberikan kesentosaan dan kebahagiaan kepada manusia yang taat dan patuh kepada ajaran-ajarannya. Islam merupakan suatu sistem hidup yang amat sempurna dan lengkap segala-galanya. Sekiranya dalam buku yang tidak sepertinya ini tidak dapat memberikan gambaran yang jelas tentang kesempurnaan Islam itu, maka itu bukanlah bererti bahawa Islam itu tidak sempurna, akan tetapi buku ini yang tidak sempurna. Ketidaksempurnaan buku ini menunjukkan kelemahan manusia yang mengarangnya, yang memang hakikatnya manusia itu sememangnya lemah. Adapun Islam sebagai *Din*, walau apa pun yang digambarkan, ia tetap sempurna dan lengkap segala-galanya.

Memperkatakan sesuatu tentang Islam atau lebih tegas tentang kalimat-kalimat Allah yang menjadi nadi utama Islam itu, sememangnya merupakan sesuatu yang tidak akan habis. Kalimah-kalimah Allah adalah kekal abadi, manusia hanya mencuba untuk mencungkil sebahagian daripada kalimah-kalimah itu. Allah s.w.t. berfirman:

قُل لَّوْ كَانَ ٱلْبَحْرُ مِدَادًا لِّكَلِمَٰتِ رَبِّى لَنَفِدَ ٱلْبَحْرُ قَبْلَ أَن تَنفَدَ كَلِمَٰتُ رَبِّى وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِۦ مَدَدًا

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad) kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menuliskan kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan keringlah lautan itu, sebelum habis kalimah-kalimah Tuhanku, sekalipun kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan.

(*Al-Kahfi, 18:109*)

Dalam ayat lain, Allah s.w.t. menyebut:

وَلَوْ أَنَّمَا فِى ٱلْأَرْضِ مِن شَجَرَةٍ أَقْلَٰمٌ وَٱلْبَحْرُ يَمُدُّهُۥ مِنۢ بَعْدِهِۦ سَبْعَةُ أَبْحُرٍ مَّا نَفِدَتْ كَلِمَٰتُ ٱللَّهِ إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Terjemahan: Dan sekiranya segala pohon yang ada di muka bumi ini menjadi pena dan segala lautan menjadi dakwat dengan dibantu kepadanya tujuh lautan lagi sesudah itu, nescaya tidak akan habis kalimah-kalimah Allah itu ditulis, Sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.

(Luqman, 31)

Demikianlah gambaran yang dinyatakan oleh Allah s.w.t. tentang kalimah-kalimah-Nya, atau kata-kata-Nya yang menjadi sumber bagi Islam. Apabila hendak diperkatakan tentang Islam, maka kalimah-kalimah Allah itu amat luas, maka tentulah buku yang sebesar ini masih terlalu jauh dari mencukupi untuk menerangkan Islam yang sebenar seperti yang sepatutnya diterangkan.

Sebagai manusia yang bersifat lemah, kami telah mencuba sedaya upaya untuk menerangkan bahawa Islam itu adalah sesuatu yang unik lagi teristimewa, jika dibandingkan dengan apa sahaja di alam ini, kerana Islam itu adalah agama Allah, yang diturunkan kepada manusia untuk kepentingan dan muslihat mereka di dunia dan akhirat. Allah Maha Sempurna, oleh itu adalah mustahil bagi-Nya untuk menciptakan agama yang tidak sempurna. "*Islam itu amat tinggi dan tidak ada lagi yang lebih tinggi darinya.*" (maksud Hadith).

Islam yang unik dan istimewa, seperti yang dikehendaki oleh Allah dan Rasul-Nya, ialah Islam yang lengkap dan sempurna seperti yang dibawa oleh Muhammad s.a.w. dan diikuti serta dihayati sepenuhnya oleh para sahabat dan kaum muslimin muslimat pada zaman-zaman kegemilangannya. Islam yang lengkap dan sempurna itu pada zaman akhir-akhir ini telah disalahertikan oleh setengah-setengah orang dengan menggambarkannya secara berpisah-pisah sempit dan menakutkan. Islam yang sampai kepada sebahagian umat Islam pada hari ini adalah Islam yang telah dipotong-potong

badannya dan dipisah-pisahkan anggotanya. Malah kadangkala dipisahkan roh Islam itu dari badannya, sehingga tinggalkan Islam itu seolah-olahnya sebagai suatu rangka kosong yang menakutkan manusia. Oleh itu, tidak hairan jika ada orang pada zaman ini yang merasa gerun apabila mendengar nama Islam itu sahaja.

Ketika manusia berada dalam kegelapan Jahiliyah; ketika manusia tidak mengetahui siapa mereka yang sebenar; dari mana mereka datang; ke mana mereka akan pergi dan apa kesudahannya hidup ini; ketika manusia dalam kacau-bilau purak-peranda, keganasan dan kekejaman berleluasa dalam masyarakat manusia, ketika segala-gelanya gelap gelita ... ketika itu datanglah Muhammad membawa Islam untuk menerangi seluruh kehidupan, dan bersinarlah cahaya Islam menerangi setiap kejahilan; mengajak manusia mengenali diri dan budi, hidup dan penghidupan, undang-undang dan peraturan negara dan kedaulatan yang berdasarkan pada petunjuk Ilahi yang sebenar; itulah saatnya manusia mengenali kebahagiaan.

Apabila manusia telah menerima Islam yang dibawa oleh Muhammad s.a.w. dengan penuh ketaatan kepada titah perintah Allah, apabila orang-orang yang mengaku dirinya muslim telah menghayati Islam itu dalam hidup mereka, maka tercitpalah sebuah masyarakat yang amat harmoni dan terjelmalah sebuah negara yang aman damai, bahagia sentosa di bawah keampunan *Allah Rabb al-'Alamin*.

Islam adalah penyelamat manusia dari kebinasaan di dunia dan kesengsaraan di akhirat. Pencantuman umat manusia dari permusuhan dan perseteruan kepada kasih sayang yang sebenar. Allah s.w.t. mengingatkan kita kepada detik-detik yang bertuah itu dengan firman-Nya:

وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُم
بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنْهَا كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ
اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

Terjemahan: Dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa Jahiliyah da-

hulu) lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam) maka jadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang (disebabkan kekufuran kamu semasa Jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari mereka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat Keterangan-Nya, supaya kami mendapat petunjuk hidayah-Nya.

(*Ali 'Imran, 3: 103*)

Nikmat Allah yang besar kepada manusia ialah nikmat datangnya Islam sebagai agama yang sebenar untuk manusia. Islam sebagai agama yang sebenar telah dilengkapi dengan pengajaran-pengajaran dan pedoman hidup yang selama-lamanya memandu manusia kepada jalan lurus dan jauh dari kesesatan. Rasulullah s.a.w. bersabda:

تَرَكْتُ فِيكُمْ اَمْرَيْنِ مَا اِنْ تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا لَنْ تَضِلُّوا بَعْدِىْ اَبَدًا كِتَابَ اللهِ وَسُنَّةَ رَسُوْلِهِ

Terjemahan: Telah kutinggalkan kepada kamu semua dua perkara, jika kamu berpegang teguh kepada kedua-duanya, kamu tidak akan sesat selama-lamanya, iaitu al-Qur'an dan Sunnah Rasul.

(*Riwayat kebanyakan Ahli Sunan*)

Allah berfirman:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِى مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلاَ تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ

Terjemahan: Dan sesungguhnya inilah jalanku (agamaku) yang lurus, maka hendaklah kamu ikutinya dan janganlah kamu mengikut jalan-jalan lain, kelak akan memporakperandakan kamu (menyesatkan kamu) dari jalan-Nya (Allah).

(*Al-An'am, 6: 153*)

Manusia diperintah memilih jalan yang lurus iaitu jalan yang telah dibentangkan oleh Allah di hadapan mereka melalui pesuruhnya Muhammad s.a.w. Itulah jalan Islam yang sebenarnya. Allah s.w.t. memerintah manusia supaya mereka menerima Islam itu sepenuhnya. Dengan perkataan lain mereka hendaklah menjadikan diri mereka Islam segala-galanya. Allah berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱدْخُلُوا۟ فِى ٱلسِّلْمِ كَآفَّةً

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam itu semuanya.

(*Al-Baqarah, 2:208*)

Untuk menjadikan diri kita Islam sepenuhnya, kita perlu mengenali dari mana kita datang? Mengapa kita wujud? Apa yang sepatutnya kita lakukan? Ke mana akhirnya kita dan semua makhluk ini akan pergi. Manakah jalan bahagia dan manakah jalan celaka?

Kita datang dari Allah. Dijadikan kita untuk beribadat kepada-Nya dalam erti kata yang luas, dan akhirnya kita akan kembali menemui Allah. Baik dibalas baik dan begitulah sebaliknya.

Langkah pertama yang mesti diikuti oleh manusia ialah mengenali siapakah manusia dan siapakah yang menjadikan semua alam ini. Apabila pengenalan kepada semuanya telah jelas, maka lahirlah iman. Iman adalah suatu kepercayaan yang merupakan pedoman untuk bertindak seperti yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w.

لَيْسَ الْاِيْمَانُ بِالتَّمَنِّىْ وَلٰكِنْ مَاوَقَرَ فِىْ الْقَلْبِ وَصَدَّقَهُ الْعَمَلُ

Terjemahan: Iman itu bukanlah sesuatu yang dapat dicapai dengan berangan-angan sahaja. Akan tetapi sesuatu yang ditegakkan di dalam hati dan dibenarkannya dengan amalan (harian).

Apabila iman telah tertanam maka segala perbuatan dan pekerjaan harian menggambarkan iman itu! Jangan ada hendaknya sesuatu yang bercanggah dengan iman tersebut. Bagi menyuburkan

iman, Islam mengatur berbagai-bagai ajaran dan panduan untuk bergerak dan bertindak yang merupakan sistem Ilahi untuk kemasalahatan dan kebahagiaan manusia.

Islam mengajar tauhid yang sebenar; iaitu memperhambakan diri kepada Allah Yang Maha Esa dan yang menjadikan segala-galanya; Allah Maha Besar dan Maha Perkasa dan Maha Bijaksana. Dengan memperhambakan diri kepada Yang Maha Kuasa, manusia sudah mempunyai dahan pergantungan yang paling kukuh dan kuat. Tidak ada yang ditakuti oleh manusia dalam hidup ini melainkan Allah. Apabila manusia telah hampir dengan Allah, dengan mentaati segala titah perintahnya, maka ketenangan akan tercapai. Dari ketenangan lahirlah kebahagiaan yang amat diperlukan oleh semua makhluk.

Punca kegelisahan dan penderitaan manusia adalah disebabkan jauhnya manusia itu dari Allah. Allah berfirman:

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِى فَإِنَّ لَهُۥ مَعِيشَةً ضَنكًا وَنَحْشُرُهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ أَعْمَىٰ

Terjemahan: Dan sesiapa yang berpaling, ingkar dari ingatan dan petunjuk-Ku maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpunkan dia pada hari qiamat dalam kehidupan buta.

(*Taha, 20: 124*)

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكْرِ ٱللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ ٱللَّهِ تَطْمَئِنُّ ٱلْقُلُوبُ

Terjemahan: (Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikru'lLah, ketahuilah, dengan zikru'lLah itu, tenang tenteramlah hati manusia.

(*Al-Ra'd, 13: 28*)

Seterusnya, Islam mengajar manusia supaya sentiasa mengingati Allah. Untuk itu Islam mengaturkan berbagai-bagai sistem untuk diikuti oleh manusia. Semua sistem itu untuk mempereratkan hubungan antara manusia sama manusia dan antara manusia dengan Allah s.w.t.

Sistem peribadatan dalam segala bentuk, dari sembahyang, puasa, zakat, haji, korban, 'aqiqah dan sebagainya adalah untuk memperkukuhkan perhubungan yang terus-menerus antara manusia dengan Allah. Dengan sekaligus mengukuhkan hubungan baik antara manusia sesama manusia.

Hubungan baik dengan Allah, juga dengan manusia hendaklah sentiasa diperlihara; jika tidak maka padah buruk sedang menanti. Allah berfirman:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوٓا۟ إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ ٱلنَّاسِ

Terjemahan: Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia.

(Ali 'Imran, 3: 112)

Untuk menjaga hubungan baik dengan Allah, maka hendaklah seluruh penghidupan kita dipertalikan dengan Allah, sesuai dengan pengakuan yang diucapkan di setiap kali kita bersembahyang.

قُلْ إِنَّ صَلَاتِى وَنُسُكِى وَمَحْيَاىَ وَمَمَاتِى لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ

Terjemahan: Katakanlah sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku hanya untuk Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.

(Al-An'am, 6: 162)

Apabila manusia ini telah menjadikan seluruh hidupnya untuk Allah dan kerana Allah, maka jadilah ia seorang muslim yang sebenar yang tidak ada dalam hidupnya saat-saat pemisahan antara Islam dan tidak Islam, saat beragama dan tidak beragama, semuanya mesti Islam demi menegakkan Islam agar tinggi dan mulia, sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w.

اَلْاِسْلاَمُ يَعْلُوْا وَلاَ يُعْلٰى عَلَيْهِ

Terjemahan: Islam itu tinggi dan tidak ada lagi yang lebih tinggi darinya.

VIII

MANUSIA: ASAL MANUSIA

Dari Mana Asal Manusia

Perbincangan kita tentang *Manusia dan Islam* berkaitan dengan *Manusia dan Agama*, dan perbincangan kita tentang Manusia dan Agama dimula dengan manusia itu sendiri. Siapakah dia manusia?

Pertanyaan itu dijawab oleh dua sumber, *akal* dan *naqal*. Jawapan akal berasal dari manusia, sedangkan jawapan naqal berasal dari Allah. Jawapan manusia terbahagi dua, pertama berdasarkan pengetahuan primitif; kedua berdasarkan pengetahuan sains. Jawapan naqal juga terbahagi kepada dua, pertama yang dianggap atau dipercayai berasal dari Allah yang kedua yang sungguh-sungguh berasal dari Allah Yang Maha Esa. Di samping itu ada lagi jawapan jenis kelima (selepas empat jawapan di atas), iaitu jawapan falsafah, yang juga terbahagi kepada dua, yang berdasarkan pengetahuan akal semata-mata dan pengetahuan naqal.

Jawapan yang berdasarkan pengetahuan primitif dipandang oleh manusia moden atau pengetahuan akademik sebagai tahyul atau dongeng. Oleh itu jawapan itu tidak perlu dihuraikan di sini. Yang penting ialah jawapan yang berdasarkan kepada pengetahuan sains, kerana banyak kursus-kursus universiti berasaskan jawapan ini dan banyak orang akademik atau orang moden berpegang padanya. Jawapan akademik dipengaruhi oleh falsafah akal.

Pertanyaan tentang *siapakah dia manusia* berkaitan dengan

dua pertanyaan lain: *dari mana manusia itu* dan *ke mana akhirnya?* Secara lebih teratur pertanyaan ini bolehlah disusun; "dari mana", "siapakah dia" dan "ke mana akhirnya". Pertanyaan dari mana berkait dengan kejadian manusia.

Dari mana asal manusia? Jawapan ini adalah mudah. Manusia itu berasal dari orang tuanya. Dari mana pula asal orang tuanya. Masih mudah jawapannya. Ya, mereka berasal dari orang tuanya pula. Kalau pertanyaan ini kita lanjutkan berulang-ulang, sampailah kita pada orang tua yang pertama. Orang tua pertama tentu tidak mempunyai orang tua. Bagaimanakah kejadiannya, sehingga orang tua pertama itu wujud?

Teori Evolusi

Pertanyaan itu dijawab oleh dunia sains dengan teori keturunan atau teori evolusi. Teori evolusi ialah anggapan sains bahawa jenis-jenis haiwan dan tumbuhan yang ada sekarang tidak lahir menurut bentuk wujudnya seperti sekarang ini. Dan manusia berasal dari bangsa yang lebih rendah, yakni haiwan. Teori ini berpangkal dari Lamarck, seorang pakar sains hayat Perancis yang termasyhur. Pada Lamarck (1744—1892) teori itu beranggapan, bahawa setiap jenis makhluk, tumbuhan dan haiwan berasal dari jenis yang lebih rendah. Jenis yang paling rendah, yakni yang awal sekali, ialah makhluk satu sel. Jenis yang paling tinggi atau akhir sekali ialah manusia. Dalam sejarah dunia tumbuhan dan haiwan, kira-kira 2,000,000,000 tahun sampai sekarang, semenjak makhluk satu sel yang timbul di dalam laut sampai sekarang, berlangsung evolusi atau perubahan dari satu jenis melalui jenis antara kepada jenis lain. "Sains sistematik" menghitung sekarang satu pertiga juta jenis tumbuhan dan sejuta jenis haiwan. Kesemuanya itu berpangkal dari satu jenis: makhluk satu sel di dalam air.

Kalau manusia terjadi dari hasil evolusi hayat, tentu ia berasal dari jenis yang lebih rendah. Ya, demikianlah anggapan teori evolusi. Manusia berasal dari jenis yang lebih rendah. Bangsa yang lebih rendah daripada manusia ialah haiwan. Demikianlah manusia —menurut sains—merupakan hasil evolusi alat tubuh, hasil perkembangan jasad dari yang paling bersahaja atau sederhana sampai kepada haiwan tingkat tinggi dan akhirnya jenis manusia.

Jenis-jenis yang lahir dalam proses evolusi dari jenis haiwan menjadi jenis manusia antara lain dapat disebutkan:

1. Makhluk yang paling tua yang bentuknya mirip atau lebih hampir dengan manusia diistilahkan "*Kera Australia*", fosilnya diperkirakan berumur 500 - 600 ribu tahun.
2. Manusia-kera berdiri tegak, yang fosilnya berumur sekitar 400 ribu tahun.
3. Manusia *Neanderthal*, yang fosilnya berumur kira-kira 100 ribu tahun.

Fosil ialah bekas atau peninggalan jasad manusia dan haiwan secara utuh atau bahagian-bahagiannya, yang terbentuk oleh proses kimia dalam lapisan kulit bumi. Manusia-budiawan sebagai golongan yang merangkumi kita ini, menurut catatan fosil muncul tiba-tiba 35,000 tahun yang lalu.

Kalaulah dalam dua bilion terakhir sejarah bumi, berlangsung evolusi dunia haiwan dengan teratur, yang ke-35 kurun yang terkemudian berakhir pada jenis manusia budiawan, tentu wajar kita menduga bahawa pada masa yang akan datang akan lahir suatu jenis baru yang berbeda sekali dari jenis manusia yang sekarang. Akan tetapi dugaan ini dinafikan oleh *kelompok finalisme* di kalangan kaum evolusi, yang beranggapan bahawa dengan manusia berakhirlah evolusi itu.

Kelompok finalisme mendasarkan pendapat mereka pada terhentinya pertambahan isi padu otak pada manusia kini. Pertambahan isi padu dan penyempurnaan otak ada hubungannya dengan perkembangan kecerdasan. Kera Australia memiliki isipadu otak 450 cm^3. Dalam evolusi 400 —500 ribu tahun terjadi pertambahan 1000 cm^3 sehingga Manusia Neanderthal mencapai isi padu otak 1450 cm^3. Anehnya isi padu itu berkekalan tidak bertambah lagi (jadi berlawanan dengan undang-undang teori evolusi) sampai dengan manusia moden kini. Dengan terhentinya evolusi alat tubuh yang amat penting dalam diri manusia, maka terhentilah pula evolusi pada jenis manusia. Tujuan evolusi—menurut kaum finalisme—ialah untuk mewujudkan manusia, atau pada manusialah finalnya (berakhirnya) proses evolusi.

Teori evolusi sebagai teori ilmu,— seperti pula teori lain-lainnya—tidaklah mengandung kebenaran yang mutlak. Kebenaran teori ilmu bergantung pada data-data tempat ia berpijak. Apabila ditemukan data baru atau diperbaharuinya data lama, suatu teori sudah tidak menjadi teori dan berakhirlah kebenaran teori lama untuk digantikan oleh teori baru. Teori baru ini adalah benar, selama ia belum disanggah oleh data-data baru. Demikianlah sejarah sains terisi dengan sejarah bangun jatuhnya teori yang silih berganti. Sains adalah hasil akal manusia. Maka sejarah sains adalah sejarah akal mencari kebenaran. Bangun dan jatuhya teori dalam sejarah itu merupakan sejarah kekhilafan akal itu dalam usahanya menemukan kebenaran.

Kita ambil beberapa misal. Dahulu sains beranggapan bahawa atom merupakan unsur yang paling terkecil. Sekarang ternyata atom itu masih dapat dibelah, ia terdiri daripada proton dan satu atau lebih elektron (-) yang mengelilingi proton. Sebelum Copernicus (1473–1543) sains beranggapan mataharilah yang mengelilingi bumi, yang dibalikkan oleh Copernicus dengan teori tata surya, bahawa bumilah yang mengelilingi matahari. Dahulu atom itu dipandang sebagai benda sekarang sebagai tenaga. Dahulu elektrik dipandang sebagai tenaga yang paling kuat, sekarang atomlah yang dipandang sebagai tenaga yang paling dahsyat. Sebelum Lamarck sains beranggapan teori penciptaan; iaitu tiap jenis makhluk seperti yang ada sekarang telahpun dicipta demikian sejak dari awalnya. Setelah Darwin dan Spencer sains beranggapan teori evolusi; iaitu setiap jenis makhluk tercipta secara evolusi.

Kelemahan Teori Evolusi.

Teori evolusi itu semakin lama semakin ternyata kelemahannya. Kelemahan yang banyak diperdebatkan ialah tentang "*missing link*" atau dalam bahasa Arab *"Halaqah Mafqudah"* yakni putusnya hubungan atau tidak ditemukannya "jenis antara" iaitu suatu jenis makhluk yang menjadi perantaraan proses perkembangan atau evolusi dan jenis haiwan kepada jenis manusia. Asas-asas teori Darwin telah dibatalkan oleh penemuan-penemuan sains selepasnya; dan yang masih dapat diperfahamkan dari teori itu ialah garis besarnya sahaja.

Teori evolusi terbina di atas data-data fosil yang ditemui lapisan-lapisan tanah bumi.

> *"Apabila teori evolusi itu benar maka lapisan-lapisan baru harus menyimpan catatan-catatan yang lengkap tentang perkembangan hidup sepanjang waktu geologis, dan catatan tersebut harus mengandungi data bertahap yang kontinu (berterusan) tentang evolusi hidup, misalnya dari ameba sampai manusia. Ternyata apa yang diharapkan itu tidak terbukti, malah sebaliknyalah yang ditemukan. Kenyataan itulah yang membingungkan Darwin sendiri, seperti katanya: " ...... secara keseluruhannya data geologis itu terlalu tidak lengkap. Sedangkan bila kita pusatkan perhatian kita hanya kepada satu lapisan sahaja, maka lebih menyulitkan lagi: misalnya mengapa kita tidak menemukan di dalamnya perbezaan-perbezaan bertahap di antara spesies yang dekat yang hidup dalam lapisan tersebut."*
>
> (*The Origin of species, 1872, Bab X*)

Gerak dan peristiwa alam adalah teratur sekali. Sebab itulah sains berhasil merumuskan hukum atau undang-undang alam. Undang-undang alam ialah hubungan sebab-akibat peristiwa alam yang berkekalan dan pasti. Tiap-tiap air disejukkan O° Celsius, ia akan membeku, walaupun pada bila-bila masa dan di mana pun jua. Tiap logam dipanaskan pasti ia mengembang. Sains fizik dan teknologi memperoleh kemajuan yang tak terkira-kira dewasa ini adalah berkat adanya keteraturan dan kepastian gerak alam yang tetap. Sekarang timbul pertanyaan yang merupakan kritik terhadap teori evolusi.

Teori evolusi memberatkan pandangan pada satu segi sahaja, yakni ia menekankan persamaan pada sudut jasmani, sambil mengabaikan segi perbezaan yang asasi pada sudut rohaniah. Antara robot dan manusia memang ada segi persamaannya, tetapi segi perbezaannya jauh lebih asasi.

Kenapa terhenti atau lenyap keteraturan dalam evolusi otak, yang bermula dari *Manusia Neanderthal* hingga kepada *Manusia*

Budiawan? Terhentinya evolusi di sini berlawanan dengan teori evolusi itu sendiri.

Kaum finalisme datang membela: terhentinya evolusi otak, kerana justeru tujuan evolusi ialah mewujudkan Manusia Budiawan. Oleh kerana tujuan sudah tercapai, maka evolusi pun berhenti. Kalau demikian, siapakah yang menentukan tujuan itu dan siapakah yang menyusun keteraturan yang amat rapi itu? Tidak mungkin kalau alam yang berevolusi itu yang menentukan tujuan dan menyusun keteraturan, kerana ia tidak berakal. Ia hanya sekadar tunduk kepada undang-undang, yang ditetapkan ke atasnya. Maka jawapan yang tersedia ialah Pencipta alam itulah yang menentukan tujuan dan menyusun keteraturan. Oleh agama pencipta itu disebut Allah. Dipandang dari segi ini evolusi bukanlah menjauhkan kita dari Allah malahan sebaliknya. Teori evolusi menuntut kepercayaan akan adanya Allah.

Kesimpulan jawapan sains terhadap pertanyaan tentang asal manusia ialah: manusia berasal dari haiwan. Ia lahir pada akhir penghujung proses evolusi pada alam binatang Darwin menteorikan: manusia dan beruk bermoyangkan sama, yakni kera purba. Teori sains itu adalah jawapan akal manusia. Manusia adalah makhluk yang terhad, kerana itu akalnya terbatas, sekalipun begitu tinggi ilmu dan teknologi yang dihasilkannya pada zaman moden kini. Kerana terhadnya akal, terbatas pulalah teori evolusi yang disusunnya. Maka tidak hairanlah, kalau timbul kritik-kritik terhadap teori itu.

Al-Qur'an dan Hadith Menjelaskan Asal Manusia

Sekarang kita tinjau pula apakah jawapan *naqal* terhadap masalah asal manusia. *Naqal* ialah firman Allah dan sabda Rasul-Nya. Agama di dunia ini bukanlah satu, kerana itu berbeza-beza kepercayaan tentang Allah dan Rasul-Nya. Maka berbeza-beza pula *naqal* yang dipercayai berasal dari kedua sumber itu. Di antara perbezaan-perbezaan itu ada perbezaan yang amat ketara antara *naqal* dalam agama Islam dan agama-agama lain. Yang pertama dapat dipastikan oleh ilmu sejarah, kerana memiliki fakta-fakta sejarah yang lengkap, sedangkan yang kedua tidak. Oleh kerana dalam agama Islamlah sahaja turunnya *naqal* itu dapat dipertang-

gungjawabkan dengan ilmu sejarah, maka kita bataskan jawapan *naqal* yang ada pada agama Islam sahaja.

Dalam al-Qur'an yang merupakan himpunan tertulis firman-firman Allah, banyak ditemukan ayat yang menerangkan asal kejadian manusia. Di sini baiklah kita kutip sejumlah dari ayat tersebut:

أَنَّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَٰهُمَا وَجَعَلْنَا مِنَ ٱلْمَآءِ كُلَّ شَىْءٍ حَىٍّ

Terjemahan: Dan bahawa sesungguhnya langit dan bumi pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya, dan Kami jadikan dari air tiap-tiap benda yang hidup.

(Al-Anbiya', 21: 30)

هَلْ أَتَىٰ عَلَى ٱلْإِنسَٰنِ حِينٌ مِّنَ ٱلدَّهْرِ لَمْ يَكُن شَيْـًٔا مَّذْكُورًا

Terjemahan: Bukankah telah berlalu kepada manusia satu ketika dari masa (yang beredar), sedang ia (masih belum wujud lagi, dan) tidak menjadi sesuatu benda yang disebut-sebut (maka mengapa kaum musyrik itu mengingkari hari akhirat).

(Al-Insan, 76: 1)

وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَارًا

Terjemahan: Padahal sesungguhnya Ia telah menciptakan kamu dengan kejadian yang berperingkat-peringkat.

(Nuh, 71: 14)

وَٱللَّهُ أَنۢبَتَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ نَبَاتًا

Terjemahan: Dan Allah telah menumbuhkan kamu (hidup dari benda-benda yang berasal) di bumi, dengan pertumbuhan yang sungguh sempurna.

(Nuh, 71: 17)

إِنَّا خَلَقْنَٰهُم مِّن طِينٍ لَّازِبٍ

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah menciptakan mereka dari tanah liat (yang senang diubah dan diciptakan semula).

(*Al-Saffat, 37: 11*)

إِنَّ مَثَلَ عِيسَىٰ عِندَ ٱللَّهِ كَمَثَلِ ءَادَمَ خَلَقَهُۥ مِن تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ

Terjemahan: Sesungguhnya perbandingan (kejadian) Nabi 'Isa di sisi Allah adalah sama seperti (kejadian) Nabi Adam. Alluh telah menciptakan Adam dari tanah lalu berfirman kepadanya: "Jadilah Engkau! maka jadilah dia."

(*Ali 'Imran, 3: 59*)

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّى خَٰلِقٌۢ بَشَرًا مِّن صَلْصَٰلٍ مِّنْ حَمَإٍ مَّسْنُونٍ

Terjemahan: Dan (ingatkanlah peristiwa) tatkala Tuhamu berfirman kepada malaikat. Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya.

(*Al-Haj, 22: 28*)

ٱلَّذِىٓ أَحْسَنَ كُلَّ شَىْءٍ خَلَقَهُۥ وَبَدَأَ خَلْقَ ٱلْإِنسَٰنِ مِن طِينٍ ثُمَّ جَعَلَ نَسْلَهُۥ
مِن سُلَٰلَةٍ مِّن مَّآءٍ مَّهِينٍ ثُمَّ سَوَّىٰهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِن رُّوحِهِۦ وَجَعَلَ لَكُمُ
ٱلسَّمْعَ وَٱلْأَبْصَٰرَ وَٱلْأَفْـِٔدَةَ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ

Terjemahan: Yang mencipta tiap-tiap suatu dengan sebaik-baiknya dan dimulakan-Nya kejadian manusia berasal dari tanah. Kemudian Ia menjadikan keturunan manusia itu dari sejenis pati, iaitu dari air (benih) yang sedikit dipandang orang. Kemudian ia menyempurnakan kejadiannya, serta meniupkan padanya roh ciptaan-Nya. Dan Ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan

penglihatan serta hati (akal fikiran), (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.

(*Al-Sajadah*, 7–9)

Ayat-ayat tersebut menghuraikan tentang asal kejadian manusia dari tanah dengan istilah yang bermacam-macam. Antara lain disebutkan tanah, tanah kering, tanah liar dan tanah berlumpur. Di akhir proses pembentukan jasmani, dihembuskan oleh Allah dari roh-Nya ke dalam jasad manusia. Jasad itu berasal dari bermacam bahan yang terdapat dalam tanah. Dengan dimasukkan-Nya roh ke dalam jasmani itu, diri manusia tidak hanya memiliki hidup jasmaniah, tetapi juga memiliki kehidupan rohaniah. Kehidupan rohaniah merupakan pernyataan jiwa atau diri sama ada dalam bentuk fikiran atau perasaan dalam pengertiannya yang luas.

Ayat-ayat al-Qur'an menerangkan bahawa proses kejadian manusia sama ada sebagai satu jenis (*genus*) atau pun sebagai individu (yang akan diterangkan nanti) adalah berperingkat-peringkat, tetapi proses evolusi itu tidak dikaitkan dengan alam haiwan. Bahkan al-Qur'an menunjukkan perbezaan yang asal di antara manusia dengan haiwan, melalui peniupan roh ke dalam jasmani manusia. Teori evolusi memusatkan perhatiannya kepada segi-segi persamaan antara jasmani manusia dan haiwan, tetapi mengabaikan perbezaan asasi dalam kehidupan batin antara kedua jenis makhluk itu.

Manusia memiliki kehidupan rohani, yang menjadikannya peringkat manusia, sedangkan haiwan tidak memiliki unsur rohani. Apabila manusia tidak berakal, yakni tidak berfikir dan menghayati unsur kerohaniannya, memanglah tidak banyak bezanya daripada haiwan.

Mungkin timbul kehairanan pada fikiran yang kritikal, bagaimana mungkin manusia sebagai jenis berasal dari bermacam bahan yang berasal dari bumi. Akan tetapi apakah fikiran itu tidak hairan tentang ajaran evolusi yang menyatakan, bahawa manusia itu berasal dari binatang, dan sejuta jenis binatang yang beraneka ragam yang hidup sekarang, berasal pada awalnya dari binatang satu sel di dalam air?

Kehairanan kita tentang asal kejadian manusia menurut ajaran agama akan lenyap, kalau di latar belakang kejadian itu kita percaya kemahakuasaan Tuhan Yang Maha Esa. Kalau kita percaya, bahawa Allah itu Maha Kuasa, kuasa menciptakan alam semesta ini dari ketiadaan, hairankah kita kalau Dia berkuasa pula menciptakan jenis manusia dari bahan-bahan yang sudah ada?

Sesungguhnya keterangan teori evolusi yang menyatakan gerak dan peristiwa evolusi dijadikan dan diarahkan oleh undang-undang alam, lebih patut dihairankan. Bagaimana alam yang tidak berakal itu menjadikan dan mengarahkan dirinya dalam proses evolusi? Keteraturan yang berkekalan dan pasti dan pengarahan evolusi yang disimpulkan dengan undang-undang alam itu, baru dapat diterima oleh fikiran kita, kalau di sebalik alam itu ada kekuasaan yang mengatasi alam, menentukan undang-undang yang dipatuhi oleh alam dan mengaturnya. Kekuasaan itulah yang disebut oleh agama dengan istilah Allah. Jadi teori evolusi akhirnya memerlukan kepercayaan akan adanya Allah.

Demikianlah dalam dunia sains data-data yang ditemukan pada alam menjadi dasar teori evolusi, sedangkan dalam agama Islam data-data yang ditemukan dalam al-Qur'anlah yang menjadi dasar ajaran tentang asal kejadian manusia.

Di samping jawapan sains dan agama tentang asal kejadian manusia, ada lagi jawapan falsafah. Ada dua jenis falsafah yang memberikan jawapannya:

1. Hasil pemikiran yang sistematik, radikal dan universal berdasarkan data-data yang dihimpun oleh sains.
2. Hasil pemikiran yang sistematik, radikal dan universal berdasarkan *naqal.*

Hakikat falsafah sesungguhnya ialah pentafsiran, mentafsirkan perkara yang tidak dapat diselidiki secara ilmiah. Ia memberikan kefahaman dalam bentuk pengetahuan yang bulat atau teori tentang fakta-fakta yang tidak dapat diselidiki lebih jauh. Dalam hal yang menyangkut agama Islam yang dimaksud dengan fakta-fakta itu ialah nas al-Qur'an dan Hadith.

Dengan demikian asas jawapan kedua jenis falsafah itu kembali kepada sains dan agama. Dengan demikian tidaklah perlu kita

membuang masa untuk memperbincangkan bermacam aliran falsafah moden tentang asal kejadian manusia, kerana dirasa telah memadai apa-apa yang telah dihuraikan oleh sains dan agama di atas.

Setelah pertanyaan tentang asal kejadian manusia atau "dari mana manusia" itu telah terjawab, sampailah pertanyaan kedua yang perlu diberi jawapan. Persoalan itu ialah siapakah dia manusia?

IX

MANUSIA: HAKIKAT MANUSIA

Manusia Menurut Pendapat Sains

Menurut teori sains semenjak manusia muncul di planet yang bernama bumi ini, semenjak itu pula ia menghadapi pertanyaan: Siapakah dia manusia? Bermacam-macam jawapan yang telah disusunnya, sesuai dengan perkembangan pemikiran dan pengetahuan. Akan tetapi selalu sahaja jawapan yang telah diberikan pada suatu zaman tidak memuaskan bagi zaman berikutnya, sehingga zaman yang kebelakangan itu mengulangi kembali penyusunan jawapan. Pertanyaan itu hanya satu, tetapi jawapannya berbeza-beza. Dalam kebudayaan primitif pertanyaan itu dijawab oleh mitos, kepercayaan yang disusun oleh pemikiran primitif. Dalam kebudayaan yang telah meningkat kepada peradaban, falsafahlah yang menjawabnya. Di kalangan umat Islam diakui bahawa spekulasi pemikiran tidak akan dapat menyelesaikan masalah itu. Oleh itu hanya wahyu Allahlah yang akan memberikan jawapan yang sebenar.

Menurut kajian sains, manusia sebagai individu terdiri dari sel-sel daging, tulang, saraf, darah dan lain-lain yang membentuk jasad. Pertemuan benih ayah dan ibu membentuk janin dalam rahim ibu, yang tumbuh secara evolusi. Setelah janin itu sempurna, ia lahir sebagai bayi. Dipandang secara jasmaniah tidak banyak beza proses pertumbuhan janin manusia daripada haiwan peringkat tinggi, tetapi setelah janin itu lahir sebagai bayi, terdapat perbezaan yang asasi antara bayi manusia dan bayi haiwan, makin hari makin

ternyata perbezaan itu. Proses menjadi dewasa lebih cepat pada haiwan daripada manusia. Setelah anak ayam keluar dari telur, ia dapat berjalan dan mencari makan. Akan tetapi anak manusia memerlukan waktu yang panjang untuk dapat berjalan, dan masa yang lebih panjang lagi untuk dapat mencari makan. Anak manusia memerlukan pendidikan yang memakan waktu panjang untuk dapat berdiri sendiri. Makin moden suatu masyarakat, makin panjang masa yang diminta oleh pendidikan untuk mendewasakan warganya.

Anak haiwan tidak memerlukan pendidikan. Tindakan dan perbuatan haiwan berasas dan dikendalikan oleh naluri. Naluri ialah kemahuan tidak sedar dalam diri manusia, haiwan dan tumbuhan, yang sedia ada sejak lahir. Dengan sendirinya anak binatang pandai mencari makan tanpa ditunjuk-ajar oleh orang tuanya. Burung dengan sendirinya dapat membuat sarang seperti yang diperbuat oleh datuk-neneknya ratusan ribu tahun yang lalu, tanpa diajar oleh orang tuanya.

Semenjak lahir, anak manusia telah membezakan dirinya daripada anak haiwan. Ia mempunyai perasaan rohaniah, ia merasa suka dan duka, ia ketawa dan menangis. Ia memiliki kehidupan batin padanya tumbuh kesedaran akan diri dan akan persekitarannya, dan yang amat penting ialah tumbuh kemampuan berfikir, sehingga ia dapat mempelajari bahasa yang didengarnya di lingkungannya. Dengan bahasa itu dapatlah ia menyalurkan apa jua yang ada dalam dirinya (fikiran, perasaan, pengalaman, keinginan) kepada orang-orang yang dipergaulinya. Terjalinlah hubungan rohaniah dengan anggota masyarakat, dalam mana ia dilahirkan dan diasuh. Bukan sahaja ia dapat mengerti akan perkara-perkara yang terjadi dalam masyarakatnya, tetapi ia juga dapat menyertainya, berhubungan, bekerjasama dan hidup bersama dengan anggota masyarakatnya. Dengan demikian ia menjadi ahli masyarakat dengan menyertai kehidupan sosialnya.

Daripada perkara-perkara yang dapat diperhatikan dalam proses pertumbuhan anak manusia, dapatlah difahami bahawa manusia memiliki aktiviti kejiwaan, yang memungkinkannya menyertai aktiviti sosial. Kejiwaan dan sosial inilah yang tidak ada pada haiwan, sekalipun dipandang dari segi jasmani tidak banyak

beza antara orang hutan, cimpanzi atau gorila dan manusia. Kerana itulah Julian Huxley, seorang neo-Darwinis yang terkenal, menyebut manusia sebagai makhluk yang berjiwa dan bermasyarakat.

Sains mengakui bahawa dalam diri manusia ada jiwa, bahkan penganut teori evolusi pun mengakuinya. Yang jadi masalah ialah apakah jiwa itu unsur asal yang berdiri sendiri, ataukah ia hanya merupakan fungsi atau aktiviti dari jasad dengan anggota-anggota tubuh badannya. Perkara ini tentu tidak mungkin terselesai melalui sains. Asas sains adalah penyelidikan dan eksperimen (percubaan). Dengan kedua-dua kaedah itu sains tidak akan mampu menyelidiki perkara tersebut. Penyelidikan dan eksperimen dapat dilakukan terhadap benda yang bersifat material, sedangkan jiwa adalah perkara ghaib.

Di mana sains sampai ke batas kemampuannya, di situ falsafah datang melanjutkan perbincangan. Terjadilah perdebatan yang sengit tentang jiwa itu antara dua cabang falsafah metafizik, yakni *materialisme* dan *spiritualisme*. Materialisme ialah aliran falsafah yang beranggapan bahawa hakikat kenyataan yang berbagai-bagai macam ragam dan rupa ini ialah benda. Spiritualisme sebagai lawan materialisme, beranggapan lain bahawa hakikat kenyataan ialah roh atau jiwa. Benda bersifat nyata, ada bentuk wujudnya, sekalipun sangat kecil. Roh bersifat ghaib, bentuk wujudnya tidak dapat disentuh oleh pancaindera.

Ada dua jenis materialisme:

1. Materialisme serba dua, yang beranggapan bahawa manusia terdiri dari dua jenis benda; benda badan dan benda jiwa; jadi jiwa itu juga jenis benda, tetapi yang berbeza sekali bentuk dan sifatnya daripada benda badan.
2. Materialisme serba esa berteori bahawa jiwa itu tidaklah lain dari kerja, fungsi atau aktiviti benda badan.

Teori yang kedua itulah yang dianut oleh kaum ateis dan kaum komunis dewasa ini. Falsafah spiritualisme menafikan teori materialisme dengan menyatakan, bahawa hakikat manusia adalah roh. Badan itu hanya pernyataan roh. Kerana itulah falsafah *Wedanta* (Hindu) beranggapan, dunia benda (juga badan) adalah

maya, yakni tipuan pancaindera sahaja.

Baiklah kita hentikan saja perbincangan falsafah tentang siapa dia manusia, kerana ia akan membawa kita kepada perbincangan yang mendalam, dan berpanjangan yang tidak ada penghabisannya.

Dari huraian di atas dapatlah disimpulkan, menurut sains, manusia terdiri daripada jasad daripada benda, yang tidak banyak bezanya daripada jasad haiwan. Ambil misalnya perbezaan lahiriah antara manusia dan *antropoide* (peringkat haiwan yang tertinggi). Perbezaan yang menonjol hanyalah pada otak dan tangan. Otak manusia lebih besar dan kulit otak yang lebih sempurna dan tangannya yang demikian susunannya. Kerjasama yang selaras antara empu dan jari-jari tangan memungkinkan tangan menjadi alat pemegang. Dengan fungsi itu tangan jadi pangkal teknik, yakni kerja dengan alat. Kemampuan tangan itu memungkinkan manusia bertukang.

Akan tetapi dari segi batiniah besar sekali perbezaan di antara manusia dengan haiwan. Manusia mempunyai jiwa, yang memungkinkan otak itu berfikir. Kalbunya jadi sumber penghayatan rohaniah dan tangan jadi pangkal teknik, mewujudkan apa yang difikirkan oleh otak dan dirasakan oleh kalbu. Dengan diakui adanya jiwa dalam diri manusia, maka sains menyediakan suatu cabang sains khusus, yakni psikologi, untuk mengkaji perkara-perkara tentang kejiwaan. Jiwa memungkinkan individu-individu manusia membentuk kehidupan sosial. Kehidupan sosial membentuk masyarakat. Dalam masyarakatlah manusia hidup secara kemanusiaan.

Demikianlah secara ringkas jawapan sains terhadap pertanyaan siapakah dia manusia? Apa pula jawapan Islam atas pertanyaan yang sama?

Jawapan Islam.

Proses kejadian manusia sebagai individu dihuraikan oleh al-Qur'an dan Hadith:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِن سُلَٰلَةٍ مِّن طِينٍ ثُمَّ جَعَلْنَٰهُ نُطْفَةً فِى قَرَارٍ مَّكِينٍ

ثُمَّ خَلَقْنَا ٱلنُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا ٱلْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا ٱلْمُضْغَةَ عِظَٰمًا فَكَسَوْنَا ٱلْعِظَٰمَ لَحْمًا ثُمَّ أَنشَأْنَٰهُ خَلْقًا ءَاخَرَ

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah. Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada tempat penetapan yang kukuh. Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku, lalu Kami cipta darah beku itu menjadi seketul daging, kemudian Kami cipta daging itu menjadi beberapa tulang, kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu, Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya.

(Al-Mu'minun, ayat 23: 14–4)

Hadith mengulas ayat tersebut sebagai berikut:

Bahawasanya seseorang kamu dihimpunkan kejadiannya di dalam perut ibunya selama 40 hari, kemudian merupakan alaqah (segumpal darah) seumpama demikian (selama 40 hari), kemudian dia merupakan mudghatan (segumpal daging) seumpama demikian (selama 40 hari). Kemudian Allah mengutus malaikat, maka diperintahkan kepadanya (malaikat) empat perkataan. Dan dikatakan kepada malaikat: engkau tuliskanlah amalannya, dan rezekinya dan ajalnya dan celaka atau bahagianya. Kemudian ditiupkanlah kepada makhluk itu ....

(Hadith riwayat Imam al-Bukhari, 248)

Proses evolusi kejadian individu yang diberitakan oleh wahyu dari Allah dan dijelaskan sebagai Hadith oleh Rasul-Nya sejak 14 abad yang lalu tidak bercanggah dengan penemuan sains pada masa kini. Hanya peniupan roh oleh Allah ke dalam janin sahaja yang tidak mungkin ditangkap oleh penyelidik sains, kerana roh itu

bersifat ghaib dan penghembusannya juga adalah ghaib. Kajian sains, seperti telah disinggung di atas hanya mengenai alam benda yang nyata.

Jiwa yang bersifat ghaib mutlak tidak akan terkaji oleh sains. Falsafah akan mentafsirkannya bermacam-macam yang hanya akan menimbulkan keraguan, kerana tentang perkara roh tidak ada kemampuan akal memecahkannya. Maka al-Qur'an memperingatkan: *"Mereka akan bertanya kepadamu tentang roh. Jawablah roh itu masuk urusan Tuhan, kepadamu hanya diberikan sedikit pengetahuan."* (Terjemahan surah al-Isra', ayat 85). Pengetahuan yang sedikit itulah yang dimiliki oleh sains.

Dengan adanya roh itu terjadilah perkembangan anak manusia menjadi makhluk berjiwa dan bermasyarakat, dan gejala-gejala yang ditimbulkan oleh makhluk rohani dan bermasyarakat itu dalam laku-perbuatannya diakui sepenuhnya oleh kajian sains, bahkan juga oleh teori evolusi.

Dengan pandangan materialisme sains beranggapan bahawa berfikir merupakan fungsi otak, dan pengalaman kerohanian atau kejiwaan merupakan fungsi kalbu. Kajian ilmu jiwa menghuraikan bahawa pengalaman kerohanian itu mempunyai enam unsur, iaitu rasa agama, rasa etika, rasa estetika, rasa intelek, rasa sosial dan rasa diri sendiri. Akan tetapi apakah betul otak itu yang berfikir dan kalbu itu yang menghayati? Pertanyaan yang sejajar dapat diajukan tentang penglihatan. Apakah betul mata itu melihat? Apabila tidak ada cahaya, apakah mata itu melihat benda-benda yang ada di hadapannya? Apabila rangsangan-rangsangan yang ditangkap oleh mata tidak disalurkan oleh saraf-saraf mata ke otak, apakah mata itu melihat juga?

Tentang mata, kita dapat memastikan bahawa sesungguhnya bukan matalah yang melihat, tetapi ia hanyalah sekadar alat penglihatan. Bagaimana dengan otak dan kalbu? Bukankah haiwan juga mempunyai otak dan kalbu? Tetapi kenapa ia tidak berfikir dan menghayati? Jawapan yang tersedia ialah, kedua alat tubuh itu hanyalah sekadar alat. Sesungguhnya yang melihat dan menghayati itu adalah sesuatu yang berada di belakang kedua-dua alat tubuh tersebut. Yang dimaksudkan dengan sesuatu itu ialah unsur roh, yang berada di belakang benda jasad, yang menjadi alat-alat badan

sebagai alat untuk kehidupan batin, untuk kegiatan-kegiatan rohaniah, sebab yang hakikat pada manusia adalah rohnya, bukan badannya yang tidak berbeza dari badan haiwan, yang sekali dalam tujuh tahun mengalami pergantian sel-sel.

Jasad manusia berasal dari zat-zat bumi, tumbuh melalui proses dalam rahim ibu manjadi janin, untuk keluar sebagai bayi di hujung evolusinya. Demikian pula dengan binatang. Akan tetapi dalam proses pertumbuhan badan manusia, Allah menghembuskan roh. Ini tidak terjadi pada haiwan. Lantaran roh itu maka terjadilah perbezaan asasi di antara manusia dengan haiwan.

Dengan demikian nyatalah bahawa manusia terdiri atas dua unsur asal, benda yang berasal dari bumi dan roh yang berasal dari Allah. Maka yang suatu hakikat pada manusia adalah rohnya, sedangkan jasad hanyalah alat yang dipergunakan oleh roh untuk menjalani kehidupan material di alam dunia yang bersifat benda.

Dengan adanya roh ada pula aktiviti berfikir dan merasa dengan pancaindera. Jalinan antara berfikir dan merasa inilah sesungguhnya yang dikandung oleh akal.

Akal berasal dari kata Arab *'aqal.* Dalam bahasa Malaysia dan Indonesia orang biasa menterjemahkannya dengan fikir atau fikiran. Jadi kata berakal diterjemahkan dengan berfikir. Tidak berakal: tidak berfikir.

Menurut etimologi Arab, erti akal mula-mula "mengikat" (menahan) dan "membezakan." Dalam kontek ini orang menghubungkan, bahawa akal merupakan tenaga yang menahan diri makhluk yang memilikinya daripada perbuatan buruk atau jahat, membezakannya daripada makhluk-makhluk lain, kerana tenaga akal itu dapat membezakan antara yang baik dan yang buruk. Umumnya akal dimaknakan sebagai alat untuk berfikir, menimbang buruk-baik atau merasakan segala perubahan keadaan, sehingga dapat mengambil manfaat daripadanya. Ada dikatakan orang, bahawa akal adalah nur (cahaya) yang dibekaskan Allah pada hati manusia dan aliran tenaga nur itu bersambung sampai ke otak.

Dalam rasa bahasa yang diucapkan sehari-hari, akal disamakan isi pengertiannya dengan fikir. Apakah penyamaan ini tepat dan benar?

Lantaran akal sebagai istilah menyangkut langsung ajaran Islam, maka pertanyaan itu harus diajukan kepada al-Qur'an sendiri sebagai sumber pertama dan utama ajaran.

Dalam al-Qur'an, kita temukan pemakaian kata akal dan juga kata fikir. Tersebar dalam al-Qur'an ditemukan ayat-ayat yang mengandungi kata akal (*ya'qilun/*mereka berakal, *ta'qilun/*kamu berakal) dan juga fikir (*yatafakkarun/*mereka berfikir, *tatafakkarun/*kamu fikiran). Kita ambil dua misal sahaja dari jumlah ayat yang banyak itu:

كَذَالِكَ يُحْيِ ٱللهُ الْمَوْتَىٰ وَيُرِيكُمْ ءَايَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Terjemahan: Demikianlah Allah menghidupkan orang-orang yang telah mati, dan memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda kekuasaan-Nya, supaya kamu memahami.

(*Al-Baqarah, 2:73*)

يَسْئَلُونَكَ عَنِ ٱلْخَمْرِ وَٱلْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَآ إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَٰفِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَآ أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا وَيَسْئَلُونَكَ مَاذَا يُنفِقُونَ قُلِ ٱلْعَفْوَ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللهُ لَكُمُ ٱلْأَيَٰتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ

Terjemahan: Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: "Pada keduanya ada dosa besar dan ada beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya." Dan mereka bertanya pula kepadamu: Apakah yang merka akan belanjakan (dermakan) katakanlah ("dermakanlah apa-apa) yang berlebih dari keperluan (kamu)." Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukum-Nya) supaya kamu berfikir.

(*Al-Baqarah, 2:219*)

Kata adalah lambang pengertian. Kalau kita memakai dua kata, hal itu bererti kita menunjuk kepada dua pengertian. Ya, ada

dua kata yang *sinonim*, menunjuk kepada pengertian yang sama, umumnya dengan didukung oleh perbezaan rasa bahasa. Biasanya kata-kata itu berasal dari bahasa-bahasa yang berbeza dan mungkin pula kedua-duanya dari bahasa yang sama.

Akan tetapi, manakala kedua kata itu dipakai sebagai istilah, apalagi istilah hukum (undang-undang), dengan memakai dua kata yang berbeza orang bermaksud untuk membezakan pengertiannya. Al-Qur'an adalah hukum asas Islam. Oleh itu apabila ia memakai dua kata yang berbeza, pastilah ia menunjuk kepada pengertian yang berbeza pula. Kalau kita beranggapan, bahawa al-Qur'an tidak teliti dalam pemakaian kata yang berisikan pengertian, akibatnya akan parah. Erti dari kata dan ayat akan kabur, yang akan membawa kepada pemahaman yang kacau. Maka lenyaplah kemutlakan sifat Kitab Suci itu.

Oleh kerana itu dalam peristilahan al-Qur'an tentulah akal berbeza pengertiannya daripada fikir. Selanjutnya, kalau kita teliti pengertian fikir dalam al-Qur'an, jelaslah yang dimaksudkan dengan kata itu pengertian yang sama yang dikandung oleh kata fikir dalam ucapan sehari-hari, iaitu menunjuk kepada kerja otak. Kalau kita himpunkan ayat-ayat yang mengandung istilah akal dan menghuraikan pengertian yang jadi isinya, kita akan mendapat kesimpulan, bahawa dalam pengertiannya memang ada fikir, tetapi bukan itu sahaja, masih ada unsur lain, iaitu rasa. Kebenaran tentang perkara ini dapat kita uji pada pengertian umum kata itu dalam bahasa aslinya, iaitu alat untuk berfikir dan alat untuk menimbang buruk-baik atau merasakan segala perubahan keadaan. Yang menentukan atau menimbang buruk dan baik bukanlah fikir, tetapi rasa. Dalam peristilahan psikologi rasa yang melakukan tugas itu disebut rasa etika.

Apabila kita kembali kepada dua ayat di atas, ternyata sekali perbezaan pemakaian akal dan fikir, sesuai dengan perkara yang dihadapi. Soal mati adalah perkara ghaib, yang tidak mungkin difikirkan dan difahami oleh fikiran sahaja. Tentang peristiwa menghidupkan orang mati tidak akan terterima oleh fikiran sahaja, kalau tidak disertai oleh rasa agama yang bersumber dalam kalbu. Sedangkan manfaat dan mudarat minuman arak dan judi dan apa-apa yang akan disedekahkan dapat difikirkan oleh budi sahaja ber-

dasarkan logik, kenyataan atau pengalaman.

Dengan demikian pengertian yang dikandung oleh istilah akal adalah fikir dan rasa. Ia terbahagi dalam dua segi dan tiap segi berpotensi untuk bekerja sendirian, tetapi dalam bentuknya yang penuh atau dalam wujudnya yang lengkap, akal itu ialah jalinan kerja budi dan kalbu, kerjasama antara fikir dan rasa. Apabila otak dan kalbu bekerja sendiri-sendiri, hasilnya akan berat sebalah. Hanya dengan aktiviti akallah akan tercapai hasil pemikiran yang maksima, kerana dapat dipertimbangkan dua tenaga rohaniah yang menjadikan manusia makhluk tertinggi di antara makhluk-makhluk yang ada.

Frederik W. Bailes mengistilahkan pemikiran dengan fikir objektif dan rasa dengan fikir subjektif. Tentang aktivitinya masing-masing dilukiskannya sebagai berikut:

> *Fikir objektif manusia ialah fikir yang melakukan penuturan, pilihan dan memberi arah. Ia tidak mencipta, tetapi memberi arah kepada aktiviti mencipta yang dilakukan oleh fikir subjektif. Fikiran subjektif merupakan kedalaman yang jauh, tersembunyi dan tak sedar; semua pemikiran dan laku perbuatan itu tidaklah hilang, sekalipun ia secara sedar tak dapat mengingatinya, tetapi muncul dalam mimpi yang kompleks-kompleks. Fikir subjektif merawat kerja yang beragama dari jasmani.*

Fikir (objektif dan subjektif) menurut Doktor itu merupakan perantaraan atau penghubung antara roh dan badan. Bailes menggambarkan manusia dalam bentuk tiga lingkaran, yang mempunyai titik pusat yang sama. Lingkaran pusat adalah roh. Lingkaran kedua, yang terletak antara lingkaran pertama dan ketiga ialah fikir objektif dan subjektif (atau istilah kita akal). Lingkaran ketiga, yakni yang sebelah luar, adalah badan. Rajah berikut memperjelas huraian:

Sesuatu yang terjadi pada jasad (baik tingkah-laku dan perbuatan atau gejala-gejala seperti penyakit) bukanlah berasal dari roh, tapi dari fikir dan rasa. Dengan demikian laku perbuatan yang salah atau jahat bukanlah berasal dari roh, tetapi dari *mind* (isti-

Rajah I: Kedudukan Fikiran dalam Lingkaran Diri Manusia

Lingkaran I:	Roh bersifat ghaib
Lingkaran II:	Fikir objektif dan fikir subjektif atau akal, penghubung antara I dan II. Aktiviti akal dimungkinkan kerana adanya roh.
Lingkaran III:	Jasad.

lah yang dipakai Bailes untuk menunjuk fikir objektif dan subjektif). Jadi *mind*lah yang melahirkan laku perbuatan atau gejala yang tidak baik atau jahat. Dan isi *mind* itu berasal dari seluruh pengalaman individu semenjak ia lahir.

Kenapa perbuatan jahat atau penyakit dilahirkan bukan oleh roh, tetapi oleh *mind* atau akal? Roh itu suci, kerana berasal dari yang maha suci. Yang mungkin kotor adalah akal. Akal yang kotor ini menutup kesucian roh dan melahirkan penyakit dan perbuatan jahat.

Pemakaian istilah *mind* oleh Bailes, yang menunjuk himpunan pengertian fikir objektif dan fikir subjektif, sejajar dengan istilah akal yang kita pakai, yang menunjuk aktiviti budi (fikir) dan aktiviti kalbu (rasa).

Manakala diteliti kedudukan roh, akal dan jasad dalam saling hubungannya pada diri manusia, dapatlah disimpulkan, bahawa akal itu merupakan fungsi roh dan jadi penghubung atau perantaraan antara roh dan jasmani. Kesimpulan ini sejajar dengan teori Bailes.

Hanya tentang jawapan pertanyaan "apakah dia roh" terdapat perbezaan besar antara teori Bailes dan 'aqidah Islam. Bagi Bailes roh itu adalah sebahagian daripada roh universal, yakni Tuhan.

Dengan demikian ia berfahamkan panteisme atau *wahdat al-wujud*, faham penyatuan Khaliq dan makhluk. Bagi 'aqidah Islam yang berfahamkan tauhid, roh adalah ciptaan Allah, yang dihembuskan-Nya ke dalam janin dalam proses pertumbuhan individu manusia.

Manusia memiliki otak. Dengan otak itu ia berfikir. Matlamat fikiran ialah alam nyata. Dengan menjalani norma-norma logik dalam berfikir itu, manusia mampu membentuk pengetahuan berasaskan pengalamannya. Lantaran itulah budi dengan fikirannya jadi alat sains dalam menyelidiki dan membentuk pengetahuan atas perkara-perkara yang dihadapinya dan memecahkan masalah-masalah yang mencabarnya. Fikir itu pula jadi alat falsafah dalam mencari hakikat kebenaran dari perkara yang mencabarnya, serta menjawab pertanyaan-pertanyaan yang tidak terselesaikan oleh pengetahuan biasa dan sains.

Manusia memiliki kalbu. Dengan kalbu atau hati itu ia merasa rohaniah atau menghayati. Matlamat kalbu ialah alam bukan material, alam ghaib. Apabila kita bertanya tentang sebuah lukisan: di mana letaknya, berapa ukurannya, gambar apa yang dilukiskan, warna apa yang dipakai, siapa yang melukis? maka jawapan dirumuskan atas dasar pengetahuan oleh otak dengan pemikirannya. Akan tetapi kalau kita bertanya: Apakah lukisan itu cantik atau jelek; apakah pelukisnya pantas diberikan nama seniman atau tidak? Fikiran tidak mampu menjawabnya. Hatilah yang bertugas menjawab pertanyaan tentang "nilai," yang bukan merupakan fakta, kerana ia bukan material.

Dengan penghayatannya kalbu mampu membentuk pengetahuan yang langsung berasaskan kontek batin. Lantaran itulah kalbu jadi alat agama dalam berhubungan dengan Yang Maha Qudus, juga alat mistik dan magik dalam berhubungan dengan yang ghaib. Ilmuwan dalam kerja akademiknya bergantung pada pemikirannya, sedangkan sufi dalam amalannya bergantung pada kalbu dengan penghayatannya. Doktor dalam mengubat penyakit mempergunakan fikirannya, sedangkan bomoh mempergunakan penghayatannya.

Otak dan kalbu masing-masing mempunyai kekuatan, di samping kelemahannya, ilmuwan dengan tenaga budinya berhasil

menemukan daya atom yang dahsyat. Untuk apa akan dipergunakannya tenaga itu? Tanpa penghayatan etika atau akhlak ia akan mempergunakannya untuk membunuh sesama manusia dan menghancurkan harta-benda. Ulama didorong oleh penghayatan agama untuk beramal. Tanpa ilmu dan teknik amalannya terhenti setakat niat sahaja.

Apabila otak dan kalbu bekerja sama, maka yang satu dapat mengisi kelemahan yang lain. Pertimbangan inilah yang jadi tenaga akal yang luar biasa. Tenaga ini yang dituntut oleh Islam agar dimiliki oleh setiap muslim.

Apabila kita memikirkan Allah dengan otak sahaja, Allah tidak akan pernah ditemukan, kerana, sasaran fikiran adalah dalam alam material dan Allah bukanlah bersifat material. Apabila Allah tidak ditemukan, si pemikir itu menjadi ateis. Akan tetapi kalau penghayatan sahaja disuruh bekerja sendiri mencari, maka setiap tenaga ghaib ditangkap sebagai Dewa atau Tuhan. Maka orang menjadi syirik, jatuh kepada kepercayaan politeisme. Politeisme mempercayai Tuhan atau Dewa lebih dari satu.

Demikianlah antara lain kelemahan masing-masing lembaga rohaniah itu, tetapi apabila kedua-duanya bergerak seimbang, maka tenaga akal membawa orang kepada tauhid. Otak dengan pemikirannya melakukan pilihan dan memberi arah kepada kalbu, sehingga tertempuh jalan lurus. *Sirat al-Mustaqim*, Jalan lurus ini membawa orang kepada Tuhan yang sesungguhnya, Tuhan Yang Maha Esa, yang disebut oleh Islam dengan Allah. Bersabdalah Nabi (terjemahan):

> *Wahai manusia! Pakailah akal untuk mengenal Tuhanmu ... Ketahuilah bahawa akal itu menolong kamu untuk mengenal Tuhanmu ...!*
>
> (*Riwayat sebahgian Ahli Sunan*)

Mukmin ialah orang yang percaya akan keesaan Tuhan, yang diistilahkan tauhid. Kepercayaannya itu adalah hasil dari pemikiran dan penghayatannya, kerana itulah Nabi bersabda: (terjemahan)

Tiap-tiap sesuatu ada tiangnya. Tiang mukmin ialah akalnya ...

(*Riwayat sebahagian Ahli Sunan*)

Sampai di mana peringkat akal mukmin dalam pemikiran dan penghayatan tauhid, demikian pula aktiviti ibadatnya. Maka lanjutan Hadith di atas:

"Menurut tingkat akalnya, demikian pulalah ibadatnya."

Tanpa mempergunakan akal orang akan berlebih-lebihan dalam suatu perkara, orang menjadi jahat, orang akan menjadi zalim. Orang zalim masuk neraka. Maka Nabi memperingatkan kepada sahabat-sahabat (terjemahan):

Apakah kamu tidak mendengar pernyataan orang zalim di dalam neraka? Jikalau adalah dahulu kami mendengar atau mempergunakan akal, tidaklah kami akan menjadi isi Neraka.

(*Riwayat sebahagian Ahli Sunan*)

Di atas telah dibincangkan, bahawa alat ilmuwan ialah otaknya dan alat ahli mistik dan magik ialah jiwanya kalbunya. Apa pula alat mukmin. Hadith yang dirawikan oleh Ibn 'Abbas berkata: (terjemahan):

Telah bersabda Rasulullah s.a.w. " ... Dan alat bagi mukmin ialah akal ... Dan tiang agama ialah akal. Dan tujuan Allah ialah akal. Dan yang menyerukan orang-orang beribadat ialah akal.

Bukan sahaja mengenal Allah dengan mempergunakan akal, juga mendekati-Nya memerlukan akal. Nabi menyuruh (terjemahan):

Apabila orang banyak itu mendekati Allah dengan bermacam kebajikan dan amal salih, maka engkau dekatilah Tuhan dengan akal.

Kepada Abu Darda' r.a. Nabi bersabda (terjemahan):

"Bertambah akalmu, maka bertambah dekatlah engkau kepada Tuhanmu"

Dailog berikut antara sahabat dan Nabi, menyimpulkan kenapa Islam amat mementingkan daya dan peranan akal. Sa'id bin al-Musayyab meriwayatkan, bahawa Umar, Ubai ibn Ka'ab dan Abu Hurairah r.a. datang kepada Rasulullah s.a.w. bertanya (terjemahan):

Ya Rasulullah! Siapakah yang paling banyak ilmunya di antara manusia? Nabi menjawab: Orang yang mempergunakan akal. Mereka bertanya lagi: Siapakah yang paling banyak berbuat ibadat? Nabi s.a.w. menjawab: Orang yang mempergunakan akal. Mereka bertanya lagi: Siapakah yang lebih utama di antara manusia? Nabi s.a.w. menjawab: Orang yang mempergunakan akal. Mereka bertanya lagi: Bukanlah orang yang mempergunakan akal itu orang yang sempurna kehormatannya, yang terang kelancaran lidahnya, yang murah tangannya dan tinggi kedudukannya? Nabi s.a.w. menjawab: Kalau benar itu semua, tentu tiadalah kesenangan kehidupan dunia dan akhirat pada sisi Tuhanmu teruntuk bagi orang yang bertaqwa. Orang yang berakallah yang bertaqwa, meskipun di dunia ia hina dan rendah.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Manusia Makhluk Yang Paling Mulia.

Di antara semua makhluk yang dicipta Allah, manusialah yang termulia. Kemuliaanya itu antara lain kerana ia dianugerahkan Allah akal. Tanpa akal, darjat manusia jatuh ke tingkat binatang. Darjah manusia bukanlah terletak pada badannya, kerana dari segi jasmaniah tidak banyak beza manusia daripada haiwan. Darjah itu terletak pada akal. Oleh itu ada orang mendefinisikan manusia dengan: binatang yang berakal. Jadi kemuliaan manusia tidak

melekat pada badannya, tetapi pada akal yang dimilikinya (terjemahan):

> *Tidak dijadikan oleh Allah suatu makhluk yang terlebih mulia disisi-Nya daripada akal.*
>
> (*Riwayat sebahagian Ahli Sunan*)

Bukan sahaja kelebihan manusia daripada haiwan terletak pada akal, tetapi juga kelebihan seseorang daripada orang lain. Tentang perkara ini 'Aisyah menceritakan (terjemahan):

> *Aku bertanya: Wahai Rasulullah: Dengan apa manusia memperolehi kelebihan di dunia? Menjawab Nabi s.a.w.: Dengan akal. Lalu aku bertanya lagi: Di akhirat? Menjawab Nabi s.a.w.: Dengan akal.*
>
> (*Riwayat sebahagian Ahli Sunan*)

Agak panjang kita memperbincangkan akal, kerana pengetahuan tentang akal penting untuk menjawab pertanyaan: Siapakah dia manusia yang mulia? Manusia yang bersetumpu atas kerja pemikirannya sahaja dapat menjadi jahat, zalim, ateis. Yang bersetumpu atas aktiviti kalbunya sahaja dapat menjadi tidak berdaya, tidak berguna, syirik, sesat.

Kalau kita sudah sepakat untuk menyimpulkan, bahawa akal itu penting bagi manusia, dengan sendirinya ia juga penting bagi Islam. Islam diturunkan untuk menunjuk-ajar manusia dan menuntun dia kepada kesempurnaan. Maka akallah jadi alat dalam menuju kepada kesempurnaan itu. Demikian diberatkan peranan akal oleh Islam, sehingga akal dan Islam merupakan "dua yang satu".

> *"Sesungguhnya Din itu akal. Tidak ada Din bagi dia yang tidak mempergunakan akal".*

Yang dimaksudkan dengan Din ialah Islam. Tidaklah seseorang itu menganut Islam yang tidak mempergunakan akal. De-

ngan demikian peningkatan Islam seseorang bergantung pada peningkatan akalnya. Untuk itu:

1. Pemikirannya perlu diperkaya dengan ilmu pengetahuan.
2. Kalbunya perlu diisi dengan agama.

Perimbangan antara otak dan kalbu meningkatkan darjah manusia, perimbangan sains dan agama meningkatkan darjah keislaman seseorang.

Apabila pemikiran kosong dari ilmu pengetahuan, manusia akan menjadi jahil. Si jahil tidak sedar akan perbuatan yang merosak, kerana itu dilakukannya. Kejahilan dapat membawa orang kepada kekafiran atau kejahatan. Si jahil tidak mampu membina kehidupan yang adil dan makmur.

Kalbu yang bersasaran alam ghaib adalah tempat makhluk-makhluk ghaib menyampaikan bisikannya. Syaitan menyampaikan bisikan-bisikan jahat. Malaikat menyampaikan bisik-bisikan baik. Perkara ini telah diperingkatkan oleh Nabi (terjemahan):

> ***Sesungguhnya syaitan itu memberikan bisikan halus kepada anak Adam, dan malaikat pun memberikan bisikan halus pula. Bisikan syaitan membawa kepada kejahatan dan mendustakan kebenaran. Siapa yang merasakan bisikan malaikat dalam hatinya, hendaklah diketahuinya bahawa itu dari Allah dan hendaklah ia memuji Allah. Dan siapa yang merasakan bisikan yang satu lagi, hendaklah ia menjauhkan diri dari syaitan yang terkutuk.***
>
> (*Riwayat al-Tirmizi, al-Nasai, Ibn Hibban*)

Apabila kalbu kosong daripada agama, syaitan mengisinya dengan bisikan-bisikannya. Apabila seseorang kosong dari agama dan kosong pula pemikirannya daripada ilmu pengetahuan, mudahlah ia diperdayakan syaitan. Apabila datang bisikan malaikat ke dalam kalbunya, dengan kejahilannya ia tidak dapat mengetahui kebaikan yang dikandung oleh bisikan itu, sehingga bisikan itu di-

tolaknya. Apabila kalbu kosong dari agama, syaitan suka datang. Apabila ia berisi agama, malaikatlah yang suka datang. Namun demikian kalau pemikirannya kosong dari ilmu pengetahuan, bisikan malaikat tidak dapat dilahirkannya sebagai amal, kerana kejahilannya. Syaitan selalu berusaha memperdayakan orang beragama. Sekali pun seseorang itu beragama, tetapi pemikirannya kosong dari ilmu pengetahuan, syaitan akan mudah juga memperdayakannya, sehingga ia tertempuh jalan sesat.

Demikianlah kalau pemikiran kosong dari ilmu pengetahuaan dan kalbu kosong dari agama, orang itu tidak memiliki tenaga akal yang akan membawa dia kepada kedudukan mulia. Akan tetapi dengan budi yang penuh dengan ilmu pengetahuan dan kalbu dengan penuh penghayatan agama Islam, seseorang akan menjadi muslim sejati, menempati kedudukan yang mulia di kalangan manusia. Oleh itu Islam menghendaki muslim itu terus menerus meningkatkan tenaga akalnya dengan selalu menambah ilmu pengetahuan dan mendalami dan mengamalkan agama.

Bukan manusia sahaja makhluk yang dicipta Allah, tetapi juga banyak lagi yang lain. Makhluk bererti yang dicipta, sedangkan yang mencipta disebut *Khaliq*. Makhluk itu dapat dibahagi dua: makhluk ghaib dan makhluk nyata. Makhluk ghaib adalah di luar kajian sains, kerana yang ghaib itu tidak dapat diselidiki atau dieksperimenkan. Apabila tentang sesuatu unsur yang selama ini ghaib dapat dilakukan penyelidikan atau eksperimen atasnya, hilanglah keghaibannya, maka ia menjadi unsur nyata.

Oleh kerana sains tidak mengkaji makhluk ghaib, maka dari agamalah keterangan dapat diharapkan. Di atas telah kita sebut tentang malaikat dan syaitan. Selain dua jenis makhluk ini ada lagi jin, yang banyak diberitakan oleh Kitab Suci Islam: al-Qur'an:

Malaikat dan syaitan memiliki tabiat yang berlawanan, yang pertama baik, yang kedua jahat. Malaikat yang dijadikan dari nur (cahaya) juga memiliki akal, tetapi tidak mempunyai nafsu, kerana itu ia taat mengabdi kepada Allah. Syaitan yang dijadikan daripada api, memiliki akal pula, tetapi kerana ia penuh dengan nafsu, maka ia ingkar kepada Allah dan memperdayakan manusia untuk juga mengingkari Allah. Jin juga dijadikan daripada api, memiliki akal, bezanya dari manusia ialah dari segi jasmaniah. Jin makhluk ghaib

manusia makhluk nyata. Manusia ada yang beriman dan mengamalkan Islam, tetapi ada pula yang kafir dan beramal salah. Demikian pula jin.

Malaikat-malaikat banyak tugasnya. Tugas-tugasnya yang pokok ialah menyampaikan wahyu Allah kepada manusia:

1. Malaikat Jibril menyampaikan wahyu-wahyu Allah kepada Rasulullah Muhammad (al-Baqarah, 2: 97, al-Syu'ara, 26: 130—194) dan Rasul-rasul sebelum beliau (Al-Nisa', 4: 163).
2. Malaikat-malaikat turun kepada orang-orang beriman untuk menghibur dan meneguh hatinya (Fussilat, 41: 30).
3. Malaikat juga datang kepada yang bukan Nabi, menyampaikan pesan Allah, seperti kepada Maryam (Ali 'Imran, 3: 41, 44).
4. Malaikat-malaikat diutus Allah untuk membantu orang-orang beriman terhadap musuhnya (Ali 'Imran, 3: 123—124; al-Anfal, 8:12).
5. Malaikat-malaikat mendoakan Nabi Muhammad (Al-Ahzab, 33: 56) dan orang-orang beriman (Al-Ahzab 33: 43) memintakan ampun bagi semua manusia, baik orang-orang beriman atau orang-orang kafir (Al-Syura, 42:5).
6. Malaikat mencabut roh manusia (Surah an-Nahl, 16:42; Al-Nisa', 4: 97; Al-Nahl, 16: 28).
7. Malaikat-malaikat mencatat laku perbuatan manusia (Al-Qasas, 28: 10, 12).

Tugas malaikat sebagai makhluk ghaib, tidak memasuki alam nyata atau alam material, tetapi alam rohaniah. Mereka bertugas sebagai pesuruh untuk melaksanakan kemahuan Allah, terutama yang berhubungan dengan alam rohaniah manusia. Manusia (sebagai khalifah Allah) dengan ilmunya dapat pula menyuruh jin melaksanakan kemahuannya. Bomoh misalnya dapat menyuruh jin memasuki badan seseorang dan merosakkan fungsi alat tubuhnya, sehingga orang itu menjadi sakit, bahkan sampai mati.

Sementara malaikat jadi lambang ketaatan kepada Allah, syaitan pula jadi lambang kederhakaan. Al-Qur'an memberitakan tentang syaitan antaranya sebagai berikut:

1. Syaitan menipu datuk-nenek manusia Adam dan Hawa, sehingga mereka dikeluarkan dari *jannah* (Al-Baqarah, 2: 36).
2. Syaitan amat khianat kepada manusia (Al-Furqan, 25: 27—30).
3. Syaitan berkhianat akan janji-janjinya kepada pengikut-pengikutnya (Al-Anfal, 8: 48—51).
4. Syaitan menyampaikan bisikan-bisikan jahat kepada manusia (Al-Hajj 22: 52—53).
5. Syaitan musuh yang terang (Al-Baqarah, 2: 168).
6. Syaitan menerbitkan permusuhan dan kebencian (Al-Ma'idah, 5: 91).
7. Syaitan adalah musuh dan penggoda manusia (Fatir 35:6).
8. Permusuhan dan godaan syaitan terhadap manusia menyebabkan kekufuran (Al-Isra, 17: 61—65).
9. Syaitan tidak dapat dilihat (Al-An'am, 6:120).
10. Syaitan diusir dan dikutuk Allah (Al-Hijr, 15: 34—35).
11. Syaitan tidak berkuasa atas orang-orang beriman, hanya berkuasa atas orang-orang syirik (Al-Nahl, 16: 99—100).
12. Syaitan tidak memenuhi janji kepada pengikutnya (Ibrahim, 14: 22).

Di atas telah dihuraikan, betapa hati manusia menjadi tempat rebutan oleh malaikat dan syaitan, yang pertama menyampaikan bisikan-bisikan yang baik, yang kedua bisikan yang jahat. Apabila manusia tidak memiliki tenaga akal yang kuat, ia akan mengikuti bisikan syaitan. Makin dipatuhinya syaitan, makin ternyatalah pada diri manusia tabiat syaitan yang dihuraikan di atas.

Gerakan hati menimbulkan kemahuan, dan kemahuan baik dan ada kemahuan jahat. Yang pertama adalah berasal dari bisikan malaikat yang disambut oleh tenaga akal yang kuat. Yang kedua

berasal dari bisikan syaitan yang dipertuturkan oleh akal yang lemah.

Adapun tabiat jin tidak banyak beza daripada tabiat manusia, Bezanya yang utama ialah jin adalah makhluk rohaniah sahaja, sedangkan manusia jalinan rohaniah dan jasmaniah. Jin itu ada yang Islam (sehingga bertabiat baik) dan ada yang kafir (sehingga bertabiat jahat). Dalam perkara yang terakhir ini tidak berbeza ia daripada manusia, yang juga terdiri dari muslim dan kafir. Persamaan lain ialah kepatuhan kepada pemimpin, kepala atau ketua. Dalam lapangan sosial, ekonomi, teknologi dan politik dapat kita perhatikan betapa kelompok-kelompok manusia mematuhi perintah, arahan atau tuntunan pemimpin atau kepalanya. Kelihatannya demikian pula dalam dunia jin. Ada orang yang dapat menguasai jin-jin tertentu, sehingga jin-jin itu mematuhi apa-apa yang disuruhnya. Apabila kita teliti praktik perbomohan akan kita ketahuilah, bahawa ada bomoh yang mempergunakan jin untuk mengubati seseorang. Agaknya jin yang membawa kerosakan kepada manusia itu tergolong kepada jin kafir, sedangkan yang melakukan kebaikan tersebut tergolong kepada jin Islam. Praktik mempergunakan perkhidmatan jenis jin yang pertama disebut orang sihir (*black magic*), sedangkan praktik dengan mempergunakan perkhidmatan jenis jin yang kedua tidak begitu terkenal dalam sebutan masyarakat kita. Dalam penamaan bahasa asing agaknya inilah yang disebut dengan *"white magic"*.

Seperti telah dinyatakan di atas, terhadap malaikat, syaitan dan jin yang bersifat ghaib, sains sejati bersikap nuteral. Ia tidak menerima, juga tidak menolak, sebab setiap penerimaan atau penolakannya selalu atas dasar bukti. Bukti itu diperdapat melalui penyelidikan. Perkara yang ghaib tidak mungkin diteliti. Kalaulah ia dapat diselidiki, bererti perkara itu bukanlah lagi perkara ghaib, kerana wujud dan kegiatan makhluk-makhluk ghaib (disebut juga makhluk halus) tidak dapat diselidiki, sains tidak mahu memperbincangkannya. Dengan rendah hati ia menyatakan, perkara-perkara itu bukanlah masuk medan sains.

Oleh itu doktor tidak akan menerima atau mempercayai kalau kepadanya dikatakan bahawa suatu penyakit disebabkan makhluk halus. Dia akan kehairanan yang didukung oleh sikap tidak percaya, kalau penyakit yang ia tidak mampu mengubatinya, disem-

buhkan oleh bomoh dengan mempergunakan perkhidmatan makhluk halus.

Sikap sains itu berbeza daripada sikap agama. Sains membenarkan atau tidak membenarkan suatu perkara atas dasar pembuktian. Sedangkan agama membenarkan atau tidak membenarkan suatu atas dasar iman atau kepercayaan. Perbezaan itu dapat dipulangkan kepada alat yang dipergunakan. Alat ilmu ialah fikiran, yang sasarannya alam nyata. Benar tidak benarnya sesuatu yang nyata dapat dibuktikan. Alat agama ialah kalbu, yang sasarannya alam ghaib. Benar tidak benarnya sesuatu yang ghaib dapat dipercayai atas dasar iman kepada Yang Maha Tahu dan sekalian Maha Kuasa, yang menciptakan yang ghaib itu. Sains melalui akal membentuk dalil-dalilnya sendiri. Agama mempercayai dalil-dalil *naqal.*

Dengan demikian pembenaran sesuatu yang ghaib atas dasar kepercayaan bukanlah tidak lojik. Kepercayaan orang beragama atas yang ghaib, sekalipun tidak pernah dilihat atau tidak dapat diselidikinya, adalah berasaskan kepercayaan kepada Tuhan Yang Maha Tahu dan sekalian Maha Kuasa. Apabila manusia sedar akan dirinya, ia akan kenal akan Penciptanya, yang disebut oleh Islam dengan Khaliq. Kalau manusia sebagai makhluk (yang diciptakan) bersifat tahu, Khaliqnya bersifat Maha Tahu. Kalau manusia bersifat kuasa, Khaliqnya bersifat Maha Kuasa. Perkenalannya dengan Penciptanya bermakna kepercayaan kepada Dia. Apabila Khaliq yang maha mengetahui dan maha kuasa yang dipercayainya itu berfirman, bahawa Dia mencipta pula perkara-perkara ghaib, maka manusia yang daif (bila diperbandingkan dengan Allah) membenarkan akan yang ghaib itu atas dasar kepercayaannya kepada Allah.

Makhluk ghaib disebut orang juga makhluk halus, lawannya makhluk kasar, iaitu yang dapat disentuh oleh pancaindera. Sekarang baiklah kita tinggalkan perkara makhluk ghaib, untuk pindah kepada perbincangan makhluk nyata, sebagai bahagian kedua dalam pembahagian kita tentang makhluk. Kalau makhluk ghaib masuk ke dalam autoriti agama untuk memperbincangkannya, adalah tentang makhluk nyata diberikan kepada autoriti sains untuk mengkajinya. Dan memang sains sudah banyak berhasil dalam kajiannya tentang makhluk kasar itu, yang dirumuskannya

dalam sains-sains fizik, sains-sains sosial dan kemanusiaan. Kejaya-annya itu berkat kaedah penyelidikan dan eksperimen (didukung oleh pemikiran lojik) atas makhluk-makhluk kasar itu.

Alam nyata dapat dibahagi atas tiga peringkat:

1. Peringkat benda mati; batuan, pelikan dan kimia.
2. Peringkat biologikal, iaitu tingkat hayat.
3. Peringkat manusia atau kejiwaan dan masyarakat.

Peringkat pertama adalah peringkat terendah sekali, kerana ia tidak memiliki hayat. Hidup bermakna gerak, gerak melahirkan peristiwa. Gerak yang berlangsung dalam benda mati hanyalah gerak kimia. Peristiwa pada benda mati terjadi kerana pengaruh dari luar, sebab ia sendiri tidak menimbulkan gerak, sekalipun ia mengandung tenaga bahkan ada yang memiliki tenaga yang dahsyat. Wap dan elektrik memiliki daya dan atom memiliki energi yang dahsyat. Benda mati tidak banyak jenisnya. Jumlah unsur kimia misalnya hanya sekitar seratus. Akan tetapi campuran jenis itu membentuk benda yang amat beragam.

1. Peringkat kedua terdiri dari dua jenis.
2. Jenis nabati (tumbuhan) yang membentuk dunia tumbuh-an.
3. Jenis haiwani yang membentuk dunia haiwan.

Peringkat kedua memiliki hidup (biologi) yang berdarjat rendah. Ada gerak yang berasal daripada dirinya, tetapi ia terbatas. Tumbuhan terikat oleh tempat dan waktu. Geraknya tidak dapat membawanya kepada perpindahan tempat, juga tidak dapat menempatkan dirinya dalam waktu yang berbeza. Hidup haiwan lebih tinggi lagi, ia dapat mengatasi tempat, tetapi tak dapat mengatasi waktu. Maksud "tidak dapat mengatasi waktu", ialah, ia terikat oleh waktu yang dialaminya kini, tidak sedar adanya waktu yang lewat dan waktu yang akan datang.

Jenis peringkat biologi banyak sekali. Hasil hitungan sains sistematik sampai kini adalah sepertiga juta jenis tumbuhan dan sejuta jenis haiwan.

Peringkat yang tertinggi (peringkat ketiga) ialah peringkat manusia, yang memiliki jasad, akal, jiwa dan roh.

Apabila peringkat hayat kita bahagi dua, maka dapat kita perhatikan urutan empat peringkat yang sistematik sekali, di pandang dari segi keperluan hidup. Peringkat nabati tidak mungkin hidup, kalau tidak ada peringkat pertama. Peringkat haiwani tidak pula mungkin hidup, kalau tidak ada peringkat pertama dan kedua. Akhirnya peringkat manusia juga tidak mungkin hidup, kalau tidak ada tiga peringkat terdahulu.

Batuan, pelikan, unsur-unsur kimia membentuk susunan yang mewujudkan bumi kita ini. Di kulit bumi itu tumbuhlah dunia tumbuhan. Lantaran adanya tumbuhan dan benda mati itu, mungkinlah haiwan hidup di bumi ini. Dengan demikian seolah-olah alam ini dijadikan untuk kepentingan manusia. Memang demikianlah firman Allah:

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ لَكُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا

Terjemahan: Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi

(Al-Baqarah, 2:29)

Ketiga peringkat alam tersebut terdiri masing-masing dari bilangan jenis yang banyak. Apakah manusia juga terdiri dari jenis yang banyak?

Baik kita dengar apakah jawapan sains tentang ini. Kenyataan yang dapat kita persaksikan ialah, manusia itu mempunyai ciri-ciri yang berbeza, beza antara satu suku dengan suku lain. Ada yang hitam warna kulitnya, ada yang putih, kuning, sawo matang dan lain-lain. Ada yang lurus rambutnya, ada yang kerinting dan berombak-ombak. Ada yang jangkung (tinggi), ada pula yang rendah, bermacam ragam bentuk dan rupa. Perbezaan itu bertambah nyata lagi, kalau kita kaji ia berdasarkan sains anatomi (sains urai jasad).

Dalam sains ada dua teori menjawab pertanyaan di atas:

1. Teori keturunan jamak, yang beranggapan manusia berasal dari banyak poyang, kerana itu ciri-ciri jasmaninya

atau rupa dan bentuk mereka berbeza-beza.

2. Teori keturunan tunggal yang berpendirian bahawa manusia berasal dari satu poyang.

Alasan teori pertama ialah kenyataan yang kita hadapi tentang ciri-ciri jasmani manusia yang berbeza-beza, menunjukkan jenis yang berbeza-beza pula. Kalau poyangnya sama tentu keturunannya akan sama pula. Ambil misalnya kuda, keldai dan zebra, sekali pun ketiga jenis itu termasuk ke dalam satu bangsa haiwan, namun perbezaan ciri-cirinya menunjukkan perbezaan poyang.

Alasan teori kedua mengambil dasar penyebaran dan isolasi manusia pada awal sejarahnya. Anak-anak cucu poyang manusia pertama menyebar ke delapan penjuru angin, makin lama makin jauh dari kawasan poyangnya. Pada suatu ketika tiap-tiap kelompok yang berbeza perbandingan keturunannya dari kelompak induk dan dari kelompok lain yang menyebar, hidup terpisah dari kelompok induknya dan dari kelompok lain, mendiami kawasan tertentu. Maka orang-orang yang tadinya berasal dari sepasang poyang dan diam di satu kawasan, terpencar-pencar membentuk kesatuan-kesatuan atau kelompok-kelompok keturunan, yang masing-masing berkembang biak di kawasannya. Dalam perkembangan biak itu masing-masing dipengaruhi oleh persekitarannya (terutama iklim dan makanan tempatan). Keturunan kelompok-kelompok itulah yang disebut sekarang ras (*race*), misalnya ada ras *Eropaid, Negroid, Mangoloid.* Sekali pun ras-ras itu berbeza-beza ciri jasmaninya, namun semua mereka termasuk ke dalam satu jenis. Bukti bahawa mereka masih tetap tergolong dalam satu jenis, ialah perkahwinan antara mereka menghasilkan keturunan yang subur. Pembentukan ras itu diperhitungkan lebih dari 35,000 tahun yang lalu, yakni mendahului pembentukan Manusia Budiawan.

Apabila ras-ras itu tidak bergolong dalam satu jenis, maka keturunan dari hasil perkahwinan antara ras-ras itu akan mandul, yakni tak dapat menurunkan anak-cucu. Misalnya perkahwinan antara zebra dan kuda atau dengan keldai, menurunkan anak yang mandul, kerana ketiga binatang itu tidak tergolong dalam satu jenis, melainkan masing-masing adalah jenis tersendiri. Akan tetapi perkahwinan antara manusia berkulit putih dengan berkulit hitam,

antara yang berkulit kuning dengan yang berkulit sawo matang, ternyata menghasilkan keturunan yang subur.

Maka, kesimpulan teori keturunan tunggal ialah manusia yang berlainan ras itu adalah satu jenis, sedangkan satu jenis tidak mungkin diturunkan dari banyak poyang, maka umat manusia yang berbeza-beza cirinya itu berasal dari poyang yang sama.

Dengan demikian teori tersebut yang sekali pun merupakan anak teori evolusi, mengakui kebenaran ajaran Islam, bahawa poyang umat manusia adalah sepasang manusia Adam dan Hawa. Maka kita temukanlah firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَٰكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَٰكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓاْ ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Terjemahan: Wahai umat Manusia! Sesungguhnya Kami telah mencipta kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan dan bangsanya). Sesungguhnya Allah maha mengetahui, lagi maha mendalam pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).

(*Al-Hujurat, 49:13*)

Persamaan Dalam Hidup Manusia

Asal keturunan umat manusia ialah keturunan tunggal, yakni dari sepasang poyang: Adam dan Hawa. Penyebaran dan pemencilan anak-cucu Adam membentuk kelompok-kelompok berbentuk ras dan bangsa. Berdasarkan kesatuan keturunan inilah Islam menurunkan ajaran, bahawa sebagai manusia tidak ada perbezaan antara mereka. Warna kulit serta bentuk dan rupa adala perbezaan yang ditimbulkan oleh persekitaran alam, cara hidup adalah

perbezaan yang ditimbulkan oleh kebudayaan, kedudukan sosial dan kaya miskin adalah perbezaan yang ditimbulkan oleh kegiatan ekonomi, berilmu atau jahil adalah berbezaan yang ditimbulkan oleh pengajaran, bangsawan atau rakyat biasa adalah perbezaan itu bukanlah perbezaan hakiki, melainkan hasil pengaruh alam dan berbuatan manusia:

وَمَا كَانَ ٱلنَّاسُ إِلَّآ أُمَّةً وَاحِدَةً فَٱخْتَلَفُوا۟

Terjemahan: Dan (ketahuilah bahawa) manusia pada mulanya hanyalah satu umat, kemudian (dengan menurut hawa nafsu dan syaitan) mereka berselisihan.

(*Yunus, 10:19*)

Islam mengakui akan kelompok-kelompok manusia, suku, kaum dan bangsa akibat pengaruh alam dan kehidupan kemasyarakatan, tetapi perbezaan kelompok tidak membawa perbezaan darjat manusia. Perkara ini dinyatakan dalam mengerjakan ibadat. Dalam sembahyang berjemaah seorang kulit putih berdiri bahu-membahu dengan seorang kulit hitam, orang-orang dari bangsa-bangsa yang berbeza membentuk kesatuan saf, seorang menteri bahu membahu dengan seorang kerani rendah, seorang kaya di sebelah seorang miskin, seorang raja di sebelah seorang budak, mengucapkan bacaan yang sama, melakukan gerak yang sama, mengarah ke kiblat yang sama dalam menyembah Tuhan Yang Esa. Kenapa mereka semuanya sama? Kerana mereka umat yang esa. Kalau pun ada perbezaan antara mereka, adalah perbezaan itu tidak terletak pada kemanusiaannya tapi pada hampir jauhnya dia dari Tuhan. Yang lebih taqwa, lebih cepat memenuhi seruan azan, maka ia mengambil tempat di barisan saf yang pertama. Yang paling bertaqwa di antara mereka berdiri di hadapan sekali sebagai imam.

Juga, dalam melaksanakan ibadat haji pun persamaan kemanusiaan itu dipraktikkan. Lautan manusia dari jutaan jiwa itu mempamerkan persamaan mereka dalam niat, pakaian, gerak, ucapan, perbuatan dan penghayatan. Walaupun ada perbezaan di

antara mereka, perbezaan itu terletak pada tingkat taqwa. Ada di antara mereka yang niatnya lebih bersih, gerak, ucapan dan perbuatannya lebih khusyu' dan penghayatannya lebih dalam.

Oleh kerana manusia itu sama, sama pula haknya dan sama pula kewajipannya sebagai manusia. Persamaan inilah yang dirumuskan oleh kebudayaan umat manusia di kurun ini dengan hak-hak asasi manusia (*human rights*). Empat belas kurun yang lalu al-Qur'an telah menggariskan hak-hak dan kewajipan-kewajipan kemanusiaan, yang diberi teladan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dalam kehidupannya. Di antara hak dan kewajipan itu misalnya: persamaan penuh antara sesama manusia, hak hidup, keadilan sosial, asas kemerdekaan, mencegah kejahatan, tolong-menolong dalam masyarakat kecil dan masyarakat besar (antarabangsa), mewujudkan nilai-nilai moral, pembahagian kekayaan dengan adil; tolong-menolong dalam sosial, ekonomi dan politik; prinsip musyawarah, amanah, sikap damai, toleransi sosial terhadap minoriti, kebebasan beragama, kebebasan berfikir, kebebasan pernyataan (lisan dan tulisan), kebebasan beragama dan ber'akidah, persamaan hak laki-laki dan perempuan, bebas dari kelaparan dan ketakutan, hak milik, hak kehormatan dan lain-lain.

Perkembangan kesedaran umat manusia baru di pertengahan abad ke-20 ini sampai kepada pengakuan akan hak-hak asasi manusia dengan diisytiharkannya hak-hak kemanusiaan itu (*Universal Declaration of Human Rights*) oleh lembaga universal umat manusia, yakni Bangsa-Bangsa Bersatu pada 10 Disember, 1948 di Paris. Digalakkan oleh pertubuhan dunia itu agar tiap bangsa mulai mengamalkan hak-hal kemanusiaan itu dalam negara masing-masing. Semua bangsa mengakui *"Universal Declaration of Human Rights"*, cuma kebanyakan bangsa itu masih belum bersedia mengamalkannya. Negara-negara komunis misalnya bersedia mengakuinya di bibir, tapi menolaknya dalam perbuatan.

Dengan *"Declaration of Human Rights"* itu terbukti, bahawa pengalaman umat manusia sampai kini mengakui prinsip-prinsip kemanusiaan yang diberitakan oleh al-Qur'an. Hak-hak kemanusiaan yang diisytiharkan al-Qur'an jauh lebih lengkap dan sempurna daripada hak yang difikirkan oleh akal manusia yang terhad sampai kini. Sambil memperlengkap prinsip-prinsip hak-hak ke-

manusiaan itu pada masa kini, sebahagian besar umat manusia telah memasang niat untuk mengamalkannya. Di samping itu dapat dinyatakan, bahawa umat Islam bukan berniat sekarang, tetapi telah mengamalkannya empat belas kurun yang lalu. Kalau ada umat Islam yang tidak mengamalkannya kini, adalah perkara itu bukan kesalahan ajaran Islam, tetapi kesalahan umatnya kini yang tidak mengamalkannya.

Kenapa Islam telah mendahului empat belas kurun yang lalu diperbandingkan pertubuhan umat manusia seluruh dunia dalam menyatakan dan mewajibkan pengamalan hak-hak asasi manusia itu? Pertanyaan ini telah dijawab oleh al-Qur'an dalam surah al-Hujurat, ayat 13 (terjemahan); *"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengerti"*. Umat manusia memerlukan pengalaman dan pemikiran yang panjang untuk sampai kepada pengetahuan atau kesedaran akan hakikat dirinya, akan hak-haknya dan kewajipan-kewajipannya sebagai manusia. Akan tetapi Allah yang mencipta makhluk-Nya lebih mengetahui akan hakikat ciptaan-Nya. Pengetahuan dan pengertian-Nya itu diturunkan-Nya sebagai wahyu, yang terhimpun dalam kitab yang kita kenal dengan sebutan al-Qur'an.

Manusia, Alam dan Dirinya

Kembali kita kepada pertanyaan yang masih belum habis kita bahas: Siapakah dia manusia? Dari bermacam perkara yang dihadapi oleh akal manusia, pertanyaan inilah yang merupakan salah satu cabaran yang berat. Setakat ini manusia lebih banyak berhasil dalam menjawab apa dia alam daripada pertanyaan tentang dirinya sendiri.

Tumbuhan dan haiwan telah dikaji, gunung, sungai, danau dan laut telah diselidiki, tanah dengan lapisan-lapisan yang berisikan batuan dan galian telah diperiksa, atmosfera dan ruang angkasa luar, dalam mana planet, matahari atau bintang terapung-apung tengah diselidiki pula. Kajian-kajian itu dirumuskan dalam sains fizik, sains kimia, matematik, aljabar dan sains statistik. Kesemuanya itu disebut sains eksakta, kerana hasil yang diperolehi dari kajian itu bersifat eksak atau pasti.

Fungsi sains menurut Julian Huxley ialah *"Comprehension"* dan *"Control"* agak lebih luas kalau dirumuskan: Sains itu mengetahui, sains itu meramalkan, dan sains itu berkuasa. Dengan penyelidikan dan eksperimen sains menghimpun data-data sesuatu benda. Dengan pemikiran yang lojik data-data itu diolah, dianalisis. dirumuskan, dan disimpulkan, hingga ditangkaplah hakikat benda itu dan bagaimana benda itu. Dengan dapat dipastikannya hubungan sebab-sebab yang melahirkan peristiwa tentang benda itu, dapatlah diketahui sebelumnya perkara yang akan terjadi tentang benda itu. Dengan pengetahuan itu dapatlah dikuasai peristiwa yang terjadi tentang benda terebut.

Mari kita ambil misal tentang air. Dengan penyelidikan dan eksperimen dapat diketahui hakikat air, iaitu perkahwinan unsur *Hydrogen/Zat air* dan *Oxygen/Zat Asam* dengan perbandingan 2:1. Apabila air itu menjadi panas, unsur-unsurnya merenggang, sehingga suatu ketika menjadi wap. Sebaliknya kalau menjadi dingin terjadi perapatan, hingga air itu menjadi benda padat dalam bentuk ais. Titik didih air pada tekanan udara seperti di negeri kita ialah 100°C, sedangkan titik bekunya 0°C. Dengan diketahuinya sifat air dapatlah kita meramalkan apa yang akan terjadi dengan air yang ada di hadapan kita. Bahawa kalau ia dipanaskan sampai 100°C ia akan menjadi wap dan kalau didinginkan sampai 0°C ia akan membeku. Dengan hukum (undang-undang) tentang air, yakni rumusan peristiwa air yang berkekalan dan pasti (sebab apabila dipanaskan 100°C akibatnya mendidih, sebab bila didinginkan 0°C –akibatnya membeku), kita berkuasa atas air. Air yang cair di negeri kita dapat kita paksa membeku dengan mendinginkannya 0°C di dalam peti ais, yang udara di dalamnya kita sejukkan sampai 0°C.

Tujuan utama ilmu eksakta ialah menemukan hukum alam. Hukum atau undang-undang alam ialah hubungan sebab-akibat yang berkekalan dan pasti. Apabila kita mengetahui sebab dari suatu peristiwa berdasarkan kepastian hukum, kita dapat meramalkan perkara yang akan terjadi, yakni akibat dari sebab. Dalam menghadapi suatu kejadian, berdasarkan hukum itu juga, kita dapat menyimpulkan sebab yang melahirkan kejadian itu. Hukum inilah yang memberikan kekuasaan kepada manusia atas alam

mampu mengendalikan peristiwa-peristiwa alam dengan mempergunakan undang-undang alam sendiri.

Dengan sains kita dapat meramalkan bila hujan akan turun, dan berapa banyak air yang akan mencurah itu. Akibat banjir yang akan ditimbulkan oleh hujan yang amat lebat dan lama dapat kita elakkan, kerana sebelumnya kita sudah tahu bahawa banjir itu akan datang. Kita dapat mengelakkan badai-taufan yang akan menenggelamkan perahu-perahu nelayan, kerana sebelum badai itu turun kita sudah tahu dan melarang nelayan turun ke laut. Dengan sains perubatan doktor mengenal penyakit, mengetahui apa sebabnya. Dengan melenyapkan sebab, lenyap pulalah penyakit itu. Dengan diketahui sifat dan prosesnya, dapat dicairkan ubatnya, menyembuhkan si pesakit dengan mengendalikannya penyakitnya.

Dengan kenalnya manusia akan alam, tempat ia hidup, mampulah ia memanfaatkan alam itu untuk kepentingannya. Makin tinggi sains, makin tinggi pula manfaat alam dapat dikhidmatkan untuk kepentingan manusia.

Anehnya, demikian luas perkenalan manusia akan alam disekitarnya, demikian sempit perkenalannya akan dirinya sendiri? Siapakah dia manusia? Sedikit sahaja pengetahuan manusia tentang keakuannya. Lantaran kedangkalan ilmunya itulah, maka manusia tidak sepenuhnya tahu tentang hakikat dirinya, tidak mampu meramalkan tindak-laku manusia, dan tidak menguasai dirinya. Keadaan terakhir ini diungkapkan oleh agama dengan: manusia diperbudak oleh hawa nafsunya. Kerana doktor memiliki ilmu pengetahuan tentang penyakit-penyakit fizikal (disebabkan bakteria, baksil atau kerosakan alat tubuh dalam diri), dia dapat menyembuhkan penyakit-penyakit jasmaniah itu. Dengan memberikan ubat tertentu, penyakit tertentu dapat disembuhkan.

Akan tetapi mampukah manusia menyembuhkan penyakit rohaniah? Bagaimana menyembuhkan penyakit benci, khianat, fitnah, hasad dengki, bengis, pemarah, pendendam, pembohong, penipu, kikir, mementingkan diri sendiri, pengabdi hawa nafsu dan lain-lain penyakit rohaniah? Sudah ditemukankah ubatnya seperti telah adanya tersedia ubat penyakit-penyakit jasmaniah? Apabila tuan mendapat sakit selsema, denggi, pening kepala, lemah kerana kurang vitamin, luka, sakit gigi, tuan dapat konsultasi dengan

doktor pakai ubat menurut arahannya dan tuan akan sembuh.

Ubat sakit rohaniah seperti ubat sakit jasmaniah belum ada. Kenapa? Kerana belum dimilikinya ilmu tentang rohaniah, manusia belum berpengetahuan mendalam tentang kerohanian, belum mengetahui tentang gerak dan peristiwa yang terjadi pada roh dan tidak berkuasa atas roh itu. Mungkinkah dengan kajian-kajiannya suatu ketika nanti manusia akan mencapai pula sains tentang roh seperti pula ia telah mencapai sains tentang benda (termasuk tentang jasad yang terdiri dari benda sel)? Kemungkinan ini tipis sekali. Sains manusia tentang roh akan tetap terhad, kerana seperti yang telah dinyatakan di atas kaedah utama sains penyelidikan dan atau eksperimen, dapat dilakukan atas roh, yang bersifat ghaib, dengan terbatas sekali. Kaedah itu memang berhasil dikenakan atas alam material yang konkrit, tetapi tidak atas alam rohaniah yang di luar alam nyata.

Lantaran terhadnya kemampuan sains sebagai alat manusia mencapai pengetahuan itulah maka al-Qur'an memperingatkan bahawa perkara roh adalah urusan Allah dan kepada manusia hanya sedikit diberikan pengetahuan tentang yang ghaib itu (Surah al-Isra'. ayat 85).

Mengkaji alam benda adalah autoriti akal dengan beralatkan sains, tetapi pengetahuan yang pasti tentang alam ghaib, termasuk perkara-perkara kerohanian, adalah autoriti naqal yang menyalurkan pengetahuan itu melalui agama, kerana ia tidak dapat dikaji, maka agama menuntut kepercayaan.

Telah dibincangkan di atas, bahawa manusia terdiri atas dua unsur asal: jasad dan roh. Perkara-perkara jasad dikaji oleh sains dan sudah banyak pengetahuan tentang itu. Salah satu cabang sains yang mengkajinya ialah antropologi-fizik. Perkara-perkara roh diusahakan oleh psikologi mengkajinya. Kajian itu tidak langsung kepada roh sendiri (ini tidak mungkin, kerana ia ghaib), melainkan melalui gejala-gejala yang dapat diperhatikan pada jasad sebagai pancaran rohaniah. Oleh kerana kajian tidak mungkin dapat dilakukan ke atas sumbernya, tetapi hanya ke atas pancarannya, maka dengan sendirinya pengetahuan yang dapat dikumpulkan tentangnya adalah terhad. Berikut ialah penjelasan al-Qur'an mengenainya (terjemahan):

Wahai manusia! Sesungguhnya engkau sentiasa berpenat-lelah (menjalankan keadaan hidupmu) dengan sedaya upaya mu hinggalah (semasa engkau) kembali kepada Tuhanmu, kemudian engkau tetap menemui balasan apa yang engkau telah usahakan itu (tercatat semuanya).

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-Insyiqaq, 84:6*)

Maka dengan tidak semena-mena menjadilah ia seorang pembantah yang terang jelas bantahannya (mengnai Kami menghidupkan semula orang yang mati).

(*Terjemahan al-Qur'an surah Yasin, 36:77*)

Sesungguhnya amal usaha kamu adalah berbagai-bagai keadaannya.

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-Lail, 92:4*)

Padahal sesungguhnya Dia telah menciptakan kamu dengan kejadian yang berperingkat-peringkat.

(*Terjemahan al-Qur'an surah Nuh, 71:14*)

(Janganlah engkau bersedih hati tentang kedegilan orang-orang yang ingkar itu, kalau Tuhan tidak kehendaki) maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya menjadi orang-orang yang beriman?

(*Terjemahan al-Qur'an surah Yunus, 10:99*)

Dan mengapa kamu tidak beriman kepada Allah? Sedang Rasulullah mengajak kamu untuk beriman kepada Tuhan kamu, dan Allah telah mengambil janji setia dari kamu (untuk beriman); jika kamu hendak beriman (maka telah jelaslah dalil-dalil).

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-Hadid, 57:8*)

Setelah itu maka syaitan membisikkan (hasutan) hepada mereka berdua supaya (dapatlah) ia menampakkan kepada mereka akan aurat mereka yang (sekian lama)ʸ tertutup dari (pandangan) mereka sambil ia berkata: Tidakkah Tuhan melarang kamu daripada (menghampiri) pokok ini melainkan (kerana ia tidak suka) kamu berdua menjadi malaikat atau menjadi orang-orang yang kekal (selama-lamanya di dalam syurga).

(Terjemahan al-Qur'an surah al-A'raf, 7:20)

Allah berfirman: Turunlah kamu semuanya, dengan keadaan setengah kamu menjadi musuh bagi setengahnya yang lain, dan bagi kamu disediakan tempat kediaman di bumi. dan juga diberi kesenangan hingga kesuatu ketika (mati).

(Terjemahan al-Qur'an surah al-A'raf, 7:24)

(Dalam pada itu, manusia tidak menghiraukan balasan akhirat), oleh yang demikian, maka kebanyakan manusia apabila diuji oleh Tuhannya, dengan dimuliakan dan dimewahkan hidupnya (ia tidak mahu bersyukur, tetapi terus bersikap takbur) serta berkata dengan sombongnya: Tuhanku telah memuliakan daku.

(Terjemahan al-Qur'an surah al-Fajr, 89:15)

Patutkah manusia menyangka, bahawa ia akan ditinggalkan terbiar (dengan tidàk diberikan tanggungjawab dan tidak dihidupkan menerima balasan)?

(Terjemahan al-Qur'an surah al-Qiyamah, 78:36)

Serta mengilhamkan (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa. Sesungguhnya berjayalah orang yang men-

jadikan dirinya yang setia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan).

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-Syams, 91:8–9*)

Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa, dan dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu.

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-Syura, 42:30*)

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu) Kami kembalikan dia keserendah-rendah peringkat (orang-orang yang rendah).

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-Tin, 95:4–5*)

Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang nikmat pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka) pula tidak akan dikembalikan kepada Kami? Sesungguhnya harta benda kamu dan anak pinak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan di sisi Allah jualah pahala yang besar.

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-Taghabun, 64:15*)

Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia, kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan dan anak-pinak, harta benda yang banyak berpikul-pikul, dari emas dan perak.

(*Terjemahan al-Qur'an surah Ali 'Imran, 3:14*)

Tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur.

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-Baqarah, 2:243*)

Dan hendaklah engkau merendahkan diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka dengan berkata): Wahai Tuhanku! cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil.

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-Isra', 17:24*)

Dan jika engkau terpaksa berpaling – tidak melayani mereka, kerana menunggu rezeki dari Tuhanmu yang engkau harapkan, maka katakanlah kepada mereka kata-kata yang menyenangkan hati.

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-Isra', 17:28*)

Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu dilehermu dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habisnya kerana akibatnya akan tinggallah engkau dengan keadaan yang tercela serta kering keputusan.

(*Terjemahan al-Qur'an sudah al-Isra', 17:29*)

Manusia bertindak melanggar batas, apabila ia memandang dirinya serba cukup.

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-'Alaq, 96:6–7*)

Manfaat dan mudarat yang diperoleh manusia adalah hasil usahanya sendiri.

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-Baqarah, 2:286*)

Manusia amat cinta kepada kekayaan.

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-'Adiyat, 100:8*)

Manusia mendoakan kebaikan, juga mendoakan kecelakaan, dan ia bersifat tergesa-gesa.

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-Isya', 17:11*)

Manusia yang mendengarkan seruan Allah akan mendapat kebaikan, yang tidak mendengarnya akan mendapat seksaan.

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-Ra'd, ayat 18*)

Manusia menganiaya dirinya sendiri.

(*Terjemahan al-Qur'an surah Yunus, ayat 44*)

Manusia mengakui Tuhan, tetapi tersesat jalan, kerana syaitan.

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-A'raf, ayat 172*)

Allah mengadakan keperluan-keperluan manusia, tapi ia tidak berterima kasih.

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-Haj, ayat 65–66*)

Di antara manusia terjalin pertalian darah dan hubungan perkahwinan.

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-Furqan, ayat 54*)

Manusia dijadikan berbangsa-bangsa dan berkaum-kaum untuk saling mengenal.

(*Terjemahan al-Qur'an surah al-Hujurat, 49:13*)

Allah telah membinasakan turunan-turunan yang berbuat aniaya.

(Terjemahan al-Qur'an surah Yunus, 10:13)

Allah memberi manusia kelebihan daripada kebanyakan makhluk dengan kelebihan yang sempurna.

(Terjemahan al-Qur'an surah al-'Isra', 17:70)

Manusia tidak mempunyai dua kalbu, (iaitu seseorang tidak mungkin berhati bersih dan berhati jahat, beriman tetapi juga kufur).

(Terjemahan al-Qur'an surah al-Ahzab, 33:4)

Manusia tidak boleh diperhamba.

(Terjemahan al-Qur'an surah Ali 'Imran, 3:79)

Sikap manusia terhadap al-Qur'an terbahagi tiga: Iman (percaya), kafir (mengingkari) dan munafik (percaya di mulut kafir di hati).

(Terjemahan al-Qur'an surah al-Baqarah, 2:1–20)

Banyak manusia cinta kepada kehidupan dunia dan mengabaikan kehidupan akhirat.

(Lihat surah al-Dahr, 75:27)

Tuhan mengajar manusia nama segala-galanya, sehingga ia pandai berbahasa.

(Lihat surah al-Baqarah, 2:31)

Allah memberi cubaan kepada manusia, seperti ketakutan, kelaparan, kekurangan.

(*Lihat surah al-Baqarah, 2:155*)

Ada manusia yang suka dipuji dengan apa yang tidak diperbuatnya.

(*Lihat surah Ali 'Imran, 3:188*)

Dan ada pula yang tidak sesuai ucapan dengan perbuatannya.

(*Lihat surah Muhammad, 47:31*)

Banyak pula yang tidak adil.

(*Lihat surah al-Hadid, 57:25*)

Banyak orang yang menurut apa yang tidak diketahuinya.

(*Lihat surah al-Isra', 17:36*)

Manusia bersifat gelisah.

(*Lihat surah al-Ma'arij, 70:19–21*)

Di tiap-tiap negeri ada penjahat besar yang melakukan tipu daya.

(*Lihat surah al-An'am, 6:123*)

Manusia mengetahui perbuatannya, tapi mengemukakan berbagai alasan.

(*Lihat surah al-Qiyamah, 75:14–15*)

Manusia bersifat lemah.

(*Lihat surah al-Nisa', 4:28*)

Banyak yang melanggar batas ...

(*Lihat surah al-'Alaq, 96: 6–14*)

Ketika lahir manusia tidak mengetahui apa-apa, Tuhan memberikan kelengkapan kepadanya untuk memperolehi pengetahuan.

(*Lihat surah al-Nahl, 16:77*)

Manusia dijadikan Tuhan khalifah di bumi.

(*Lihat surah al-Baqarah, 2:30*)

Ia di jadikan penguasa bumi.

(*Lihat surah al-An'am, 6:165*)

Tuhan meneguhkan kekuasaan manusia di bumi dan menjadikan lapangan penghidupan.

(*Lihat surah al-A'raf, 7:10*)

Manusia diciptakan Tuhan untuk mengabdi kepada-Nya.

(*Lihat surah al-Zariyat, 51:56*)

Demikianlah sejumlah keterangan al-Qur'an tentang ciri-ciri dan sifat manusia. Keterangan itu bukanlah hasil penyelidikan akal, tetapi berita dari wahyu. Ia adalah keterangan Allah yang Maha Mengetahui. Keterangan akal tentang manusia adalah hasil pengalaman manusia dan/atau penyelidikan sains. Keterangan itu mulai dari bawah, setapak demi setapak menuju kebenaran. Se-

dangkan wahyu secara langsung memberikan kebenaran itu sendiri. Apabila akal dengan sains sampai kepada hujung kerjanya, ia akan menemukan kebenaran tentang manusia, yang sebelumnya telah tersimpul dalam wahyu. Oleh itu dalam sejarah perkembangan sains, satu demi satu wahyu itu diakui kebenarannya oleh ilmu, tetapi sebelum ia sampai kepada kebenaran itu, sains membentuk teori-teori yang mungkin berbeza, bahkan berlawanan dengan wahyu. Proses penyempurnaan teori-teori itu membawa sains semakin lama semakin dekat dengan wahyu, untuk suatu ketika diakuinya sepenuhnya.

Bertemunya sains dengan kebenaran wahyu tentulah tentang perkara-perkara yang dapat diselidiki atau diujikaji. Mengenai perkara ghaib yang tidak dapat diselidiki secara ilmiah, adalah ia di luar kemampuan sains untuk memastikannya.

Mari kita perbincangkan lebih lanjut, kenapa sains tentang alam material, apabila ia sudah berhasil sampai di hujung kerjanya, tidak mungkin berlawanan dengan wahyu.

Ruang lingkup kerja sains berkisar dua pertanyaan pokok:

1. "Bagaimana" suatu perkara yang dihadapi?
2. "Apa sebabnya" suatu peristiwa?

Pertanyaan tentang "bagaimana sesuatu perkara?" menghendaki jawapan tentang sifat-sifat perkara itu. Bagaimana air itu? Antara lain ia dapat cair, berbentuk wap, atau bersifat padat. Apa sebabnya air itu menjadi wap? pertanyaan ini menanyakan hubungan sebab-akibat tentang air. Wap adalah akibat dari suatu sebab. Apa sebabnya? Dilakukanlah penyelidikan. Hasil penyelidikan itu menyatakan, bahawa sebabnya kerana dipanaskan sampai kepada titik didih, misalnya 100°C. Apabila sebab yang sama selalu menimbulkan akibat yang sama, tiap x menimbulkan y, maka peristiwa itu disebut hukum atau undang-undang. "Tiap air dipanaskan 100°C ia menjadi wap". Peristiwa itu disebut sebagai undang-undang air.

Apabila sains berhasil menemukan hukum bermakna ia sampai kepada hujung kerjanya. Sebelum sampai ke peringkat terahkir ini, ia menyusun teori demi teori. Selalu terjadi pembaharuan dan

penyempurnaan teori, sampai suatu ketika ia tidak berteori lagi, tetapi memastikan. Ketika itu ilmu mencapai kebenaran.

Yang dikaji oleh sains material ialah gerak alam dan yang dipastikannya adalah peristiwa alam. Gerak alam itu teratur sekali. Inilah kebenaran yang ditemukan oleh sains fizik selama ini. Kerana keteraturannya itulah, sains dapat menemukan undang-undang alam.

Kenapa alam itu teratur sekali? Sudah tentu keteraturan itu tidak mungkin datang dari alam itu sendiri, kerana ia tidak berakal. Alam adalah makhluk. Dengan wahyu yang diturunkan Allah atas alam terjadilah gerak pada alam itu. Keteraturan gerak alam berasal dari Penciptanya. Ia adalah ketentuan dari Allah diistilahkan oleh Islam dengan Sunnah Allah.

Kajian sains dan alam untuk menemukan keteraturan gerak dan peristiwa alam atau *sunnatu'lLah*. Sebelum sains melakukan usaha-usaha menemukan sunnah Allah itu, Allah telah memberitakannya melalui wahyu-wahyu-Nya, yang dapat dikaji dalam al-Qur'an. Oleh itu ketentuan gerak dan peristiwa alam yang ditemukan oleh sains tidak mungkin berlawanan dengan al-Qur'an. Penemuan sains dari perjuangannya yang berterusan dan perkara yang diberitakan oleh al-Qur'an dengan langsung adalah sama, yakni sunnah Allah, ketentuan Allah tentang alam.

Lantaran itulah ciri dan sifat manusia yang diberitakan oleh al-Qur'an, yang sebahagiannya telah dipetik di atas, manakala ada yang belum diakui oleh sains, atau yang berlawanan dengan teori sains, suatu ketika apabila sains sampai di hujung kerjanya, pasti akan diakuinya juga.

Dengan demikian ayat-ayat al-Qur'an yang disajikan di atas, memperlengkap gambaran kita tentang siapakah dia manusia.

Tidak akan tercapai perkenalan yang sepenuhnya tentang manusia, kalau kita belum mengetahui: untuk apa ia diciptakan dan apa fungsinya di bumi ini? jawapan kedua pertanyaan telah tersimpul dalam petikan-petikan al-Qur'an di atas. Nas ayat-ayat itu berbunyi:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلاَّ لِيَعْبُدُونِ

Terjemahan: Dan (ingatlah) Aku tidak cipta jin dan manusia melainkan untuk mereka memperhamba diri kepada-Ku.

(*Al-Zariyat, 51:56*)

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا

Terjemahan: Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam akan segala nama benda-benda dan gunanya.

(*Al-Baqarah, 2:31*)

وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ ٱلْأَرْضِ

Terjemahan: Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi ...

(*al-An'am, 6:165*)

وَلَقَدْ مَكَّنَّٰكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعَٰيِشَ

Terjemahan: Dan sesungguhnya (Kami telah menetapkan kamu (dan memberi kuasa) di bumi dan kami jadikan untuk kamu padanya berbagai jalan kehidupan.

(*al-A'raf, 7:10*)

'Abdi berasal dari kata Arab *'abada* (memperhamba diri). Dari *abada* itu terbentuk beberapa kata jadian: *'abdi* (budak), *ma'bud* (zat kepada siapa diri diperhamba), *'ibadat* (mengabdi atau memperhamba diri), mengabdi (berbakti).

Manusia diciptakan Allah, agar ia beribadat kepada-Nya. Pengertian ibadat di sini tidaklah sesempit pengertian yang dianut oleh masyarakat umumnya, yakni kalimah syahadat, sembahyang, puasa, zakat, haji (Rukun Islam), tetapi seluas pengertian yang

dikandung oleh kata memperhamba diri itu sendiri. Menjadikan diri hamba terhadap Allah bermakna berlaku berbuat sesuai dengan kehendak dan kesukaan (reda-Nya). Apakah dan bagaimanakah laku perbuatan yang sesuai itu? Iaitu laku perbuatan yang sesuai dengan suruhan dan larangan-Nya, mentaati suruhan-Nya, menjauhi larangan-Nya.

Bagaimana si abdi sebagai manusia yang nyata, mengetahui suruhan dan larangan Ma'budnya yang ghaib? Untuk itu *Ma'bud* memilih di antara manusia utusan-Nya (Rasulullah), melalui siapa diturunkan-Nya wahyu-wahyu-Nya, yang di dalamnya tersimpul suruhan dan larangan. Himpunan suruhan dan larangan itu menggariskan syari'at. Bagaimana melaksanakan syari'at itu? Al-Qur'an itu berbentuk ilmu, bagaimana mengamalkannya? Itulah tugas kedua utusan Allah, memberikan contoh bagaimana hidup dalam syari'at, memberikan teladan bagaimana mengamalkan al-Qur'an, mempraktikkan ilmunya, merealisasikan gagasan-gagasan yang dikandungnya.

Kehidupan manusia terus menerus mengalami perubahan kerana akalnya tidak pernah statik. Setelah utusan Allah wafat, kerana beliau adalah juga manusia, gerak perubahan kehidupan manusia makin meningkat (kerana diilhami oleh wahyu-wahyu yang dikitabkan dalam bentuk al-Qur'an), kemasyarakatan makin kompleks, meluas dan mendalam. Bagaimana merujuk perkembangan kehidupan itu berada syari'at? Bagaimana menjaga agar perubahan-perubahan yang terjadi atau ditimbulkan tetap selaras dengan prinsip-prinsip kemasyarakatan yang telah digariskan oleh al-Qur'an? Datanglah mujtahid-mujtahid dan ulama-ulama mempergunakan akalnya berasaskan wahyu yang diistilahkan dengan ijtihad. Dengan demikian gerak dan peristiwa dalam laku perbuatan manusia selalu sesuai dengan ketentuan Allah, Sunnah Allah.

Sunnah Allah dan kesejahteraan Manusia

Kenapa laku perbuatan manusia mesti sesuai dengan ketentuan Penciptanya? Setelah Allah yang Maha Kuasa mencipta makhluk-Nya, diturunkan-Nya aturan. Dengan aturannya itu Allah yang Pengasih dan Penyayang menurunkan Rahman dan Rahim-

Nya. Aturan itulah yang disebut di atas dengan Sunnah Allah. Sunnah Allah atas alam material adalah untuk mewujudkan keselarasan dalam gerak dan peristiwanya. Sunnah Allah atas alam manusia adalah untuk mewujudkan salam dalam kehidupan dirinya.

Dengan demikian jelaslah, Allah mewajibkan manusia memperhambakan diri kepada-Nya, adalah untuk kepentingan si hamba sendiri. Apakah manusia mengabdi atau tidak kepada Penciptanya, bagi Allah sendiri tidak ada untung-ruginya. Allah tidak memerlukan manusia, kerana Dia adalah Maha Kuasa. Dia tidak menghendaki benda dari manusia, kerana Dia Maha Kaya. Sesungguhnya manusialah yang memerlukan Allah. Dengan mentaati suruhan Yang Maha Pengasih lagi Penyayang itu terwujudlah salam bagi manusia. Dengan mengingkari Yang Maha Adil manusia menemukan kezaliman, kecelakaan dan kerosakan. Dengan hidup menurut syari'at manusia hidup sesuai dengan hak dan kewajipannya sebagai manusia. Dengan mengamalkan prinsip-prinsip yang dikandung oleh al-Qur'an, manusia mewujudkan kemanusiaannya, kerana ayat-ayat al-Qur'an itu ditentukan oleh Allah sesuai dengan hakikat ciptaan-Nya.

Manusia Sebagai Khalifah Allah

Setelah manusia diciptakan Allah, dia turun ke bumi. Di bumi ini ia diangkat oleh Penciptanya menjadi khalifah-Nya. Perkataan khalifah bererti penyambung, penghubung dan yang diserahi untuk menyampaikan atau mengerjakan sesuatu. Kata itu juga bererti pengganti, selanjutnya sebutan ketua agama dan raja di negeri Islam. Tentang pemberitaan al-Qur'an bahawa manusia dijadikan Allah "khalifah" *khalifah fi al-Ard*" khalifah di bumi, apa pengertian khalifah di sini?

Dengan pemberian akal kepada manusia, maka ia melebihi makhluk-makhluk lain. Dengan akal ia dapat mengatasi tempat dan waktu, sedangkan tumbuhan terikat oleh tempat dan waktu dan haiwan terikat oleh waktu. Manusia dapat mengembara di permukaan bumi, bahkan mampu keluar dari bumi. Manusia melepaskan waktu yang dialaminya kini dengan mengingat kejadian-kejadian pada masa yang lalu dan menyusun rancangan-rancangan

yang akan dikerjakannya pada masa yang akan datang. Maka terbahagilah masa itu atas kelmarin, hari ini dan besok.

Dengan jasadnya, manusia melebihi makhluk-makhluk halus yang berakal, kerana ia dapat mencipta dalam alam material. Pengalaman yang dijalani manusia diubah oleh akalnya menjadi pengetahuan. Fikiran dan perasaan memungkinkannya membentuk pengetahuan. akal membentuk tanggapan (gambaran dalam fikiran, idea), konsep dan teori.

Tangan dijadikan oleh akal alat pemegang. Akal menuntun tangan melakukan penyelidikan dan eksperimen, sehingga manusia menemukan pengetahuan, membuka rahsia-rahsia alam, mendapatkan sunnah Allah. Dengan kerjasama antara akal dan tangan tanggapan, idea, konsep dan teori yang bersifat abstrak boleh diwujudkan menjadi konkrit. Demikianlah kerjasama antara akal dan jasad memungkinkan manusia mewujudkan perkara baru, mengadakan sesuatu yang tadinya tidak ada. Makhluk yang tidak berjasad, sekali pun ia berakal, tidak mungkin berbuat demikian.

Mengadakan sesuatu yang sebelumnya tidak ada, itulah yang disebut mencipta. Dan mencipta itu adalah suatu sifat utama Allah. Sebagai zat yang memiliki sifat itu, Dia disebut Khaliq. Sifat mencipta disusul oleh sifat-sifat lain, misalnya:

1. Maha Pengasih lagi Penyayang. Dia melimpahkan kasih sayang-Nya kepada ciptaan (makhluk)-Nya.
2. Maha Pengatur, menurunkan sunnah-Nya (Sunnah Allah) kepada ciptaan-Nya, agar ciptaan itu memperoleh hubungan selaras.
3. Maha Kaya, memberi rezeki kepada ciptaan-Nya.
4. Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana, memberi pengetahuan dan petunjuk kepada ciptaan-Nya.
5. Maha Adil, menilai dan membalas dengan adil laku perbuatan ciptaan-Nya.
6. Sifat-sifat lain yang menggambarkan kemahasempurnaan-Nya.

Jelaslah bahawa mencipta itu merupakan sifat utama, sebab setelah itu barulah sifat-sifat lain dapat menyatakan diri. Dengan

diberikannya akal melalui roh yang dihembuskan oleh Allah ke dalam jasad manusia (yang secara biologi tidak banyak beza dengan jasad haiwan), sehingga memungkinkan terjalinnya kerjasama antara akal itu dengan badan, timbullah kemampuan mencipta pada manusia.

Allah adalah pencipta pertama. Dari ketiadaan diciptakan-Nyalah alam ini. Dengan kemahakuasaan-Nya, cukuplah Dia mengucapkan:

Terjemahan: Jadilah! maka terciptalah!

Manusia dijadikan-Nya pencipta kedua. Ia mencipta atas ciptaan Allah. Allah mencipta alam. Manusia mencipta dari bahan-bahan alam itu. Allah mencipta akal, selaput suara dan lidah, manusia mencipta bahasa dari unsur-unsur itu. Allah mencipta pohon dan batu. Manusia mencipta rumah dari benda-benda itu. Allah mencipta tumbuhan dan haiwan, manusia menciptakan makanan daripadanya. Dari tumbuhan, kimia dan pelikan yang diciptakan Allah, manusia mencipta ubat-ubatan. Allah menciptakan bulan untuk menerangi kegelapan malam. Manusia mencipta lampu untuk menerangi kegelapan rumahnya.

Dari air, minyak dan atom yang diciptakan oleh Allah, manusia mencipta daya, menyambung tenaganya yang lemah untuk menciptakan dan menggerakkan alat-alat pengeluaran, menciptakan bermacam barang dan alat untuk membina kehidupan yang tertinggi daripada makhluk-makhluk lain.

Apa dan bagaimana sifat cipta manusia itu? Di atas telah dinyatakan, ada perbezaan hakiki antara cipta Allah dan cipta manusia. Allah mencipta dari ketiadaan, sedangkan manusia dari yang ada. Yang ada itu alam. Dari unsur-unsur alam inilah manusia menciptakan perkara-perkara baru, yang sebelumnya tidak ada. Yang dikerjakannya sesungguhnya tidak lain hanya mengubah bentuk unsur-unsur yang terkandung dalam alam itu, sehingga pengertian cipta manusia itu sesungguhnya tidak lain daripada membari atau mereka bentuk dari bahan yang telah sedia ada.

Namun demikian manusia itu adalah pencipta juga menyambung ciptaan pertama, pengganti pencipta pertama di dalam alam, mewakili Pencipta yang pertama dalam kehidupan dunia. Inilah di antara makna yang dapat difahamkan dari *"Khalifah fi al-Ard"*, khalifah di bumi.

Apa jua yang telah diciptakan manusia di alam ini memang membuktikan kebenaran berita al-Qur'an itu, terutama karya-karyanya dan daya kemampuan ciptaannya pada masa-masa terakhir ini dengan sains dan teknologi modennya. Sepanjang yang dapat kita persaksikan dalam dunia moden di hujung kurun ke-20 ini daya cipta manusia dengan sains dan teknologi belum memperlihatkan batasnya.

Sekali pun manusia tidak berkaki empat seperti kuda, namun ia dengan keretanya lebih cepat lari daripada kuda. Sekali pun ia tidak diperlengkapi alat-alat renang seperti ikan, dengan kapalnya ia lebih mampu berenang dan menyelam daripada ikan. Sekali pun ia tidak mempunyai sayap seperti burung, dengan pesawat udaranya ia dapat terbang lebih cepat dan lebih jauh daripada burung. Sekali pun ia tidak diperlengkapi dengan alat tubuh seperti cacing, ia lebih mampu mengunjam dalam ke petala bumi daripada cacing.

Selama ini disangka, manusia terikat oleh bumi, kerana ia tidak mungkin menembus lapisan udara yang mengelilingi planet tempat kediamannya. Namun dengan akal yang jadi sumber sains dan tangan sebagai pangkal dari teknik, manusia mampu melepaskan dirinya dari bumi, menjelajah ruang angkasa luar, hinggap di bulan. Sekarang akal disuruh berfikir lagi dan tangan disuruh mencipta lagi untuk mengunjungi planet-planet lain yang menjadi saudara-saudara bumi.

Demikianlah manusia dengan sains dan alat-alat ciptaannya menjadi penguasa di bumi, menjadi raja dalam kehidupan dunia, mewakili kekuasaan Allah. Dengan akal dan bentuk tangan yang istimewa yang diberikan Allah kepadanya, Allah meneguhkan kekuasaan manusia dalam kehidupannya.

Akan tetapi bukan sahaja ia dengan akalnya membina kehidupannya, dengan akal itu juga ia merosak kehidupannya. Dengan senjata-senjata perang yang diciptakannya, manusia membunuh sesama manusia dan merosak alam. Dicemarinya udara dan

laut, dikacaunya peredaran udara dan diberantakkannya keselarasan alam:

ظَهَرَ ٱلْفَسَادُ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِى ٱلنَّاسِ لِيُذِيقَهُم بَعْضَ ٱلَّذِى عَمِلُوا۟ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Terjemahan: Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).

(*Al-Rum, 30:41*)

Apabila otak sahaja yang diperkaya dengan ilmu pegetahuan, tetapi kalbu dibiar kosong dari agama, maka bisikan halus syaitan menggerakkan tangan menciptakan alat-alat yang akan merosak diri manusia sendiri dan persekitarannya.

Oleh itu dengan diberikannya kekuasaan dan diangkatnya menjadi khalifah, manusia juga dibebankan tanggungjawab, raja dari sekalian raja akan meminta di akhirat nanti pertanggungjawab manusia yang diangkat-Nya menjadi pengganti-Nya sebagai raja di dunia. Apabila akal tidak diasaskan atas naqal atau wahyu dalam pemikirannya, maka manusia akan menyeleweng, bahkan berlawanan dengan Perlembagaan (al-Qur'an) yang diturunkan oleh Allah sebagai panduan khalifah dalam menjalankan kekuasaannya sebagai raja di dunia yang fana ini.

Dengan akalnya manusia dapat berbuat baik, tetapi juga dapat berbuat jahat. Ia mungkin mentaati khaliqnya, tapi juga mungkin mengingkari-Nya. Seperti di atas telah kita bincangkan, semuanya itu bergantung pada isi kalbu dan pemikirannya. Apabila bisikan halus malaikat yang ditampung oleh kalbunya, dibenarkan oleh pemikirannya yang kaya dengan ilmu pengetahuan, maka tangannya akan mencipta perbuatan-perbuatan baik. Sebaliknya, apabila bisikan halus syaitan yang ditampung kalbunya, dibenarkan pula oleh pemikirannya yang juga kaya dengan ilmu pengetahuan, maka

tangannya akan menciptakan perbuatan merosak. Jadi akal mempunyai segi-segi kekuatan di samping segi-segi kelemahan.

Lantaran itulah akal itu perlu petunjuk, perlu tuntunan dan kawalan, dan Allah yang pengasih lagi Penyayang menurunkan wahyu-Nya untuk petunjuk, tuntunan dan kawalan itu.

Keteguhan kekuasaan manusia di bumi yang menguasai lapangan kehidupannya adalah berkat kebudayaan, yang dihasilkan oleh akal dan tangannya. Apakah dia kebudayaan?

Dari kata kebudayaan dalam asosiasi masyarakat timbul pengertian kesenian. Kadang-kadang ditambah dengan pengertian adat yang khas dianut masyarakat. Akan tetapi pengertian akademik jauh lebih luas. Cuma kalau kita bertanya kepada sains tentang definisi kebudayaan, kita berhadapan dengan berbagai jawapan, yang satu berbeza daripada yang lain. Perbezaan definisi-definisi itu adalah disebabkan ruang liput pengertian kebudayaan itu amat luas. Mereka yang ahli dan pakar masing-masing menekankan atau memandangnya dari aspek-aspek tertentu. Apabila kita perbandingkan definisi-definisi itu dan dalami maknyanya, akan kita temukan titik persamaan. Dalam tiap definisi tersimpul manusia. Dan ahli-ahli kebudayaan atau pakar-pakar antropologi memang seia sekata, bahawa hanya manusialah yang berkebudayaan. Haiwan tidak berkebudayaan.

Telah kita bincangkan, bahawa perbezaan asasi antara haiwan dan manusia ialah akal. Akal menyatakan diri pada fikiran dan perasaan. Kerana manusia berakal, dia berkebudayaan. Sebaliknya sebab haiwan tidak berakal, maka dia tidak berkebudayaan. Dengan mudah dapat disimpulkan, akallah yang melahirkan kebudayaan. Dari kesimpulan ini baiklah kita rumuskan suatu definisi kebudayaan, yang menekankan aspek akal atau berorientasi kepada rohani, sebagai berikut: Suatu kebudayaan ialah cara berfikir dan cara merasa, yang menyatakan diri dalam seluruh segi kehidupan sekelompok manusia yang membentuk masyarakat.

Takrif itu dapat diperpendek dengan "cara berfikir dan cara merasa dalam kehidupan," dan masih mungkin dipendekkan lagi dengan "cara hidup". Sampailah kita kepada sari pengertian kebudayaan, yang pada umumnya sekata diakui oleh ahli-ahli yang menganut definisi yang berbeza-beza itu.

Cara hidup mengait setiap segi kehidupan. Apa yang dikatakan kehidupan? Kehidupan ialah segala sesuatu yang berhubungan dengan hidup. Tiap peristiwa yang berhubungan dengan masyarakat, yang dialami oleh setiap peribadi semenjak ia lahir sampai mati masuk ke dalam kehidupan dan diliputi oleh kebudayaan. Kalau demikian alangkah luasnya ruang liput kebudayaan itu! Memang demikianlah menurut pandangan ilmiah. Oleh kerana keluasan tanpa batas itu pandangan tentang "apakah dia kebudayaan" mudah menjadi kabur. Maka, untuk menjelaskan pandangan itu timbullah dalam antropologi, teori "pola kebudayaan sejagat". Maksud istilah ini ialah segi-segi kebudayaan yang universal ditemukan dalam setiap kebudayaan. Jadi dalam kebudayaan-kebudayaan dahulu dan kini, bila dan di manapun, ditemukan segi-segi atau bidang-bidang tertentu yang selalu ada. Baiklah kita ertikan pula kebudayaan sejagat itu dengan bidang-bidang kebudayaan.

Bermacam teori disusun pembidangan kebudayaan. Teori-teori itu tidak perlu dihuraikan di sini, kerana bukan itu tujuan perbincangan kita. Dengan memperbandingkan teori-teori itu dapat kita simpulkan teori pembidangan kebudayaan yang mungkin lebih sederhana dan agaknya lebih mudah difahami melalui istilah-istilah yang sudah umum terpakai iaitu:

1. *Sosial*: Pergaulan hidup yang membentuk masyarakat; masyarakat adalah wadah (bekas, tempat) kebudayaan. Antara masyarakat dan kebudayaan terjalin saling hubungan: masyarakat membentuk kebudayaan, kebudayaan mengatur masyarakat. Kebudayaan dicipta oleh kelompok makhluk sosial-rohaniah (istilah ini telah diperbincangkan di atas).
2. *Ekonomi*: Segala sesuatu yang menyangkut benda-benda material, yang diperlukan oleh manusia dalam kehidupan duniawinya.
3. *Politik*: Kekuasaan mentadbir sosio-ekomoni, agar masing-masing bidang itu mencapai tujuannya.
4. *Pengetahuan dan teknik*: Alat untuk ekonomi, juga diperlukan untuk sosio-politik.

5. *Kesenian*: Memberikan kesenangan atau kenikmatan dalam kehidupan.
6. *Falsafah*: Menjawab pertanyaan-pertanyaan yang tidak terjawap oleh pengetahuan biasa dan ilmu, serta menentukan nilai-nilai, makna dan guna.
7. *Agama*: Mengatur hubungan manusia dengan Yang Maha Qudus khasnya, dengan alam ghaib amnya.

Bidang-bidang kebudayaan itu membina kehidupan manusia dalam mencapai keperluan-keperluan asasnya. Pembinaan itu dengan mengatur sistem atau tata hubungan dengan perkara-perkara yang dihadapi dalam kehidupan:

1. Sosial: Tata hubungan manusia dengan manusia.
2. Ekonomi: Tata hubungan manusia dengan benda.
3. Politik: Tata hubungan manusia dengan kekuasaan.
4. Pengetahuan dan teknik: Tata hubungan manusia dengan alam dan kerja.
5. Seni: Tata hubungan manusia dengan keindahan atau bentuk-bentuk yang menyenangkan.
6. Falsafah: Tata hubungan manusia dengan hakikat kebenaran dan nilai.
7. Agama: Tata hubungan manusia dengan Allah dan alam ghaib.

Kesemua tata hubugan itu yang membentuk *cara hidup*, bertujuan untuk memenuhi keperluan asasi manusia.

Sepanjang sejarah umat manusia antropologi memandang usaha dan perjuangan manusia yang terus-menerus meneguhkan kekuasaannya di bumi dan menjadikannya lapangan kehidupannya.

Peringkat kebudayaan awal ialah kebudayaan *meramu*. Tata ekonominya ialah mengumpulkan bahan makanan, terutama terdiri dari buah-buahan dan umbi-umbi. Teknik mereka ialah alat potong daripada batu yang sederhana. Mereka tinggal di gua-gua. Peringkat awal berevolusi kepada peringkat kebudayaan *berburu*. Tata ekonominya ialah berburu binatang. Dalam memperebutkan

kawasan pemburuan, suku-suku pemburu itu akhirnya tidak sahaja memburu binatang, tetapi juga memburu suku musuh. Ketika itulah mulai timbul *perang* dalam kebudayaan, yakni semenjak 100 000 tahun yang lalu. Bukan sahaja manusia sebagai umat berusaha meneguhkan kekuasaannya di bumi dalam berhadapan dengan makhluk-makhluk lain, tetapi manusia sebagai kelompok juga berusaha demikian. Dalam usaha pertama mereka beralatkan kebudayaan, sedangkan dalam usaha jenis kedua politik sebagai bidang kebudayaanlah dipergunakan sebagai alat.

Untuk lebih memudahkan dan menjamin bahan makanan, binatang-binatang tertentu ditangkap, dijinakkan, selanjutnya dipeternakkan. Ketika itu umat manusia meningkat kepada *kebudayaan berternak*. Dari kebudayaan berternak meningkat jauh kepada peringkat pertanian. Ketika itu menjadi *revolusi kebudayaan*, manusia tinggal menetap dengan pembentukan desa. Semua bidang kebudayaan mengalami perkembangan luar biasa, terutama bahasa, teknik, ekonomi, agama dan seni. Kebudayaan pertanian yang berlangsung dalam prasejarah berlanjut dalam masa sejarah. Pada hujung abad ke-18 M. terjadi revolusi kebudayaan kedua, yang meningkatkan kebudayaan pertanian kepada kebudayaan industri berpusat pada bandar. Kembali bidang-bidang kebudayaan mengalami perubahan-perubahan luar biasa. Terjadi perkembangan dahsyat dalam ekonomi dan politik; pengetahuan dan teknik menjadi sains dan teknologi; perubahan besar dalam sosial dan falsafah; kesenian yang sebelumnya terikat pada agama menjadi bebas. Dalam kepercayaan dan pengalaman agama terjadi pula perubahan besar, tetapi geraknya bukan bersifat maju, melainkan mundur.

Kenapa demikian? Dalam peringkat pertumbuhan kebudayaan manusia merasa lemah menghadapi alam, yang melingkari kehidupan mereka. Pengetahuan dan tekniknya yang masih rendah membawa mereka kepada sikap tunduk kepada alam, menerima saja apa yang ditentukan dan diberikan oleh alam kepadanya. Ketika itu kepercayaannya kepada yang ghaib amatlah besar. Setiap peristiwa kehidupan selalu dijalinkan dengan kekuasaan tuhan, tetapi setelah mereka sampai ke peringkat sains dan teknologi, alam ghaib dapat diterangkan oleh sains dan falsafah, dan dengan

teknologinya mereka berkuasa atas alam. Bukan lagi mereka bersikap menadah sahaja apa-apa yang diberikan oleh alam kepadanya, tetapi mereka menentukan apa-apa yang perlu diberikan alam kepadanya. Sains dan teknologi membuka rahsia-rahsia alam, hingga yang ghaib selama ini menjadi terang. Dengan tenaga dan undang-undang alam sendiri manusia mengukuhkan kekuasaannya di permukaan bumi, dan memperkaya kehidupannya.

Dengan meningkatnya terus-menerus sains dan teknologi, tanpa kelihatan batas-batas kemampuannya, timbullah kesombongan pada manusia, bahawa dengan kekuasaan sains dan teknologi itu, ia berasa tidak lagi memerlukan Tuhan dan agama. Lahirlah sikap mengabaikan Tuhan dan mengenepikan agama. Bahkan *agama itu sendiri dipandang oleh ilmu kebudayaan atau antropologi budaya sebagai salah satu bidangnya*. Dalam perkara ini Islam bersikap lain terhadap pandangan ilmu. Islam menyetujui pandangan ilmu, kalau yang dimaksud ialah agama yang lahir dalam kebudayaan, yakni *agama budaya,* tetapi Islam menolak, manakala yang dimaksud itu agama yang diwahyukan atau *agama Samawi*.

Kebudayaan adalah ciptaan akal manusia, hubungan dengan benda, dengan kekuasaan dengan alam dan kerja, dengan bentuk-bentuk yang menyenangkan, dengan hakikat setiap perkara yang dimasalahkan dan dengan konsep-konsep nilai. Gagasan-gagasan itu diwujudkan oleh laku perbuatan. Melalui tangan terwujudlah kebudayaan material dalam bentuk benda-benda.

Apakah gagasan tentang tata hubungan manusia dengan Allah khasnya dalam alam ghaib amnya, juga diciptakan oleh akal manusia?

Dalam kebanyakan agama memang demikian adanya, sekalipun penganutnya mendakwakan bahawa sesungguhnya gagasan itu berasal dari Tuhan. Dalam agama Islam dengan ajarannya tentang akal (kemampuan manusia menjalankan kekhalifahannya adalah kerana kekuatan akalnya, tapi akal itu juga daif dalam berhadapan dengan Khaliqnya dan alam ghaib), ada pun gagasan agama bukanlah berasal dari akal, tapi dari naqal atau wahyu.

Kita perbincangkan sedikit lagi sifat akal: ia kuat, tetapi juga lemah. Fikiran manusia dengan norma-norma lojik yang diper-

peganginya sebagai pangkal sains, dan tangan manusia dengan susunannya yang sempurna sebagai asas teknik, mampu (dan memang telah berhasil sekali) mengkaji alam material, dan memperalatkannya bagi kehidupan manusia. Penyelidikan dan eksperimen sebagai kaedah sains moden telah berjaya memaksa alam membukakan rahsia-rahsianya. Banyak sekali perkara yang lama sekali dihadapi manusia sebagai bersifat ghaib, ditembus oleh cahaya ilmu, sehingga lenyap keghaibannya, menjadi perkara nyata sekarang. Kejayaan demi kejayaan yang dihasilkan oleh sains dan teknologi inilah yang menimbulkan akhirnya kesombongan pada manusia moden, bahawa akhirnya semua perkara ghaib akan dapat diselesaikan oleh sains dan teknologi. Sekarang ia perkara ghaib, tetapi besok ia akan menjadi perkara nyata. Kalau besok belum berhasil, besoknya lagi ..... Akhirnya suatu ketika ia akan dapat diterangkan oleh sains.

Kebudayaan adalah gagasan akal dalam usaha manusia menyelaraskan hubungan-hubungannya dalam kehidupan, hingga dapat dibina keperluan-keperluan, sedangkan agama adalah gagasan wahyu dalam mengatur hubungan manusia dengan Allah mendapat petunjuk, tuntutan-Nya dan reda-Nya untuk mewujudkan salam dalam kehidupan manusia di dunia ini dan di akhirat nanti. Dengan demikian jelaslah bahawa agama Islam berasal dari Allah, bahkan prinsip-prinsip kebudayaan Islam pun berasal dari Dia, yang diserahkan kepada akal manusia sebagai khalifah-Nya untuk pemikiran dan pelaksanaannya.

Tentang kepercayaan yang berlebih-lebihan daripada sains terhadap perkara-perkara ghaib itu, Islam memberikan pembatasannya. Tidak dinafikan, bahawa memang ada perkara-perkara ghaib yang telah dan akan berjaya diselesaikan oleh sains. Perkara-perkara itu digolongkan oleh Islam ke dalam *ghaib idafi,* atau *ghaib nisbi* yang terhad dan terbatas. Selama sesuatu perkara itu dapat dilakukan penyelidikan atau eksperiman ke atasnya, sekalipun sampai sekarang sains belum berhasil membukakan tabir rahsianya, selama itu pula perkara itu termasuk ke dalam *ghaib idafi*. Dalam perkembangan sains dan teknologi, suatu ketika rahsianya dapat dibongkar, maka berpindahlah ia ketika itu dari jenis alam *ghaib nisbi* ke dalam jenis alam nyata.

Ghaib idafi itu banyak sekali. Kajilah sejarah pertumbuhan dan perkembangan sains, dengan terus-menerus akan anda dapati kemenangan sains dan teknologi terhadap perkara-perkara yang sebelumnya dianggap ghaib. Apabila terjawab dan terbuktilah tiga pertanyaan terhadap suatu perkara, lenyaplah keghaiban tentang perkara itu. Pertanyaan-pertanyaan itu ialah:

1. Apakah dia: (pertanyaan ini sesungguhnya adalah pertanyaan falsafah, yang hendak mengetahui hakikat perkara)
2. Bagaimana dia? (pertanyaan ilmiah ini hendak mengetahui gejala-gejala dan sifat-sifat perkara)
3. Apa sebabnya dia? (pertanyaan ilmiah ini menghendaki pengetahuan tentang hubungan sebab-akibat yang menimbulkan kejadian; apabila dari kajian hubungan itu ditemukan hubungan sebab-akibat yang berkekalan dan pasti, maka diperdapatlah undang-undang atau hukum tentang perkara itu; menemukan undang-undang inilah yang jadi tujuan akhir kajian sains).

Dalam dunia moden alam ghaib itu memang telah menyempit, berkat kemenangan-kemenangan sains dan taknologi. Namun demikian masih tidak terhitung perkara yang masih tergolong ke dalam alam ghaib. Dikatakan meyempit, apabila diperbandingkan dengan alam ghaib dua tiga abad yang lalu, sebelum berkembangnya sains dan teknologi moden.

Dari banyak perkara ghaib yang dihadapi manusia kini, sebahagian memang dapat dimasukkan ke dalam *ghaib idafi*, tetapi sebahagian lagi termasuk ke dalam *ghaib hakiki,* yang tidak akan mampu sains dan teknologi membuka rahsianya, kerana ke atasnya tidak mungkin dilakukan penyelidikan dan atau eksperimen. Mari kita ambil beberapa perkara sahaja:

1. Apakah alam ini wujud, semula jadi atau suatu ketika alam dicipta? Teori falsafah menjawab: Suatu ketika alam dicipta. Siapakah yang menciptanya? Mungkinkah ia dicipta dari ketiadaan? Gerak alam teratur sekali.

Siapakah yang mengaturnya dan bagaimana? Pertanyaan-pertanyaan ini tidak mungkin dilakukan penyelidikan dan eksperimen atasnya.

2. Bagaimana timbulnya fikiran dan perasaan dalam diri manusia? Roh dan perkara rohaniah dalam diri manusia tidak mungkin diselidiki dan dilakukan eksperimen. Demikian pula pertanyan: Apakah roh itu satu unsur asal, di samping jasad satu unsur asal lain? Penyelidikan dan eksperimen tidak dapat menjawabnya. Kalau roh dan jasad masing-masing merupakan unsur asal, bagaimanakah hubungan antara kedua-duanya? Pertanyaan yang sederhana ini pun tidak mampu sains menjawabnya, sekalipun sains tahu pasti ada hubungan itu, sebab itu dijadikannya asas dalam membina suatu cabang sains yang sains *psikosomatik,* ilmu hubungan jiwa dan badan.
3. Bagaimana dan apa asalnya penyakit-penyakit rohaniah (pembenci, pengkhianat, pemfitnah, penipu, dengki, pembohong, penagih, tamak, kikir, zalim, mementingkan diri sendiri, pendendam, bengis, pengabdi hawa nafsu?) Bagaimana menyembuhkannya dengan pasti?
4. Siapakah yang menentukan nasib peribadi, suatu bangsa, umat manusia:
5. Apakah dan betapa dan bagaimanakah kejadian-kejadian dengan apa yang disebutkan makhluk-makhluk halus, seperti arwah orang yang meninggal, jin, syaitan, malaikat? Ataukah memang dapat dibuktikan makhluk-makhluk itu tidak ada?
6. Apakah hakikat mati dan apa yang terjadi sesundah itu?

Itulah sejumlah kecil perkara yang tidak akan dapat dipecahkan oleh sains dan teknologi, yang amat dibanggakan oleh dunia moden. Justeru itu untuk selama-lamanya ia akan ghaib bagi akal, kalau Allah tidak menurunkan naqal-Nya. Perkara-perkara demikianlah yang digolongkan kepada jenis *ghaib hakiki.*

Emil du Bois-Reymond (1818–1896), seorang ahli sains Jerman, keturunan Perancis-Swis, sekalipun ia berfahamkan materialisme, mengakui kegagalan materialisme dalam menjawab masalah roha-

niah, yang merupakan *ghaib hakiki*. Terhadap rahsia alam benda, kaum materialisme, menurut Reymond, sering menjawab *"ignoramus"* (kami tidak tahu). Akan tetapi, katanya, mana yang belum diketahui tentang alam materi itu sekarang, nanti mungkin diketahui. Sebaliknya tentang rohani, apa dia benda dan apa dianya tenaga, bagaimana benda dan tenaga itu dapat berfikir, dijawabnya dengan *"ingnorabimus"* (kami tidak akan pernah tahu). Dengan pengakuan ini filasuf materialisme itu dengan jujur mengakui kegagalan falsafah ilmu kebendaan.

Kesimpulan huraian di atas ialah Islam membahagi alam ini ke dalam tiga peringkat:

1. *Alam nyata* (yang merupakan cabaran bagi sains untuk mengetahuinya dan teknologi).
2. *Alam ghaib idafi* (yang merupakan cabaran bagi sains untuk mengetahuinya dan cabaran bagi teknologi untuk menguasainya).
3. *Alam ghaib hakiki* (yang terhadapnya akal mahu tak mahu menundukkan dirinya kepada naqal, kerana dengan sains dan teknologi manusia tak akan mampu mengetahui dan menguasainya). Salah satu perkara ghaib hakiki itu ialah: kemana akhirnya manusia?

Dalam Fasal 1 telah dijawab pertanyaan: dari mana asal manusia? Pertanyaan kedua tentang manusia pun telah terjawab dalam Fasal 2, iaitu: Siapakah dia manusia? Untuk menjawab pertanyaan: ke mana akhirnya manusia, kita memerlukan fasal tersendiri.

X

MANUSIA: KE MANA AKHIRNYA

Sakarat al-Maut

Pertanyaan sebagai tajuk di atas dengan mudah dijawab oleh pengetahuan sehari-hari, iaitu akhirnya manusia itu mati. "Apa itu mati?" Ini tidak terjawab oleh pengetahuan sehari-hari. Pengetahuan berasal dari pengalaman. Akan tetapi bukankah mati itu pengalaman yang sering kita hadapi? Berapa banyak sudah kita menghadapi, memperhatikan dan menghantar orang mati ke kuburan? Ya, itu bukan pengalaman kita sendiri. Kita mempersaksikan pengalaman orang lain yang menemui ajalnya. Oleh kerana kita tidak pernah mengalaminya sendiri, tidaklah ada pengetahuan yang berasal dari diri kita sendiri tentang kematian.

Apabila pengetahuan sehari-hari tidak mampu atau tidak berhasil menjawab suatu perkara, orang lari kepada sains mengajukan pertanyaan. Apakah pengetahuan akademik tentang mati? Kalau pengalaman kita yang langsung hanya menangkap gejala-gejala luar kematian, adalah sains mengkajinya lebih dalam lagi. Ia menyelidiki gejala-gejala yang berlangsung di dalam diri si mati.

Pengetahuan indera tentang perkara maut hanya sepanjang yang dapat dilihat oleh mata atau ditangkap oleh pancaindera. Pada akhir hidup manusia, manakala ia tidak mati tiba-tiba, manusia mengalami *Sakarat al-Maut.* Pada waktu itu ia memasuki ambang pintu kematian. Jelas kelihatan perjuangan yang dahsyat mempertahankan hidup terhadap maut yang tengah meragutnya. Ia menarik-narik nafas panjang, nafas adalah lambang hidup. Na-

fas itu semakin lama semakin susah. Akhirnya ia berhenti. Badan menjadi tegang dan dingin. Ia tidak bergerak lagi. Jalan darahnya terhenti. Diapa-apakan pun juga ia tetap tidak memberikan reaksi. Pada waktu itu dikatakanlah, bahawa manusia itu sudah mati.

Bagi pengetahuan indera adalah mati itu tidak bernafas lagi, darah tak jalan lagi, tidak bereaksi lagi, tidak bergerak lagi, diam .... diam sahaja. Badan tegang dan dingin, berwarna pucat, setelah 24 jam kalau badan itu dibiarkan sahaja dalam udara terbuka, ia mulai membusuk. Ini adalah ciri-ciri luar dari kematian.

1. *Awal Sakrat al-Maut:* Terjadi gangguan peredaran darah, tekanan darah nadi menurun, orangnya sesak nafas, kesedaran masih ada, tetapi agak berkabut pandangannya.
2. *Sakrat al-Maut:* orangnya tidak sedar lagi, refleksi atau pantulan mata tidak ada lagi, pernafasannya putus-putus, gerak nadinya tidak terasa lagi, tetapi ia masih dapat diraba pada pembuluh darah pada leher.
3. *Mati-klinik:* Tanda-tanda hidup yang dapat diperiksa dari luar (secara klinik) tidak ditemukan lagi, jantung dan pernafasan berhenti sama sekali.

Dalam tahap mati-klinik orang masih mempunyai peluang sedikit sekali untuk ditolong hidup kembali. Akan tetapi setelah peringkat ini lewat, berlangsunglah akhir kehidupan, iaitu *mati biologi.* Pada peringkat mati-biologi tertutup sama sekali peluang usaha sains untuk mengembalikan hidup. Jarak masa antara mati-klinik dan mati-biologi itu biasanya hanya antara 4 sampai 6 minit. Setelah lewat waktu yang pendek ini mulailah terjadi pembusukan sel-sel otak. Pembusukan inilah yang menyebabkan segala usaha manusia dengan kepakaran sains tidak berdaya. Pembusukan itu menjalar kehidupan biologi setelah manusia yang memiliki tubuh itu mati. Misalnya, darah masih hidup selama 7 jam setelah mati. Dengan perawatan baik, menjaganya dari kebusukan, bahagian-bahagian jasad si "mati" dapat dipergunakan oleh manusia yang masih hidup yang memerlukannya. Misalnya, mata si mati dapat dipergunakan lagi oleh orang hidup yang memerlukannya.

Dipandang dari segi sains, maut itu adalah rosaknya jasmani

atau alatnya berfungsi. Tidak berfungsinya badan terutama kerana terhentinya kerja jantung, pernafasan dan otak. *Laporan kematian* yang ditulis doktor tentang seseorang yang meninggal, bertugas menerangkan sebab kematian. Sebab tersebut merupakan gejala-gejala yang dapat diteliti, dapat dibuktikan, dapat ditangkap oleh pancaindera, sekalipun dengan alat; dan juga dapat diterima oleh fikiran. Akan tetapi apakah gejala-gejala jasad itu merupakan satu-satunya sebab? Apakah di belakang kenyataan itu tidak ada sebab lain?

Manusia memiliki kesedaran akan dirinya, yang ditimbulkan oleh kehidupan batin. Gejala-gejala rohaniah menyatakan diri pada fikiran dan perasaan. Manusia adalah makhluk sosial-rohaniah. Kesedaran, kehidupan batin dan gejala-gejala rohaniah membuktikan bahawa manusia memiliki apa yang dikatakan roh.

Berdasarkan anggapan bahawa dalam diri manusia ada roh, sains sudah semenjak dahulu menumpahkan perhatian kepadanya, tetapi sampai sekarang ia masih belum dapat mengatakan secara positif, apakah sesungguhnya roh itu. Sebabnya, kemampuan sains terletak pada penyelidikan tentang segala sesuatu yang konkrit, serta manifestasi dan peristiwa yang nyata. Sedangkan roh atau jiwa adalah bersifat ghaib. Yang nyata itu ialah materi (benda), dan roh bukanlah materi. Oleh kerana itulah sains tidak dapat memastikan apakah mati itu bererti roh keluar dari badan. Dengan demikian apakah dia sebenarnya maut itu sains tidak pula dapat memberikan jawapan yang pasti dan yang sebenar. Ia hanya dapat menerangkan gejala-gejalanya saja yang dapat diperhatikan.

Satu-satunya jalan untuk memperoleh keterangan yang pasti tentang mati ialah dengan melakukan eksperimen mati. Eksperimen adalah kaedah sains yang paling berkesan untuk memaksa alam membukakan rahsianya.

Dalam eksperimen ilmuwan mematikan seseorang. Gejala-gejala yang dapat ditangkapnya pada manusia yang dilakukan eksperimen ke atasnya itu adalah sekadar fakta-fakta pada jasad, seperti telah dihuraikan di atas. Ditanya orang itu, apa yang terjadi di belakang fakta-fakta itu. Orang itu tidak menjawab. Dengan demikian eksperimen itu gagal.

Oleh kerana eksperimen pada diri seseorang gagal, si ilmuwan

melakukan eksperimen ke atas dirinya sendiri lantaran si ilmuwan itu sendiri yang menjalani eksperimen, tentu ia dapat mengumpulkan semua data tentang kematian, selain yang nyata juga yang ghaib, tetapi malangnya, data-data itu tidak mungkin dilaporkannya kepada dunia sains. Kenapa? Kerana satu kali seseorang mati, ia tidak bercakap lagi, dia tidak menulis lagi. Data-data mati yang sesungguhnya dibawanya bersama ke dalam kuburan. Dengan demikian hakikat mati yang sebenar tetap jadi rahsia, tidak mungkin dibongkar oleh sains. Ia amat berhasil dalam kajiannya tentang peristiwa-peristiwa hidup tetapi ia gagal dalam mengkaji maut.

Betapapun perkembangan sains dan teknologi pada masa yang akan datang, namun dari sekarang sudah dapat dipastikan, ia akan tetap gagal untuk membuka rahsia agung maut. Kaedah sains tidak akan pernah dapat menemukan hakikat kematian.

Apa yang terjadi sesudah mati? Apakah ada lanjutannya, atau dengan mati berakhirlah semuanya? Apakah masih ada kehidupan kedua, atau tidak ada apa-apa lagi? Sains lebih-lebih gagal lagi menjawab pertanyaan ini. Pertanyaan kedua ini tentang maut merupakan lanjutan dari pertanyaan pertama. Kalau tentang pertanyaan pertama sains telah gagal, apalagi tentang pertanyaan kedua.

Dengan gagalnya pengetahuan indera (pengetahuan seharihari) dan sains menjawab masalah maut, tinggal lagi satu sumber pengetahuan manusia yang diharapkan dapat memecahkan soal mati. Di mana sains terhenti, di situ falsafah mula. Maka pertanyaan-pertanyaan diajukan kepada falsafah.

Apabila suatu masalah berada di luar lapangan penyelidikan dan eksperimen, ia menjadi persoalan falsafah. Ada titik persamaan antara pengetahuan indera dan falsafah. Kedua-duanya mentafsirkan, tetapi yang pertama adalah pandangan atau tafsiran indera, sedangkan yang kedua pandangan atau tafsiran fikiran.

Falsafah yang mengkaji hakikat[10] benda dan perkara yang tidak terselesaikan oleh sains ialah metafizik. Apakah dia maut sesungguhnya? Apa hakikat mati? Dua cabang metafizik menjawab pertanyaan itu, yakni *falsafah materialisme* dan *falsafah spiritualisme*.

Meterialisme beranggapan, hakikat kenyataan yang bermacam rupa dan bermacam ragam yang dihadapi manusia ialah benda

atau materi? Materi ialah sesuatu yang menempati ruang, iaitu yang berbentuk dan berupa. Ia adalah konkrit. Mungkin ia amat kecil, sehingga mata dapat menangkapnya, namun demikian wujudnya nyata, yang mungkin dengan mempergunakan alat dapat juga dilihat.

Apa hakikat manusia? Materialisme menjawab, manusia tidaklah lain daripada benda. Bukankah manusia juga memiliki kehidupan batin, berfikir dan merasa rohaniah, yang memberi petunjuk, bahawa selain sel-sel yang material, dia juga memiliki jiwa atau roh? Serba benda atau materialisme dualisme mengakui adanya roh dalam diri manusia, tetapi roh itu adalah juga benda, yang bentuk dan sifatnya berbeza daripada benda sel-sel. Aliran lain dalam materialisme yang umum dianut oleh kalangan kaum materialisme yang umum dianut oleh kalangan kaum materialisme sekarang, antara lain oleh kaum Marxis, beranggapan bahawa kehidupan batin, fikiran dan perasaan itu tidaklah lain daripada fungsi atau kerja benda (sel-sel badan). Jadi mereka tidak menafikan adanya roh, tetapi roh itu bukanlah unsur asal sendiri, melainkan aktiviti benda.

Hakikat Manusia

Apakah hakikat mati? Dengan dasar pemikiran falsafah materialisme menjawab, mati tidaklah lain daripada sel-sel badan berhenti berfungsi, tidak bekerja lagi, tidak lagi menjalankan aktivitinya. Dasar inilah yang dipakai oleh doktor dalam menyusun *Laporan Kematian*, yang menganalisis sebab kematian. Badan manusia yang material, yang tidak lagi berfungsi, yang disebut mati, ditanam di dalam kubur. Ia lebur di dalamnya menjadi tanah. Apa yang tinggal? Tidak ada apa-apa yang tinggal daripada manusia itu. Mati adalah akhir wujud manusia, tidak ada lanjutannya, tidak pula adalah kehidupan kedua. Dengan dasar pemikiran itu material mengingkari akan akhirat.

Pandangan materialisme itu ditolak oleh spritualisme. Aliran falsafah terakhir ini percaya, bahawa hakikat segala benda dan segala perkara yang bermacam rupa dan bermacam ragam ini ialah roh. Apakah dia roh? Roh adalah lawan benda, ia tidak menempati

tempat, kerana itu tidak dapat ditangkap oleh mata. Ia adalah ghaib, lawan dari sifat nyata.

Kalau hakikat segala ini ghaib, bagaimana menerangkan benda-benda yang nyata yang mengisi alam ini, yang dapat dilihat oleh mata dan diraba oleh tangan? Ia mengakui juga adanya benda, tetapi benda itu tidaklah lain daripada pernyataan roh yang ghaib. Sebagai misal baiklah kita dengar huraian falsafah Hindu Wedanta.

Yang hakikat di dalam alam semesta ini ialah Brahman (Tuhan). Jiwa (jiwatman) adalah pancaran Brahman. Apabila jiwa itu bertemu dengan benda, maka lahirlah individu. Apakah itu benda? Benda adalah juga penjelmaan dari Brahman, tetapi dalam bentuk dan sifat yang berlawanan. Kalau Brahman (juga jiwatman) bersifat ghaib, adalah benda bersifat nyata. Apa yang dikatakan hidup pada manusia ialah terkurungnya jiwa yang hakiki oleh benda yang maya. Materi yang bukan hakiki itu adalah maya iaitu tipuan pancaindera sahaja. Kenapa dikatakan ia tipuan saja? Sebab sesungguhnya ia tidak ada. Ia hanya penjelmaan, pernyataan sahaja. Seolah-olah dia ada, tetapi sesungguhnya tiada. Untuk memahami perkara ini, dapat kita ambil misal bayangan. Apakah ia ada atau tiada? Ya, dia ada. Bukankah ia dapat ditangkap oleh mata? Kalau ia ada, cubalah ia diraba dengan tangan, tetapi bayang-bayang yang dikatakan ada oleh mata itu, selalu tidak dapat dipegang. Bayangan itu bukanlah hakikat, ia penjelmaan atau pernyataan daripada benda yang memberikan bayangan itu. Jadi, bayangan itu adalah maya, tipuan mata saja. Sesungguhnya ia tidak ada. Yang ada ialah hakikat, yang memberikan bayangan itu.

Begitulah juga dengan benda. Oleh kerana itu selama manusia tidak sedar, bahawa benda itu bukanlah hakikat, hanyalah tipuan sahaja, selama itu pula jiwatman yang hakiki diperdayakan oleh dunia, dikurung oleh materi, menjalani samsara (kehidupan sengsara) di dunia. Ketika manusia sedar, bahawa benda itu sesungguhnya tidak ada, dapatlah jiwa melepaskan diri dari kurungannya, berpisah dari benda, kembali kepada asalnya Brahman. Inilah yang disebut naik Nirwana.

Itulah keterangan salah satu falsafah untuk memberikan pengertian kepada kita, apa yang dimaksud bahawa yang hakikat se-

sungguhnya adalah roh, bukan benda.

Apakah dia mati? Manusia kembali kepada hakikatnya roh, setelah terbabas dari benda yang maya yang mengikatnya. Kalau benda dibatasi oleh tempat dan waktu, tidaklah demikian dengan roh. Roh itu abadi. Dengan kematian terjadilah kehidupan yang sebenar daripada roh.

Dengan demikian jawapan falsafah tentang perkara yang kita hadapi terbahagi dua, yang satu berlawanan dengan yang lain. Apakah dia mati? Serba benda menjawab, badan manusia yang material berhenti berfungsi. Spritualisme menolak jawapan itu dengan menyatakan, mati adalah benda yang merupakan tipuan pada diri manusia terhenti, dan manusia kembali kepada hakikatnya, yakni roh. Apa yang terjadi sesudah mati? Yang pertama menjawab, berakhirlah wujud manusia, tidak ada kehidupan akhir atau akhirat. Yang kedua membantah, justeru ketika itulah manusia memulai kehidupan yang sebenar, kerana ia kembali kepada hakikatnya yang sejati.

Pertentangan jawapan dalam falsafah bermakna, falsafah menjawab perkara tentang mati dengan *ya dan tidak*. Dengan demikian ia tidak memberikan kepastian kepada kita tetapi keraguan. Jawapan antara *ya dan tidak* bererti ragu atau bimbang, tetapi juga sains memberikan kepada kita jawapan yang tidak pasti, kerana ia tidak dapat memastikan, apakah mati itu berpisahnya roh daripada badan, apakah sesudah mati itu masih ada lanjutan atau tidak. Juga pengetahuan sehari-hari, —yang kita istilahkan dengan pengetahuan indera—, memberikan kepada kita jawapan yang tidak pasti pula. Pengetahuan indera hanya sekadar menangkap gejala-gejala yang langsung dapat disentuh oleh pancaindera. Bagaimana hakikat yang sesungguhnya, ia tidak tahu. Mungkin mati itu bermakna roh berpisah dari badan, mungkin pula tidak. Mungkin sesudah mati ada akhirat, mungkin pula tidak.

Oleh kerana ketiga jenis pengetahuan itu (pengetahuan indera, pengetahuan sains dan pengetahuan falsafah) bersumber pada akal manusia, bermaknalah manusia gagal menjawab perkara "ke mana akhirnya manusia." "Ketidakpastian jawapan tentang: "apa itu mati" dan "apa yang terjadi sesudah itu," membawa manusia kepada kegelisahan. Itu adalah dalil psikologi, bahawa setiap ke-

tidakpastian menimbulkan kegelisahan. Akan terumbang-ambing antara dua jawapan yang berbeza. Tidak ada pegangan, kerana itu tidak ada ketenangan dalam fikiran dan perasaan. Suasana ini membawa kepada kegelisahan. Kegelisahan berkembang menjadi ketakutan; ***kerana itulah manusia takut menghadapi mati.***

Kegagalan manusia memecahkan rahsia mati, membuktikan kelemahan akal manusia. Akal itu memang berhasil mengkaji alam nyata dan alam ***ghaib idafi,*** tetapi ia gagal dalam kajian tentang alam ***ghaib hakiki.*** Mati adalah ***ghaib hakiki.*** Di dalamnya terlibat perkara roh. Al-Qur'an telah memperingatkan, bahawa perkara roh adalah urusan Allah kepada manusia hanya sedikit diberikan pengetahuan tentang perkara itu (Surah al-Isra', ayat 85). Lantaran itu pulalah Islam mengajarkan, pertanyaan-pertanyaan tentang mati bukanlah untuk diajukan kepada akal, tetapi kepada wahyu.

Dari ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith yang dikutip dalam tajuk 'Manusia': Asal Manusia tentang asal kejadian manusia dapat disimpulkan, bahawa manusia terdiri atas dua unsur asal:

1. Jasad, yang terbentuk melalui proses biologi, berasal dari bahan-bahan bumi.
2. Roh, yang dihembuskan oleh Allah ke dalam diri janin dalam rahim ibu.

Dalam tajuk manusia: Hakikat manusia telah dikaji empat peringkat unsur alam: benda mati, tumbuhan, haiwan dan makhluk yang bersosial dan berohani. Peringkat yang terakhir ini adalah manusia, yang dalam dirinya terhimpun ketiga peringkat yang lain. Ketiga peringkat inilah yang terlibat dalam proses biologi. Dengan dihembuskan roh oleh Tuhan ke dalam janin yang beperingkat haiwani, meningkatlah ia ke tingkat insani atau manusiawi.

Di atas telah kita ikuti pembahasan sains bahawa kematian terjadi kerana alat tubuh menusia yang mustahak tidak berfungsi atau tidak lagi menjalankan fungsinya. Inilah yang dicatat oleh Laporan Kematian. Pandangan ini adalah pandangan, materialisme. Yang hakikat pada manusia,—menurut Islam—, adalah roh yang berasal dari Allah; bukan jasad yang terbentuk melalui proses biologi dari bumi. Oleh itu kematian bukanlah sesungguhnya ber-

pangkal daripada alat tubuh yang tidak berfungsi lagi, tetapi kerana roh keluar dari badan. Dengan keluarnya roh itu, maka alat-alat tubuh mustahak daripada manusia tidak lagi menjalankan fungsinya. Jadi apa-apa yang merupakan *akibat* menurut pandangan kerohanian, dipandang sebagai sebab oleh sains yang bersifat materialisme. Sains memandang peristiwa kematian secara lahiriah, gejala-gejala yang dapat ditangkap oleh pancaindera. Dengan rosak atau tidak berfungsinya alat-alat tubuh mustahak terjadi kematian. Oleh itu secara lojik memang dapat disimpulkan: kerosakan alat tubuh menjadi *sebab,* kepada mati. Jadi kerosakan itu sebab dan mati itu akibat, Islam memandang kematian secara batiniah. Yang menentukan kematian ialah Allah, dengan dicabutnya roh dari badan. Dengan keluarnya roh, alat-alat tubuh berhenti bekerja. Namun demikian hubungan antara kerosakan alat tubuh dan kematian tidak mesti dinafikan, tetapi yang mesti dipastikan ialah, kematian terjadi kerana roh keluar dari badan.

Kenapa roh itu keluar? Kerana ia dicabut oleh Izra'il, malaikat yang bertugas mencabut roh makhluk. Kenapa dicabutnya? Kerana ia diperintahkan Allah yang menentukan hidup dan mati:

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ
طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ ثُمَّ لِتَكُونُوا شُيُوخًا وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ مِن قَبْلُ
وَلِتَبْلُغُوا أَجَلًا مُّسَمًّى وَلَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Terjemahan: Dialah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari (setitis) air benih, kemudian dari sebuku darah, kemudian dari seketul daging, kemudian Dia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak, kemudian kamu (dipeliharakan) hingga sampai ke peringkat umur dewasa, kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai menjadi tua. Dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan sebelum itu (Allah melakukan demikian) supaya kamu sampai ke masa yang ditentukan (untuk menerima balasan) dan supaya kamu memahami (hikmat-hikmat kejadian itu dan kekuasaan Tuhan).

(*Al-Mu'minun, 23:67–68*)

Dengan demikian kerosakan badan atau tidak berfungsinya lagi alat tubuh daripada manusia adalah sebab lahir, yang dapat dikaji oleh sains, tetapi sebab batin, sebab yang sebenar atau sebab yang hakiki, adalah kerana roh telah dicabut oleh malaikat. Oleh kerana roh itu *ghaib hakiki,* tidak mungkinlah kejadian ini diselidiki oleh sains. Hanya akibatnya saja pada badan yang dapat dikaji, dan itulah yang dilaporkan oleh doktor dalam menentukan kematian seseorang.

وَٱللَّهُ خَلَقَكُمْ ثُمَّ يَتَوَفَّىٰكُمْ وَمِنكُم مَّن يُرَدُّ إِلَىٰٓ أَرْذَلِ ٱلْعُمُرِ لِكَىْ لَا يَعْلَمَ
بَعْدَ عِلْمٍ شَيْـًٔا إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ قَدِيرٌ

Terjemahan: Dan Allah yang mencipta kamu (dari tiada kepada âda), kemudian ia menyempurnakan tempoh umur kamu, (maka ada di antara kamu yang disegerakan matinya) dan ada pula di antara kamu yang dikembalikannya kepada peringkat umur yang lemah (peringkat tua kebudak-budakan), sehingga menjadilah ia tidak ingat akan sesuatu yang telah diketahuinya, sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi maha kuasa.

(*Al-Nahl, 16:70*)

Secara lahir yang menjadi sebab terciptanya manusia itu adalah orang tuanya, tetapi secara batin Allahlah yang menciptakan melalui proses biologi pada orang tuanya. Demikian pula tentang kematian. Secara lahir kejadian atau proses biologi yang mematikan, secara batin Allah yang mewafatkan, yang berakibat pada proses biologi. Bahawa akhirnya yang menentukan kematian itu adalah Allah, yang sebanyak sedikitnya cuba dibuktikan oleh sains perubatan baru yang sedang dikembangkan, diistilah dengan *reanimatologi* ilmu penghidupan semula. Dalam peringkat mati klinik yang hanya berlangsung singkat sekali, doktor berusaha melakukan penghidupan semula dengan cara-cara dan alat penghidupan kembali. Penghidupan semula itu tidak semestinya berhasil, hanya kadang-kadang mungkin berhasil. Usaha itu bersifat biologi. Kalaulah kematian hanya merupakan proses biologi, tentu penghidupan semula akan lebih banyak memberikan hasil. Akan tetapi

ternyata ia hanya berhasil, kalau manusia yang dalam proses kematian itu masih mempunyai "jatah hidup". Yang dimaksud dengan jatah hidup ialah masa umur yang diperuntukkan bagi seseorang. Siapakah yang menentukan atau yang memberikan jatah itu? Bukanlah proses biologi yang menentukannya, melainkan Dia yang menghidupkan dan yang mematikan, yakni Allah. Penghidupan semula tidak dapat melawan ajal, yang ditakdirkan Allah. Kalau Allah belum menentukan ajal, iaitu roh itu belum dicabut oleh malaikat, penghidupan semula akan berhasil. Kalau ajal sudah sampai, penghidupan semula atau usaha apa pun yang dilakukan oleh sains dan teknologi, ternyata ia tidak berhasil.

Demikianlah kalau kita dalami penghidupan semula, kita akan mendapat bukti ilmiah (sekali pun bukti itu sedikit) akan kebenaran bahawa mati itu ketentuan kuasa ghaib, tidaklah hanya sekadar proses biologi yang bersifat material.

Dari semenjak dahulu kala sains perubatan bercita-cita menemukan ubat atau cara-cara untuk mengabadikan hidup. Dengan perkembangan sains dan teknologi pada masa yang akan datang, tidak mungkinkah cita-cita itu tercapai? Ataukah mungkin ada planet, di mana manusia dapat hidup kekal? Tentang cita-cita yang bersifat khayal itu, al-Qur'an telah memastikan kegagalannya. Sains dan teknologi tidak mungkin dapat menahan manusia daripada kematian:

أَيْنَمَا تَكُونُوا يُدْرِككُّمُ ٱلْمَوْتُ وَلَوْ كُنتُمْ فِى بُرُوجٍ مُّشَيَّدَةٍ

Terjemahan: Di mana jua kamu berada, maut akan mendapatkan kamu (bila sampai ajal), sekali pun kamu berada dalam benteng-benteng yang tinggi lagi kukuh.

(*Al-Nisa', 4:78*)

Jadi janganlah manusia berkhayal, bahawa suatu ketika akalnya akan berhasil mengubah ajal kehidupan manusia, kerana kematian telah dipastikan oleh Pencipta hidup:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ

Terjemahan: Tiap diri akan merasakan kematian ....

(*Ali Imran, 3:185*)

Kita dapat mengkaji sebab atau alasan kematian sepanjang penyelidikan sains atau pemikiran falsafah. Sebab dan alasan itu dapat memuaskan fikiran yang bidangnya ialah alam material. Sebab dan alasan jasmaniah itu, yang dapat disentuh oleh panca-indera, adalah sebab dan alasan yang kedua. Sebab dan alasan pertama dan pasti ialah ketentuan Allah mencabut roh daripada tubuh badan:

قُل لَّكُم مِّيعَادُ يَوْمٍ لَّاتَسْتَـْٔخِرُونَ عَنْهُ سَاعَةً وَلَاتَسْتَقْدِمُونَ

Terjemahan: Jawablah (wahai Muhammad). Untuk kamu disediakan satu hari yang kamu tidak dapat melambatkan-nya sesaat pun dan pula kamu tidak dapat menyegerakan-nya.

(*Saba', 34:30*)

Ketika sudah ajal, berpisahlah roh daripada badan. Roh yang berasal dari Allah kembali kepada Allah, badan yang berasal dari (bahan-bahan) bumi kembali kepada bumi, dikuburkan di dalam perutnya:

ٱللَّهُ يَتَوَفَّى ٱلْأَنفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَٱلَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا فَيُمْسِكُ ٱلَّتِي
قَضَىٰ عَلَيْهَا ٱلْمَوْتَ وَيُرْسِلُ ٱلْأُخْرَىٰٓ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى

Terjemahan: Allah (yang menguasai segala-galanya). Dia mengambil dan memisahkan satu-satu jiwa dari badannya — jiwa orang-orang yang sampai ajalnya semasa matinya, dan jiwa orang yang tidak mati dalam masa tidurnya, kemudian Dia menahan jiwa orang yang ditetapkan-Nya matinya dan melepaskan balik jiwa yang lain (kebadannya) sehingga sampai ajalnya yang ditentukan.

(*Al-Zumar, 39:42*)

خَلَقَهُ فَقَدَّرَهُ ثُمَّ أَمَاتَهُ فَأَقْبَرَهُ

Terjemahan: ... Allah menciptanya lalu menentukannya ... Kemudian Dia mematikannya dan memasukkannya ke dalam kuburan.

('Abasa, 80:19-21)

Dalam kuburan itu jasad lebur menjadi tanah, sedangkan roh menunggu hari qiamat, ketika ia dibangkitkan kembali. Alam kubur disebut juga alam barzakh, yakni alam peralihan yang memisahkan antara masa dunia dan masa akhirat. (Lihat al- surah Mu'minun, ayat 100).

Dengan demikian kewujudkan manusia mengalami tiga masa:

1. Alam dunia, ketika roh dan badan berjalin membentuk kesatuan, mengalami kehidupan jasmaniah dan rohaniah, jasad sebagai alat roh dalam kehidupan di dalam alam material.
2. Melalui pintu mati manusia memasuki alam barzakh, masa ia mengalami kehidupan rohaniah sahaja, kerana jasadnya lebur menjadi tanah.
3. Melalui kiamat, manusia dibangkitkan dengan diberikan oleh Allah kepada roh itu rangka jasad semula.

Alam dunia dipersiapkan dalam rahim ibu dan dimulai dengan kelahiran. Alam *barzakh* dimulai dengan mati. Alam akhirat dimulai dengan qiamat, ketika manusia dibangkitkan dari mati. Dari ketiga alam itu yang dapat dikaji oleh sains hanya alam dunia yang material, tidak pula seluruh kehidupan manusia dapat dikaji oleh sains. Segi materialnya dapat dikuasai oleh sains, tetapi segi rohaniahnya sedikit sekali yang dapat diselidikinya, bahagian besarnya tetap ghaib baginya. Alam kedua dan ketiga tidak terjangkau oleh sains sama sekali. Alam *ghaib hakiki* itu dicuba oleh falsafah mentafsirkannya untuk dapat difahami, tetapi yang diteorikan falsafah itu hanyalah sekadar teori, bukan kepastian, juga bukan kebenaran yang sebenar.

Oleh itu kebanyakan manusia meragui alam ghaib itu. Mereka yang mengira bahawa hanya akallah yang dapat menemukan kebenaran, selanjutnya bahawa hanya akallah jadi sumber pengetahuan, sudah pasti menafikan alam ghaib.

Akal yang ingkar itu tidak dapat memikir dan menggambarkan bagaimana manusia yang sudah mati itu dapat dibangkitkan kembali dan melanjutkan kehidupannya yang kedua di akhirat? Terhadap akal inilah al-Qur'an menunjukkan peringatannya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِن كُنتُمْ فِى رَيْبٍ مِّنَ ٱلْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَٰكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِن مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ ۚ وَنُقِرُّ فِى ٱلْأَرْحَامِ مَا نَشَآءُ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوٓا۟ أَشُدَّكُمْ ۖ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ وَمِنكُم مَّن يُرَدُّ إِلَىٰٓ أَرْذَلِ ٱلْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِنۢ بَعْدِ عِلْمٍ شَيْـًٔا ۚ

Terjemahan: Wahai umat manusia! sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari qiamat), maka (perhatikanlah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah mencipta kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami), dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya, kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak, kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa, dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu.

(*Al-Hajj, 22:5*)

Apabila manusia betul-betul berfikir rasional dan mematuhi undang-undang lojik, perbandingan yang dibentangkan oleh al-Qur'an itu cukup menimbulkan keyakinan pada fikiran untuk mempercayai hari kebangkitan sebagai awal akhirat. Kalaulah "manusia yang telah mati dihidupkan oleh Allah kembali" itu dirasakan aneh, apakah proses kejadian manusia itu sendiri juga tidak aneh? Apakah jenis tanah (benda mati) menjadi jenis air yang mengandung benda hidup itu, suatu yang tidak aneh? Demikianlah seterusnya setitis air mani menjadi segumpal darah, segumpal darah menjadi segumpal daging yang bersifat haiwani, tingkat haiwani ini dalam rahim lahir sebagai bayi yang bersifat insani? Kalau "menghidupkan yang mati" merupakan suatu keanehan, maka proses kejadian manusia bukan hanya satu keanehan, tetapi mengandung seribu macam keanehan. Bukankah suatu keanehan, apabila tanah yang "mati" menjadi hidup setelah disiram air? Air yang hanya terdiri atas H_2O, bagaimana ia dapat meberikan kepada tanah bermacam tumbuhan yang permai?

Pemikiran yang sihat akan mengakui, bahawa keajaiban yang terjadi ketika kiamat itu sama sahaja dengan keajaiban yang berlangsung di hadapan mata kita. Perbezaannya hanyalah bahawa proses kejadian manusia yang dikaji dan ditemukan oleh sains dan timbulnya tumbuhan setelah hujan merupakan pengalaman yang biasa, maka dengan itu kedua kejadian itu dirasakan tidak aneh. Tetapi kebangkitan semula tidak pernah dialami oleh manusia yang hidup dan hanya akan terjadi pada masa yang tidak dapat diketahui oleh manusia. Oleh kerana itu maka dirasakannya bahawa kejadian itu sangat aneh. Apabila kita berfikir dengan jujur, mahu tidak mahu kita terpaksa mengakui, bahawa kita berfikir tidak sihat dan tidak lojik, apabila kita membezakan nilai dua keanehan yang sama, dengan mengatakan yang satu aneh sedangkan yang lain tidak aneh.

Yang menghidupkan tanah yang mati bukanlah alam, demikian pula menghidupkan manusia yang mati:

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنَّكَ تَرَى ٱلْأَرْضَ خَٰشِعَةً فَإِذَآ أَنزَلْنَا عَلَيْهَا ٱلْمَآءَ ٱهْتَزَّتْ
وَرَبَتْ ۚ إِنَّ ٱلَّذِىٓ أَحْيَاهَا لَمُحْىِ ٱلْمَوْتَىٰٓ ۚ إِنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda Kekuasaan-Nya, engkau melihat bumi kosong sepi (dalam keadaan kering dan tandus), maka apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya serta suburlah tanamannya. Sesungguhnya Allah yang menghidupkannya sudah tentu berkuasa menghidupkan makhluk-makhluk yang telah mati; sesungguhnya Ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(*Fussilat, 41:39*)

Kesangsian atau keingkaran manusia tentang hari kebangkitan sebagai awal kehidupan akhirat itu dapat dilenyapkan dengan kepercayaan akan kekuasaan Allah:

أَلَيْسَ ذَٰلِكَ بِقَٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن يُحْـِۧىَ ٱلْمَوْتَىٰ

Terjemahan: Tidakkah Tuhan yang begitu (besar kekuasaan-Nya), kuasa pula menghidupkan orang-orang yang telah mati.

(*Al-Qiyamah, 75:40*)

Setelah manusia dibangkitkan, dihadapkan mereka kehadapan mahkamah Allah untuk menentukan kedudukan tiap peribadi di alam akhirat:

ٱلْيَوْمَ تُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ لَا ظُلْمَ ٱلْيَوْمَ إِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ

Terjemahan: Pada hari ini, tiap-tiap diri dibalas dengan apa yang telah diusahakannya, tidak ada hukuman yang tidak adil pada hari ini. Sesungguhnya Allah amat cepat hitungan hisab-Nya.

(*Al-Mu'minun, 23:17*)

Amalan dan Balasan

Amalan atau nilai peri laku atau perbuatan manusia semasa di dunialah yang akan menentukan kedudukannya di akhirat. Dalam kehidupan dunia manusia itu dalam garis besarnya terbagi dua:

1. Mereka yang baik, kerana beriman dan beramal salih.
2. Mereka yang tidak baik atau jahat, kerana kafir dan beramal salah.

Baik yang diperbuat, baik pula balasannya. Buruk yang dilakukan, buruk pula balasannya. Ini adalah sunnah Allah, yang selalu berlangsung dalam kehidupan dunia. Undang-undang seluruh kewujudan manusia. Apabila seseorang berlaku dan berbuat baik dalam kehidupan dunianya, ia akan memperoleh kebaikan dalam kehidupan akhiratnya sebagai balasan. Demikian pula yang berbuat tidak baik atau jahat dalam kehidupan dunianya, maka keburukan juga yang akan diterima sebagai balasannya.

Nilai balasan baik di akhirat ialah dengan penempatan di dalam *Jannah*. Nilai balasan buruk ialah dengan penempatan di dalam *Nar*. *Jannah* itu diterjemahkan oleh bahasa Sanskrit dengan *Syurga*, sedangkan *Nar* atau *Jahannam* diertikan dengan Neraka. *Jannah* melambangkan kehidupan bahagia dan sejahtera (salam), penuh dengan keselamatan dan kesenangan. *Nar* melambangkan kehidupan yang penuh dengan penderitaan dan kehinaan.

Kalau kehidupan dunia manusia diakhiri oleh mati, yang kemudian disambung dalam kehidupan alam *barzakh*, maka setelah manusia dibangkitkan ia memasuki alam akhirat. Kehidupan yang akhir ini tidak terbatas oleh waktu. Di dunia manusia mengalami kehidupan sementara, di akhirat ia menjalani kehidupan yang kekal abadi.

Kekekalan kehidupan di akhirat sukar dapat dihayati oleh manusia dalam kehidupan dunianya, kerana selama hidup di dunia, selalu manusia mengalami pembatasan-pembatasan waktu. Lamanya hari terbatas, demikian pula lamanya bulan dan tahun. Lama masa perkara-perkara yang mengisi kehidupan kita terbatas, lamanya masa sakit dan senang adalah terbatas. Lama masa kanak-kanak terbatas, demikian juga lama masa dewasa dan tua. Akhir-

nya lama hidup itu sendiri terbatas, yakni dihadkan oleh maut. Tetapi kehidupan di akhirat tidak berbatas oleh waktu. Masa itu berjalan terus menerus tanpa hujung.

Dalam kajian ruang angkasa luar diketahui oleh sains sekarang bahawa jagat raya ini tidak ada batasnya. Kalau roket dilontarkan dari bumi, masuk ke dalam ruang angkasa luar menuju suatu arah, roket itu boleh terbang terus-menerus tidak henti-hentinya, namun tidak akan sampai kepada suatu batas tempat. Kalau sains mempercayai bahawa jagat raya kita ini tidak ada batas ruang, maka agama mempercayai bahawa akhirat itu tidak ada batas waktu. Yang pertama akal yang mengucapkan, sementara yang kedua wahyu yang mengatakan.

Demikianlah akhir manusia, melalui gerbang maut ia melanjutkan kewujudkan secara berkekalan di akhirat. Sejahtera atau celakanya ia nanti di sana, ditentukan oleh kehidupannya kini di dunia ini.

Berakhirlah perbincangan kita tentang manusia yang cukup panjang. Perbincangan tentang makhluk lain dapat dibatasi tetapi tidak tentang manusia. Selama manusia itu hidup, dan akalnya bekerja, maka selama itu pula kebudayaannya berkembang. Oleh kerana perkembangan itu belum mencapai batasnya, maka perbincangan tentang manusia pula belum menampakkan batas. Namun demikian huraian yang dibentangkan dalam bab ini telah mencakup hakikat manusia dan dasar-dasar kemanusiaan. Eloklah kita simpulkan huraian yang panjang itu untuk membentuk gamgaran yang terang tentang manusia dalam pemikiran kita:

1. Poyang umat manusia ialah Adam yang diciptakan oleh Allah dari tanah. Kejadian manusia sebagai individu, berasal dari bahan-bahan bumi, juga melalui proses biologi pada orang tuanya. Dalam rahim ibu berlangsung pembentukan jasad melalui janin. Ke dalam jasad itu dihembuskan oleh Allah roh, maka lahirlah janin itu sebagai bayi. Jelaslah bahawa manusia itu terdiri atas dua unsur asal: benda dan roh.
2. Di alam nyata ini terdapat empat peringkat makhluk: peringkat benda mati, peringkat tumbuhan, peringkat yang lebih tinggi: haiwan, dan peringkat makhluk berma-

syarakat dan rohani. Roh yang jadi hakikat manusia menempatkannya pada peringkat yang tertinggi.

3. Dapat ditafsirkan bahawa akal merupakan fungsi roh. Akal adalah perkaitan antara otak dan kalbu. Otak dipergunakan sebagai alat tubuh untuk berfikir, dan kalbu dipergunakan sebagai alat tubuh juga untuk menghayati. Tingkat akal menentukan tingkat manusia. Apabila fikiran diisi oleh ilmu pengetahuan, seseorang meningkat jadi intelek. Seorang intelek belum tentu jadi orang berakhlak, kalau kalbunya tidak diisi oleh penghayatan moral. Kalau ke dalam kalbu ditanamkan penghayatan etika, seseorang menjadi orang berakhlak, tetapi ia belum tentu jadi orang intelek, kalau ke dalam fikirannya tidak ditanamkan ilmu pengetahuan.

   Sasaran fikiran ialah alam nyata, sasaran kalbu alam ghaib. Fikiran jadi mekanik sains, sedangkan kalbu mekanik agama. Makhluk halus malaikat dan syaitan sama-sama menyampaikan bisikannya ke dalam kalbu manusia. Kalau kalbu kosong daripada agama, syaitan akan lebih didengar daripada bisikan malaikat, fikiran dengan ilmu agamanya dapat mengawal gerak kalbu, sebagai kesan dari bisikan-bisikan halus itu, apakah gerak kalbu itu ditimbulkan oleh malaikat atau syaitan. Dengan ilmu pengetahuan yang dimiliki fikiran dan teknologi yang dimiliki tangan, gerak kalbu itu dapat wujud menjadi kenyataan, baik gerak itu ditimbulkan oleh bisikan malaikat atau syaitan.

   Dengan akalnya manusia manjadi bebas dari ikatan tempat dan waktu. Akal menimbulkan kemahuan bebas. Manusia bebas berbuat baik, tetapi juga bebas berbuat jahat. Amal baik membina salam bagi manusia dan lingkungannya. Amal jahat menimbulkan penderitaan bagi manusia dan kerosakan persekitarannya. Dengan demikian akal memiliki dua sifat yang berlawanan, kuat dan lemah. Dengan akalnya manusia dapat menjadi mulia setingkat malaikat, tetapi dengan akal itu juga manusia dapat jatuh hina setingkat syaitan.

4. Allah mencipta manusia supaya manusia memperhambakan diri kepada-Nya. Akal yang dimiliki manusia mungkin membawa dia kepada jalan ibadat kepada Allah mungkin pula kepada jalan khianat. Untuk menuntun, memberi petunjuk dan memberi peringatan kepada manusia, bahawa ia dicipta untuk memperhamba diri, Allah menurunkan wahyu-wahyu-Nya dan mengangkat utusan-Nya untuk menyampaikan wahyu itu dan mengajarkan keterangan, tafsiran dan teladan bagaimana mewujudkan wahyu. Nas wahyu dan ajaran Rasulullah itu disebut *naqal.*

   Dengan mengasaskan akalnya pada naqal, manusia mentaati maksud ia dicipta, yakni memperhamba diri kepada khaliqnya.

   Asas perhambaan diri ialah selalu menjalankan hubungan dengan Allah. Tata hubungan dengan Allah itulah yang disebut agama.

5. Maksud Khaliq menciptakan manusia ialah supaya manusia memperhambakan diri kepada Penciptanya, sedangkan tujuan Allah mengirimnya ke alam dunia untuk dijadikan Khalifah-Nya di bumi iaitu untuk membangun tamadun dunia di atas asas dan lunas yang diredai oleh Maha Pencipta manusia dan alam semesta.

6. Hujung kehidupan manusia ialah maut. Dengan dicabutnya roh dari badan oleh Malaikat maut menurut ketentuan Allah terjadilah kematian. Dengan maut dunia ditinggalkan, alam barzakh dimasuki, tempat roh menunggu hari kiamat, ketika ia dibangkitkan untuk menghadapi hisab di Padang Mahsyar. Berdasarkan iman atau kufurnya, amal salih dan amal salah yang dilakukannya dalam kehidupannya sebagai khalifah dan sebagai hamba Allah, ditentukan nasib manusia di akhirat. Yang taat kepada Allah masuk *Jannah,* yang ingkar masuk *Nar.* Di akhirat itu manusia hidup berkekalan. Akhirat itu kerajaan mutlak Allah.

   Hubungan dunia, akhirat, dan manusia ialah: dunia dicipta Allah untuk manusia, tetapi manusia diciptakan Allah untuk akhirat.

7. Sebagai hamba manusia menjalankan agama, sebagai khalifah ia menjalankan kebudayaan. Akan tetapi semakin mampu manusia membina kehidupannya, semakin berkuasanya ia di bumi (bahkan sekarang menyebarkan kekuasaannya ke luar bumi), makin modennya kebudayaannya, makin melonjak tingginya sains dan teknologinya, timbul kesangsian akan keperluan agama bagi manusia. Apakah betul manusia perlu akan agama?

Manusia dan agama, inilah pusat perbincangan buku ini sebagai bahagian daripada manusia dan Islam. Setelah selesai kita memperbincangkan tentang manusia, beralih kita kepada pembahasan tentang agama, yang menjadi tajuk bab berikut.

XI

AGAMA: MANUSIA DAN AGAMA

Perlukah Manusia Beragama?

Pertanyaan sebagai tajuk fasal ini tidak timbul dalam masyarakat lama. Dalam masyarakat itu,—terutama dalam masyarakat primitif – tidak terfikirkan oleh orang untuk sangsi akan keperluan agama. Mereka tidak mungkin percaya kalau dikatakan, bahawa ada orang yang tidak memerlukan agama, apa lagi menolak agama.

Pengetahuan masyarakat lama amatlah dangkal. Sumber pengetahuan hanyalah pengalaman yang dihasilkan pancaindera. Fikiran masih dalam peringkat pertumbuhan, kehidupan statik, penemuan-penemuan baru hampir tidak ada. Masyarakat bersifat menolak terhadap perkara baru, kerana dapat menjejaskan adat resam yang dikawal rapi dari generasi ke generasi. Oleh kerana kehidupan masyarakat terpencil, maka ini tidak dimasuki oleh pengaruh lain melalui penyebaran unsur kebudayaan atau pencampuran kebudayaan. Apabila unsur-unsur asing telah masuk ke dalam masyarakat, maka akan terjadi perubahan. Ini tidak dikehendaki oleh adat, yang merupakan perlembagaan hukum masyarakat.

Oleh kerana pengetahuan yang amat dangkal itu, banyak sekali peristiwa yang berlangsung di alam sekitar dan dalam diri manusia sendiri tidak difahaminya. Mana yang tidak difahami itu dimasukkannya ke dalam alam ghaib. Maka kehidupan dirasakan penuh diliputi oleh yang ghaib. Mereka merasa lemah menghadapi perkara-perkara ghaib. Dalam kelemahannya itu mereka mencari

pelarian kepada tenaga yang menguasai perkara-perkara itu, iaitu dewa-dewa. Mereka percayai, mereka sembah, mereka puja, dikuasainya. Oleh kerana banyak perkara dalam kehidupan tidak dikuasai, ghaib bagi mereka, maka hubungan dengan dewa-dewa dalam kehidupan amatlah akrabnya. Hubungan itu dilakukan dalam perkara-perkara sosial, ekonomi, pentadbiran masyarakat, kesenian, kerja, pendidikan dan lain-lain. Kepercayaan dan sistem hubungan dengan dewa-dewa itu membentuk agama. Demikian akrabnya hubungan manusia dengan dewa-dewa menyebabkan agama tidak mungkin dipisahkan dari kehidupan sehari-hari.

Dalam masyarakat moden, kita menghadapi suasana yang lain sama sekali. Dalam kehidupan modenlah timbul pertanyaan: Perlukah manusia beragama? Bahkan ada golongan yang lantang menjawab, bahawa agama itu tidak diperlukan lagi. Menurut mereka, apa-apa yang dihasrati oleh manusia dari agama selama ini dalam dunia moden telah pun dapat dipenuhi oleh sains dan teknologi. Untuk apa lagi agama?

Dahulu kalau hendak kaya orang bermohon kepada Allah. Sekarang orang bermohon kepada sains ekonomi. Tadahkanlah tangan kepada Allah, tangan itu akan tetap kosong, tetapi mintalah kepada sains ekonomi, maka melalui pertanian, penggalian, kilang, perdagangan ia akan memberikan kekayaan itu. Dahulu kalau sakit orang bermohon kepada Allah. Sekarang orang bermohon kepada doktor. Bermohon kepada Allah, hanya memberikan orang kesabaran dan ketawakkalan menyongsong maut mendatang, tetapi dengan sains perubatan, si sakit dapat disembuhkan. Kalau hujan turun terus menerus, orang dahulu bermohon kepada Allah, agar banjir jangan menenggelamkan mereka, menghanyutkan rumah dan merosakan harta benda. Namun banjir itu datang juga membawa kehancuran, tetapi mintalah kepada kejuruteraan, maka teknologi menggali terusan, membuat empangan, memindahkan penduduk dan harta bendanya, hingga banjir tidak timbul atau tidak mendatangkan kerosakan. Perbandingan perkara-perkara tersebut menimbulkan kesangsian dalam kalbu orang moden tentang keperluan agama.

Apa lagi kalau diperhatikan perbezaan yang menyolok yang mungkin didapati antara keadaan sebahagian orang beragama

dengan sebahagian yang kurang atau tidak beragama, terutama di bandar-bandar besar. Ada orang yang kuat beragama, tetapi kehidupannya susah, ekonominya miskin, dalam sosial diketepikan, dalam politik lemah. Ada orang yang mengabaikan agama tapi kehidupannya makmur, dan mendapat kedudukan. Bahkan ada pula orang yang tidak beragama, malahan menentang agama kehidupannya jaya. Untuk apa agama?

Ada orang yang rajin berdoa, tetapi apa yang dimohonkannya tidak terkabul. Ada pula orang tidak pernah berdoa, tetapi apa yang dikehendakinya terkabul. Mahu tidak mahu terulang pertanyaan di atas dalam hati orang yang memperhatikan perkara tersebut, untuk apa agama? Seorang mahasiswa menghadapi peperiksaan. Ketika itu ia rajin sembahyang dan berdoa agar dapat lulus, tetapi ia kurang menghafal. Hasilnya ia tidak lulus, sedangkan temannya yang tidak sembahyang dan tidak berdoa, tapi rajin belajar, lulus dalam peperiksaan itu.

Dua orang memohon suatu kerja yang masih belum terisi. Yang pertama orang Islam yang taat beragama, yang kedua orang kafir yang lebih tinggi kelulusan sekolahnya. Pekerjaan itu jatuh kepada si kafir. Apa kesan agama?

Ada seseorang yang taat menjalankan sembahyang. Suatu hari ia pergi ke suatu bandar, membawa wang banyak dalam begnya untuk berniaga. Sampai di bandar itu, masa zuhur akan habis. Dia mencari hotel, dengan terburu-buru ia masuk ke dalam bilik air untuk mengambil wudu'. Setelah sembahyang, didapati begnya hilang. Rupanya kerana mengejar waktu, ia lupa mengunci pintu biliknya. Ketika berada di bilik air, ada orang yang masuk, mencuri begnya. Orang yang kehilangan ini termenung. Bukankah tindakannya yang buru-buru tadi adalah kerana taatnya ia menyembah Allah? Kenapa ia masih dirugikan Allah? Teman-temannya yang tidak sembahyang tidak mendapat musibah seperti yang dialaminya. Kalaulah ia tidak taat sembahyang, kehilangan itu tidak terjadi. Untuk apa agama?

Ada lagi seseorang berpenyakit lelah, duduk di rumah kampung. Pada suatu malam timbul hasratnya sembahyang malam, Ketika itu hujan gerimis. Malam dan hujan gerimis merupakan pantang bagi penyakitnya, tetapi kerana keinginannya kuat untuk

beribadat, ia keluar rumah juga, pergi ke sumur mengambil wudu'. Dengan penuh pengabdian dia sembahyang. Setelah sembahyang serangan lelah datang dengan dahsyatnya. Berbulan-bulan baru penyakitnya itu dapat diatasi. Dalam diri orang yang taat itu, timbul pula pertanyaan: untuk apa agama?

Orang yang mencari wang tanpa mengindahkan nilai-nilai moral yang diajarkan oleh agama, lebih banyak berjaya daripada orang yang mencari wang dengan mematuhi larangan-larangan agama. Demikian pula orang yang tidak memantangkan apa-apa yang diharamkan agama lebih berhasil atau lebih banyak mencapai kepuasan hidup daripada orang yang mengawal dirinya dengan apa-apa yang dilarang agama. Kenapa negara-negara sekular lebih makmur dan maju daripada negara-negara Islam?

Demikian sebahagian misal dalam kehidupan yang disebut kehidupan moden itu yang menimbulkan pertanyaan dalam hati orang-orang moden: untuk apa agama itu sebenarnya?

Apabila timbul pertanyaan itu dalam hati, bermakna orang itu sampai kepada peringkat menyangsikan agama. Apabila pertanyaan tersebut tidak mendapat jawapan yang memuaskan fikiran orang moden, maka agama telah diabaikan. Pengabaian agama berkembang dengan mengenepikan agama, seterusnya meninggalkannya. Dalam peringkat ini orang mengutamakan kehidupan dunia, kehidupan sekular yang menjadikan dia sekularisme. Peringkat ini terus berkembang kepada pengingkaran agama yang menjadikan dia seorang ateis.

Pertanyaan: Apakah manusia perlu atau tidak kepada agama? Adalah merupakan suatu pertanyaan yang sulit sekiranya jawapan yang dikehendaki supaya termakan oleh fikiran yang rasional dan ilmiah. Akan tetapi bukan tidak mungkin menyusun jawapan demikian. Untuk itu kita perlu bertolak dari hakikat manusia.

Hakikat Manusia dan Hubungannya dengan Agama.

Dalam Bab lalu yang kita kaji hakikat manusia. Mari kita bahas beberapa segi hakikat itu dengan mencari ada tidaknya kaitannya dengan agama.

Suatu ketika manusia lahir, setelah itu ketika lain dia mati. Antara lahir dan mati, terentang masa yang diistilahkan dengan

dunia. Setelah mati, sampai waktu yang tidak terbatas terentang masa yang ghaib, —kerana tidak dapat disentuh pancaindera— yang disebut akhirat. Jadi dunia: masa awal dan akhirat: masa akhir bagi manusia.

Dengan kelahirannya manusia membawa naluri-naluri yang asasi. Psikologi tidak suka lagi sekarang memakai istilah naluri, orang lebih suka memakai istilah *need,* keperluan. Namun demikian dalam perbincangan ini naluri (kemahuan tidak sedar) masih sahaja lebih tepat rasanya untuk dipakai. Naluri asas itu terdiri atas dua lapisan:

1. Ingin selamat.
2. Ingin senang dalam pengertian nikmat suka, puas, gembira.

Senang ialah perasaan yang kita hayati kalau kita merasakan sesuatu keindahan, merasakan keseronokan, menyedapkan hati, perasaan yang kita hayati kalau kita mendapatkan keuntungan, apabila urusan kita berhasil dengan memuaskan. Oleh kerana naluri selamat dan senang berulang kali terpakai dalam pembahasan, baiklah kita pendekkan keduanya itu dengan SS sahaja.

Teori evolusi beranggapan, bahawa dalam diri makhluk hidup ada naluri-naluri yang disebut perjuangan hidup, perjuangan mempertahankan eksistensi atau kewujudan dirinya. Makhluk yang dapat menyesuaikan diri akan dapat bertahan hidup. Ketiga dalil teori evolusi itu dapat dikaitkan pendasarannya pada naluri SS. Naluri untuk keselamatan menggerakkan perjuangan hidup dan mempertahankan eksistensi. Naluri kesenangan menggerakkan penyelarasan atau penyesuaian dengan persekitaran hingga tercapai kesenangan.

Naluri ingin selamat senantiasa timbul terhadap segala sesuatu yang merugikan hidup dan atau merosak diri. Yang paling merugikan hidup dan yang paling merosak diri ialah mati. Oleh kerana itu naluri tersebut selalu menggerakkan manusia melakukan bermacam usaha untuk lari dari kematian. Usaha-usaha ini yang bersumber dari naluri ingin selamat itu diberitakan oleh al-Qur'an:

قُلْ إِنَّ ٱلْمَوْتَ ٱلَّذِى تَفِرُّونَ مِنْهُ فَإِنَّهُۥ مُلَٰقِيكُمْ

Terjemahan: Katakanlah, sebenarnya maut yang kamu melarikan diri daripadanya itu, tetaplah ia akan menemui kamu.

(*Al-Jumu'ah, 62:8*)

Surah al-Dahr, ayat 27 memberitakan tentang manusia yang mencintai kehidupan dunia:

إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ يُحِبُّونَ ٱلْعَاجِلَةَ وَيَذَرُونَ وَرَآءَهُمْ يَوْمًا ثَقِيلًا

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang (yang menentangmu) itu sentiasa mencintai (kesenangan dan kemewahan dunia) yang cepat habisnya, serta mereka membelakangkan (tidak menghiraukan bekalan) untuk hari akhirat yang amat berat (penderitaannya kepada orang-orang yang tidak bertaqwa).

Naluri SS yang bersifat semula jadi bagi manusia sudah menyatakan diri semenjak manusia lahir, iaitu ketika masih bayi. Perhatikanlah tindak-laku bayi. Apabila keselamatannya terancam, misalnya tersepit, lapar, atau sesuatu yang mengganggu kesihatannya, ia menangis. Dengan tangis itu seolah-oleh ia mengadu kepada ibunya, agar dia menghindarkan ancaman itu. Kalau kesenangannya terganggu misalnya basah, mengantuk, badannya tidak sedap, digigit nyamuk, kembali ia menangis, supaya ibunya datang menyingkirkan gangguan itu. Sebaliknya ketawa dia, kalau SSnya terwujud. Menangis dia, manakala SSnya terganggu atau terancam.

Apabila bayi itu sudah menjadi kanak-kanak ia disekolahkan. Orang tuanya membanting tulang untuk dapat membiayai pendidikannya. Selesai sekolah rendah orang tuanya menghantarkannya ke sekolah menengah. Baru puas hati si orang tua kalau anaknya berhasil menggondol ijazah universiti. Untuk apa orang tua bersusah-payah menyekolahkan anaknya? Dengan ilmu yang diperolehnya dan ijazah yang dimilikinya, anak itu akan memperoleh

kerja. Untuk apa kerja? Kerja menghasilkan wang. Untuk apa wang? Dengan wang kita dapat temukan naluri ingin senang.

Si pemuda tidak hanya sekadar ingin berhubung mesra dengan pemudi dan sebaliknya. Si pemuda ingin mengahwini kekasihnya. Si pemudi ingin membina rumahtangga dengan pujaannya. Hubungan kelamin memberikan kesenangan. Tujuannya untuk memperolehi keturunan. Apakah yang menggerakkan suami atau isteri menghendaki zuriat? Manusia mengingini keselamatan jenisnya. Manusia sebagai individu suatu ketika akan mati. Akan tetapi dengan menurunkan zuriat manusia sebagai umat akan selamat, kerana eksistensi berlanjutan terus. Kembali kita temukan bahawa perjalanan hidup manusia sebagai individu, sebagai suami-isteri dan sebagai umat digerakkan oleh naluri SS.

Kita semua mengenal takut. Tidak ada orang yang tidak merasa takut, hanya sahaja yang ditakuti itu dapat berbeza-beza. Sesuatu yang ditakuti oleh seseorang, mungkin tidak ditakuti oleh seseorang lain, kerana yang ini lain pula yang ditakutinya. Ada yang takutkan sakit, takut kehilangan kekasih, takut rumahnya terbakar, takut menganggur, takut dibuang kerja, takut kehilangan wang, takut kehilangan pangkat, takut perang, takut dihukum, takut dikritik masyarakat, takut ini, takut itu. Kenapa seseorang menjadi takut? Takut sakit, kerana kesihatannya terancam. Takut rumah terbakar, kerana kesenangannya akan terjejas. Takut dibuang kerja, kerana penghasilannya akan hilang; tanpa wang ia tidak dapat membeli keselamatan dan kesenangan. Takut perang, kerana perang mengancam keselamatan. Takut dimasukkan penjara, kerana kesenangannya akan lenyap. Dengan demikian takut adalah tindak balas dari naluri SS yang terancam.

Demikian pula dengan sakit. Kita semua pernah sakit dan pasti akan merasakan sakit. Sakit pun dapat dicari sebabnya pada naluri SS. Penyakit denggi mengancam keselamatan, kerana ia dapat membawa orang ke liang kubur. Sakit gigi tidak akan membunuh manusia, tetapi ia melenyapkan kesenangan. Kerja tidak enak, maka makan tidak enak, mendengar suara tidak enak. Kesenangan lenyap kerana sakit.

Di samping kita tidak suka kepada sakit, sewajarnya pula kita perlu bersyukur kepadanya. Kalaulah tidak ada rasa sakit, maka

keselamatan dan kesenangan akan lenyap tanpa dapat ditolong. Anak kecil yang tertarik akan warna api yang cantik, akan memungut bara api yang menyala itu untuk dipermainkannya ditangannya. Kalaulah ia tidak merasa sakit, tangannya akan terbakar, dan budak itu akan kehilangan tangan. Untunglah ada rasa sakit. Kesakitan itu mencegah dia untuk bermain api. Dengan demikian sakit merupakan tanda bahaya bagi naluri SS, menggerakkan usaha untuk mempertahankan atau mengawal SS.

Cuba teliti motif setiap tindakan dan laku perbuatan manusia. Apabila digali motifnya yang paling asas, akhirnya setiap aktiviti manusia dapat dikembalikan kepada: mengusahakan, mencari, mewujudkan, mempertahankan, menjaga atau merawat keselamatan dan kesenangan. Demikianlah kehidupan tiap individu dan masyarakat diisi oleh tindakan dan laku perbuatan untuk SS, semenjak lahir sampai mati. Maka dapatlah kita berkata, kehidupan dunia diisi oleh aktiviti-aktiviti untuk SS, baik bagi individu sebagai peribadi atau kumpulan individu dalam sebuah masyarakat (keluarga, kerabat, suku, bangsa, umat manusia).

Dalam bab IX telah dibahas bahawa manusia terdiri atas dua unsur asal, iaitu badan yang nyata dan roh yang ghaib. Badan tersusun dari benda, kerana itu pancaindera tidak dapat menyentuh bentuk atau rupanya.

SS yang diingini itu adalah sebenarnya untuk manusia, baik bagi jasadnya yang nyata ataupun bagi rohnya yang ghaib. Jasad mengarah kepada alam dunia yang nyata, sedangkan roh mengarah kepada alam akhirat yang ghaib. Oleh kerana itu reaksi dalam kehidupan dunia yang material ini amat berkesan pada jasmani. Dunia adalah alam tempat manusia berjuang untuk memenuhi SS bagi badan dapat berlangsung sepenuhnya. Sedangkan SS untuk roh baru wujud sepenuhnya di alam akhirat. Oleh kerana dunia memberikan kesan yang lebih tajam kepada badan, daripada kepada roh, tidak hairanlah kalau manusia lebih cenderung memenuhi SS bagi jasmaninya daripada bagi rohaninya. Kelemahan tenaga akal memungkinkan orang tidak hanya sekadar cenderung, tetapi akan hanyut dalam usahanya memenuhi SS hanya bagi badannya, dengan mengabaikan atau melupakan SS bagi rohnya. Hal sedemikian sudah pasti membawa kepada sekularisme. Benda

adalah nyata. Benda diarah oleh kehidupan dunia. Maka perhatian dan usaha manusia lebih banyak tertumpu kepada SS bagi badannya yang nyata daripada bagi rohnya yang ghaib.

Untuk keselamatan badan yang material itu diperlukan benda. Jasad manusia memerlukan:

1. Makanan, untuk mempertahankan keselamatan hidup.
2. Pakaian, melindungi badan dari panas dan dingin dan dari gangguan lain-lain.
3. Perumahan, untuk melepaskan lelah, rehat, berlindung siang hari dari matahari dan gangguan-gangguan lain, malam hari dari dingin dan gelap yang menggelisahkan; jadi pangkalan dari mana ia bertolak menjalankan kerja sehari-hari dan tempat kembali setelah itu.
4. Ubat-ubatan, untuk merawat badan, mengembalikan badan, kalau tidak normal yang disebut sakit, menjadi normal lagi.
5. Pendidikan, untuk mempersiapkan seseorang untuk dapat mengusahakan sendiri keperluan-keperluan benda itu.

Kecukupan kelima faktor itu menurut ukuran masyarakat diistilahkan kemakmuran, dan makna kemakmuran itu sendiri ialah suatu keadaan, yang membolehkan masyarakat dapat memuaskan keperluannya dengan gerak yang meningkat dan cara yang lebih mudah.

Kemakmuran bergantung pada kecukupan pengeluaran, teraturnya penyaluran dan penyebaran, dan pemuasan penggunaan barang-barang keperluan pokok. Aktiviti pengeluaran, penyaluran dan penggunaan dengan segala sesuatu yang berhubungan dengan ketiga faktor itu membentuk kehidupan ekonomi. Kehidupan ekonomi moden berpangkal daripada wang dan berhujung pada wang.

Wang adalah ukuran nilai, alat tukar dan penyimpan nilai. Nilai barang-barang diukur dengan wang. Dengan wang itu pula ia menukar (membeli) barang keperluan. Jual beli berlangsung dengan perantaraan wang. Barang-barang yang tidak tahan lama atau yang terlalu banyak makan tempat disimpan nilainya melalui wang dengan jalan menjualnya. Wang sebagai hasil penjualan disimpan

yang akan digunakan manakala diperlukan untuk membeli barang keperluan. Demikianlah wang mewakili barang-barang keperluan dan lambang benda (barang-barang yang diperlukan). Maka ekonomi moden bergerak di sekitar wang dapat menyelamatkan badannya dan mencapai kesenangan jasmaniah. Kerja, perkhidmatan dan barang diukur dengan wang. Dalam faham sekularisme, orang cenderung mengukur perkara-perkara rohaniah dengan wang. Seorang belia mahu mengahwini seorang janda yang lebih tua daripadanya, kerana janda itu kaya. Seorang perempuan menjual kehormatannya dengan wang. Seseorang mengkhianati amanah kerana wang. Bahkan ada orang yang mengkhianati negara dan bangsanya kerana wang. Malahan lebih dari itu ada gerakan agama yang membeli iman orang yang beragama lain dengan wang, sehingga orang itu meninggalkan agama asalnya dan masuk ke dalam agama yang dipropagandakan. Akhirnya masapun diukur dengan wang. *"Time is money"*, waktu itu wang. Masa dapat diisi dengan penghasilan atau pengeluaran. Pengeluaran itu menghasilkan benda. Benda atau barang-barang itu diwakili oleh wang. Oleh kerana itulah masa dinilai dengan wang.

Dalam kehidupan di bandar semuanya dinilai dengan wang. Benda dijual dan dibeli dengan wang. Wang diidentitikan dengan benda. Oleh kerana benda itu dapat mewujudkan SS jasmaniah, maka ia dicari, diusahakan, dikehendaki, diarah dan dicita-citakan. Terbentuklah pandangan materialisme dalam pengertiannya sehari-hari, iaitu orang menilai perkara kebendaan lebih berharga daripada perkara rohaniah. Wang yang sesungguhnya merupakan alat (ukuran nilai, alat tukar dan penyimpan nilai), dibalikkan oleh pandangan materialisme menjadi tujuan. Bukan wang yang diperalat oleh wang, tapi sebaliknya yang terjadi dalam kehidupan bandar: manusia diperalat oleh wang. Wang merajai kehidupan. Setiap sesuatu berpangkal dari wang dan berhujung pada wang. Orang menjadi mata duitan. Inilah makna materialisme dalam pengertian sehari-hari.

Ekonomi pada hakikatnya adalah jawapan makhluk manusia terhadap kedua naluri asasnya. Ada barang-barang yang berfungsi untuk keselamatan, misalnya makanan dan ubat-ubatan. Ada barang yang berfungsi untuk kesenangan, misalnya makanan yang

sedap, pakaian yang cantik, alat-alat sebaran am dan pesawat udara. Oleh kerana ekonomi berkaitan dengan barang-barang untuk SS, setiap manusia terlibat dengan dia. Oleh kerana itulah ekonomi memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan.

Untuk dapat menjalankan ekonomi sebaik mungkin, diperlukan kerjasama antara individu, yang membentuk sosial atau pergaulan hidup. Kerjasama sehari-hari membentuk hidup bersama. Kelompok yang bekerjasama dan bekerjasama itu membentuk masyarakat. Di samping itu diri manusia mengandung naluri sosial. Jadi bukan keperluan ekonomi sahaja yang mendorong manusia hidup bermasyarakat, tetapi serantau, menjadikan ekonomi sebagai suatu pokoknya yang utama. Memang ada tujuan-tujuan lain, tetapi yang terutama pada hakikatnya adalah ekonomi.

Melalui perkahwinan, kehidupan keluarga dan masyarakat dilanjutkan kewujudan umat manusia. Sebagai individu suatu ketika manusia itu akan mati, tetapi dengan menurunkan zuriat umat manusia berkekalan. Kalau sosial melanjutkan kehidupan manusia, maka ekonomi mempertahankan hidupnya supaya jangan mati.

Ekonomi tidak mungkin tanpa sosial dan aktiviti sosial yang utama adalah ekonomi. Dengan demikian sosio-ekonomi adalah cara manusia menyelamatkan dirinya dan menyenangkan hidupnya. Sosio-ekonomi itu hanya ditemukan pada peringkat manusia.

Untuk mengatur sosio-ekonomi sebaik-baiknya, mewujudkan kemakmuran dalam ekonomi, kesenangan (terutama keadilan) dalam sosial, diperlukan kekuasaan. Kekuasaan itu mengatur sosio-ekonomi sebaik-baiknya menurut konsep dari si pemegang kekuasaan. Membentuk kekuasaan dan mempergunakan kekuasaan itu untuk mengatur sosio-ekonomi, inilah yang merupakan hakikat politik.

Kekuasaan yang memiliki autoriti mengatur itu disebut pemerintah. Pemerintah memerintah untuk mewujudkan kemakmuran dalam ekonomi dan kesejahteraan dalam sosial menurut perlembagaan, yang mengandung konsep kemakmuran dan kesejahteraan yang dikehendaki oleh pemimpin-pemimpin politik dan menggariskan haluan yang perlu ditempuh dalam usaha tersebut. Organisasi sosial yang dibentuk oleh perlembagaan itu disebut negara, terdiri atas tiga unsur yang merupakan kesatuan: rakyat, wilayah dan

pemerintah. Tujuan negara yang dipimpin oleh pemerintah ialah mewujudkan SS bagi rakyat dalam wilayah yang didudukinya. Usaha melaksanakan SS itu melahirkan bermacam institusi, organisasi dan perbadanan dalam negara. Kesemuanya itu diarahkan untuk mencapai matlamat sosio-ekonomi. Dengan demikian jelaslah, bahawa politik pada hakikatnya adalah alat bagi sosio-ekonomi untuk mewujudkan SS bagi rakyat suatu negara.

Kemakmuran dan kesejahteraan bergantung kepada kemampuan pengetahuan dan teknik. Teknik ialah ketukangan atau kerja dengan mempergunakan alat. Makin tinggi tingkat kemakmuran dan kesejahteraan yang hendak dicapai atau dengan kata-kata lain, makin tinggi tingkat SS yang dikehendaki, makin tinggi pula tuntutan terhadap pengetahuan dan teknik. Maka pengetahuan perlu diperkembang menjadi sains dan teknik dengan beralatkan sains fizik, matematik, kimia dan statistik menjadi teknologi.

Sasaran sains ialah alam nyata. Dengan kaedah pemikiran bebas (sistematik dan radikal) dan penyelidikan serta eksperimen, ditemukanlah kebenaran tentang alam nyata itu melalui undang-undangnya. Sains yang bersifat teori itu melahirkan teknik (yang bersifat praktik) untuk mewujudkan teori, konsep dan tujuannya. Dengan demikian sains dan teknologi adalah alat dalam lapangan sosio-ekonomi. Politik pun memanfaatkan sains dan teknologi dalam aktiviti-aktivitinya.

Kalau kecukupan benda telah tercapai, hingga terjamin keselamatan, maka naluri kedua (kesenangan) menggerakkan manusia kepada usaha-usaha untuk memperoleh kenikmatan, keenakan atau keseronokan. Tidak hanya sekadar menutup badan sahaja, tetapi orang ingin pakaian yang halus, warna yang menarik. Orang ingin rumah yang indah, perhiasan yang cantik, kereta yang kemudahannya lebih daripada apa jua yang dimiliki, fesyen yang baru dan sebagainya.

Mengarah kepada kesenangan merupakan gerak asli selera manusia. Di sela-sela kegiatan sosio-ekonomi, politik, sains dan teknik, orang ingin menikmati kesenian. Apakah dia kesenian? Pertanyaan itu dijawab oleh Herbert Read dengan definisi, bahawa seni itu ialah usaha menciptakan bentuk-bentuk yang menyenangkan. Kesenangan ialah perasaan puas yang timbul dalam diri kita,

ketika kita menghayati keindahan, kita berhasil dalam suatu usaha, ketika semuanya berjalan lancar, bila kita beruntung. Karya-karya seni khususnya menimbulkan perasaan demikian. Apabila kita mendengar muzik yang indah, membaca novel yang indah, menonton drama yang indah, kita memperoleh perasaan tersebut. Bentuk-bentuk yang menyenangkan itu memancarkan keindahan. Keindahan itulah yang dicari, diciptakan, dinyatakan dan dihayati oleh kesenian dengan karya-karyanya. Keindahan itu dikandung oleh bentuk-bentuk yang menyenangkan.

Dalam kehidupan sehari-hari manusia terlibat dengan usaha menciptakan bentuk-bentuk yang menyenangkan. Kita berdandan (mengusahakan bentuk yang menyenangkan pada badan), kita mengecat rumah (memberikan kepadanya bentuk warna yang menyenangkan), kita hiasi rumah (memberikan pandangan yang menyenangkan) adalah dalam rangka menjawab naluri ingin senang. Bukan saja rumah yang dicat, tetapi kaum wanita mengecat bibirnya pula. Untuk apa? Memberikan bentuk yang menyenangkan pada wajahnya. Kita ingin makan yang sedap. Makanan yang sedap menimbulkan selera yang menyenangkan. Kita mencari kesempatan untuk rekreasi, kita ingin bertemasya, kita ingin melancung ke negeri asing, untuk menikmati kesenangan. Setiap orang tertarik kepada hiburan dan tontonan, barang-barang yang memberikan kemudahan, cara-cara yang memberi kemudahan adalah untuk kesenangan. Kita cenderung kepada barang-barang mewah, barang yang menarik, yang unik, yang kuriositi, kesemuanya itu digerakkan oleh naluri yang sama.

Dalam pengertian amnya tiap manusia adalah seniman, kerana ia selalu berusaha menciptakan bentuk-bentuk yang menyenangkan yang sentiasa dihasrati dalam kehidupan sehari-hari. Dalam pengertian khasnya—yakni pengertian yang dianut oleh masyarakat—seniman adalah orang yang lebih dan melimpah rasa estetikanya (seni), dan memiliki kemahiran untuk mewujudkan rasa itu dalam salah satu bentuknya, dihayati dengan kesenangan oleh orang-orang lain.

Usaha manusia menciptakan bentuk-bentuk yang menyenangkan adalah jawapan terhadap naluri ingin senang, sedangkan usaha dan kegiatan sosio-ekonomi, politik sains dan teknik adalah jawap-

an terhadap naluri ingin selamat.

Tidak semua dapat dijawab oleh sains. Sains hanya menjawab segala sesuatu yang ada di medan pengalaman. Terhadap perkara yang tidak dapat diselidiki dan atau diujikaji, sains menyerahkannya kepada falsafah untuk mengkaji dan menjawabnya. Falsafah membentuk pengetahuan yang berdasarkan pemikiran dalam rangka menjawab perkara-perkara yang tidak dapat disentuh oleh pancaindera dalam usaha manusia melaksanakan, merawat dan meningkatkan SS. Falsafah membentuk sistem nilai, mempengaruhi alam fikiran dan alam perasaan suatu masyarakat, suatu bangsa atau suatu masa untuk mengarah kepada sistem nilai itu. Sistem nilai itu memberi petunjuk dan mengawal laku-perbuatan untuk mewujudkan SS.

Ekonomi, sosial, politik, sains dan teknik, kesenian dan falsafah diistilahkan dalan antropologi dengan pola kebudayaan sejagat, bidang-bidang kebudayaan yang universal ditemukan dalam tiap kebudayaan. Semuanya itu masuk ke dalam lapangan kebudayaan. Kebudayaan, adalah jawapan manusia terhadap keperluan-keperluan asasnya. Sifat-sifat hakiki kebudayaan itu antara lain.

1. Kebudayaan diperlukan oleh manusia dan diwujudkan laku perbuatannya.
2. Kebudayaan terwujud daripada dan tersalur melalui laku-perbuatan manusia.
3. Kebudayaan meliputi aturan-aturan yang berisikan kewajipan, tindakan yang diterima dan yang ditolak, perbuatan yang dilarang dan yang dibenarkan.

Kalau jawapan naluri SS pada haiwan ditanamkan oleh alam persekitarannya kepada dirinya dan diwariskan dari generasi kepada generasi dalam bentuk yang tidak berubah-ubah, maka naluri SS pada manusia dijawabnya sendiri dengan akalnya. Akal itu membentuk cara berfikir dan cara merasa, yang menyatakan diri dalam seluruh segi kehidupan kelompok manusia yang membentuk masyarakat. Inilah yang dikatakan kebudayaan. Cara berfikir dan cara merasa itu melahirkan cara berlaku dan berbuat dalam ke-

hidupan, yang dapat dipendekkan dengan cara hidup sahaja. Kebudayaan ialah cara hidup, yang mengatur dan mengawal kehidupan manusia di dunia dalam usaha mewujudkan SS.

Demikianlah setiap orang bekerja, berusaha, asyik atau sibuk dalam kebudayaan, yakni dalam kehidupan sehari-harinya, termasuklah bidang sosial, ekonomi, politik, sains dan teknik atau kesenian. Setiap kerja atau aktiviti kita masuk ke dalam salah satu bidang itu dalam rangka usaha kita yang tidak henti-hentinya membina, merawat, mempertahankan atau meningkatkan SS. Kebudayaan ialah pengubahan alam oleh akal dan tangan untuk keselamatan dan kesenangan manusia.

Perkara yang amat besar pengaruhnya dalam kebudayaan adalah ekonomi, kerana ialah yang menjawab secara langsung perkara keselamatan. Jika keselamatan itu wujud atau dapat dipertahankan maka baru timbul perkara kesenangan. Oleh kerana itu ukuran nilai ekonomilah yang menguasai kebudayaan. Ukuran itu adalah wang. Dalam kebudayaan moden wanglah yang merajai kebudayaan. Dengan kata-kata lain wanglah yang merajai kehidupan. Setiap gerak dan semua usaha atau kerja adalah melalui wang dengan mencari dan membayarkannya. Sejak bangun pagi sampai tidur, orang sibuk dengan kerja dalam usaha mewujudkan SS. Dapat juga kita berkata, semenjak bangun dari tidur sampai tidur lagi manusia asyik mencari wang dan mengeluarkannya, yang bertujuan untuk SS.

Jadi untuk keselamatan dan kesenangan kehidupan di dunia, manusia memerlukan kebudayaan. Setiap gerak kebudayaan moden memerlukan wang. Wang itu dapat membeli benda. Hal ini bermakna, untuk kehidupan dunia ini yang diperlukan wang, untuk dapat membeli keselamatan dan kesenangan. Semenjak lahir sampai mati, dari bangun pagi sampai bangun pagi lagi, orang memerlukan wang. Wang adalah nilai benda. Wang adalah lambang keselamatan dan kesenangan.

Dan bagaimana dengan agama? Dijawablah oleh kehidupan bandar besar atau dunia barat yang moden: "Agama tidak diperlukan ..".

Betulkah jawapan itu? Mungkin juga jawapannya itu benar, kalaulah manusia hanya memerlukan SS bagi jasadnya sahaja,

kalaulah manusia hanya mengalami kehidupan dunia ... Tetapi ... masalahnya ialah, manusia itu adalah jasmani dan rohani, dan suatu ketika manusia itu akan mati ...

Setiap manusia akan menemukan akhir hidupnya. Setiap diri akan merasakan kematian (Surah Ali 'Imran, ayat 185). Tidak ada yang dapat mengelak dari sunnah Allah ini. Sains menamakannya hukum alam. Hukum alam berlangsung berkekalan dan pasti. Ia tidak mungkin ditawar, tidak mungkin diubah, tidak mungkin dilawan. Sejarah umat manusia berkisar antara lahir dan mati. Paling tidak sudah sejuta tahun manusia menjalankan sejarahnya di bumi ini. Lembaga Smithsonia di Amerika Syarikat memperkirakan dalam jangka masa itu telah lahir 96,000,000,000 jiwa. Dari jumlah itu yang tinggal sekarang hampir 4,000,000,000. Dan ini pun suatu ketika akan mati, termasuk tuan sendiri.

Jarak antara lahir dan mati individu disebut umur. Berapa panjang umur tuan? Sains yang amat kita sanjung-sanjung itu gagal untuk memastikan umur seseorang. Kenapa? Kerana takdir mati datang dari Allah. Iradat Allah tidak dapat dikira oleh manusia dengan sains dan teknologi. Sains hanya berhasil mengira-ngirakan purata umur seseorang dalam satu-satu masyarakat. Bilangan itu adalah kiraan usia yang mungkin dapat diharapkan. Sudah tentu ini tidak pasti, sebab dalam kenyataan banyak yang meninggal sebelum atau sesudah itu. Akan tetapi sebagai purata ia boleh diambil sebagai pegangan. Dijumlahkan umur sekian ribu orang dalam suatu masyarakat yang sudah mati dalam masa tertentu, lalu dibagi dengan jumlah orang yang sudah mati itu. Diperdapatlah purata umur seseorang dalam masyarakat itu dalam suatu masa. Menurut statistik 1965 purata usia di Amerika Syarikat menunjukkan: laki-laki: 67 tahun, perempuan: 73 tahun, dipuratakan lagi: 70 tahun. Di negara-negara Scandinavia purata itu juga 70 tahun dalam jangka waktu yang sama. Di Soviet Union mengumumkan jumlah yang sama untuk negerinya, tapi menurun dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

Di kurun yang lalu purata umur seseorang Amerika Syarikat hanya 50½ tahun (laki-laki: 48 tahun, perempuan: 53 tahun). Dengan demikian setelah satu kurun purata itu di negara yang terkenal maju dan makmur tersebut meningkat 20 tahun. Hal itu tentu

menimbulkan pertanyaan pada kita.

Peningkatan itu rupanya adalah akibat usaha sains dan teknologi. Makin tinggi kemakmuran dan makin baik rawatan kesihatan suatu masyarakat, makin tinggi purata usia seseorang dalam masyarakat (namun demikian umur tiap individu tetap tidak mungkin dipastikan).

Kalau kita ambil tingkat kemakmuran dan rawatan serta kemajuan sains perubatan sebagai ukuran yang amat mempengaruhi perkiraan umur seseorang dalam masyarakat, berapakah kira-kira purata umur seseorang di Malaysia, di mana kedua faktor tersebut masih jauh terbelakang daripada Amerika Syarikat?

Malaysia dan Indonesia masih belum membuat statistik umur. Suatu tinjauan kasar dari doktor-doktor Indonesia di tahun 1960-an memperkirakan purata umur orang Indonesia itu, bukan 70 tahun, bukan pula 60 tahun, bahkan juga tidak 50, melainkan sekitar ... 42 tahun. Perkiraan ini amat rendah, kerana fasiliti perubatan di kampung-kampung amat jauh terbelakang, penyakit yang di bandar tidak berbahaya dengan mudah merenggutkan hidup di luar bandar, dan angka kematian bayi dan kanak-kanak tinggi. Di samping itu tingkatan kemakmuran masih amat rendah.

Berapa purata usia seseorang di Malaysia sekarang? Ada yang memperkirakan lebih daripada 60 tahun.

Kenapa kita memperbincangkan umur? Untuk memberi kesedaran bahawa tiap diri kita tidak dapat terlepas dari perjalanan hidup, bertolak dari lahir menuju ke hujung kehidupan. Selalu kita berfikir, setiap hari kita hidup bertambah panjang pula umur kita. Ya, itu kalau dilihat dari kelahiran, kerana takdir mati datangnya dari Allah, bererti jatah usia manusia telah tertentu. Kerana itu apabila dipandang dari kematian, adalah usia kita tiap hari makin pendek, yakni jarak kepada hujung kehidupan itu makin dekat. Setiap detik yang lewat bererti selangkah lebih dekat kepada kuburan. Manusia terus-menerus berkonfrontasi dengan maut. Hidup tidak lain menggeser kematian. Dan suatu saat, cepat atau lambat, manusia dikalahkan oleh maut.

Selama ini tiap kita umumnya hanya memikirkan tentang hidup. Budak-budak memikirkan tentang sekolahnya, pemuda dan pemudi memikirkan tentang kekasihnya, pekerja memikirkan

tentang pangkat dan gajinya, peniaga memikirkan tentang dagangannya, ahli politik memikirkan tentang kenegaraan, ilmuwan memikirkan tentang sains dan teknologi, seniman memikirkan tentang karyanya. Perkara-perkara ekonomi paling banyak memenuhi pemikiran itu. Sebabnya telah dibahas, ekonomi merupakan jawapan utama daripada naluri SS. Setiap saat perkara keluarga selalu mengisi pemikiran, masa lalu terus berkesan pada pemikiran, dan pemikiran itu pula selalu berusaha menjangkau masa depan. Kesemua pemikiran itu adalah tentang kehidupan.

Masuklah ke dalam kedai buku. Dari ribuan tajuk yang dijual, adakah tajuk yang mengenai mati? Kalaupun ada mungkin hanya satu dua sahaja.

Demikianlah kita begitu terpukau oleh hidup, diperbudak oleh dunia, sehingga kita lupa bahawa setiap hari kita bergerak makin mendekat kepada saat meninggalkan hidup dan dunia. Ya, setiap kita tahu bahawa dia akan mati. Akan tetapi apakah kita sedar bahawa kita bergerak kepada akhir hidup? Tidak! Apa buktinya? Kalau kita sedar, bahawa dunia ini akan kita tinggalkan, mati yang selalu kita arah, tentu pemikiran kita akan lebih banyak memikirkan tentang kematian, yang pada setiap hari semakin kita dekati, daripada memikirkan tentang hidup dan dunia yang pada setiap hari semakin kita jauhi. Habis masa dijalani dan usaha dikerjakan untuk hidup yang akan ditinggalkan, sehingga tidak bersisa masa dan usaha untuk mati yang sedang dituju. Kita kasihan kepada manusia, kerana tidak menyedari nasibnya. Ya, kita kasihan kepada diri kita sendiri, yang tidak sedar akan nasib yang tengah kita jalankan.

Untuk menumbuhkan kesedaran itu, ada baiknya kalau kita bertanya tentang usia. Berapa umur tuan sekarang? Lebih 60 tahun? Tuan harus bersyukur, kerana itu bermakna tuan sudah beruntung sekian tahun, tetapi itu juga bermakna, setiap saat kematian itu akan datang. Mungkin ia datang dengan perlahan-lahan, tetapi mungkin pula dengan tiba-tiba. Makin moden suatu masyarakat, makin banyak kejadian mati mendadak. Kehidupan moden banyak menimbulkan penyakit moden pula, misalnya tekanan darah tinggi, jantung, saraf, kanser, psikosomatik, penagih dadah. Ubat moden dapat menggeser kematian untuk tiba-tiba suatu saat

hidup itu tidak lagi dapat dipertahankan oleh sains. Pengangkutan moden banyak pula memberikan sahamnya, menimbulkan mati yang tidak terduga. Kecelakaan jalan raya dan penerbangan sudah merupakan pemberitaan biasa dalam sebaran am. Jenayah moden pun banyak merenggutkan hidup tanpa diduga. Oleh itu janganlah kita sebagai individu terlalu menggantungkan harapan kepada purata usia. Sebab ketentuan usia tidak berada di tangan kita, juga tidak di tangan sains dan teknologi, tetapi di tangan yang menciptakan hidup itu sendiri. Yang menciptakan hidup, itu pulalah yang mematikan. Purata hidup adalah untuk dipakai untuk anggota masyarakat rata-rata, tapi tidak mengenai individu tertentu.

Berapa usia tuan kini? 50 tahun? Nah, kira-kira menurut ukuran usia purata, tuan masih mungkin dapat mengharapkan 10 tahun lagi masa dunia. Sesudah itu, apa lagi? Tuan akan berpindah dari dunia ini. Hanya tinggal sepuluh tahun sahaja kira-kira sisa hidup tuan, tetapi bukankah bagi tiap kita yang tinggal itu hanya sisa hidup? Semenjak lahir sampai kini sudah banyak tahun hidup dijalani, sehingga yang masih ada mungkin sekali tidak banyak lagi. Setiap hari kita kurangkan satu hari dari baki hidup. Suatu ketika sisa itupun akan habis. Hujung hidup disambut oleh kematian. Manusia tidak dapat melarikan diri dari kematian, sekalipun setiap manusia berusaha untuk berbuat demikian (Surah al-Jumu'ah, ayat 8). Betapapun kaya tuan, betapapun tinggi sains dan teknologi tuan, namun kekayaan dan sains serta teknologi tidak mampu menghindarkan tuan dari kematian. Betapa kuasanya tuan sebagai kepala negara, betapa perkasanya tuan sebagai panglima angkatan perang, namun tuan sama lemahnya dengan orang awam dalam menghadapi kematian. Betapa agungnya karya tuan sebagai seniman, namun ia tidak mampu mencegah kematian. Betapa luhurnya pemikiran falsafah tuan, namun kematian tidak membezakan tuan daripada orang jahil.

Ya, kebudayaan takluk kepada kematian. Ia dapat membina SS untuk kehidupan, tetapi ia tidak berdaya sedikit pun menghadapi kematian yang jadi nasib tiap manusia. Kebudayaan membangun dunia, dan dunia itu diruntuhkan oleh kematian.

Makin kita fikirkan sisa hidup kita, makin terasa terbatasnya hidup. Ya, statistik usia menunjukkan, paling lama orang dapat

hidup 125 dan ada beberapa individu yang melebihi bilangan itu. Namun demikian tetap juga hidup itu terbatas. Ertinya hidup itu tidak akan terus-menerus dan perjalanan waktu selalu mendekatkan orang dengan kematian, sekalipun usianya itu amat panjang.

Tuan pernah melihat jenazah? Tidak berapa lama lagi, tuan pun akan menjadi jenazah. Tuan pernah melihat orang menggali kubur, suatu saat mendatang tuan akan dimasukkan ke dalam kuburan.

Mati itu adalah "wajib" hukumnya, bukan sunat. Dunia ini sementara sahaja. Setelah meninggalkan dunia yang sementara ini, manusia memasuki akhirat yang abadi. Alam fana awal eksistensi manusia, dan alam baka adalah penghujungnya. Benarlah kata Heidegger, filsuf eksistensialisme Jerman - tujuan hidup manusia mengarah kepada ajalnya. Ya, tujuan hidup adalah mati. Tujuan dunia adalah akhirat. Ini tentu tidak tuan sukai. Tuan mahu hidup selama mungkin. Kemahuan hanya tinggal kemahuan, apa-apa yang akan terjadi itu tidak mungkin diubah. Betapa banyak peristiwa terjadi di luar kemahuan, bahkan berlawanan dengan kemahuan kita? Salah satu dari peristiwa itu adalah kematian.

Tuan tidak mungkin menawar usia. Setiap saat tuan berkonfrontasi dengan maut. Suatu ketika, besok atau lusa, setahun atau sekian tahun lagi tuan pasti mati. Camkanlah ini! Setiap saat yang berlalu, mendekatkan jarak waktu tuan memasuki akhirat.

Apabila kita fikirkan lebih mendalam lagi, sesungguhnya kematian itu tidaklah demikian menakutkan kerana ia berlangsung hanya sekejap. Yang menggelisahkan, kegelisahan yang berkembang menjadi ketakutan, ialah begaimana nasib aku di akhirat. Maut adalah pintu gerbang akhirat. Nah, dalam menghadapi akhirat ini, naluri asas manusia yang menginginkan keselamatan dan kesenangan dapat dihayati dengan kuat.

Dalam Bab X. Ke mana Akhirnya Manusia, telah dibahas panjang lebar, bahawa mati bukanlah akhir eksistensi manusia. Memang ia merupakan akhir dunia, tetapi sekalian ia adalah awal alam barzakh, alam peralihan antara dunia dan akhirat. Mati adalah perpisahan roh, yang jadi hakikat manusia, daripada jasad, yang jadi alat meterial roh itu. Di alam barzakh, roh itu menunggu hari kiamat, ketika roh itu dibangkitkan. Di Padang Mahsyar se-

tiap manusia dihisab. Keputusan hisab inilah yang akan menentukan kelak, apakah manusia itu akan selamat dan senang di akhirat, ataukah ia akan terseksa dan menderita. Yang pertama memasuki Jannah dan yang kedua Nar.

Alat timbangan apakah yang dipakai di Padang Mahsyar itu dalam mengadili tiap manusia? Alat timbangan itu bukanlah kebudayaan dengan wangnya, tapi agama dengan pahalanya. Yang membina keselamatan dan kesenangan rohaniahnya semasa di dunia, adalah agama dengan pahalanya. Wang adalah ukuran nilai, penyimpan nilai dan alat tukaran untuk keselamatan dan kesenangan material. Apabila diperbandingkan dengan wang, maka pahala juga merupakan ukuran nilai, penyimpan nilai dan alat tukaran untuk keselamatan dan kesenangan rohaniah. Wang adalah alat kebudayaan untuk dunia, pahala adalah alat agama untuk akhirat.

Barang yang dikeluarkan dan perkhidmatan yang dipebuat dinilai dengan wang. Nilai barangan dan perkhidmatan itu dapat disimpan dalam bentuk wang, dan wang yang menyimpan nilai itu dapat ditukar dengan barangan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh si penyimpan. Barangan dan perkhidmatan itu bersifat kebudayaan dan tertuju kepada benda, kerana itu ia laku di alam material pula, yang disebut dunia.

Agama adalah bersifat spiritual. Amalan yang dilakukan dinilai dengan pahala. Nilai amalan itu dapat disimpan dalam bentuk pahala, dan pahala yang menyimpan nilai itu dapat ditukar dengan keperluan rohaniah. Rohaniah itu adalah ghaib dan menyatakan diri dengan sepenuhnya di akhirat nanti. Oleh kerana itu pahala laku di alam ghaib (ghaib bagi manusia di dunia kini), iaitu di akhirat. Dengan mempergunakan istilah wang dengan dayanya, dapat pula kita berkata, pahala "membeli" SS rohaniah di alam ghaib.

Mungkin ada yang merasa keberatan untuk memperbandingkan pahala dengan wang, namun bagi pemikiran ilmiah (yang membebaskan dirinya dari emosi) perbandingan itu tidak ada salahnya. Bagi mereka yang keberatan itu dapatlah memandang perbandingan tersebut sebagai kiasan saja. Dengan perbandingan itulah dengan terang dapat kita menentukan kedudukan kebudayaan dan mendudukkannya kepada keperluan agama.

Perlukah kebudayaan untuk kehidupan dunia? Segi material diri kita yang hidup di alam dunia yang material memerlukan kebudayaan yang berfungsi memuaskan keperluan-keperluan material. Yang salahnya ialah bahawa manusia hanya menumpukan pemikiran dan usahanya untuk keperluan material sahaja, sehingga mereka lupa atau mencuaikan keperluan spiritual. Segi kedua diri kita —yang hakikatnya — bersifat rohani. Maka dapatlah kita perhatikan dalam dunia barat betapa orang berhasil sekali menumpuk kekayaan material, tapi serentak dengan itu mereka amat miskin dengan nilai spiritual. Benda memberikan SS kepada jasmani, kekurangan nilai spiritual mengancam SS rohaniahnya. Penyakit rohaniah yang berjangkit dalam kehidupan yang kaya material dan miskin spiritual itu dapat kita amati di dunia barat. Kalau kita menyebut dunia barat adalah yang dimaksud kebudayaan atau kehidupan barat, yang tidak hanya kita jumpai di negeri-negeri barat saja tapi juga di bandar-bandar negeri timur.

Bermacam ragam jenayah: benci dan dendam, dengki dan *khizat,* fitnah dan khianat amanah, bohong dan tipuan, zalim dan kejam; pemuasan nafsu-nafsu rendah, zina dan kekhianatan rumahtangga, main judi yang tidak pernah memberikan manfaat, penyeksaan diri dengan mempergunakan dadah sebagai ganti kenikmatan sekejap; pemberontakan angkatan muda terhadap angkatan tua, perlawanan anak terhadap orang tuanya; mengejar tujuan-tujuan material dan kekuasaan dengan mengorbankan moral; mengenepikan agama kerana ia membatasi manusia dalam memuaskan hawa nafsunya; pergaduhan dan peperangan, dan lain-lain, kita perhatikan wujud dengan subur dalam dunia barat itu.

Kebudayaan barat adalah laksana bangunan mewah yang agung, tetapi tanpa kerangka yang menupangnya dari dalam. Ia laksana bungkusan yang amat cantik, tetapi penuh dengan kekosongan. Ketidakselarasan antara kulit dan isi, antara jasmani dan rohani, antara material dan spiritual, menimbulkan bermacam-macam penyakit individu dan masyarakat yang tumbuh dengan amat subur di dunia barat kini. Kemiskinan rohani ini secara bertahap menuju keruntuhan. Oswald Spengler telah meramalkan keruntuhan negara-negara Magribi dalam bukunya *Der Untergang des Abenlandes* (1918). Banyak ahli fikir dewasa ini

amat pesimis dengan nasib kebudayaan barat.

Untuk SS bagi manusia yang seutuhnya, yakni bagi jasmani dan rohaninya, ternyata kebudayaan sahaja tidak cukup. Agama diperlukan pula untuk SS rohani, yang jadi penupang SS jasmani. Keperluan agama bagi kehidupan dunia memang tidak langsung disedari, kerana yang berkuasa dalam kehidupan di alam material ini ialah keperluan kebudayaan. Hanya dalam jangka masa yang panjang baru tumbuh kesedaran pada manusia, bahawa agama tidak mungkin diketepikannya dalam kehidupan dunia, selama mereka memerlukan SS rohani, di samping SS jasmani.

Keperluan kepada agama yang terasa secara langsung dan tidak dapat ditawar-tawar ialah ketika manusia sedar bahawa perjalanan hidupnya bergerak meninggalkan dunia, menyongsong akhirat melalui pintu gerbang maut.

Akhirat adalah alam ghaib bagi manusia yang hidup di dunia kini. Jangankan akhirat yang bermula setelah kiamat, keadaan alam barzakh pun tidak tercapai oleh pengetahuan manusia. Tentang ini telah kita perbincang dalam Fasal 3. Kaedah sains dengan penyelidikan dan eksperimen tidak mungkin memasuki alam kuburan. Tidak seorang pun manusia yang sudah mati kembali hidup untuk menceritakan pengalamannya. Ya, kita dengar cerita ada orang mati yang kembali hidup. Akan tetapi orang itu sesungguhnya tidak mengalami mati yang sebenarnya, melainkan seolah-olah mati atau mati semu. Kajian ilmiah telah membuktikan, apabila manusia telah sampai kepada mati biologi, membusuknya sel-sel otak yang menjalar ke seluruh badan, hidup tidak mungkin kembali kepada badan. Ini adalah hukum alam atau Sunnah Allah yang tidak mungkin diatasi manusia.

Cerita-cerita tentang alam barzakh dan akhirat yang berasal dari pengetahuan manusia tidaklah lain bersifat tafsiran atau khayalan. Pengetahuan yang benar tentang perkara itu hanyalah alam ghaib itu. Dan tidak banyak daripada pengetahuan itu yang diturunkan kepada manusia.

Dari pengetahuan yang sedikit yang kita terima melalui wahyu dan Hadith dapat dipastikan bahawa akhirat itu berbeza sama sekali daripada dunia.

Allah berfirman: Aku menyediakan untuk hamba-hamba Ku yang salih, apa yang belum kelihatan oleh mata dan didengar oleh telinga dan juga tidak timbul dalam hati manusia untuk menghayatinya.

(*Terjemahan Hadith, riwayat Imam al-Bukhari, 59:8*)

Yang sudah dilihat dan didengar oleh manusia ialah dunia, tetapi apa-apa yang ada di akhirat (apakah di *Jannah* atau di *Nar*) belum pernah dilihat atau didengarnya. Perbezaan asasi antara akhirat dan dunia membawa kepada perbezaan asasi pula tentang keperluan manusia di dalam kedua alam itu. Hakikat manusia adalah roh. Roh inilah yang melanjutkan eksistensinya di akhirat melalui alam barzakh. Jarak masa manusia di dunia terhad, tetapi di akhirat masa itu tidak ada jaraknya. Ini menunjukkan bahawa di sinilah manusia menjalankan hidup yang baqa. Akhirat adalah kehidupan yang hakiki, di mana hakikat manusia (roh) akan hidup untuk selama-lamanya.

Kalau di dunia SS jasmaniah diperlukan untuk mempertahankan hidup, maka di akhirat SS rohaniahlah yang diperlukan dalam melanjutkan kehidupan yang hakiki. Kalau di dunia diperlukan kebudayaan untuk mewujudkan SS, maka untuk SS di akhirat kebudayaan itu tidak berfungsi sama sekali.

Semasa di dunia tuan boleh mempunyai saudara dan teman yang banyak dan kedudukan sosial yang tinggi, namun tenaga-tenaga sosial itu tidak akan mungkin membantu tuan di akhirat nanti. Kekayaan dan harta bertompok-tompok yang mungkin tuan miliki kini tidak terpakai di akhirat. Kekuasaan politik yang tuan punyai sebagai perdana menteri atau diktator sekalipun tidak dapat dipanjangkan sampai di akhirat. Betapa pun tingginya sains dan teknologi tuan sekarang, kedua-duanya terhenti di pintu kuburan. Kesenian yang memberi kenikmatan kepada orang hidup, tidak bererti apa-apa bagi orang mati. Tafsiran yang direka falsafah dan nilai-nilai yang disusunnya hanyalah teruntuk bagi manusia di dunia ini. Wang yang jadi pusat gerak kebudayaan moden tidak laku di akhirat. Jelaslah untuk SS di akhirat kebudayaan dan wang

tidak berguna. Kesemuanya ditinggalkan di dunia, tidak akan di bawa ke akhirat.

Maka setiap saat manusia menyedari maut yang tengah di arah oleh kehidupannya, timbullah pertanyaan dalam hatinya: bagaimana membina SS aku di akhirat nanti? Terhadap pertanyaan ini agama telah menyediakan jawapannya.

Apa jawapan itu? Kita temukan banyak jawapan, kerana di kalangan umat manusia terdapat bukan hanya satu agama. Jawapan manakah yang benar? Jawapan yang benar diberikan oleh agama yang benar. Manakah agama yang benar? Bukankah tiap agama mendakwa bahawa dia saja yang benar?

Dalam memilih jawapan yang benar dan agama yang benar, kita perlu lebih dahulu memahami betul-betul. Apa agama itu sesungguhnya.

Marilah kita lanjutkan perbincangan tentang: Apakah agama?

XII

AGAMA: HAKIKAT AGAMA

Apakah Agama?

Apabila kita bertanya kepada salah seorang di kalangan umat Islam: Apa agama tuan?, adalah jawapan yang kita peroleh: Agamaku Islam. Kalau kita teruskan dengan pertanyaan: Apakah dia Islam?, maka jawapan yang biasa kita peroleh: Islam itu agama. Dan apakah dia agama? Terhadap pertanyaan ini kita temukan bermacam jawapan yang berbeza-beza.

Kalau dianalisa pengertian atau definisi yang diberikan kepada agama itu, kita dapat mengambil kesimpulan: pengertian agama itu kabur dan berbeza. Definisi-definisi yang diberikan tentang agama umumnya tidak dapat dipertanggungjawabkan secara ilmiah. Norma-norma logik mengajarkan kepada kita bahawa penyusunan definisi tentang suatu perkara ialah dengan jalan menghimpun semua ciri hakiki pada perkara itu. Syarat ini tidak dipenuhi oleh kebanyakan takrif agama yang dapat didengar di kalangan masyarakat. Ada takrif yang hanya mengenai sebahagian ciri agama Islam, sedangkan kebanyakan definisi tidak mengenai ciri-ciri hakiki dalam agama. Ada rumusan definisi yang sempit dan ada pula yang amat luas.

Dalam pembahasan beberapa bab yang lalu telah diperbincangkan hubungan kebudayaan dengan manusia dan dengan pembinaan SS duniawi. Dikemukakan juga suatu teori bidang-bidang kebudayaan, yang terdiri dari bidang sosial, ekonomi, politik, pengetahuan dan teknik, seni dan falsafah. Kebanyakan teori

antropologi memasukkan agama sebagai salah satu bidang kebudayaan. Anggapan umum di kalangan masyarakat Islam menolak teori itu. Orang merasa lapangan agama berbeza daripada lapangan kebudayaan. Unsur-unsur agama tidak masuk kebudayaan. Kenapa agama tidak masuk kebudayaan dan di mana batas antara agama dan kebudayaan? Pertanyaan ini biasanya tidak memperoleh jawapan yang terang atau memuaskan.

Kata agama bukanlah istilah yang berasal dari Islam. Ia dipinjam dari bahasa Sansekerta untuk menunjuk sistem kepercayaan dalam Hinduisme/Budhisme. Agaknya kekaburan dan kekacauan pengertian agama timbul kerana mempergunakan istilah yang terpakai dalam sistem kepercayaan lain untuk ajaran Islam, yang antara keduanya mempunyai perbezaan yang dalam.

Dalam mengkaji hubungan manusia dan agama, perlulah disusun pengertian yang terang dan definisi yang bertanggungjawab secara ilmiah tentang agama. Untuk itu eloklah kita bertolak dari asal kata agama.

Seperti telah disebut kata agama berasal dari bahasa Hindu. Ada bermacam teori tentang sejarah kata ini. Salah satu daripadanya menerangkan, akar kata agama berasal dari gam, mendapat awalan a dan akhiran a, menjadi a-gam-a. Akar kata itu ada pula yang mendapat awalan i dengan akhiran yang sama (menjadi i-gam-a) dan ada pula yang mendapat awalam u dengan akhiran yang sama (menjadi u-gam-a). Bahasa Sanskerta masuk rumpun bahasa Indo-Jerman. Dalam bahasa Belanda dan Inggeris, anggota-anggota rumpun itu, kita temukan kata-kata *ga, gaan* (*Bld*) dan *go* (*Ingr.*) yang pengertiannya sama dengan gam, iaitu pergi. Setelah mendapat awalan dan akhiran a pengertiannya berubah menjadi jalan.

Ada penyelidik yang masih menemukan ketiga kata yang awalannya berbeza-beza itu (agama, igama, ugama) dalam bahasa Bali. Agama ialah peraturan, tatacara, upacara hubungan manusia dengan raja, igama dalam hubungannya dengan dewa-dewa dan agama dalam hubungannya dengan manusia. Anehnya ketiga kata itu tersebar pemakaiannya dalam tiga bahasa dewasa ini: agama dalam bahasa Indonesia, igama dalam bahasa Jawa dan ugama

dalam bahawa Melayu (Malaysia), kesemuanya dengan pengertian sama.

Pegertian "jalan" ditemukan sebagai ciri-ciri hakiki dalam banyak agama *Taoisme* dan *Syinto* bermakna jalan. *Budhisme* menyebut undang-undang pokoknya jalan. Jesus menyuruh pengikutnya menurut jalannya. Syari'at tariqat dan sirah dalam ajaran Islam juga bermakna jalan.

Agama Hindu/Budha menyebarkan kata agama itu di Nusantara, diambil alih oleh Bahasa Melayu di Kepulauan Indonesia, dilanjutkan oleh bahasa Indonesia sekarang. Dalam perjalanan sejarah Nusantara suatu ketika Islam telah masuk ke Nusantara sementara Hinduisme/Budhisme beransur pergi. Untuk menunjuk sistem kepercayaan yang baru itu, masyarakat Nusantara yang berbahasa Melayu, telah menggunakan kata agama juga (di samping igama dan agama), yang asalnya adalah pinjaman dari bahasa Sanskerta. Agaknya ketika itu mulai timbul kekaburan dan kekacauan pengertian, kerana mempergunakan lambang yang terpakai di dalam Hinduisme/Budhisme dalam Islam, yang berbeza sekali sistem kepercayaannya. Seperti kita ketahui banyak perbuatan yang diamalkan dalam Hinduisme/Budhisme dahulu diteruskan setelah penduduk Nusantara masuk Islam. Amalan-amalan itu diberikan "kulit" Islam, sedangkan isinya masih tetap kepercayaan sebelum Islam. Inilah yang diistilahkan oleh kaum ulama dengan bid'ah dalam peribadatan. Kata dosa dan pahala, syurga dan neraka, juga kata sembahyang dan puasa diwarisi oleh umat Islam dari agama sebelum Islam. Pengertian kata-kata sesungguhnya tidaklah cukup sesuai dengan pengertian-pengertian dalam sistem kepercayaan Islam yang hendak dilambangkannya.

Ambil misalnya kata sembahyang yang hendak melambangkan pengertian yang dikandung oleh solat. Yang (Hiyang) adalah dewa asli Nusantara. Sembahyang adalah menyembah Yang. Di samping itu solat bukanlah hanya menyembah Allah, tetapi berhubungan rohaniah dan Dia, berserah diri, memuaskan dahaga rohaniah, mengingat dan bermohon kepada-Nya.

Religion dan al-Din

Kedatangan Islam disusul oleh kebudayaan barat dengan Nasraninya, memasuki Nusantara. Kebudayaan ini membawa kata

religion (Ingr.) dan *religie* (Bld.) untuk menamakan Nasrani. Kata *relige* diajarkan di sekolah-sekolah umum, menjadi perbendaharaan kata kaum intelektual. Kata itu diterjemahkan dengan agama. Yang telah jadi perbendaharaan kata Melayu Nusantara. Penterjemahan ini menambah kekaburan dan kekacauan. Sistem ajaran Nasrani yang berbeza dengan sistem ajaran Islam diberikan penyebutan yang sama.

Ajaran Islam sendiri menyebut Islam itu sebagai din:

ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا

Terjemahan: Pada hari ini Aku sempurnakan untuk kamu agama kamu dan Aku cukupkan kepadamu nikmatKu dan Aku redai Islam itu menjadi agama untuk kamu.

(*Al-Ma'idah, 5:3*)

"Din dalam bahasa Semit bererti undang-undang atau hukum. Dalam bahasa Arab kata itu mengandung erti menguasai, menundukkan, patuh, hutang, balasan, kebiasaan". Din memang membawa peraturan-peraturan yang merupakan hukum yang harus dipatuhi, menguasai diri seseorang dan membuat ia tunduk dan patuh kepada Allah dengan menjalankan ajaran-ajaran din itu, membawa kewajipan-kewajipan yang kalau tidak dijalankan menjadi hutang. Kewajipan dan kepatuhan membawa faham pembalasan, menjalankannya mendapat balasan baik, mengingkarinya memperoleh balasan buruk.[12]

Kata millat ada hubungannya dengan Ibrahim a.s.

وَمَنْ يَرْغَبُ عَنْ مِلَّةِ إِبْرَٰهِيمَ إِلَّا مَنْ سَفِهَ نَفْسَهُ

Terjemahan: Tidak ada orang yang membenci millat Nabi Ibrahim selain dari orang yang membodohkan dirinya.

(*Al-Baqarah, 2:130*)

وَوَصَّىٰ بِهَآ إِبْرَٰهِيمُ بَنِيهِ وَيَعْقُوبُ يَٰبَنِىَّ إِنَّ ٱللَّهَ ٱصْطَفَىٰ لَكُمُ ٱلدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ

Terjemahan: Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat kepada anak-anaknya dan (demikian juga) Nabi Ya'qub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya: "Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih din (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam.

(*Al-Baqarah, 2:132*)

وَقَالُوا۟ كُونُوا۟ هُودًا أَوْ نَصَٰرَىٰ تَهْتَدُوا۟ قُلْ بَلْ مِلَّةَ إِبْرَٰهِـۧمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ

Terjemahan: Dan mereka (kaum Yahudi dan Nasrani) berkata: "Jadilah kamu pemeluk agama Yahudi atau pemeluk agama Nasrani, nescaya kamu akan dapat pertunjuk". Katakanlah (Wahai Muhammad: Kami orang-orang Islam tidak akan menurut apa yang kamu katakan itu) bahkan kami mengikut millat Nabi Ibrahim yang tetap di atas dasar Tauhid, dan bukanlah ia dari orang-orang musyrik.

(*Al-Baqarah, 2:135*)

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُۥ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَٱتَّبَعَ مِلَّةَ إِبْرَٰهِيمَ حَنِيفًا

Terjemahan: Dan tidak ada yang lebih baik dinnya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas), sedang ia berusaha mengerjakan kebajikan, dan ia pula mengikut millat Nabi Ibrahim yang lurus (yang tetap di atas dasar Tauhid).

(*Al-Nisa', 4:125*)

Apabila didalami pengertian ayat-ayat tersebut beberapa kesimpulan dapat ditarik:

1. Din itu anutan muslimun. Muslimun ialah orang-orang Islam. Islam disebut din oleh al-Qur'an dalam surah al-Ma'idah, ayat 3.
2. Jangan menganut *millat* Yahudi dan Nasrani, melainkan millat Ibrahim, kerana millat Ibrahim itu lurus dan Ibrahim bukan musyrik. (Yahudi dan Nasrani musyrik).
3. Orang yang menyerah selalunya kepada Allah, berbuat baik dan mengikuti millat Ibrahim yang lurus adalah din yang terbaik. Dengan demikian isi din yang terbaik itu ialah:

   i. Menyerah diri seluruhnya kepada Allah.
   ii. Ihsan.
   iii. *Millah* Ibrahim.

   Penyempurnaan din itu dinyatakan dengan turunnya wahyu yang terakhir kepada Nabi Muhammad, seperti telah disebut di atas (Surah al-Ma'idah, ayat 3). Di samping Islam banyak din lain, tetapi din yang benar bagi Allah hanyalah Islam.

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلْإِسْلَٰمُ

Terjemahan: ... Sesungguhnya din (yang benar) di sisi Allah ialah Islam ...

(Ali 'Imran, 3:19)

4. *Millah* adalah sebahagian daripada din. Pengertian din lebih luas daripada *millah*. Oleh kerana itu kedua istilah ini tidak mungkin diterjemahkan dengan satu kata sahaja dalam bahasa kita. Terjemahan selama ini yang mengertikan din dengan agama dan *millah* juga dengan agama,

perlu ditinjau kembali. Ibadat berasal dari kata abada (mengabdi, berbakti, memperhamba diri). Abdi dalam bahasa Melayu sama dengan hamba, sahaya, budak. Mengabdi ialah memperhamba diri, berlaku dan berbuat dan bersikap sebagai sahaya. Sahaya itu melakukan apa saja yang disuruh oleh tuannya, meninggalkan sama sekali perbuatan yang dilarangnya, bersikap hormat, khidmat dan merendahkan diri terhadap tuannya itu. Ibadat ialah pengabdian. Ibadat inilah yang dimaksudkan Allah ketika menciptakan (jin dan) manusia.

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Terjemahan: Dan tidak Aku ciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka memperhamba diri kepada Aku.

(*Al-Zariyat, 51:56*)

Ada hubungan kesejajaran antara pengertian pengabdian makhluk terhadap Khaliqnya dan manusia terhadap tuan majikannya. Perbezaannya terletak dalam hujah dan tujuan pengabdian. Adalah wajar dan lojik Pencipta menuntut pengabdian tanpa syarat dari ciptaan-Nya. Sebaliknya adalah tidak wajar dan tidak lojik, kalau seorang manusia menuntut pengabdian tanpa syarat dari manusia sezamannya. Tujuan Allah menuntut pengabdian dari manusia adalah untuk kepentingan manusia semata-mata. Sedangkan tujuan manusia memperhamba manusia ialah untuk kepentingan si tuan semata-mata.

Setelah Allah menciptakan manusia, diturunkan-Nyalah syari'at (aturan, suruhan dan larangan) dalam kehidupan hamba-Nya. Dalam kehidupannya manusia melakukan berbagai hubungan: dengan Allah, dengan diri-Nya, dengan manusia lain, dengan alam. Hubungan-hubungan itu dapat dibahagi dalam dua pola: hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia dengan manusia. Hubungan manusia dengan manusia di bidang ekonomi, ilmu dan teknik, membawanya berhubungan dengan alam.

Seluruh ketentuan Allah dalam kedua pola hubungan itu, yang

wajib ditaati oleh manusia, adalah ibadat. Ini adalah ibadat dalam pengertian luasnya atau pengertian amnya. Setiap gerak, setiap laku-perbuatan, setiap tindakan yang dikerjakan manusia kerana (mentaati ketentuan-ketentuan) Allah adalah ibadat. Dalam pengertian inilah al-Qur'an, surah al-Zariyat, ayat 56 harus dimaknakan.

Dalam pengertian terbatas atau pengertian sempit ibadat itu khusus ditujukan untuk pola hubungan pertama, yang dapat diistilahkan dengan *ibadat khassah* atau ibadat khusus. Ibadat ini meliputi laku perbuatan yang dikerjakan dengan merendahkan diri, memuliakan dan mengagungkan yang dihadapi setinggi-tingginya dan semulia-mulianya. Laku perbuatan itu semata-mata menyatakan tunduk kepada kekuasaan Allah, dilakukan dengan kesedaran jiwa, ikhlas untuk kebaikan diri dan lainnya, dan harap akan keredaan Allah.

Maksud *ibadat khassah* (sebagai lawan ibadat umum) ialah Rukun Islam. Sebagai Rukun Islam ia merupakan perkaitan atau pernyataan daripada (Rukun) Iman.

Jadi daripada ibadat dalam pengertian sempit itu ialah hubungan dengan Allah. Sedangkan dalam pengertian luasnya, selain hubungan dengan Allah juga hubungan dengan manusia (muamalat).

Di kalangan masyarakat kita apabila diucapkan kata ibadat, timbul tanggapan sembahyang, zakat, puasa, haji, zikir. Menjalankan Rukun Islam itu dipandang sebagai menjalankan agama. Maka agama disamakan isi pengertiannya dengan *ibadat khassah*. Ibadat luas meliputi din. Din itu pun diterjemahkan dalam masyarakat kita dengan agama. Di samping itu, kata agama juga dipakai untuk menterjemahkan *religion*. Baik kita bahas pula sejenak pengertian religion dalam usaha kita membatasi pengertian yang terang tentang agama.

Asal kata *religion* mungkin sekali berasal dari kata Latin *relegere* atau *religare*. Maksud *relegere:* berhati-hati dan pengertian asasnya: berpegang kepada norma-norma atau aturan-aturan yang ketat. Pengertian asas ini sesuai dengan anggapan orang Rom tentang *religion,* terutama dengan religion dalam mana orang harus berhati-hati terhadap Yang Qudus, yang bersifat suci tetapi se-

kalian juga tabu atau muharam.

Religare bererti mengikat. Pengertian asasnya: ikatan manusia dengan suatu tenaga. Maksud tenaga ialah tenaga ghaib, yang ghaib itu adalah qudus. Yang qudus itu adalah hakikat. Pengertian asas tersebut banyak mengenai kompleks, yang disebut orang *religion*.

Religion adalan kecenderungan, rohani manusia semula jadi, yang berhubungan dengan alam semesta, nilai yang meliputi segalanya, makna yang terakhir, dan hakikat dari semuanya itu. Religion mencari nilai dan makna dalam sesuatu yang berbeza sama sekali dari segala sesuatu yang dikenal. Oleh kerana itu dikatakan, bahawa *religion* itu berhubungan dengan Yang Qudus. Yang Qudus itu belum tentu Tuhan atau Dewa-Dewa. Kalau memang demikian halnya, banyak sekali kepercayaan yang biasanya disebut *religion*, tidak berhak dinamakan demikian. Misalnya *religion-religion* primitif dan Budhisme dalam bentuk awalnya, yang menganggap Yang Qudus itu bukan Tuhan atau Dewa-Dewa. Dalam tiap *religion* betapa pun bentuk dan sifatnya, selalu ada penghayatan yang berhubungan dengan Yang Qudus.

Manusia mengakui adanya dan bergantung mutlak pada yang qudus, yang dihayati sebagai tenaga di atas manusia dan di luar kawalannya. Untuk mendapatkan pertolongan daripada-Nya, manusia dengan cara bersama-sama menjalankan ajaran, upacara dan tindakan dalam usahanya itu. Cita-cita untuk harmoni antara yang qudus dan manusia merupakan titik pusat dari *religion* atau agama, kemudian melaksanakan nilai-nilai etika yang tinggi oleh penganut agama itu.

Jadi agama atau *religion* adalah hubungan antara manusia dengan sesuatu, yang sesuatu itu adalah qudus, sifat yang berbeza daripada manusia yang menganut *religion*, yang sesuatu itu mungkin tenaga atau gejala yang tidak mempunyai bentuk peribadi, tidak berwujud sebagai individu, mungkin ia berupa benda, tetapi mungkin pula berbentuk peribadi, manusia yang didewakan, dewa-dewa atau Tuhan. Apa dan siapa "sesuatu itu bergantung pada tujuan kepercayaan dalam religion masing-masing. Dengan demikian pengertian *religion* luas sekali. Apabila tujuan kepercayaan itu berupa dewa-dewa atau Tuhan, berhadapanlah kita dengan bentuk

religion yang khusus, yang diistilahkan dalam bahasa Belanda: *Godsdienst, Godsdienst* (*God* – Tuhan, *dienst* – pengabdian, kebaktian) ialah pengabdian kepada Tuhan.

Pengabdian kepada Allah adalah perbuatan suci, menyatakan diri pada:

1. Upacara, pemujaan atau penyembahan dan permohonan (doa).
2. Sikap hidup keagamaan:

   Siapa dan bagaimana yang qudus itu, apa dan bagaimana upacara, penyembahan, permohonan dan sikap hidup itu, diajarkan oleh ajaran *religion,* sikap keagamaan membentuk pandangan terhadap dunia.

   Dapat disimpulkan, dalam perkara yang disebut *religion* itu mempunyai paling kurang tiga ciri:

   a. Percaya kepada yang qudus, kekuasaan ghaib ke atas manusia, kepada siapa manusia bergantung mutlak.
   b. Hubungan dengan yang qudus dengan upacara, penyembahan dan permohonan.
   c. Ajaran yang mengajarkan kepercayaan dan hubungan itu. Biasanya kepercayaan, hubungan dan ajaran itu membentuk ciri keempat.
   d. Sikap hidup atau pandangan dunia.

Dari pembahasan pengertian agama, din, *millah,* ibadat (luas dan khassah), *religion, godsdienst,* sejumlah kesimpulan dapat ditarik:

1. Agama mengandung pengertian yang kabur.
2. Din dan ibadat lebih luas pengertiannya daripada *millah;* ibadat meliputi dua pola hubungan: hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia dengan manusia; isi *ibadat khassah:* hubungan manusia dengan Allah yang diperinci oleh Rukun Islam, lapangan din adalah seluas lapangan ibadat.
3. Erti *religion* ialah hubungan manusia dengan Allah.

4. Dunia akademik, kaum intelektual dan kecenderungan umum dalam masyarakat, menterjemahkan *religion* dengan agama.

Apabila kita terima terjemahan *religion* atau *reliji* itu dengan agama, bererti agama itu sama isi pengertiannya dengan *religion*. Dengan ini kita telah memberikan isi tertentu bagi pengertian agama, iaitu sesuai dengan ciri-ciri *religion*.

Dengan demikian ciri-ciri agama ialah percaya kepada yang qudus; hubungan dengan yang qudus dengan upacara, penyembahan, permohonan ajaran tentang kepercayaan hubungan itu; sikap hidup menghadapi dunia.

Manakala ciri-ciri itu kita sorotkan kepada ajaran Islam, bertemulah kita dengan istilah-istilah berikut:

1. Percaya kepada yang qudus — iman kepada Allah dan Allah itu adalah Tuhan Yang Maha Esa.
2. Hubungan dengan yang qudus dengan upacara, penyembahan — ibadat dalam pengertian khusus atau Rukun Islam.
3. Ajaran tentang kepercayaan dan hubungan itu — al-Qur'an dan Sunnah-Hadith.
4. Sikap hidup menghadapi dunia — taqwa.

Sebagai istilah selanjutnya, baiklah agama kita samakan pengertiannya dengan *religion*, selanjutnya dengan ***ibadat khassah***. Maksud dalam perbincangan selanjutnya ialah ***ibadat khassah***, sesuai dengan tanggapan masyarakat tentang kata ibadat.

Sekarang mampulah kita merumuskan suatu definisi agama, yang akan kita jadikan pegangan dalam perbincangan selanjutnya. Agama ialah kepercayaan kepada yang qudus, menyatakan diri pada hubungan dengan Dia dalam bentuk upacara, penyembahan dan permohonan, membentuk sikap hidup, berdasarkan ajaran tertentu. Setiap agama mengandung ciri-ciri atau hakikat ini. Di samping itu setiap agama berbeza tentang kepercayaannya, hubungannya dengan yang dipercayainya, ajaran dan sikap hidupnya. Berdasarkan definisi agama umum itu dapatlah sekarang kita

merumuskan definisi agama Islam khususnya, iaitu: kepercayaan kepada Allah, menyatakan diri dalam peribadatan, yang membentuk taqwa, berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah Hadith.

Agama di dunia ini bukan hanya satu. Dahulu dan sekarang, diberbagai benua kita dapati agama-agama, yang satu berbeza daripada yang lain. Masing-masing agama itu mendakwakan dirinya sahajalah yang benar, agama-agama lain tidak benar. Sikap begini adalah lojik. Apabila ada orang yang sangsi terhadap agamanya, hal itu bermakna ia sedang bergerak meninggalkan agama itu. Selama ia percaya akan agama yang dianutinya, selama itu pula ia percaya, bahawa agama-agama lain itu tidak benar. Sebab kebenaran itu hanyalah satu. Apabila ada dua keputusan yang berlawanan tentang perkara yang sama, undang-undang lojik mengajarkan, hanya salah satu daripada kedua itu yang benar. Ada agama yang mempercayai Tuhan itu Esa, ada pula mempercayai lebih dari Esa. Tidak mungkin kedua-dua agama ini benar adanya. Hanya salah satulah yang benar.

Untuk memahami undang-undang pertentangan yang diajarkan oleh lojik itu, kita ambil misal yang sederhana. Ada dua pemberitaan tentang diri tuan. Yang pertama mengatakan: Tuan ada di pejabat. Yang kedua menyatakan: Tuan tidak ada di pejabat (tetapi di rumah). Mungkinkah kedua putusan yang berlainan tentang perkara yang sama itu benar. Tidak mungkin, bukan? Kalau tuan ada di pejabat, tidak mungkin tuan ada pula di rumah, dan sebaliknya.

Di antara puluhan, bahkan ratusan agama (kalau yang kecil-kecil juga dihitung) yang bertebaran di permukaan bumi kini, yang satu berbeza dengan yang lain, yang satu berlawanan dalam kepercayaan, hubungan dengan yang qudus, ajaran dan sikap hidup, dengan yang lain, undang-undang lojik menentukan hanya satu dari jumlah itu yang benar. Akan tetapi di samping itu tidak dapat dinafikan ungkapan yang mengatakan bahawa tiap agama adalah baik.

Setiap agama mengandung ajaran suruhan dan larangan; yang disuruh itu baik, yang dilarang: tidak baik atau buruk. Imbangan perbuatan baik: pahala; balasan perbuatan jahat: dosa; pahala membawa kepada syurga kelak, sedangkan dosa mencelakakan

manusia ke dalam neraka. Untuk keselamatan dan kesenangan manusia, setiap agama menyuruh penganutnya untuk berbuat (amalan) baik.

Mungkinkah setiap agama menyuruh kepada kebaikan, melarang dari keburukan, sedangkan apa yang baik dan apa yang buruk itu berbeza antara satu agama dengan agama yang lain? Ya, mungkin sahaja. Inilah yang terjadi, inilah yang merupakan kenyataan dari dahulu sampai sekarang. Apa yang dikatakan baik dan buruk itu adalah nilai. Nilai itu bukan fakta. Yang melakukan penilaian adalah kalbu. Oleh kerana penghayatan manusia berbeza-beza, kayu ukuran yang dipakai untuk menimbang baik buruk itu tidak sama, sudah barang tentu menjadi perbezaan nilai tentang perkara yang sama. Apa yang baik bagi (perasaan) seseorang, mungkin buruk bagi orang lain, dan sebaliknya. Apa yang baik bagi kalbu yang menghayati ketuhanan yang Maha Esa, mungkin saja buruk bagi kalbu yang kepercayaan Ketuhanan Yang Maha Tiga. Kesimpulannya memang setiap agama menyuruh kepada kebaikan, melarang daripada keburukan, tetapi agama berbeza dalam penilaiannya tentang yang baik dan yang buruk.

Dalam perbahasan di atas dapatlah kita membetulkan ungkapan yang sering kita dengar tentang agama, bahawa setiap agama itu sama-sama benar. Yang benar ialah setiap agama sama-sama baik, tetapi tidak sama-sama benar. Hanya satu sahaja agama yang benar. Yang manakah? Tentu pertanyaan itu tidak mungkin diajukan kepada agama-agama itu sendiri. Telah di katakan, masing-masing mendakwakan dirinya sahajalah yang benar. Oleh kerana yang beragama itu manusia, dan perbezaan manusia dari makhluk lain terletak pada akalnya, sepatutnyalah pertanyaan itu diajukan kepada akal manusia. Jawapan akal terhadap perkara-perkara yang nyata dipandu oleh undang-undang lojik. Maka dalam menjawab yang manakah agama yang benar?, kita pakai lojik sebagai pendasaran jawapan.

Ciri ketiga agama ialah ajaran, yang mengajarkan tentang siapa, bagaimana dan berapa jumlah yang qudus itu, sistem hubungan dengan Dia dan sikap hidup atau pandangan dunia. Ajaran yang benar adalah ajaran yang diturunkan sendiri oleh yang qudus itu. Ajaran yang dibentuk oleh akal (pemikiran, penghayatan,

pengalaman dan cita-cita) adalah bersifat falsafah. Sebelum ini telah dibahas bahawa falsafah itu amatlah terhadnya, yang hanya memberikan tafsiran, tetapi tidak memberikan kebenaran yang pasti. Ajaran agama mengajarkan tentang perkara-perkara yang ghaib, terutama ghaib hakiki. Falsafah tidak mampu memberikan pengetahuan yang pasti tentang perkara ghaib itu. Dengan demikian dapat disimpulkan, ajaran yang benar adalah ajaran yang diturunkan oleh yang qudus itu sendiri, sedangkan ajaran yang dibentuk oleh akal mengandung kesangsian, paling tinggi yang tercapai ialah kebenaran yang terhad. Ajaran yang berasal dari yang qudus itulah yang diistilahkan dengan wahyu atau naqal yang mutlak, sebagai lawan akal yang terhad.

Himpunan ajaran agama itu disebut Kitab Suci. Semua agama, selain agama primitif, mempunyai kitab sucinya. Dalam citra (imej) manusia yang qudus itu bersifat Maha Tinggi, berkedudukan di tempat yang Maha Tinggi pula. Tempat yang Maha Tinggi itu disebut langit. Adalah wahyu-wahyu yang membentuk Kitab Suci, yang berasal dari yang qudus itu, diturunkan dari langit, yakni dari atas ke bawah. Maka agama yang dibentuk oleh Kitab Suci tersebut kita istilahkan dengan agama langit, yang dalam kepustakaan barat diistilahkan dengan *revel religion.*

Falsafah merupakan salah satu daripada bidang kebudayaan. Dengan demikian Kitab Suci yang dibentuk oleh falsafah itu adalah merupakan ciptaan kebudayaan. Maka agama yang dibentuknya kita istilahkan di sini dengan ***agama budaya,*** yang dalam kepustakaan barat disebut *natural religion*.

Jelas sekali perbezaan antara kedua-dua agama, yang pertama diturunkan dari langit, yang kedua tumbuh di bumi di kalangan manusia.

Kita memang mudah mengatakan ada Kitab Suci yang dibentuk oleh naqal dan ada pula yang dibentuk oleh akal. Akan tetapi pemimpin-pemimpin serta penganut-penganut agama budaya tidak akan pernah mengakui, bahawa Kitab Suci mereka itu berasal dari akal. Mereka juga percaya seperti penganut agama langit, bahawa Kitab Sucinya juga berasal dari Yang Qudus.

Bagaimana memastikan, apakah suatu Kitab Suci merupakan himpunan wahyu ataukah hasil dari falsafah? Wahyu yang berasal

dari yang qudus yang bersifaf mutlak tentu mutlak pula. Ajaran-ajarannya mengandung kebenaran mutlak, mengatasi tempat dan waktu, ia benar dahulu, benar sekarang dan benar di masa yang akan datang. Ia benar bagi semua tempat.

Agama itu adalah untuk manusia. Oleh kerana itu kebenaran ajarannya dapat diakui oleh akal manusia, dan ajaran itu sesuai dengan kemanusiaan. Pengalaman dan persekitaran hidup manusia berbeza-beza, membawa kepada perbezaan pemikiran, penghayatan dan cita-citanya, selanjutnya perbezaan cara hidup atau kebudayaannya. Akan tetapi dalam perbezaan dan perubahan kebudayaan itu ada ciri-ciri hakiki yang sama, iaitu cara hidup itu merupakan jawapan terhadap naluri keselamatan dan kesenangan. Inilah ciri-ciri hakiki manusia, yang membentuk erti kemanusiaan. Manusia sebagai individu lahir dan mati, sebagai generasi ia timbul dan lenyap, untuk digantikan oleh generasi berikutnya. Akan tetapi kemanusiaan itu tetap sejak dari dahulu, hinggalah masa kini dan seterusnya masa yang akan datang. Kalau kemanusiaan itu berganti atau lenyap, maka manusia menjadi bukan manusia.

Ajaran agama langit ditujukan bukan kepada manusia sebagai individu atau generasi, yang berubah dan berbeza-beza, tetapi kepada manusia sebagai umat, yang mengandung sifat-sifat semula jadi kemanusiaan. Ajaran itu ditujukan kepada sifat-sifat semula jadi atau hakikat kemanusiaan itu, menuntunnya, mengawalnya dan mengarahkan kepada pembinaan keselamatan dan kesenangan bagi manusia sendiri sebagai individu dan sebagai ahli masyarakat.

Kebenaran yang terhad atau nisbi berubah dari tempat ke tempat, dari waktu ke waktu. Sesuatu yang benar bagi suatu tempat, mungkin tidak benar bagi tempat lain. Sesuatu yang dahulu dipandang benar, sekarang dapat sahaja dinafikan. Kebenaran terhad ini berasal dari akal, tetapi kebenaran mutlak berkekalan, dahulu, kini dan yang akan datang, ia benar bagi semua tempat. Inilah kebenaran naqal.

Maka Kitab Suci agama langit, kerana mengandung kebenaran mutlak tidak akan berubah-ubah, tidak perlu berubah dan tidak mungkin berubah. Kerana, kebenaran mutlak itu mengatasi tempat dan waktu. Akan tetapi Kitab Suci agama budaya terpaksa

diubah-ubah, untuk menyesuaikannya dengan anggapan kebenaran suatu tempat dan suatu masa, atau dengan fakta kenyataan baru.

Konsep utama yang diajarkan oleh Kitab Suci ialah tentang yang qudus itu, siapa Dia, berapa jumlahnya, bagaimana sifat-sifat-Nya. Apabila kita kaji sejarah agama dalam perjalanan sejarah umat manusia, ternyata konsep itu tumbuh dan berkembang, perubahan berlangsung dari satu peringkat kepada peringkat berikutnya, menuju kepada kesempurnaan.

Mula-mula yang dipercayai sebagai yang qudus itu adalah tenaga sakti, yang diistilahkan dalam antropologi dengan "mana". Mana itu dihasrati, kerana ia dapat membantu manusia. Akan tetapi ia juga ditakuti, kerana ia dapat memberikan kerosakan. Atas dasar kepercayaan kepada mana itu lahirlah praktik sihir, yang dikerjakan dukun, bomoh atau pawang.

Mana adalah zat yang pasif. Apabila zat itu dipercayai sebagai mempunyai kemauan, kepercayaan kepada mana meningkat menjadi kepercayaan kepada jiwa. Berubahlah kepercayaan kepada dinimisme, istilah antropologi terhadap sistem kepercayaan kepada mana, menjadi animisme.

Politeisme dan Monoteisme

Di antara banyak dan bermacam jiwa itu tertonjol jiwa-jiwa tertentu, kerana kekuasaannya menyelamatkan atau mencelakakan. Agar mereka jangan merosak dan supaya mereka membantu manusia, dipersembahkan korban, dipuji dan dipuja, dibesar-besarkan ... diperdewalah mereka. Maka mereka itu dipercayailah sebagai dewa-dewa. Meningkatlah kepercayaan animisme kepada politeisme. Politeisme dilanjutkan oleh proses pemilihan kepada suatu dewa dari jumlah dewa yang banyak itu. Inilah yang disebut serba pilihan dewa.

Sebenarnya politiesme adalah perhitungan dengan kekuasaan-kekuasaan yang dijumpai manusia dalam kehidupan. Kalau kekuasaan itu disimpulkan terjadilah serba dua, iaitu dua kekuasaan yang berhadap-hadapan tajam antara yang satu dengan yang lain, seperti Dewa Ormuz dan Ahriman dalam agama Zaratustra, atau panteisme, peribadi Tuhan lebur dalam alam; atau kekuasaan ter-

pusat pada Tuhan, atau ateisme (kekuasaan terpusat pada manusia).

Dalam banyak politeisme terjadi proses pilihan, sehingga akhirnya yang dipuja itu satu atau sejumlah kecil dewa sahaja. Dalam politeisme Hindu, Mesir purba dan Arab Jahiliyah pilihan itu jatuh kepada tiga dewa. Di antara sekian banyak dewa dalam agama Hindu, akhirnya terpilih Brahma (Dewa yang mencipta), Wisynu (Dewa yang memelihara apa yang dicipta oleh Brahma) dan Syiwa (Dewa yang merosak apa yang diciptakan oleh Brahma dan yang dipelihara oleh Wisynu). Dalam agama Mesir purba tertonjol Dewa Osiris dengan isterinya Isis dan anaknya Horus. Dalam agama Arab Jahiliyah tertonjol *al-Lata, al-'Uzza,* dan *Manata.*

Proses konsep ketuhanan dalam agama Hindu tidak berhenti pada tiga Dewa. Dalam pemikiran atau penghayatan selanjutnya, ketiga-tiga itu dipandang sebagai penjelmaan dari Yang Satu, tiga muka dari Yang Satu atau Tiga Yang Satu, Trimurti. Dalam konsep ketuhanan Nasrani juga kita jumpa konsep Tiga Yang Satu atau Satu Yang terdiri dari Tiga Oknum, yang diistilahkan dengan Triniti. Tuhan itu ialah Tuhan Bapa, Tuhan Anak atau Jesus Kristus dan Tuhan Roh Qudus.

Politeisme melalui proses pilihan dewa itu manuju kepada monoteisme. Dari Tiga Yang Satu akhirnya proses kepercayaan itu menjadi Yang Satu atau Yang Tunggal.

Siapa Dia yang qudus itu, berapa jumlahnya? Konsep ini tumbuh dan berkembang dalam perjalanan sejarah agama. Pengalaman, pemikiran dan penghayatan mentafsirkannya berubah dan berbeza dari tempat ke tempat dan masa ke masa. Falsafah tentang yang qudus berevolusi kepada monoteisme. Rupanya inilah konsep yang sempurna. Akan tetapi akal ternyata tidak mampu mencapai monotiesme itu, ia hanya berhasil mendekatinya.

Ada tiga bentuk monotiesme agama budaya:

1. Monoteisme praktis—tidak mengingkari dewa-dewa lain, tapi hanya satu Tuhan sahaja yang diarah dan dipuja.
2. Monotiesme spekulatif—terbentuk kerana bermacam gambaran dewa lebur menjadi satu gambaran, yang akhirnya dianggap sebagai satu-satunya Dewa. Watak peribadi-

nya kurang jelas, kerana perbezaannya daripada panteisme kurang tajam.

3. Monotiesme teoritis—dalam teori Tuhan itu esa, tetapi dalam praktik dipercayai lebih daripada satu Tuhan.

Monoteisme murni atau monoteisme mutlak sebagai yang paling abstrak (kerana itu tidak mungkin dibuatkan patungnya), yang paling tinggi (puncak daya akal memahaminya) adalah konsep yang sempurna yang tidak mungkin dihasilkan oleh akal. Konsep itu hanya diajarkan oleh naqal, diturunkan sebagai wahyu oleh Tuhan Yang Maha Esa sendiri. Konsep inilah yang jadi konsep ketuhanan agama langit.

Bagaimanakah sifat-sifat Tuhan Yang Maha Esa itu? Kalau sifat-sifat Dewa atau Tuhan dalam politeisme dipercayai sebagai sifat-sifat manusia juga, tetapi ditambah dengan keistimewaan akan keluarbiasaan, adalah sifat-sifat Tuhan dalam monoteisme murni berbeza sama sekali. Dalam politeisme dipercayai Tuhan itu beristeri atau beranak, mencintai, membenci dan mendendam, makan dan minum, bertempat diam dan berpergian, suka dan duka, berperang dan damai, meminta korban dan berkorban dan sebagainya. Akan tetapi sifat Tuhan dalam kepercayaan agama langit tidaklah terhad semacam itu. Sifat Tuhan itu mutlak, demikian mutlaknya sehingga tidak mungkin diperbandingkan dengan sifat manusia.

Sifat Tuhan itu hanya ada pada Tuhan, tidak ada pada selain-Nya. Sifatnya itu satu-satunya, unik, tidak ada duanya. Itulah yang disebut dengan sifat yang Esa. Oleh kerana sempurnanya sifat itu diungkapkanlah ia dengan yang maha Esa. Tuhan itu adalah Esa dalam jumlah, Esa dalam sifat (tidak ada selain daripada Tuhan yang memiliki sifat itu) dan Esa dalam perbuatan (tidak ada yang menyamai perbuatan Tuhan).

Sistem hubungan dalam agama budaya dirumuskan oleh pemimpin agama itu berdasarkan cita-cita, pengalaman, pemikiran dan penghayatannya. Agama langit mempercayai bahawa Allah itu adalah Maha Ghaib. Oleh kerana itu manusia tidak mungkin dapat mengetahui bagaimana cara berhubungan dengan yang ghaib itu. Sistem hubungan itu diistilah dengan pengabdian. Bagaimana

mengabdi kepada Tuhan yang tidak dapat disentuh oleh pancaindera; hanya Tuhan sendirilah yang mengetahuinya, kerana itu Dialah yang mewahyukan sistem hubungan dengan Dia.

Ajaran agama budaya tumbuh dan berkembang secara evolusi. Kita telah mengikuti bagaimana evolusi konsep ketuhanan. Demikian pula dengan ajaran-ajaran lain. Bila agama itu lahir, tidak ada yang dapat memastikan, kerana pertumbuhannya merupakan proses, iaitu dari tidak ada menjadi ada. Dalam proses pertumbuhan tidak ada kelahiran. Demikianlah agama budaya tidak dapat ditentukan bila lahirnya, kerana ia tumbuh selari dengan pertumbuhan masyarakat penganutnya, dan berkembang selari dengan perkembangan masyarakat. Tetapi agama langit dapat ditentukan bila lahirnya. Dengan penurunan wahyu yang jadi ajaran agama itu, agama itu lahir di dunia. Wahyu itu tentu tidak mungkin disampaikan kepada masyarakat, yang terdiri dari kumpulan besar manusia. Kerana itu wahyu disampaikan oleh Tuhan melalui seseorang yang diangkat-Nya menjadi Utusan-Nya.

Ajaran agama budaya kerana hasil cita-cita pengalaman, pemikiran dan penghayatan masyarakat, mengalami perubahan dalam perjalanan sejarahnya. Sedangkan ajaran agama langit tidak mungkin mengalami perubahan. Wahyu itu adalah pengetahuan Tuhan Yang Maha Tahu dan Yang Maha Benar. Dia tahu apa-apa yang sudah terjadi, yang sedang dan yang akan terjadi, yang nyata dan yang ghaib. Kerana Dia tahu apa yang terjadi ketika menurunkan wahyu-Nya, sudah barang tentulah wahyu itu tidak akan bercanggah dengan kejadian masa akan datang. Oleh kerana wahyu mengandung kebenaran mutlak, maka ia tetap benar di mana pun dan bila pun juga, hingga memerlukan perubahan dalam perjalanan sejarah agama.

Kebudayaan ialah cara berfikir dan cara merasa masyarakat. Agama budaya merupakan bahagian kebudayaan, kerana itu cara berfikir dan cara merasa kebudayaan itu adalah juga cara berfikir dan cara merasa agamanya. Perubahan kebudayaan terjadi kerana cara berfikir dan cara merasa masyarakatnya berubah. Akhirnya agama pun mengalami perubahan.

Agama langit diturunkan pada masyarakat yang telah memiliki kebudayaan. Cara berfikir dan cara merasa agama langit

tidak berkait ketat dan tidak takluk kepada cara berfikir dan cara merasa masyarakat. Justeru agama mengendalikan kebudayaan dengan mengarahkan cara berfikir dan cara merasa masyarakat kepada cara berfikir dan cara merasa agama.

Oleh kerana agama budaya dibentuk oleh falsafah, maka prinsip-prinsip ajarannya hanya berlaku bagi masyarakat yang menganut falsafah itu. Ajaran-ajarannya tentang alam ghaib tidak termakan oleh akal daripada mereka yang berada di luar pandangan falsafah tersebut. Ajaran-ajarannya tentang alam nyata hanyalah hasil pemikiran semata-mata tanpa diuji oleh fakta. Oleh itu dalam perkembangan sains satu demi satu ajaran itu dibuktikan kekeliruannya.

Prinsip-prinsip ajaran agama langit, kerana mengandung kebenaran mutlak, berlaku bagi setiap individu dan masyarakat. Mengarah kepada kebenaran adalah gerak asli fikiran manusia. Oleh kerana ajaran-ajaran agama langit tentang alam ghaib mengandung kebenaran, maka akal cenderung untuk memahaminya. Ajaran-ajarannya tentang alam nyata, yang mengandung sunnah Allah, satu demi satu diakui kebenarannya oleh sains dalam perkembangannya. Telah dihuraikan di atas, bahawa tujuan kajian sains sebenarnya adalah untuk menemukan undang-undang alam atau sunnah Allah. Oleh kerana itu ketika sains menemukan hakikat suatu peristiwa, bermakna ia menyingkapkan kebenaran yang dikandung oleh ajaran agama langit tentang perkara-perkara yang nyata.

Demikianlah falsafah agama dengan pemikiran lojiknya merumuskan ciri-ciri apa-apa yang semestinya dikandung oleh agama langit dan agama budaya. Dari huraian di atas ciri-ciri agama budaya dan agama langit dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Kelahiran agama langit tertentu waktunya. Dengan diturunkan wahyu oleh Allah melalui utusan-Nya, yang diangkat-Nya ketika penurunan wahyu itu, lahirlah agama langit. Agama budaya tidak dapat dipastikan bila lahirnya, yakni dari tidak ada menjadi ada. Agama ini mengalami proses pertumbuhan, yang terikat dalam proses pertumbuhan kebudayaan masyarakatnya.

2. Agama langit disampaikan oleh utusan Allah. Akhlak yang jujur dan luhur sepanjang hayat utusan itu menjamin kebenaran pemberitaannya, bahawa apa jua yang disampaikannya itu adalah wahyu yang diterimanya dari Allah. Keganjilan-keganjilan yang menyimpang dari hukum alam, yang diistilahkan mu'jizat, diperlihatkan oleh utusan itu untuk menambah pembuktian, bahawa dia itu memang utusan Allah. Kebenaran yang teruji daripada wahyu yang diberitakannya dan ajaran yang disampaikannya menjadi saksi bahawa ia benar-benar utusan Allah.

   Agama budaya tidak mengenal utusan tersebut. Yang mengajarkan agama itu adalah filsuf atau orang yang dapat disamakan dengan filsuf dalam masyarakatnya, atau pemimpin rohaniah yang merumuskan penghayatan atau kesedaran agama yang hidup dalam masyarakatnya, atau pencipta agama itu sendiri.

3. Agama langit memiliki Kitab Suci, yang jadi himpunan wahyu yang diturunkan oleh Allah. Oleh kerana tidak ada bahasa yang mampu menterjemahkan bahasa lain dengan sempurna, bahasa Kitab Suci itu mesti bertahan, iaitu sesuai dengan bahasa, dalam mana wahyu itu diturunkan. Yang lebih penting lagi, wahyu-wahyu di dalam Kitab Suci itu tidak boleh diubah atau berubah dari aslinya. Andai kata ada perubahan, perubahan itu mestilah datang dari Allah sendiri melalui wahyu-Nya juga.

   Agama budaya primitif tidak memiliki Kitab Suci. Agama budaya dari masyarakat yang telah berperadaban mungkin sekali memiliki Kitab Suci. Kitab itu berubah dengan perubahan falsafah agama atau perubahan kesedaran agama yang terjadi dalam masyarakatnya. Selain perubahan isi Kitab Suci, mungkin pula terjadi penambahan jumlah Kitab Suci dalam perjalanan sejarah agama yang panjang.

4. Sistem berfikir dan merasa agama langit tidak berkait ketat dengan kebudayaan masyarakat yang menerima agama itu. Agama menuntun kepada kebudayaan, supaya

mengarahkan kepada atau menyelaraskan sistem berfikir dan merasanya dengan agama. Dengan demikian agama menuntut dan mengawal kehidupan dan aktiviti kebudayaan, semenjak agama itu diterima oleh masyarakat. Penyelarasan kebudayaan kepada agama berlangsung dalam proses yang panjang. Apabila kebudayaan itu sudah selaras dengan agama, satu-satu waktu penyelarasan itu perlu diulang kembali, ketika kebudayaan itu mengalami perubahan. Agama serba tetap, tetapi kebudayaan dalam perjalanan sejarah selalu mengalami perubahan. Kerana itu proses penyelarasan itu tidak henti-hentinya.

Sistem berfikir dan merasa agama budaya berkait dengan kebudayaannya, kerana agama merupakan bidang kebudayaan. Oleh kerana kebudayaan dan agama merupakan satu kesatuan tidak timbul masalah penyelarasan kebudayaan kepada agama. Yang mungkin terjadi kebalikannya, ketika kebudayaan mengalami perubahan, terjadi ketidakserasian antara kebudayaan itu dengan agamanya. Ketika itu agama perlu melakukan penyelarasan dengan kebudayaan, yang berakibat kepada perubahan agama pula, mengikut perubahan kebudayaan.

Agama adalah sistem hubungan manusia dengan Allah. Sistem hubungan itu dalam agama langit ditentukan sendiri oleh Allah melalui wahyu-Nya. Selama Allah itu dipercayai sebagai Khaliq dan manusia makhluk-Nya, sistem hubungan tidak akan mungkin berubah, betapa pun manusia itu mengalami kemajuan, sekalipun kebudayaannya berkembang dahsyat, digerakkan oleh sains dan teknologinya yang luar biasa. Kebudayaan sebagai pernyataan hubungan manusia dan manusia serta manusia dan alam, dapat berubah terus menerus, tetapi agama sebagai pernyataan hubungan manusia dengan Allah adalah berkekalan.

Sistem hubungan manusia dan Tuhan dalam agama budaya bukan berasal dari naqal, tetapi dari akal, yang berfikir berdasarkan kepercayaan (yang berisi anggapan) dan pengetahuan serta pengalaman manusia. Perkem-

bangan kebudayaan mengubah kepercayaan, pengetahuan dan pengalaman itu, sehingga diperlukan perubahan agama, supaya ia tetap selaras dengan kebudayaan yang berubah itu.

Perkembangan kebudayaan dari masyarakat yang menganut agama langit tidak mengubah agama (kerana tidak ada kuasa manusia mengubah ketentuan Allah), melainkan hanya mengubah tafsiran dan pandangan serta ulasan tentang agama itu dan mungkin juga mengubah beberapa pelaksanaan agama.

5. Konsep ketuhanan agama langit bukan disusun oleh akal, melainkan diturunkan dengan naqal. Daya akal tidak mungkin menyusun konsep ketuhanan yang sempurna, kemampuannya hanya setakat menerima dan mempercayai konsep itu. Konsep yang sempurna itu ialah monoteisme murni, sedangkan daya akal paling tinggi hanya mampu menyusun monoteisme terhad.

   Konsep ketuhanan agama budaya disusun oleh akal, berdasarkan cita-cita, pengalaman, pemikiran dan penghayatan. Penambahan pengalaman, perubahan cita-cita, perkembangan pemikiran dan penghayatan membawa perubahan kepada daya akal, dan berubah pulalah konsep ketuhanan yang disusunnya. Oleh kerana itu tanggapan tentang yang qudus atau Tuhan dalam sejarah umat manusia berkembang dengan perkembangan akalnya, mulai dari dinamisme sampai kepada monoteisme terhad.

   Ajaran agama langit adalah mutlak, kerana berasaskan ilmu Allah yang Maha Tahu. Oleh itu kebenarannya tidak terikat oleh tempat dan waktu. Ia benar pada masa dahulu, benar pada masa kini dan benar pada masa datang. Hanya sahaja mungkin akal manusia belum cukup berkembang untuk menangkap kebenaran itu, atau sains manusia belum cukup kemajuannya untuk mengakui kebenaran itu. Akal bertugas mentafsirkan ajaran itu untuk memuaskan hati manusia. Pentafsiran itu akan berubah dari semasa ke semasa, sesuai dengan perkembangan tenaga akal. Sains bertugas untuk menggali kebenaran

yang terkandung oleh ajaran itu.

Ajaran agama budaya adalah terhad, kerana berasaskan pengetahuan manusia yang daif. Oleh itu kebenarannya terikat pada masa dan masyarakat yang menganutnya. Kebenarannya hanyalah setakat cita-cita, pengalaman, pemikiran dan penghayatan kebudayaan yang melahirkannya. Dengan perkembangan akal dan sains timbul ketidakpuasan terhadap ajaran itu.

7. Prinsip-prinsip agama langit bersifat mutlak, kerana itu berlaku bagi umat manusia secara universal. Pelaksanaan prinsip-prinsip itu dilakukan oleh akal, kerana itu caranya terhad, sesuai dengan masa dan masyarakat yang menganutnya.

   Prinsip-prinsip agama budaya kerana tertuju kepada masa dan masyarakat tertentu bersifat terhad atau nisbi. Oleh kerana itu agama itu tidak sesuai untuk masa dan masyarakat lain. Untuk menyesuaikannya dengan masa dan masyarakat lain itu, prinsip-prinsip itu perlu diubah. Sedangkan prinsip-prinsip agama langit tidak memerlukan perubahan itu, sehingga ia dapat berkekalan.

8. Nilai-nilai yang diajarkan oleh agama langit sesuai dengan kemanusiaan. Nilai-nilai etika membina keselamatan hakiki dan nilai-nilai estetikanya membina kesenangan yang hakiki. Yang menentukan sistem nilai ialah Allah sendiri. Allah yang Maha Tahu menyelaraskan ukuran nilai itu dengan hakikat kemanusiaan. Nilai baik yang diwajibkan Allah adalah untuk membina dan mengawal keselamatan manusia di dunia dan di akhirat. Nilai buruk yang diharamkan-Nya adalah mencegah kecelakaan dan penderitaan atau mempertahankan keselamatan yang sudah wujud. Allah yang mencipta naluri SS pada diri manusia dan Dia pulalah yang menentukan nilai-nilai untuk mewujudkan SS itu.

   Nilai-nilai yang diajarkan oleh agama budaya mungkin sesuai dengan cita-cita, anggapan, pengalaman, pemikiran dan penghayatan masyarakat yang menganutnya secara terhad. Nilai-nilai itu mungkin sesuai bagi masya-

rakat itu untuk sementara waktu, tetapi dengan perkembangan cita-cita, anggapan, pengalaman, pemikiran dan penghayatan itu ia menjadi tidak selaras. Maka diperlukan perubahan nilai-nilai.

Nilai-nilai agama langit digariskan oleh naqal, nilai-nilai agama budaya disusun oleh akal melalui falsafah. Yang pertama menentukan hak-hak dan kewajipan-kewajipan asasi umat manusia, sedangkan yang kedua menggariskan hak-hak dan kewajipan-kewajipan suatu masyarakat pada suatu masa.

9. Perkara-perkara *ghaib idafi* yang diajarkan oleh agama langit menunggu perkembangan sains untuk membuktikan kebenarannya. Sedangkan perkara-perkara ghaib hakiki yang diajarkannya dapat diterima oleh akal sihat.

   Perkara-perkara *ghaib idafi* yang diajarkan oleh agama budaya sering terbuktikan oleh perkembangan sains kekeliruannya, dan perkara-perkara ghaib hakiki yang dikandung oleh ajarannya tidak dapat atau sukar diterima oleh akal sihat.

10. Perkara-perkara alam nyata yang diajarkan oleh agama langit satu demi satu dibuktikan kebenarannya oleh perkembangan sains. Demikian pula pemberitaan peristiwa-peristiwa yang telah berlalu dibuktikan kebenarannya oleh ilmu sejarah dan ramalan peristiwa-peristiwa yang akan datang dibuktikan kebenarannya oleh pengalaman manusia.

    Perkara-perkara alam nyata yang diajarkan oleh budaya sering dibuktikan kekeliruannya oleh perkembangan sains. Demikian pula pemberitaannya tentang peristiwa-peristiwa sejarah. Ramalan-ramalannya tidak sesuai dengan pengalaman manusia.

11. Melalui agama langit Allah memberikan tuntutan, petunjuk dan peringatan kepada pembentukan *insan kamil* (manusia sempurna, manusia ideal). Sedangkan gambaran yang hendak dibentuk oleh agama budaya adalah anggapan kesempurnaan sepanjang cita-cita, pengalaman, pemikiran dan penghayatan masyarakat penganutnya,

yang belum tentu diakui oleh masyarakat lain yang berbeza cita-cita, pengalaman, pemikiran dan penghayatannya.

Demikianlah semestinya ciri-ciri pokok perbezaan di antara agama langit dengan agama budaya sepanjang pemikiran lojik atau sepanjang pemikiran falsafah agama. Dengan kaca mata ciri-ciri ini kita kajilah agama-agama yang ada sekarang di dunia. Maka akan kita temukan umumnya agama-agama itu (kecuali sedikit) tergolong kepada agama budaya. Ada tiga agama dapat dipisahkan dari agama budaya, yakni agama Yahudi, Nasrani dan Islam.

Agama Yahudi, Nasrani dan Islam

Agama Yahudi dan Nasrani tidak mengenai keseluruhan ciri itu. Misalnya Kitab Suci Yahudi: Taurat, dan Kitab Suci Nasrani: Injil (yang kedua-duanya disebut *Bible*), telah dibuktikan oleh ilmu sejarah, bahawa kedua-dua kitab itu telah mengalami perubahan. Penemuan arkeologi, yakni lembaran-lembaran suci di Lembah Qumram yang terkenal dengan sebutan *"The Dead Sea Serolls"* menambah bukti perubahan itu. Sistem berfikir dan merasa agama Yahudi hanya teruntuk bagi bangsa Yahudi, tidak bagi umat manusia. Demikian pula sistem nilai Yahudi tidak berlaku bagi yang bukan Yahudi. Konsep ketuhanan Nasrani bukanlah monoteisme murni, melainkan monoteisme terhad. Tuhan itu memang satu, tetapi terdiri dari tiga Oqnum yakni Tuhan Bapak, Tuhan Anak, dan Tuhan Roh Qudus. Manusia sempurna yang dituju oleh kedua agama itu bersifat terhad. Ajaran kedua agama itu banyak tidak rasionalnya daripada rasional. Ajaran agama Nasrani berlawanan dengan sains, kerana sains itu bersifat rasional. Putusan-putusan konferensi agama dalam agama Nasrani dikuatkuasakan sama dengan Kitab Suci. Hal ini bermakna putusan akal setingkat dengan naqal. Pemimpin agama dalam Katolik, yang tentunya dipandang sebagai teladan manusia sempurna, tidak menyatakan kemanusiaan sepenuhnya, kerana ia tidak berkahwin. Perkara-perkara ghaib yang diajarkan oleh Nasrani tidak memuaskan pemikiran yang sihat.

Bagaimanakah dengan agama Islam? Mari kita sorotkan ciri-ciri agama langit kepada agama ini:

1. Agama langit jelas dan dapat dipastikan lahirnya. Ia mulai diturunkan 17 Ramadan 10 tahun Gajah, bertepatan dengan 6 Ogos 610 M. selesai diturunkan 23 tahun sesudah itu.
2. Agama Islam disampaikan oleh utusan Allah, Rasulullah Muhammad s.a.w., cukup bukti-bukti yang membenarkan beliau itu utusan Allah.
3. Agama Islam memiliki Kitab Suci, iaitu al-Qur'an, Bahasa kitab itu berkekalan sampai sekarang, yakni tetap dalam bahasa asli, bahasa yang dipakai untuk menurunkan wahyu-wahyu Allah. Jumlah kata yang dikandung oleh al-Qur'an semenjak dipermaklumkan oleh Rasulullah sampai sekarang adalah tetap, iaitu 74,439 perkataan. Sistem kawalan yang ketat dalam penyalinan atau percetakan Kitab dan pewarisan dari generasi ke generasi menjamin kemurniannya, yakni bersih dari kesilapan, apa lagi perubahan. Sistem kawalan itu akan segera menemukan tiap kesilapan atau perubahan. Kalau perkara itu terjadi Kitab itu dihukum palsu, kerana itu dimusnahkan. Sampai sekarang tidak ada dakwaan, bahawa telah terjadi perubahan dalam al-Qur'an. Tidak ada kritikan dari ilmu sejarah sampai sekarang, bahawa telah berlaku penambahan, pengurangan atau perubahan isi al-Qur'an.
4. Agama Islam membawa bersamanya sistem berfikir dan merasa yang berbeza dengan cara berfikir dan merasa tiap masyarakat yang menerimanya dan menuntut serta mengarahkan kebudayaan masyarakat itu takluk kepada sistem yang dibawa agama tersebut. Agama Islam menuntun dan mengawal kehidupan dan aktiviti kebudayaan, semenjak agama itu diterima oleh masyarakat. Penyelarasan kebudayaan kepada agama berlangsung terus-menerus. Sekalipun pada suatu ketika penyelarasan itu wujud, namun pada ketika selanjutnya terjadi lagi ketidakselarasan, kerana terjadinya perubahan kebudayaan.

Tata hubungan manusia dengan Allah semenjak digariskan oleh al-Qur'an dan diteladankan oleh Rasulullah berkekalan, tidak berubah-ubah. Sistem hubungan itu adalah jiwa agama. Sistem hubungan manusia dan manusia, semenjak Islam diturunkan, selalu mengalami perubahan. Sistem hubungan ini adalah jiwa kebudayaan. Prinsip-prinsip kebudayaan berkekalan, kerana ditetapkan oleh agama, tetapi cara perlaksanaan prinsip itu berubah terus-menerus. Allahlah yang menurunkan prinsip-prinsip kebudayaan; sebab itu ia sesuai dengan kemanusiaan. Oleh kerana itu pula prinsip-prinsip itu tidak memerlukan perubahan dan tidak boleh berubah.

5. Konsep ketuhanan Islam ialah Tauhid, monoteisme murni, Tuhan itu Maha Esa. Esa dalam jumlah, Esa dalam sifat dan Esa dalam perbuatan. Di antara banyak agama yang wujud di dunia dewasa ini ternyata hanyalah Islam yang berkonsepkan monoteisisme murni. Agama Yahudi dan Nasrani juga menganut monoteisme tetapi sifatnya adalah terhad.
6. Ajaran Islam adalah mutlak, kerana itu tidak akan berubah dan tidak boleh berubah. Pengalaman manusia dan perkembangan ilmu dalam 14 abad terakhir ini, yakin semenjak ajaran Islam diturunkan, menemukan kebenaran demi kebenaran dari kandungan ajaran. Hak-hak asasi manusia misalnya yang diturunkan oleh pertubuhan dunia umat manusia kini (*United Nations*), ternyata semenjak awal telah dikandung oleh ajaran Islam. Penemuan-penemuan tertentu dalam antropologi, dalam sains angkasa luar, sains-sains fizik dan sains-sains kemasyarakatan ternyata merupakan perulangan sahaja daripada perkara-perkara yang terdapat dalam al-Qur'an dan Hadith. Apa-apa yang dituntut oleh ekologi, misalnya penyelamatan lingkungan alam dan pencegahan pencemaran, tidak lain mengulang kembali apa-apa yang telah disuruh oleh ajaran Islam.
7. Kebenaran yang dikandung oleh ajaran Islam tidak terikat oleh tempat dan waktu. Hanya sahaja manusia memerlu-

kan pengalaman yang lebih matang dan sainsnya memerlukan perkembangan yang lebih lanjut untuk berhasil menemukan kebenaran yang dikandung oleh ajaran itu. Banyak ayat al-Qur'an, yang tidak difahami oleh orang-orang dahulu, sehingga menganggapnya hanya sebagai kiasan atau sesuatu yang mesti diterima sahaja, dewasa ini baru terbuka rahsianya, setelah pengalaman yang banyak dan kemajuan sains yang cukup. Dengan demikian diperlukan perkembangan akal untuk dapat menemukan kebenaran demi kebenaran yang dirahsiakan oleh Islam dalam ajarannya. Kemanusiaan terletak pada akal. Ajaran Islam adalah untuk mereka yang mempergunakan akal. Dengan demikian Islam adalah untuk manusia dan sesuai dengan kemanusiaan.

8. Nilai-nilai, terutama etika dan estetika, yang digariskan oleh Islam dapat dibuktikan sesuai dengan kemanusiaan. Nilai yang dipandangnya baik bagi manusia, diwajibkannya. Nilai-nilai yang dipandangnya setengah baik, disunatkannya. Yang dipandang baik pun tidak, buruk pun tidak dimubahkan atau dijaizkannya. Yang setengah buruk dimakruhkannya; Yang buruk diharamkannya. Nilai-nilai itu dapat diuji kebenarannya dengan nyata.

   Apabila perkara-perkara wajib dilaksanakan terbinalah *kulliyat al-khamsah,* yakni pembinaan salam bagi agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Kalau Perkara-perkara haram dijalankan rosaklah *kulliyat al-khamsah.* Kalau ia dijauhi, terpeliharalah *kulliyat al-khamsah.* Kalau perkara-perkara sunat dijalankan, *kulliyat al-khamsah* dapat dibina, kalau yang makruh dikerjakan, ia dapat rosak. Kalau perkara-perkara mubah dilaksanakan, tidak berbina, juga tidak rosak, jadi akibatnya *neutral.*

9. Banyak perkara *ghaib idafi* yang diajarkan oleh agama Islam adalah sesuai dengan penemuan-penemuan sains dalam perkembangannya. Perkara-perkara *ghaib hakiki* yang dikandung oleh ajaran Islam dapat diterima, oleh akal yang sihat. Pentafsiran-pentafsiran yang lojik diperlukan dalam penerimaan itu.

10. Perkara-perkara alam nyata yang diajarkan oleh Islam yang dahulu hanya diterima tanpa kefahaman atau tanpa bukti, sudah mulai banyak dibuktikan kebenarannya oleh penemuan sains.

11. Apabila tuntunan, petunjuk dan peringatan agama Islam dijalankan lengkap akan terbentuklah *insan Kamil,* yang misal-misalnya diberitakan oleh sejarah.

Demikian perbincangan kita tentang agama langit dan agama budaya. Lojik menyimpulkan dari kedua-dua jenis agama itu, yang benar adalah agama langit. Dari penyorotan ciri-ciri yang semestinya dikandung oleh agama langit terhadap agama Yahudi, Nasrani dan Islam, ternyata pada Islamlah kita temui ciri-ciri agama langit yang lengkap. Maka sampailah pilihan kita pada Islam sebagai agama yang tidak sahaja baik, tetapi juga benar.

Telah dihuraikan di atas, bahawa semua agama adalah baik, tetapi hanya satu agama yang benar. Itulah Islam! Tidak semua nilai baik itu benar. Akan tetapi nilai baik pada Islam bertemu dengan nilai kebenaran.

Nilai baik dan buruk memang bersifat subjektif, diputuskan oleh kalbu kerana tidak ada faktanya, memang tidaklah mungkin diuji benar salahnya. Yang baik bagi seseorang, mungkin buruk bagi orang lain. Siapa yang benar antara kedua orang itu tidak mungkin ditentukan, kerana tidak ada fakta sebagai alat pengukur. Sedangkan apakah sesuatu itu benar atau salah, dapat ditentukan. Sesuatu dikatakan benar, manakala pengetahuan tentang sesuatu itu sesuai dengan realitinya.

Sekalipun nilai baik dan buruk itu subjektif terhad, namun masih diletakkan ukuran kebenaran atas nilai-nilai itu. Nilai baik dan buruk yang hanya berlaku untuk suatu masa atau berlaku untuk individu atau masyarakat tertentu lebih rendah nilai kebenarannya daripada yang berlaku untuk tiap masa dan untuk tiap individu atau masyarakat. Jadi kita dapat mengatakan nilai baik dan buruk yang benar ialah yang bersifaf universal, tidak terikat oleh tempat dan waktu. Dipandang dari ukuran ini nilai baik dari setiap agama itu belum tentu benar. Nilai baik agama yang benar ialah nilai agama yang kebaikannya itu bersifat universal, dan nilai

universal itu adalah nilai yang sesuai dengan kemanusiaan. Oleh kerana itu selama manusia itu manusia, tidak pandang di mana dan bila ia hidup, nilai itu berlaku padanya. Nah, nilai baik yang beginilah yang dikandung oleh agama Islam. Oleh sebab itulah dikatakan, nilai baik Islam itu bertemu dengan kebenaran.

Untuk memberikan misal betapa nilai baik itu belum tentu benar, perkara-perkara berikut dapat memberikan kefahaman. Seseorang dari kumpulan perompak tertangkap. Polis mendesaknya untuk menerangkan siapa-siapa temannya dan di mana mereka bersembunyi. Akan tetapi ia tidak hendak memberi keterangan. Baikkah orang itu atau jahat? Teman-temannya akan menilainya baik tetapi masyarakat menilainya buruk. Dinilai baik, kerana ia tidak mahu mengkhianati kawan. Dinilai buruk, kerana dengan demikian kejahatan tidak mendapat hukuman dan tanpa tertangkapnya penjahat-penjahat itu masyarakat menghadapi ancaman. Seseorang mencuri rahsia negaranya dan menyerahkannya kepada negara asing. Orang ini dinilai salah oleh negaranya, tetapi dinilai baik oleh negara asing itu. Apabila negara A dan B bermusuhan, terjadilah pertikaian nilai tentang perkara yang sama. Perkara yang dinilai baik oleh A, tentu dinilai buruk oleh B, dan sebaliknya.

Dengan demikian dapatlah dikatakan, sekalipun tiap agama itu baik, tetapi belum tentu nilai baiknya benar adanya. Pada Islamlah kita temukan, bahawa nilai baiknya adalah benar. Jadi agama Islam itu kerana bukan sahaja ajarannya benar, tetapi sifat baik ajarannya juga benar.

Dari perbahasan falsafah agama sampailah kita kepada kesimpulan, bahawa Islam itu baik dan benar.

Setelah memastikan bahawa agama Islam itu baik dan benar, kembali kita kepada pertanyaan yang timbul dalam perbahasan akhir Fasal 4: Bagaimana membina SS aku di akhirat nanti? Masalah yang terbengkalai ini kita selesaikan sekarang dengan merumuskan jawapan Islam.

Tiap agama membentangkan jalan bagi penganutnya untuk membina SS-nya di akhirat. Agama memperingatkan ada dua jalan kehidupan, jalan baik dan jalan buruk. Yang pertama berhujung di akhirat pada syurga, sedangkan yang kedua pada neraka. Agama

menunjukkan mana jalan baik itu, menyuruh pengikutnya untuk menempuhnya dan melarangnya dari menempuh jalan buruk. Perbezaan agama langit dan agama-agama lain ialah, nilai baik dan buruk menurut agama yang pertama adalah sungguh-sungguh benar, sedangkan nilai-nilai pada agama-agama lain hanyalah anggapan kebenaran sahaja.

Telah dihuraikan ciri-ciri agama langit Islam ialah:

1. Imannya: Tauhid
2. Sistem hubungannya: Ibadat
3. Sumber ajarannya: Al-Qur'an dan Hadith.
4. Sikap hidup atau pandangan dunianya: taqwa
5. Matlamatnya ialah keredaan Ilahi

Yang akan membina SS di akhirat itu ialah keimanan Tauhid. Kepercayaan kepada Tuhan Yang Maha Esa menggerakkan manusia memperhambakan diri (ibadat) kepada-Nya.

Kepercayaan kepada Allah menimbulkan kepercayaan kepada wahyu-wahyu yang diturunkan-Nya. Dari wahyu itu diketahui, bahawa Allah menciptakan manusia untuk memperhamba diri kepada-Nya (Surah al-Zariyat, ayat 56). Memperhambakan diri itu ialah dengan berserah diri sepenuhnya kepada-Nya, iaitu takluk kepada iradat-Nya dan mencari reda-Nya, taat kepada kemahuan-Nya dan mencari apa yang disukai-Nya. Allah menciptakan manusia dari dua unsur asal: jasad dan roh. Fungsi roh itu ialah akal. Dalam kejadiannya manusia membawa naluri ingin keselamatan dan kesenangan. Kejadian manusia itu adalah iradat Allah. Di samping itu adalah pula iradat Allah agar manusia mewujudkan naluri asasnya itu. Untuk itu Allah menunjukkan jalan, yakni dengan memperhamba diri kepada-Nya. Mengabdi kepada-Nya ialah dengan mentaati suruhan dan menghentikan larangan-Nya. Keseluruhan perintah Allah, baik perintah untuk mentaati atau perintah untuk menghentikan, membentuk syari'at. Syari'at inilah jalan yang ditunjukkan Allah untuk mewujudkan salam bagi manusia. Salam merupakan akar kata Islam. Allah menurunkan Islam dengan risalah menjawab naluri asas manusia.

Ajaran Islam yang terdiri atas al-Qur'an dan Hadith berfungsi

menerangkan dan menunjukkan syari'at. Apabila syari'at ditempuh terbinalah sikap hidup taqwa. Hakikat taqwa ialah menjaga hubungan dengan Allah. Apabila terjaga hubungan dengan Allah, maka menusia mentaati suruhan-Nya dan menghentikan larangan-Nya (takluk kepada iradat-Nya) serta mencari reda-Nya dalam perjalanan hayatnya di dunia.

Hakikat agama seperti telah dihuraikan, adalah sesungguhnya sistem hubungan dengan Allah, *hablum minallah*. Allah adalah penguasa hari pembalasan.

Terjemahan: Yang menguasai hari pembalasan

(*Al-Fatihah, 1:4*)

Dengan mengenal dan meyakini Allah, beribadat kepada-Nya, mengamalkan ajaran-Nya, bertaqwa kepada-Nya, dapatlah manusia mengharapkan pembalasan daripada-Nya di akhirat nanti dengan memasuki Jannah-Nya, yang disediakan-Nya bagi hamba-hamba-Nya yang taat beragama.

Dengan demikian berjawaplah pertanyaan yang diajukan di atas. Bagaimana membina SS aku di akhirat nanti? Membina salam nanti di akhirat ialah dengan mengamalkan agama Islam kini di dunia.

XIII

ISLAM

Takrif Islam dan Muslim

Kajian kita tentang Islam baiklah kita mulai dengan mengenal pengertian kata Islam itu sendiri. Kata Islam ialah kata jadian Arab. Asalnya dari kata jadian juga: *aslama.* Akar katanya ialah *Salima,* bererti: sejahtera, tidak bercela, tidak bercacat. Dari kata itu terjadi kata masdar: *salamat* (dalam bahasa Malaysia/Indonesia menjadi selamat), seterusnya *salm* dan *silm. Salm* atau *silm* bererti: kedamaian, kesejahteraan, kepatuhan, penyerahan diri pada Allah.

Kata salam itu kita jumpai dalam ucapan *assalamu'alaikum* (*sejahteralah atas kamu*). Orang Islam apabila bertemu antara sesamanya tidak mengucapkan *selamat pagi* atau *selamat malam,* melainkan mendoakan salam atau kesejahteraan orang yang dijumpainya itu. Kesejahteraan orang yang dijumpainya itu. Sejahtera bererti: aman dan makmur, senang tenteram, terpelihara dari bencana, kesusahan, gangguan dan lain-lain. Dengan demikian kata itu mengandung pengertian *keselamatan* dan *kesenangan,* yang jadi naluri asasi manusia.

Orang yang melakukan *aslama* atau masuk Islam dinamakan *muslim,* bererti taat dan berserah diri kepada Allah. Di lihat dari segi ini Islam ialah taat dan berserah diri kepada Allah secara menyeluruh. Dalam pengertian ini penamaan muslim bukan hanya teruntuk bagi orang Islam sahaja, tetapi juga bagi setiap makhluk yang taat dan berserah diri kepada Allah. Siapakah makhluk yang

demikian? Kembali kita kepada kajian peringkat-peringkat makhluk adalah mereka itu:

1. Alam peringkat benda mati.
2. Peringkat hayat, yang terdiri dari tumbuhan dan haiwan.

Udara, air, api, logam, zat-zat kimia, bumi, matahari, bintang, sejuta jenis haiwan dan sepertiga juta jenis tumbuhan, kesemuanya itu adalah juga muslim. Mereka taat dan takluk kepada iradat Allah. Ketika Allah menciptakan kedua peringkat makhluk sekalian, Allah menentukan gerak dan sifat masing-masing. Ketentuan Allah atas benda-benda itulah yang disebut sunnah Allah, yang telah kita singgung dalam huraian yang lewat. Oleh kerana mereka tunduk dan patuh kepada ketentuan-ketentuan Allah, maka gerak dan sifatnya senantiasa sesuai dengan apa juga yang telah digariskan Allah. Gerak membentuk peristiwa. Peristiwa berlangsung dalam hubungan sebab-akibat. Apabila hubungan sebab-akibat itu berlaku pasti dan serba tetap, ia disebut hukum atau undang-undang. Menemukan undang-undang inilah yang jadi matlamat kajian sains fizik, di samping mengenal sifat benda-benda itu.

Telah kita perkatakan hukum alam yang jadi tujuan kajian sains tidaklah lain daripada sunnah Allah. Semua benda alam peringkat pertama dan kedua itu tunduk dan patuh kepada undang-undang Allah tentang alam. Oleh kerana itu mereka itu disebut muslim. Ketaatan alam kepada Allah inilah yang disebut dengan ungkapan alam sujud kepada Allah.

Tingkat tertinggi alam nyata ialah manusia atas sosial-rohaniah. Manusia terdiri atas dua unsur asal, jasad yang bersifat biologi dan roh bersifat spiritual. Jasad manusia pun adalah muslim sejati. Tidak sedikitpun ia menyimpang dari undang-undang biologi atau sunnatullah, sekalipun manusia yang memiliki jasad itu kafir adanya. Jadi orang kafir pun adalah muslim pada segi jasmani. Yang kafir itu adalah akalnya.

Akal memiliki kemahuan bebas. Mungkin ia taat kepada sunnah Allah, mungkin pula ia ingkar. Apabila taat muslimlah dia, apabila tidak kafirlah dia. Inilah pengertian umum tentang muslim

dan kafir, yang dianut masyarakat Islam.

Kesejahteraan muslim ,baik dalam pengertian khusus (yakni kedudukan muslim pada peringkat alam benda mati dan hayat dan jasad manusia), ataupun dalam pengertian umum (yakni kedudukan muslim pada akal manusia), bergantung seluruhnya atas ketaatannya pada sunnah Allah. Bayangkanlah apakah yang akan terjadi kalau alam benda mati dan hayat tidak mematuhi undang-undang Allah? Kalau misalnya gerak bumi, matahari dan bintang-bintang keluar dari orbitnya (garis lingkaran geraknya) akan terjadilah perbenturan antara benda-benda angkasa itu, yang akan membawa kehancuran alam semesta. Apabila manusia tidak mematuhi undang-undang Allah, manusia tidak akan mungkin mewujudkan kesejahteraan atau salam dalam kehidupannya. Inilah yang telah berlaku dalam masyarakat orang-orang kafir dan orang-orang munafik dari dahulu sampai sekarang. Mungkin kesejahteraan material mereka capai, tetapi kesejahteraan rohaniahnya tidak wujud. Mungkin kesejahteraan duniawi secara terhad dapat mereka tegakkan, tetapi penderitaan dan seksaan di akhirat menunggu mereka. Orang-orang yang menamakan dirinya Islam pun tidak pula mungkin mewujudkan salam dalam kehidupannya, kalau ia tidak tunduk kepada hukum Allah. Ini pulalah yang berlaku dalam masyarakat orang Islam dari dahulu sampai sekarang. Orang Islam yang tidak taat kepada Allah itu bukanlah muslim sejati. Penamaan muslim saja tidak menjamin kesejahteraan, tapi amal yang mentaati sunnah Allah yang menjamin salam.

Demikianlah pengertian Islam secara ***Lughwiyyah***. Sebelum kita kaji pengertian istilahnya, eloklah kita telaah dahulu pengertian Islam dalam masyarakat kita.

Pada awal Bab II, Pengertian Agama telah dibahas betapa masyarakat menyamakan Islam dengan agama. Kalau kita bertanya: Apa agama tuan, jawapan yang kita perolehi: Agama saya Islam. Kalau kita tanya: Apakah dia Islam, jawapan yang kita temukan ialah: Islam itu agama.

Dalam Bab II itu juga telah kita selesaikan pengertian agama, yakni kepercayaan kepada yang qudus, menyatakan diri pada hubungan dengan Dia dalam bentuk pemujaan, penyembahan dan permohonan, membentuk sikap hidup, berdasarkan ajaran ter-

tentu. Sari pengertian agama ialah sistem hubungan manusia dengan Tuhan. Sistem hubungan itu menurut ajaran agama Islam ialah ibadat khassah atau Rukun Islam. Matlamat utama agama ialah pembinaan SS di akhirat nanti dan kesejahteraan rohaniah di dunia, dan memang tanggapan tentang Islam dalam masyarakat kita adalah demikian, menegakkan sembahyang, mengerjakan puasa, membayarkan zakat, naik haji ke Makkah, dan zikir, sabar dan tawakal kepada Allah. Itulah yang dipandang amal salih. Imbalan amal salih adalah pahala. Balasan pahala ialah syurga di akhirat nanti.

Islam bukan Sekadar Agama

Menyamakan Islam dengan agama (sahaja) membawa kepada pengertian yang sempit. Oleh itu timbul dakwaan di kalangan belia, bahawa Islam itu hanyalah untuk akhirat. Maka untuk memuaskan duniawinya, mereka menjauh dari Islam. Nanti kalau sudah tua barulah elok mengamalkan Islam, kerana manusia sudah mendekati pintu kubur.

Demikian pula pengajian, syarahan atau khutbah Jumaat mengkaji Rukun Islam dan Iman sampai ke garis-garis kecilnya, sambil menghitung-hitung pahala dan dosa dan menutup perbincangan dengan syurga dan neraka.

Perkara-perkara sosial, ekonomi, sains dan teknologi, politik dan seni, dirasa perlu dijauhi dalam memperbincangkan Islam. Oleh kerana itu tidak diperkatakan dalam kajian, syarahan dan khutbah dan tidak diajarkan di sekolah-sekolah agama.

Gejala-gejala yang dapat kita perhatikan dalam masyarakat kita itu adalah disebabkan memandang Islam sebagai agama. Akibatnya parah sekali pada masyarakat Islam:

1. Dalam pergaulan antara bangsa umat Islam diketepikan. Pergaulan 'sosial moden', orang menganggap tiada tempat bagi orang Islam yang taat. Dalam pergaulan masyarakat kota orang Islam mengamalkan nilai-nilai Barat.

2. *Hodonisme,* iaitu kepuasan kenikmatan dan kepuasan rasa merupakan ukuran laku perbuatan baik.

3. *Vitalisme,* iaitu pencerminan kekuatan dalam hidup dijadikan ukuran baik.

4. *Utilitarisme* dan pragmatisme, yang memberi manfaat dan kegunaan dijadikan ukuran baik dalam laku perbuatan.

Nilai-nilai akhlak Islam tidak diamalkan di luar masjid atau di luar aktiviti-aktiviti agama, kerana itu pergaulan di rumahtangga, di pejabat, di kilang, di pasar, di tempat-tempat reakrasi, di restoran, di kelab, di syarikat, di organisasi, di parti, di institusi, di negara di antarabangsa dan lain-lain dalam masyarakat dirasakan tidak diatur oleh Islam.

Dalam ekonomi umat Islam berada di peringkat bawah. Kebanyakan mereka masih bermata pencarian di lapangan pertanian. Rata-rata mereka itu miskin, kerana wang dipandang sebagai daki dunia dan kemewahan diuntukkan bagi orang kafir. Peringkat tengah ekonomi, apalagi peringkat tingginya dikuasai oleh orang bukan Islam, yang mengendalikan penghidupan orang Islam. Kalau ada orang Islam berjaya menduduki peringkat menengah dan tinggi itu, umumnya ia hanyut dalam arus sekularisme. Asas kehidupan dunia ialah ekonomi dengan kegiatan-kegiatan atau intinya: mengadakan barang-barang, penyaluran barang-barang dan mempergunakan barang-barang. Adalah pandangan umum orang-orang Islam, bahawa Islam tidak mengatur kehidupan dunia. Oleh kerana itu makin menjauhi dunia, makin dipandang salih. Sedangkan dunia itu adalah realiti yang dihadapi umat Islam sehari-hari.

Moral politik yang umum berlaku moral *Machiavellisme,* yakni tujuan menghalalkan cara. Untuk mencapai tujuan baik, boleh ditempuh jalan-jalan yang tidak terpuji, bahkan jalan kejahatan pun boleh. Hakikat politik dipandang dari ilmu budaya, adalah sesungguhnya membentuk kekuasaan dan mempergunakan kekuasaan itu untuk mengatur sosial ekonomi sebaik-baiknya menurut konsepsi pemegang kekuasaan. Hakikat ini tidak difahami oleh rata-rata umat Islam, sehingga mereka menyamakan praktik-pratik kotor politik dengan hakikat politik. Oleh sebab itu anggapan umum yang dianut ialah Islam tidak menyukai politik, dan kalau orang Islam masuk ke dalam gelanggang politik, tuntutan dan pedoman kegiatannya tidak ditanyakannya kepada Islam (kerana di-

anggap Islam tidak mengajarkan perkara politik), tetapi kepada luar Islam. Maka moral Machiavellisme pun menjadi moralnya pula.

Yang dirasakan sebagai suruhan ialah mempelajari dan mengamalkan ilmu-ilmu agama sahaja, sains fizik, sosial dan kemanusiaan dipandang sebagai pengetahuan yang tidak digalakkan untuk dikaji. Ini adalah sains-sains dunia yang seeloknya diketepikan, kerana ia dipandang dapat menjauhkan orang dari agama. Sains-sains itu tidak sepatutnya dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah agama. Dahulu orang Islam hanya masuk sekolah agama, tetapi perkembangan kehidupan menimbulkan keperluan mempelajari sains-sains yang dipandang duniawi itu. Dari sekolah agama anak-anak Islam pindah ke sekolah umum. Sains-sains sosial dan kemanusiaan dikaji oleh orang bukan Islam. Orang Islam tidak mengkajinya, kerana sikap tersebut di atas. Maka sains-sains itu dalam teori dan pandangannya dipengaruhi oleh falsafah ilmuwan bukan Islam yang mengkajinya. Sains-sains itu dipelajari anak-anak Islam di sekolah umum. Pengaruh falsafah itu membawa anak-anak Islam itu menjauh dari Islam ketika sudah dewasa. Sekolah-sekolah umum di negara-negara Islam yang dijajah oleh kuasa-kuasa dewasa. Sekolah-sekolah umum di negara-negara Islam yang dijajah oleh kuasa-kuasa asing bukan Islam, atau di negara-negara barat sendiri bersifat *sekularisme*. Sekularisme ialah pandangan hidup duniawi. Perkara-perkara dunia diberatkan, perkara-perkara akhirat diketepikan. Dengan demikian yang dipandang penting ialah soal kebudayaan, sedangkan soal agama boleh dibelakangi. Agama mestilah takluk kepada kebudayaan. Kehidupan dunia berkait dengan perkara-perkara kebendaan. Maka sekularisme membawa orang kepada pandangan kebendaan, yang menganggap perkara-perkara kebendaan lebih penting daripada perkara-perkara rohaniah.

Maka anak-anak Islam yang dididik oleh sekolah-sekolah barat menjadi sekularis. Menjadi sekularisnya lulusan sekolah-sekolah umum dihubungkan orang dengan sains-sains yang diajarkannya di sekolah itu. Maka makin kuatlah anggapan kebanyakan umat Islam bahawa sains-sains duniawi tidak masuk urusan Islam.

Teknologi ialah ketukangan atau kerja berasaskan sains, fizik, matematik, kimia dan statistik. Oleh kerana sains-sains ini tidak

dipelajari oleh umat Islam, maka teknik yang mereka kuasai masih bersifat bersahaja. Dunia sudah mulai melangkah kepada kuasa teknik atom, sedangkan rata-rata umat Islam masih mempergunakan kuasa jasmaniah, enerji haiwan dan tenaga-tenaga alam bersahaja (arus, air, angin). Belum banyak yang menguasai kuasa letrik. Tanpa teknologi tingkat industri tidak mungkin dicapai. Oleh itu umat Islam rata-rata masih berada pada peringkat ekonomi pertanian.

Betapa jauhnya umat Islam ketinggalan dalam lapangan sains dan teknologi, misal sederhana berikut dapat memberi gambaran. Orang bukan Islam sudah sampai ke bulan (bahkan bersiap-siap menjelajah planet-planet yang lebih jauh letaknya daripada bulan), sedangkan orang Islam masih saja bertengkar: dapatkah manusia menginjak bulan? Bukankah kafir hukumnya orang yang mempercayai, bahawa manusia dapat pergi ke bulan? Dan kita masih bergaduh untuk menentukan terbitnya anak bulan.

Dalam lapangan kesenian umat Islam membeku. Oleh kerana kesenian itu tidak dikaji, maka ia tidak dimengerti. Seni tidak kena mengena dengan agama, kerana itu mereka mengharamkan kesenian, paling tidak digalakkan untuk menjauhinya, tetapi sebagai manusia mereka menghayati naluri seni, al-Qur'an mereka baca dengan berlagu. Berlagu itu adalah berseni. Mereka kaji dan hayati keindahan bahasa al-Qur'an. Keindahan bahasa adalah kesusasteraan, yang merupakan cabang kesenian. Masjid mereka bangun dengan seni bina. Ke masjid mereka pakai perhiasan. Perhiasan adalah ciptaan seni, memakainya dengan perasaan seni dan pada orang yang memandang timbul penghayatan keindahan, yakni rasa seni. Mereka berqasidah dan bergambus. Itupun kesenian. Sementara mereka mengharamkan seni, mereka mengamalkannya tanpa sedar. Sekatan-sekatan yang ditemukan oleh belia Islam dalam penghayatan dan aktiviti kesenian menggerakkan mereka untuk lari mencari kebebasan. Terpukaulah mereka oleh seni sekularisme, di mana sekatan itu diharamkan. Oleh kerana mereka anggap Islam tidak mengurus perkara kesenian, sedangkan cenderung kepada kesenian merupakan sifat semula jadi, terjunlah mereka ke dalam seni sekularisme dan hanyutlah mereka dilarikan oleh arusnya. Makin sekularis belia itu, makin menjauh dia dari agama.

Dunia maju dewasa ini berfalsafah secara ilmiah. Yang dimaksud dengan itu ialah:

1. Berfikir sistematik, radikal dan universal.
2. Mempergunakan butir-butir sains sebagai bahan pemikiran dalam memecahkan perkara yang dimusykil. Apa-apa yang dikonsepkan oleh falsafah dikerjakan oleh sains. Maka terjadilah kemajuan dalam berbagai bidang kehidupan, misalnya dalam pendidikan, ekonomi, teknologi, kesenian dan sains sendiri.

Ketiadaan berfikir sistematik, radikal dan universal dalam falsafah di kalangan umat Islam, membawa falsafah itu kepada sifat khayalan dan dongeng. Butir-butir pengetahuan yang dipakai sebagai bahan pemikiran adalah pengetahuan lama, ada yang berusia seribu tahun lebih, yang telah dibatalkan oleh kajian sains atau yang dibuktikan keliru oleh sains. Karya-karya falsafah yang dihasilkan oleh filsuf-filsuf Islam di masa kejayaan Islam tidak ada lanjutan. Masalah-masalah yang timbul dalam tiap generasi umat Islam, dalam setiap masyarakat Islam yang berbeza tempat dan waktunya, dijawab dengan jawapan yang telah usang, sehingga tidak memuaskan golongan berfikir di kalangan umat. Jawapan itu diulang dan diulang lagi dari generasi ke generasi, yang menunjukkan pembekuan alam pemikiran.

Sesungguhnya umat Islam lebih beruntung daripada umat-umat bukan Islam. Terhadap perkara yang timbul dalam masyarakat bukan Islam, mereka terpaksa mencari-cari jawapan. Akan tetapi terhadap masalah-masalah pokok di lapangan agama dan kebudayaan dalam masyarakat Islam telah tersedia jawapannya dalam kandungan al-Qur'an dan Hadith. Hanya sahaja ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith itu perlu dikaji, ditafsirkan secara ilmiah. Setiap generasi mestilah memberikan jawapannya sendiri sesuai dengan perkembangan sains dan falsafah yang mereka miliki; setiap generasi mempergunakan ayat al-Qur'an dan Hadith yang sama tetapi sains generasi yang berikut menemukan kebenaran yang berkembang dan falsafahnya memberikan tafsiran dan pandangan yang lebih maju. Dengan demikian sepatutnya akan terjadi ke-

majuan sains dan perkembangan falsafah dengan tuntutan Allah dan Rasul-Nya.

Kita ambil misalnya pertanyaan tentang puasa, yang dari masa ke masa timbul di kalangan umat Islam (diucapkan atau timbul dalam hati) menjelang bulan Ramadan. "Kenapa mesti berpuasa?" Jawapannya telah terkandung di dalam al-Qur'an, Surah al-Baqarah, ayat 183 menjawab:

لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Terjemahan: ... Supaya kamu tattaqun (menjadi orang-orang yang bertaqwa.)

Berabad-abad umat Islam puas dengan rumusan jawapan itu. Kata *tattaqun* dapat diubah bentuknya menjadi taqwa, jadi: agar kamu bertaqwa. Baru pada masa-masa terakhir umat Islam menyertakan kajian sains dalam jawapan. Dengan mempergunakan kajian sains bahasa diketahui bahawa *tattaqun* dijabarkan dari kata *ittaqu*. Orang yang *ittaqu* disebut *muttaqin* iaitu orang yang telah mencapai perkembangan rohaniah tingkat tertinggi, kerana:

1. Senantiasa menunaikan kewajipan; senantiasa menyuruh kepada kebaikan, mencegah dari kejahatan.
2. Selalu mengerjakan apa-apa yang disuruh dan meninggalkan apa-apa yang dilarang Allah.

Sedangkan kata *ittaqu* itu sendiri bererti: melindungi barang dari sesuatu, yang merosak atau merugikan, atau melindungi diri dari sesu'atu yang dikhuatirkan berakibat merosak atau jahat. Dengan demikian yang dimaksud dengan "agar kamu *tattaqun*" ialah "*agar kamu terpelihara daripada kejahatan*". Puasa membina sikap: selalu mengerjakan apa-apa yang disuruh dan meninggalkan apa-apa yang dilarang Allah. Setiap yang dilarang Allah adalah kerana ia mengandungi atau berakibat jahat. Kalau apa-apa yang dilarang Allah itu ditinggalkan, terpeliharalah orang daripada kejahatan.

Dengan mempergunakan kajian psikologi orang menemukan

segi kebenaran lain daripada "agar kamu terpelihara dari kejahatan" itu. Puasa mendidik disiplin rohaniah dan disiplin akhlak. Dengan disiplin akhlak manusia kuasa mengendalikan laku perbuatannya kepada nilai-nilai baik dan mencegahnya daripada laku perbuatan yang mengandung nilai buruk. Dengan pengawalan laku perbuatan itu tercegahlah manusia dari kejahatan.

Dengan mempergunakan kajian sosiologi orang menemukan segi kebenaran lain lagi dari puasa. Puasa menumbuhkan kesedaran pada orang berada tentang penderitaan orang tidak berada, yang terpaksa berpuasa kerana kemiskinan. Kesedaran itu menggerakkan orang berada itu membayarkan zakat, memberi sedekah, menyerahkan bantuan kepada orang miskin. Kemiskinan adalah punca berbagai-bagai kejahatan sosial. Kemiskinan dapat menggerakkan orang mencuri, merompak, rasuah, menipu, berbohong, menjual kehormatan diri, menjadi pelacur dan lain-lain lagi. Dengan berpuasa timbul kesedaran di kalangan masyarakat untuk membantu orang-orang miskin, sehingga mereka terpelihara daripada kejahatan sosial.

Dengan mempergunakan ilmu kesihatan, diketahui bahawa banyak penyakit berpunca daripada perut. Dengan memberikan rehat kepada perut dan mengawalnya, banyak penyakit yang dapat disembuhkan.

Dengan kajian antropologi terdapat kebaikan lain yang ditemui. Puasa adalah menahan. Dalam proses pendidikan, kanak-kanak ditahan dari laku perbuatan yang dipandang oleh masyarakat mengandung nilai negatif atau buruk. Kebiasaan menahan menumbuhkan serat-serat penahan dalam diri anak. Serat atau daya penahan inilah yang menahan mereka daripada berbuat laku perbuatan buruk ketika ia dewasa. Dengan puasa ditumbuhkanlah serta-serat penahan, sehingga muslim itu dapat menahan dirinya daripada laku perbuatan yang dilarang atau tidak disukai oleh syari'at. Syari'at mencegah muslim dari tindakan yang akan mendatangkan kejahatan bagi dirinya.

Demikianlah suatu misal betapa masalah yang selalu timbul dalam setiap generasi dijawab oleh al-Qur'an. Jawapan itu dikaji oleh sains, sehingga dapat digali segi kebenaran demi segi kebenaran, yang sesuai dengan perkembangan alam fikiran dan sains

sosial. Keselarasan antara jawapan dengan perkembangan masyarakat memberi kepuasan kepada muslim, sehingga keyakinannya kepada Islam tidak dapat diganggu gugat oleh ideologi dan teori yang mencabar.

Demikianlah fakta-fakta umum yang dapat kita perhatikan di kalangan umat Islam, akibat memandang Islam sebagai agama sahaja, sehingga dirasakan seolah-olah Islam tidak meliputi sosial, ekonomi, politik, ilmu dan teknik, seni falsafah. Oleh kerana itu orang Islam tidak mengkaji bidang-bidang kehidupan sehari-hari yang dicakup kebudayaan. Dengan anggapan bahawa Islam itu hanya agama, bidang-bidang kebudayaan dikeluarkan dari ruanglingkup Islam. Maka dalam bidang-bidang itu tidak ada jalan syari'at, yang ada hanya konsepi dan falsafah bukan Islam yang terselinap dalam kebudayaan. Maka kebudayaan itu putus hubungannya dengan agama Islam. Oleh kerana kebudayaan tidak selaras dengan agama digariskanlah batas yang tajam antara agama dan kebudayaan. Dengan memutuskan hubungan antara agama dan kebudayaan, tanpa disedari umat Islam jatuh ke dalam sejenis sekularisme.

Islam dan Sekularisme

Selama ini kita menunjuk kehidupan barat sahaja yang sekularis. Sekularisme adalah faham yang memutuskan hubungan antara agama dan dunia. Akar kata sekularisme ialah sekular (sedular), yang bererti dunia. Kebudayaan mengisi kehidupan dunia. Agama untuk kehidupan akhirat. Antara dunia dan akhirat dibatasi dengan suatu garis pemisah yang tajam, masing-masing mestilah berada dalam lingkarannya, dan tidak boleh memasuki lingkaran lain. Agama tidak boleh memasuki perkara-perkara kebudayaan, sebaliknya kebudayaan tidak boleh memasuki perkara-perkara agama. Dalam sosial, ekonomi, politik, ilmu serta teknik dan seni jangan dibawa-bawa agama.

Tuan boleh hidup serumah tangga dengan perempuan yang tidak dikahwini. Bukankah itu dilarang agama? Betul, tetapi agama bertempat di gereja, bukan di dalam rumahtangga. Dalam ekonomi tuan boleh menipu, menindas, rasuah. Bukankah itu dilarang agama? Benar, tetapi soal ekonomi bukanlah soal agama.

Dalam politik tuan boleh menjalankan moral Machiavellisme, tujuan menghalalkan cara. Seelok-eloknya mencapai tujuan yang baik dengan jalan yang baik pula. Tetapi kalau yang terbuka hanya jalan jahat, tempuhlah jalan itu asal tujuan baik tercapai. Ya, kalau dapat kita berkawan dengan malaikat, tetapi kalau perlu dengan syaitan pun boleh. Bukankah ini dilarang oleh agama? Ya, tetapi soal politik bukan soal agama. Demikian pula dalam bidang-bidang kehidupan lainnya. Kesenian terbuka untuk karya atau aktiviti cabul, kerana seni itu bebas dari agama. Untuk rekreasi judi dan dadah boleh dinikmati. Bukankah agama melarang perbuatan-perbuatan yang merosak. Itu benar, tetapi autoriti agama tidak berlaku dalam lapangan rekreasi.

Demikianlah gambaran kasar tentang sekularisme. Ada dua faktor yang membina sekularisme dalam kehidupan barat, yang pertama sejarah pertentangan agama dan sains, kedua ajaran Nasrani sendiri.

Pada abad-abad Pertengahan (abad ke-6 sampai ke-16) terjadi perselisihan antara agama dan sains. Masa itu kaum agama mahu menguasai segala keinsafan manusia dan memonopoli segala ilmu pengetahuan. Setiap keterangan sains yang tidak sesuai dengan faham Gereja dibatalkan oleh Kepala Gereja. Bukan sahaja keterangan yang mengenai perkara agama, tetapi juga keterangan yang mengenai perkara-perkara duniawi (sekular). Kalau ia dipandang oleh Gereja dapat melemahkan autoritinya dan kerana itu menurut anggapannya menyesatkan orang dari jalan agama, maka Gereja mengeluarkan ensiklik yang mengharamkan keterangan itu. Demikianlah misalnya dengan teori Galilei (1554—1642), yang mengambil alih teori Copernicus (1473—1543), bahawa bukan matahari yang berputar sekeliling bumi, melainkan bumilah yang berputar dan mengedari matahari. Gelilei diancam dengan hukum bakar, apabila teorinya itu tidak ditarik balik. Maka banyaklah ilmuwan yang jadi korban Gereja pada masa itu, kerana kepercayaan Gereja. Teori Copernicus sendiri (seorang paderi Katholik) tentang tata syurga pun diharamkan oleh Pope. Bahkan sekarang Gereja masih mengeluarkan ensiklik (keputusan hukum Pope). Dalam tahun 1950 Pope mengeluarkan ensiklik yang menghukum falsafah eksistensialisme sebagai kesesatan moden dari roh.

Sikap Gereja itu melahirkan perlawanan dari golongan sainstis. Mereka berlawanan golongan agama yang mahu memonopoli pengetahuan dan mengikat pendapat yang tidak mengenai agama.

Setelah berakulturasi dengan kebudayaan Islam, tumbuhlah sains moden dalam kebudayaan barat pada masa reinessence (abad ke-16) dan berkembang pada zaman Pencerahan (abad ke-18), berbuah dalam abad ke-19 dan sampai sekarang kemajuannya tidak henti-hentinya. Zaman Pencerahan itulah yang merupakan awal Zaman Moden. Kebudayaan barat disamakan orang dengan kebudayaan moden. Erti kebudayaan moden ialah sains dan teknik moden (yang diistilahkan teknologi). Perkembangan dan hasil yang dicapai oleh sains dan teknologi demikian mengkagumkan sehingga lahirlah anggapan pada golongan sains bahawa semuanya dapat diketahui dengan akal, dapat dicapai dengan fikiran. Kemajuan sains sampai sekarang masih belum lagi memperlihatkan batasnya. Daya atom, tenaga alam yang amat dahsyat, sedang diproses oleh sains menjadi kuasa teknik. Bulan sudah ditakluki, planet-planet, saudara-saudara bumi, sedang menunggu gilirannya. Kemajuan sains dan teknologi yang luar biasa semenjak Zaman Pencerahan, melahirkan kesombongan pada kaum sains, bahawa segala sesuatu dengan kaedahnya yang ampuh akan dapat diketahuinya. Kalau tidak sekarang, besok tentu pasti diketahui.

Kemajuan sains adalah terutama peranan dan sumbangan materialisme. Manusia moden yang dibentuk oleh sains moden, mendasarkan dan menyusun pemikiran dan perbuatannya atas suatu disiplin atau pandangan hidup yang berasaskan hubungan sebab-akibat. Dengan demikian hakikat pandangan hidupnya bersifat materialistik, dan mekanistik, pendeknya asasnya ialah kebendaan.

Kebendaan dalam sains dan dalam falsafah menumbuhkan suatu sifat: anti agama. Dogma kehilangan pamornya. Orang cenderung mempercayai apa yang dapat dibuktikan. Keterangan-keterangan sains membuktikan kesesatan-kesesatan pendapat golongan Gereja, falsafah materialisme dengan lojiknya yang tajam, mematahkan dalil-dalil kebenaran kaum agama. Maka sampailah kita pada situasi pada mana sains mahu menguasai segala keinsafan manusia dan memonopoli pengetahuan, seperti yang

pernah dilakukan oleh kaum agama pada abad-abad Pertengahan. Mereka tidak membatasi lapangan geraknya dalam hal-hal yang duniawi sahaja, tetapi menyusup kepada perkara-perkara yang masuk ke dalam lapangan agama. Bukan itu sahaja, pusat gerak dari agama itu sendiri (Tuhan) diserang dan akhirnya diingkarinya. Bukan Tuhanlah yang berkuasa, tetapi manusia dengan sains dan teknologinya. Oleh kerana itu doa kepada Tuhan patut ditujukan, tetapi kepada sains dan teknologi yang perkasa. Mereka mengisytiharkan diri mereka ateis. Maka ateisme merupakan "fesyen" di kalangan kaum sains di Perancis dalam abad ke-19. Akibatnya tidak syak lagi, kaum agamalah sekarang memberikan reaksinya. Mereka memberikan perlawanan sengit.

Dalam abad ke-20 dapat diperhatikan masing-masing menggariskan batasnya. Sains dan teknologi moden adalah mengenai kehidupan kini dan di sini, yakni kehidupan duniawi. Keterangannya dapat diajuk dengan fikiran dan dapat dibuktikan kebenarannya, kerana ia berada dalam wilayah pengalaman manusia. Agama adalah mengenai kehidupan nanti dan di sana, yakni di akhirat. Keterangannya banyak yang tidak dapat diajuk oleh fikiran dan belum atau tidak dapat dibuktikan oleh sains, ia belum masuk ke dalam lapangan pengalaman manusia. Dari itu ia disebut dogma. Penerimaan dogma adalah atas kepercayaan, tidak atas bukti. Autoriti sains mengenai soal hidup wilayahnya dunia sekarang. Pembatasan inilah yang menegakkan sekularisme. Sains dan teknologi jadi jiwa kebudayaan barat, antara kebudayaan dan agama terentang batas yang amat tajam, tidak dikehendaki masing-masing melintasi batas itu. Selama wujud konfrontasi antara sains dan agama, selama itu pula sekularisme ini berkuasa dalam pandangan hidup. Di samping itu ajaran Nasrani, agama yang dianut oleh bangsa-bangsa barat, memberikan sahamnya dalam menegakkan faham duniawi itu.

Injil mengajarkan: "Berikanlah hak Caesar kepada Caesar, berikan hak Tuhan kepada Tuhan" (Matius 22:21). Hak penguasa ialah politik dan hak Tuhan ialah agama, politik mengatur sosio-ekonomi, membina pendidikan yang mengajarkan sains dan teknologi, menggariskan kebijaksanaan kesenian dan sebagainya. Demikianlah kebudayaan suatu masyarakat ditentukan oleh pe-

nguasaannya. Agama mengatur keperibadatan. Dengan demikian terjadi dua pemusatan dalam kehidupan. Untuk soal-soal kebudayaan orang tunduk kepada pemerintah, untuk soal-soal agama orang taat kepada Tuhan. Oleh kerana kerajaan Tuhan baru terjadi di akhirat, maka agama tidak begitu berkesan dalam kehidupan. Kebudayaanlah yang merajai kehidupan. Dengan memberatkan dunia timbullah faham duniawi. Oleh kerana hanya dalam agama orang perlu taat kepada Tuhan, maka dalam kehidupan seharihari, sosial, ekonomi, politik, ilmu, teknik, seni, alam pemikiran, pendidikan, mereka diberi kebebasan. Kebudayaan tidak merupakan pantulan atau kesan natijah dari agama dan tidak dikawal oleh agama. Kebebasan kebudayaan dan menjauhnya ia dari agama membawa masyarakat kepada faham sekularisme.

Dalam sejarah modennya umat Islam dikuasai oleh kuasa-kuasa barat. Kuasa-kuasa itu mendirikan sekolah di negeri-negeri Islam. Asas pendidikan yang diberikan barat itu adalah sekularisme. Maka anak-anak Islam yang diasuh oleh pendidikan barat menyertai bangsa barat dalam sekularisme. Kebudayaan umat Islam yang dikuasai barat berakulturasi dengan kebudayaan barat yang sekularis. Melalui akulturasi ini tersalurlah sekularisme ke dalam tubuh masyarakat muslim. Sekularisme dalam masyarakat muslin bukan sahaja ketularan dari kebudayaan barat tetapi ... juga tumbuh dari dalam umat Islam sendiri. Ini aneh kedengarannya, kerana selama ini orang menuduh hanya bangsa barat sahaja yang sekularisme.

Sejarah umat Islam dapat dibahagi kepada tiga masa:

1. 650 — 1250, zaman klasik, enam abad masa jaya,
2. 1250—1800, zaman pertengahan, lima setengah abad masa kejatuhan.
3. 1800 — sekarang, zaman baru, satu tiga perempat abad selepas masa kebangkitan.

Pada masa jaya umat Islam kebudayaan berpadu atau merupakan satu kebulatan dengan agama. Kebudayaan merupakan lanjutan agama, yang pertama dikawal oleh yang kedua. Perpaduan itu nyata sekali pada fungsi dan aktiviti-aktiviti yang dikerjakan di

masjid, institusi utama masyarakat muslim. Masjid adalah pusat ibadat dan kebudayaan, tetapi pada bahagian akhir zaman klasik itu mulai terjadi pembelahan. Perkembangan kebudayaan yang amat pesat sedikit demi sedikit menjauh dari agama, melepaskan diri daripadanya, terutama dalam politik. Hal itu nyata kelihatan dengan pembelahan fungsi masjid pada zaman khilafah Abbasiyah. Kalau mula-mula masjid jadi pusat ibadat dan kebudayaan, imam di dalam masjid juga menjadi imam di luarnya, yakni imam negara (raja), adalah sesudah itu masjid hanya merupakan pusat ibadat, sedangkan pusat kebudayaan dialihkan ke istana. Sultan tidak lagi jadi imam di dalam masjid. Untuk mengimami agama diwakilkan atau ditunjuknya orang lain, dan dia hanya menjadi imam kebudayaan atau imam kehidupan duniawi.

Dengan lepasnya kebudayaan dari kawalan agama, ia bergerak melewati batas. Pelampauan inilah yang merupakan sebab hakiki kejatuhan umat Islam, dimulai dengan dipatahkannya kekuasaan khilafah Abbasiyah oleh Hulagu Khan (1258). Keruntuhan umat Islam adalah keruntuhan kebudayaan, kejatuhan duniawinya. Agamanya bertahan tetap, hanya sahaja pantulan agama pada kebudayaan tidak lagi berkesan, kerana kebudayaan sudah menjauh dan melepaskan kawalan agama. Kejatuhan dunia itu menimbulkan kekecewaan yang parah. Kekuasaan dunia beralih kepada pihak bukan Islam. Dalam perjalanan sejarah selanjutnya bahkan yang bukan Islam itu telah menguasai negara-negara muslim dalam politik dan kebudayaan. Kesejahteraan duniawi yang jadi fungsi kebudayaan, tidak dapat diharapkan lagi. Tetap kesejahteraan akhirat selalu terbuka, kerana agama mereka itu bertahan secara tetap. Oleh kerana kesejahteraan dunia tidak dapat diharapkan, umat Islam mulailah menjauhi dunia, dan mendekati akhirat sahaja. Kalau sebelumnya aktiviti mereka dalam kebudayaan melewati batas, sekarang justeru pemusatan kehidupan kepada agamalah yang melewati batas, kerana kesejahteraan dunia tidak mampu mereka bina, mereka pusatkanlah perhatian dan usaha kepada pembinaan kesejahteraan akhirat. Dari generasi ke generasi berlangsung pemusatan perhatian dan usaha kepada agama, sambil mengabaikan kebudayaan. Ia menjadi tradisi, dan tradisi itu dipandang benar. Seolah-olah benar adanya, bahawa Islam hanya

mementingkan kehidupan sesudah mati, dan mencuaikan kehidupan kini, yakni dunia. Tradisi ini membentuk tanggapan bahawa Islam itu adalah agama. Bagaimana dengan kebudayaan, yang mengisi kehidupan dunia, kehidupan mana terlibat dengan ekonomi? Umat Islam mempersaksikan kejayaan kebudayaan barat yang menguasai negeri-negeri mereka. Di samping mereka mengenepikan kesejahteraan duniawi, adalah mereka tidak mampu mengimbangi kebudayaan barat, yang dalam abad ke-18 meningkat kepada tahap moden. Mereka hiburlah hati mereka: dunia itu adalah untuk orang kafir dan wang itu adalah daki dunia. Tundukkanlah kehidupanmu kepada agama semata-mata. Maka tarikat tasawuf menjadi aktiviti yang ideal.

Pandangan dan perhatian umat Islam itu terpantul pada masjid dan pendidikan. Lantaran Islam dipandang hanya sebagai agama, masjid hanya menjadi tempat ibadat. Fungsi kemasyarakatannya makin lama makin dilupakan, untuk suatu ketika dipandang haram melakukan kegiatan bukan agama di masjid. Madrasah dan pondok yang memberikan pendidikan Islam, membatasi kurikulumnya dengan mata-mata pelajaran agama saja. Mata pelajaran umum, yang mengandungi pengetahuan sekular (yang terlibat dengan kebudayaan) dipandang sebagai tidak pada tempatnya untuk dimasukkan ke dalam kurikulum pendidikan Islam.

Sampai 1800 M. umat Islam tertidur nyenyak sambil memimpikan zaman klasiknya yang jaya, tetapi dengan penaklukan Napoleon atas Mesir (1798), tiba-tiba umat Islam tersentak. Mereka dihadapkan kepada kenyataan, bahawa kejayaan mereka sudah lama lewat, kedudukan mereka sebagai penguasa dunia sudah lama digantikan oleh bangsa-bangsa barat. Dengan kelebihan kebudayaannya, kedalaman sains dan ketinggian teknologinya, barat menaklukkan dunia Islam.

Serangan barat yang dipelupori oleh Perancis itu menggerakkan pemimpin-pemimpin umat Islam berfikir. Apa kesalahan mereka? Rasulullah pernah bersabda (terjemahan): *"Islam itu tinggi dan tidak ada yang melebihinya"*, tapi kenapa umat Islam dikalahkan dan jatuh hina? Kenapa umat Islam pada zaman klasiknya demikian majunya, sehingga bangsa barat pernah berguru kepadanya, sedangkan sekarang mereka demikian terbelakangnya,

sehingga terpaksa berguru kepada bekas muridnya? Pertanyaan-pertanyaan itu menggerakkan pemikiran. Pemikiran yang cair kembali, sesudah sekian lama membeku, menimbulkan bermacam gerakan sebagai jawapan terhadap cabaran yang dilontarkan barat kepadanya. Timbullah gerakan reformasi (pembentukan kembali konsepsi-konsepsi Islam), gerakan *tajdid* (pembaharuan atau modenisasi), gerakan politik (antara lain menyatakan diri dalam penubuhan *Pan-Islamisme,* gerakan pendidikan (memanfaatkan ilmu jiwa dan ilmu didik) memperluas lapangan ilmu yang diajarkan dengan menambahkan ilmu-ilmu kepada ilmu-ilmu agama) dan lain-lain.

Apabila ditelaah gerakan-gerakan yang timbul itu, kesimpulan yang mudah diambil ialah, umat Islam mulai mengembalikan perhatiannya dan menggiatkan dirinya dalam bidang-bidang kebudayaan atau kemasyarakatan yang selama ini mereka cuaikan. Mereka yang giat dalam gerakan-gerakan itu belum tentu sedar, bahawa mereka memperluaskan pengertian Islam tidak hanya setakat agama sahaja, tetapi mulai memasukkan unsur-unsur kebudayaan ke dalamnya. Di Indonesia mereka itu disebut kaum muda untuk membezakan mereka dari kaum kuno atau kaum tua, yang mengertikan Islam itu hanya setakat agama ditambah sedikit dengan perkara-perkara mu'amalat seperti nikah, talaq, ruju', faraid dan cara jual-beli.

Dalam dunia Islam hari ini kaum muda masih merupakan golongan kecil. Kaum tua masih tetap merupakan majoriti umat Islam. Setelah satu tiga perempat abad berlangsung gerakan-gerakan kebudayaan masih saja bertahan tanggapan umum masyarakat Islam, bahawa Islam itu agama. Memang tidak mudah mengubah pandangan dan sikap masyarakat, yang dibentuk oleh lima setengah abad perjalanan sejarahnya, sehingga ia menjadi tradisi yang bertahan dengan gigih, dan adalah aneh kedengarannya, bahawa pandangan dan sikap itu adalah sejenis sekularisme.

Di atas telah dihuraikan makna sekularisme. Hakikatnya memutuskan hubungan antara agama dan kebudayaan. Antara tujuan dunia dan tujuan akhirat dibatasi dengan suatu batasan yang tajam. Agama membatasi dirinya di bidangnya, tidak boleh memasuki bidang kebudayaan. Demikian pula dengan kebudayaan

tidak boleh memasuki bidang agama. Di dalam sosial, ekonomi, politik, ilmu serta teknik dan seni, agama jangan dibawa-bawa.

Sekularisme itu menyatakan diri dalam masjid. Perkara-perkara kebudayaan tidak boleh diperbincangkan atau dilakukan di dalam masjid. Pandangan dan aktiviti kebudayaan bertempat di luar masjid. Sebaliknya pandangan dan sikap agama jangan dibawa-bawa ke dalam sosial, ekonomi, politik, ilmu dan teknik, seni dan falsafah. Kerana itu apa beza laku perbuatan dan moral orang Islam daripada orang bukan Islam? Apa-apa yang dikerjakan oleh orang bukan Islam dan nilai yang diamalkannya di pejabat, di syarikat, di pasar, di kilang, di jalan, di kelab-kelab, ya, di mana sahaja di luar masjid, itu pula yang dikerjakan dan diamalkan oleh orang Islam. Dalam tindakan mereka sehari-hari, agama ditinggalkan di dalam masjid dan masjid itu dikuncinya, sehingga tidak mempengaruhi kehidupan yang berlangsung di sekitar masjid.

Suasana dan keadaan suatu masyarakat ditentukan oleh pendidikan yang berlangsung dalam masyarakat itu. Pendidikan ialah pewarisan kebudayaan. Sekularisme dalam masyarakat itu dapat kita temukan pangkalnya dalam pendidikan.

Bahan-bahan atau isi pendidikan dalam zaman kejatuhan umat Islam menjurus kepada agama sahaja. Ilmu-ilmu umum yang mengajarkan tentang kebudayaan, yang memberi alat untuk membina kesejahteraan dunia, dikeluarkan dari kurikulum madrasah dan sekolah agama. Mengisi pendidikan Islam hanya dengan ilmu agama dan mencegah masuknya ilmu umum sudah menjadi tradisi, yang sampai sekarang masih umum diamalkan oleh umat Islam. Aspek yang dipandang sebagai pendidikan Islam yang dijalankan oleh persekolahan agama/Arab di Malaysia misalnya ialah: fiqah, ibadat (khassah), masalah nikah-cerai dan harta pustaka, sedikit mengenai hal-hal mu'amalat cara jual-beli dan sebagainya, tauhid, tasawuf, tafsir dan Hadith serta bahasa Arab dan cabang-cabangnya.

Sementara tradisi pendidikan Islam itu berlanjutan, penjajah barat Nasrani mendirikan sekolah-sekolah di negeri-negeri Islam yang dikuasainya. Sekolah ini berisikan pendidikan barat, yang berpandangan dan bersikap sekularisme. Ia mengajarkan ilmu-ilmu umum (sains-sains fizik, sains-sains kemasyarakatan dan

kemanusiaan) dan mencegah masuknya ilmu agama ke dalamnya.

Terjadilah *dichotomy* atau dualisme pendidikan umat Islam. Mula-mula sebahagian besar memperoleh pendidikan agama, sebahagian kecil pendidikan umum. Perkembangan selanjutnya jumlah yang mengikuti pendidikan agama makin berkurang, di samping makin membanyak jumlah yang mengikuti pendidikan umum. Kenapa?

Perkembangan kebudayaan sebagai akibat akulturasi dengan kebudayaan barat meningkatkan keperluan akan barangan. Makin moden orang, makin meningkat keperluannya. Keperluan itu dapat dicapai dengan wang. Pendidikan umum mempersiapkan orang untuk dapat bekerja dalam sosial, ekonomi, politik, sains, teknologi, seni atau bidang-bidang sekular lainnya, dengan imbalan memperoleh wang. Tetapi pendidikan agama hanya mempersiapkan orang untuk menjadi guru agama, imam, tok lebai, kadi, yang penghasilannya bergantung kepada kesedaran agama masyarakat. Sedangkan kesedaran itu makin lama makin menipis, sehingga lulusan sekolah agama itu, —kerena keperluan akan barang meningkat juga—terpaksa terjun ke dalam lapangan kerja sekular, yakni dalam bidang-bidang kebudayaan, terutama ekonomi. Akan tetapi kalau mereka memasuki lapangan kerja kemasyarakatan itu, ia harus mulai dari peringkat bawah sekali, kerana sekolahnya tidak mempersiapkannya untuk itu.

Kalau mereka terjun di lapangan pertanian, mulailah ia mempelajari pengetahuan pertanian peringkat awal, dan menjalani latihan teknik tani peringkat permulaan. Kalau mereka masuk ke dalam lapangan perniagaan, mulailah ia belajar pengetahuan teknik dagang yang bersifat sederhana. Kalau ia memasuki lapangan kerja teknologi, ia hanya mungkin menjadi buruh kasar.

Demikianlah lulusan pendidikan Islam itu, ketika memasuki kerja-kerja sekular tidak mampu mencapai tingkat menengah, apalagi tingkat atas, kerana pelajaran agama yang diperolehnya di sekolah tidak dapat dimanfaatkannya dalam perkara kebudayaan. Kedudukan menengah dan tinggi dalam kerja-kerja sekular disediakan untuk bukan Islam, yang pendidikan sekular itu memang sudah jadi tradisinya.

Jadi dualisme pendidikan umat Islam membina pula sekular-

isme di kalangan umat Islam. Lulusan pendidikan Islam ketika masuk ke dalam kerja-kerja lapangan kemasyarakatan, meninggalkan pengetahuan agama yang pernah dipelajarinya. Lulusan pendidikan umum ketika masuk ke dalam kerja-kerja lapangan yang sama, tidak terbawa-bawa agama yang tidak dipelajarinya di sekolah. Kedua golongan itu memutuskan hubungan agama dengan kebudayaan.

Perbezaan sekularisme bangsa-bangsa Barat dan sekularisme untuk Islam ialah:

1. Sekularisme positif, yakni dalam memutuskan hubungan antara agama dan kebudayaan, bangsa barat memusatkan perhatian dan kegiatan dalam bidang kebudayaan dengan mencuaikan agama,
2. Sekularisme negatif, yakni umat Islam memusatkan perhatian dan kegiatan dalam bidang agama dengan mencuaikan kebudayaan.

Pandangan sekularisme negatif umat Islam itu tengah dimasuki oleh pandangan barat melalui anak-anak Islam yang memperoleh pendidikan umum. Dalam kehidupan kota sekularisme negatif umat Islam telah beralih kepada bentuk sekularisme positif barat.

Sekularisme barat bersifat positif. Ia mempositifkan dunia dengan membina SS di dunia saja, mencuaikan SS di akhirat. Sekularisme umat Islam bersifat negatif. Ia menegatifkan dunia dengan mengabaikannya, sehingga tidak terbina SSnya dalam kehidupan sekular. Yang mereka arah ialah SS di akhirat. Jadi sekularisme barat membawa penganutnya kepada kesejahteraan kebendaan di dunia kini sekalian dengan itu kepada seksaan dan penderitaan di akhirat nanti, sedangkan sekularisme umat Islam membawa kepada kesejahteraan di akhirat nanti, sekalian dengan itu kepada seksaan dan penderitaan kebendaan di dunia kini. Dengan betul-betul mengamalkan agama kesejahteraan rohaniah pun dapat diperolehnya dalam kehidupan kini.

Sekularisme di kalangan umat Islam ini umumnya tidak pernah disedari, dan kalau ini diucapkan di dalam masyarakat,

tentu orang akan terperanjat dan marah kepada kita. Namun dalam penelahan ilmiah tentang pengertian Islam di kalangan masyarakat, perkara ini perlu diperbincangkan. Anggapan bahawa Islam itu hanya meliputi agama, juga berakibat kepada menjejaskan pembentukan masyarakat Islam.

Apa yang dikatakan masyarakat? Ada dua definisi yang dapat membentuk kefahaman yang cukup tentang masyarakat. Kuncaraningrat mendefinasikan masyarakat sebagai kelompok terbesar dari makhluk manusia dalam mana hidup terjalin suatu kebudayaan, yang oleh manusia-manusia tadi dirasakan sebagai satu kebudayaan. Sedangkan Linton merumuskannya lain. Masyarakat ialah kelompok manusia yang telah cukup lama hidup dan bekerjasama, hingga mereka itu dapat mengorganisasikan dirinya dan berfikir mengenai dirinya sebagai kesatuan sosial, yang mempunyai batas-batas tertentu.

Antara masyarakat dan kebudayaan terjalin hubungan yang tidak mungkin dipisahkan. Tanpa kebudayaan kelompok besar manusia itu menjadi himpunan besar peribadi yang lepas antara seseorang dengan yang lain. Tanpa hubungan antara seseorang dengan yang lain tentu tidak mungkin terbentuk kehidupan bersama dan kerjasama. Tanpa hidup bersama dan kerjasama mereka tidak akan merasakan dan berfikir sebagai satu badan, kerana itu masing-masing berlaku dan berbuat menurut fikiran dan perasaan sendiri-sendiri, hingga tidak wujud keselarasan antara seseorang dengan yang lain. Akan tetapi dengan hidup terjaringnya kebudayaan dalam kelompok itu, berlakulah cara berfikir dan merasa berasaskan konsepsi-konsepsi yang dianuti oleh kelompok itu.

Dengan pengamalan konsepsi-konsepsi itu tegaklah suatu cara hidup, yang mengatur kehidupan dan kerjasama. Masyarakat ialah wadah (tempat menampung) kebudayaan. Masyarakat melahirkan kebudayaan dan kebudayaan mengatur masyarakat. Keduanya itu merupakan dwi-tunggal, iaitu dua yang satu. Pergaulan hidup yang membentuk masyarakat itu disebut dalam bahasa asing dengan sosial. Kedwitunggalan antara sosial dan kebudayaan melahirkan istilah sosio-budaya.

Dengan memahami pengertian masyarakat mudahlah kita merumuskan maksud masyarakat Islam. Masyarakat Islam ialah

kelompok besar manusia, yang terjaring padanya kebudayaan Islam yang diamalkan oleh orang-orang dalam kelompok itu.

Kita telah memperbincangkan tentang pola kebudayaan sejagat. Antropologi memasukkan agama sebagai salah satu aspek kebudayaan. Pandangan Islam menyetujui agama budaya sebagai bidang kebudayaan, tetapi tidak agama langit. Oleh kerana Islam agama langit, maka agama tidak masuk lapangan kebudayaan. Ia berdiri sendiri, bahkan mendahului kebudayaan dalam kehidupan manusia. Inti sari agama ialah hubungan manusia dengan Allah dan hakikat kebudayaan ialah hubungan manusia dengan manusia.

Dengan memandang Islam sebagai agama, dianggaplah bahawa ia hanya mengatur hubungan manusia dengan Allah sahaja. Dalam anggapan itu Islam tidak mengatur kebudayaan. Dengan demikian konsepsi-konsepsi yang mengatur kehidupan dan kerjasama tidak ditanyakan kepada Islam, tetapi kepada falsafah atau faham lain yang sudah sedia wujud, atau menyusup dalam kehidupan kelompok itu. Inilah yang terjadi dalam masa kejatuhan umat Islam yang berlanjutan sampai kini.

Umumnya dewasa ini dapat diperhatikan, bahawa umat Islam hanya Islam dalam agama, tetapi tidak dalam kebudayaan. Tentang perkara-perkara agama mereka bertanya kepada Islam. Tentang perkara-perkara sosial, ekonomi, politik, sains dan teknologi, seni dan falsafah, pertanyaan tidak ditujukan kepada Islam, tetapi kepada kebudayaan bukan Islam. Kalau mereka di kampung, pertanyaan itu diajukan kepada adat resam, yang dibentuk oleh datuk nenek, diwarisi dari generasi ke generasi sampai hari ini. Kalau mereka di bandar, pertanyaan diajukannya kepada kebudayaan barat, yang jadi dasar kehidupan bandar di mana saja di dunia semenjak abad ke-19.

Kalau barat Nasrani berpedoman kepada: "Berikan hak Caesar kepada Caesar, dan berikan hak Tuhan kepada Tuhan", maka umat Islam hari ini beranggapan: "Tanyakanlah urusan agama kepada Tuhan dan tanyakanlah urusan duniawi (kemasyarakatan) kepada kebudayaan bukan Islam".

Dengan demikian sambil mengamalkan agama Islam, umat Islam mengamalkan kebudayaan bukan Islam. Maka terbentuklah masyarakat bukan Islam di kalangan umat Islam. Masyarakat ini

dapat diistilahkan "masyarakat orang Islam". Orangnya Islam, kerana beragama Islam, tetapi masyarakatnya bukan Islam, kerana kebudayaan yang jadi asas dan mengaturnya bukan Islam. Hal ini memperkuat ciri sekularisme.

Kebudayaan umat Islam bukan saja tidak merupakan lanjutan agamanya, tetapi ia tidak serasi, bahkan banyak berlawanan dengan agamanya. Agamanya menempuh jalan syari'at, tetapi kebudayaannya menempuh jalan lain. Bukan sahaja agama dan kebudayaan tidak sejalan, bahkan jalan lain itu sering berlawanan dengan jalan syari'at.

Hakikat Masyarakat Islam

Masyarakat Islam ialah kelompok besar orang Islam yang terjaring padanya kebudayaan Islam yang diamalkan oleh orang-orang dalam kelompok itu. Masyarakat orang Islam ialah kelompok besar orang yang beragama Islam, yang terjaring padanya kebudayaan bukan Islam yang diamalkan oleh orang-orang dalam kelompok itu.

Tidak terbentuk masyarakat Islam antara lain dapat dicari puncanya pada masjid yang tidak berfungsi sepenuhnya. Fungsi masjid yang digariskan oleh Nabi bukan sahaja sebagai pusat ibadat, tetapi juga pusat mu'amalat, atau pusat agama dan sosial Islam. Sebagai pusat kehidupan sosial ia menjadi pusat kemasyarakatan.

Fungsi masjid yang diamalkan oleh umat Islam kini selain bukan pusat kehidupan sosial, bahkan sebagai pusat agama pun ia tidak wujud. Kebanyakan masjid hanya menampung sembahyang Jumaat, dan sembahyang subuh dan 'isya' seramai satu atau dua saf. Berapa banyak masjid yang ditutup antara subuh dan 'isya'. Bahawa masjid juga jadi pusat kehidupan sosial Islam tempat terjalinnya hubungan rohaniah seorang muslim dengan muslim yang lain tinggal di sekitar masjid, tidak terfikirkan oleh umat Islam kini. Hubungan yang terjalin di dalam masjid perlu dilanjutkan antara semua muslim yang tinggal di sekitar masjid itu, membentuk mereka menjadi masyarakat Islam. Hidup dan kerjasama yang dipancarkan dari masjid menempuh jalan syari'at yang diingatkan dan dikawal oleh masjid itu.

Oleh kerana masjid tidak lagi berfungsi sebagai pusat kehidupan sosial, umat Islam kehilangan institusi pembentuk masyarakat, sehingga masyarakat Islam—menurut telaah ilmiah—tidak kita temukan hari ini di kalangan umat Islam di negeri kita. Mereka masih tetap Islam, —kerana beragama Islam— tetapi masyarakat yang mereka bentuk bukanlah Islam. Mereka inilah yang kita istilahkan di atas dengan masyarakat orang Islam. Yang membentuk masyarakat itu bukanlah masjid, melainkan lembaga adat resam kalau mereka itu di kampung dan konsepsi-konsepsi kebudayaan barat, kalau mereka itu duduk di bandar.

Demikianlah misalnya, dalam kehidupan kemasyarakatannya orang Islam itu mengasaskan dasar kekerabatannya dan pewarisannya bersendikan adat resam, di kota hubungan kekerabatan itu berdasarkan kebudayaan barat. *Ukhuwah Islamiyah,* solidariti yang tidak boleh tidak wujud dalam masyarakat Islam, hanya dapat didengar laungannya, tetapi tidak perlaksanaannya. Lihatlah misalnya di Timur Tengah, sambil negara-negara Islam menghadapi musuh bersama Israel, mereka antara satu negara dengan negara lain bergaduh, sampai berperang. Cara-cara dan norma-norma ekonomi yang dijalankan umat Islam ada yang feudalisme, ada yang kapilatisme atau sosialisme. Mana yang menjalankan tata ekonomi Islam? Sistem negara dan sistem politik yang dilaksanakan ialah menurut contoh-contoh yang ditiru dari barat. Moral *Machiavellisme* juga laku dalam percaturan politik yang dijalankan oleh pemimpin-pemimpin Islam. Pimpinan umat terbelah dua, yang satu terpisah jauh dari yang lain dan sering berkonfrontasi. Pimpinan agama menuntun umat ke jalan akhirat, pimpinan politik menarik umat kepada dunia dan menggalakkan kepada sekularisme. Dalam ilmu pun berlangsung dualisme, ilmu-ilmu agama diajarkan oleh madrasah atau sekolah agama berasaskan pandangan sekularisme negatif, dan ilmu-ilmu umum yang disebut sains moden (berisikan sains-sains fizik, sosial dan kemanusiaan) diajarkan oleh sekolah umum berasaskan sikap sekularisme positif. Kaum terpelajar menjadikan kajian dan teori atau pendapat sains sebagai ukuran kebenaran. Kalau dikatakan, itu pendapat sains, tanpa menimbulkan pertanyaan mereka dengan suka hati mempercayainya. Akan tetapi kalau dikatakan itu pendapat agama, bermacam

hujah ilmiah akan ditimbulkannya. Memang mereka tidak terang-terang menolak, tetapi analisis dan alasan-alasan yang mereka kemukakan menunjukkan bahawa pendapat agama itu mereka hadapi dengan kesangsian di dalam hati. Hanya sahaja mereka tidak berani melontarkannya terus terang.

Orang ramai memperlihatkan sikap kebalikan, mereka percaya kepada agama dan sangsi kepada sains. Namun begitu, walaupun mereka menyatakan percaya kepada agama, apa-apa yang disuruh agama hanya sedikit yang mereka kerjakan dan apa-apa yang dilarangnya, banyak yang mereka perbuat. Misalnya dukun dan bomoh mempraktikkan sihir dan bida'ah yang diharamkan, dalam bentuk unsur-unsur kepercayaan dan amal sebelum Islam. Dukun dan bomoh itulah yang laku dan bid'ah itulah yang taat diamalkan. Ajaran-ajaran khurafat disamakan nilainya dengan kepercayaan perkara-perkara ghaib yang diajarkan oleh agama. Orang ramai ini dapat dibela. Ia lakukan itu kerana jahilnya tetapi orang-orang yang bergelar imam, lebai, guru atau ulama ada juga melakukannya. Mereka ini tentu tidak dapat dimaafkan.

Teknologi dipandang sebagai kekuasaan manusia semata-mata. Untuk kuasa teknologi dipergunakan tenaga alam (wap, letrik, atom). Kuasa itu adalah daya yang ditimbulkan oleh dan bergerak menurut sunnah Allah. Bahawa di belakang teknologi, — yang amat dipuja oleh dunia moden itu - bekerja sunnah Allah, tidak terfikirkan oleh umat Islam kini.

Kesenian yang menguasai kaum belia Islam ialah seni sekular, yang berasal atau dipengaruhi oleh kebudayaan barat. Kesenian tradisional yang masih hidup di kalangan umat Islam belum tentu sesuai dengan pandangan Islam.

Alam pemikiran kaum terpelajar Islam takluk atau dikuasai oleh karya filsuf-filsuf barat. Melalui karya-karya itulah sistem nilai barat mempengaruhi, bahkan menguasai masyarakat orang Islam. Alam pemikiran rakyat banyak dipengaruhi oleh khurafat.

Demikianlah sejumlah misal untuk memberi gambaran bahawa kebudayaan yang mempengaruhi dan diamalkan oleh umat Islam bukanlah berasaskan Islam, sehingga masyarakat yang mereka bentuk bukan masyarakat Islam melainkan masyarakat orang Islam.

Dengan huraian di atas tergambarlah betapa pengertian Islam itu dalam masyarakat kita. Umumnya umat Islam memandang Islam itu agama. Agama adalah sistem hubungan manusia dengan Allah. Dengan demikian sistem hubungan manusia dan manusia yang membentuk sosial atau mu'amalat yang isinya kebudayaan, dianggap mereka tidak diatur atau diajarkan oleh Islam. Lantaran itu ia meminjam kebudayaan bukan Islam dalam menjalankan kehidupan masyarakatnya. Kebudayaan yang mereka amalkan bukan merupakan lanjutan dari agama dan kebudayaan, dan agama itu tidak pula merata diamalkan. Putusnya hubungan antara ibadat dan mu'amalat, antara agama dan kebudayaan menimbulkan sekularisme. Sifat sekularisme ini ialah negatif. Agama diberatkan, kebudayaan diabaikan. Bukan sahaja kebudayaan dicuaikan, bahkan dalam hidup kemasyarakatan mereka meniru-niru kebudayaan bukan Islam. Inilah yang mengaburkan (sampai menghilangkan) identiti atau keperibadian umat Islam. Tanpa keperibadian atau dengan keperibadian yang lemah, cabaran-cabaran yang dihadapkan kepada mereka, tidak mempu mereka jawab. Mengabaikan kebudayaan bermakna mencuaikan dunia. Akibatnya umat Islam terbelakang dalam kebudayaan (orang yang meniru berada di belakang daripada yang ditiru) dan ketinggalan dalam dunia. Kenyataan inilah yang dapat dipercermin dewasa ini: tersisih dalam sosial, miskin dalam ekonomi, jahil dalam sains dan teknologi, membeku dalam kesenian dan berkhayal dalam falsafah.

Sifat sekularisme yang diamalkan bangsa-bangsa barat ialah positif. Mereka memberatkan dunia, mengabaikan akhirat. Pemutusan hubungan agama dan kebudayaan dan memusatkan perhatian dan usaha kepada kebudayaan, membawa mereka kepada kemajuan kebendaan, yang mengisi kehidupan dunia. Serentak dengan itu mereka mengalami kemiskinan rohaniah dan menyongsong nasib teruk di akhirat nanti.

Dengan menyampaikan pengertian Islam hanya setakat agama, masyarakat yang wujud di kalangan umat Islam hanya berbentuk masyarakat orang Islam. Hanya dalam agama mereka Islam tetapi dalam kehidupan sehari-hari, dalam konsepsi yang mengatur dan mengawal laku perbuatan dalam masyarakat, mereka itu takluk dan mentaati kebudayaan bukan Islam. Maka terbelahlah diri

orang Islam itu. Di dalam masjid ia Islam diluarnya ia bukan Islam, dan yang masuk masjid itu bukan pula semua orang Islam. Inilah krisis umat Islam dewasa ini.

Demikianlah pengertian sempit tentang Islam berakibat kepada kesempitan kehidupannya. Tanpa mengertikan dan mengamalkan Islam menurut perintah dan ruang lingkup yang sesungguhnya, umat Islam terdampar ke dalam krisis.

Apakah pengertian dan ruang-liput Islam yang sebenarnya? Al-Qur an menyebut Islam itu din. Apakah ia Din Islam?

XIV

ISLAM AGAMA YANG SYUMUL

Islam Sebagai al-Din

Fasal yang lalu telah memperbincangkan kekeliruan masyarakat menyebut Islam itu agama sahaja. Agama adalah istilah Hindu, bukan istilah Islam. Memang mudah terjadi kekeliruan, kalau kita melambangkan pengertian dalam suatu kebudayaan dengan meminjam kata dari bahasa kebudayaan lain.

Allah menyebut Islam itu din. Dalam bab yang lalu dikutip surah al-Maidah, ayat 3, firman Allah (terjemahan): "... *Pada hari ini Aku sempurnakan untuk kamu dinmu, dan Aku cukupkan kepadamu nikmat-Ku dan Aku redai Islam dinmu.*" Islam itu din. Oleh itu orang yang menganut din itu disebut muslim. "*Dan Ibrahim mewasiatkan ucapan itu kepadan anak-anaknya, demikian pula Ya'kub: Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih din ini untuk kamu, sebab itu janganlah mati, melainkan ketika jadi muslimun*" (Terjemahan surah al-Baqarah, ayat 132).

Agama yang kita anut memanglah Islam, tetapi Islam itu bukan agama sahaja. Semisal pula lembu itu haiwan, tetapi haiwan bukan hanya lembu sahaja. Pengertian haiwan lebih luas dari lembu. Pengertian Islam lebih luas daripada agama. Selain agama ada unsur lain yang jadi isinya.

Jadi tidak dinafikan bahawa din Islam mengandung agama, tetapi din Islam tidak mungkin diterjemahkan dengan agama Islam. Apa salahnya kalau Islam itu disebut agama? Kalau Islam

itu agama, bererti Islam hanya mengatur hubungan manusia dengan Allah. Apakah Islam hanya mengatur hubungan manusia dengan Allah? Tidak ada yang berautoriti menjawab pertanyaan ini, selain Allah sendiri dan utusan-Nya. Jawapan Allah kita temukan dalam al-Qur'an dan jawapan Nabi dalam Sunnah Hadithnya.

Apabila kita telah telaah ayat-ayat al-Qur'an, kita temukan:

1. Tiap ayat menyatakan hubungan manusia dengan Allah; ada ayat yang mengandung petunjuk, tuntunan, peringatan, suruhan, larangan, pengetahuan dari Allah kepada manusia dan tiap ayat itu berasal dari Allah untuk manusia.
2. Di antara ayat-ayat itu ada pula yang menyatakan atau menyimpulkan hubungan manusia dengan manusia, termasuk hubungannya dengan alam.

Mari kita ambil sejumlah misal: Surah al-Fatihah, ayat 4 (terjemahan) *"Yang menguasai hari pembalasan"*. Pembalasan di akhirat itu ialah pembalasan atas laku-perbuatan manusia di dunia, baik dalam hubungannya dengan Allah atau dalam hubungannya dengan manusia.

Surah al-Baqarah, ayat 3, (terjemahan): "*(Iaitu) mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka.*" Iman, mendirikan solat dan anugerah berhubungan dengan Allah, sedangkan menafkahkan berhubungan dengan manusia.

Surah Ali 'Imran, ayat 6 (terjemahan): *"Dialah yang membentuk kamu dalam rahim sebagaimana yang dikehendaki-Nya ....*" Pembentuk anak dalam rahim, menurut kehendak Allah (hubungan dengan Allah) dan terlaksana dalam dari ibu (hubungan manusia dengan manusia).

Surah al-Nisa', ayat 1 (terjemahan): *"... Dan bertaqwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (terpeliharalah) hubungan sillah al-rahim ....*" "Bertaqwa dan mempergunakan nama Allah" adalah hubungan dengan Allah dan "saling meminta dan hubungan silah al-rahim" adalah hubungan dengan manusia.

Surah al-Ma'idah, ayat 2 (terjemahan) *"... Dan janganlah sekali-kali kebencianmu kepada sesuatu kaum kerana mereka menghalang-halangi kamu dari Masjidilharam, mendorongmu berbuat aniaya (kepada mereka)."* Mengunjungi Masjidilharam masuk dalam rangka hubungan dengan Allah dan kebencian serta berbuat aniaya menyangkut hubungan manusia dengan manusia.

Kita boleh menelaah ayat demi ayat, selalu kita temukan dalam tiap ayat hubungan dengan Allah, dan pada banyak ayat kita temukan pula sebagai pantulan hubungan dengan Allah itu hubungan dengan manusia. Ada ayat-ayat yang menjadi dasar pembentukan sains dan ada pula menjadi dasar ekonomi. Sains dan ekonomi merupakan dua bidang kebudayaan, yang jadi alat manusia hidup bermasyarakat, jadi dalam hubungan manusia dan manusia.

Surah al-An'am, ayat 1, 2 (terjemahan): *"Segala puji untuk Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dan mengadakan gelap dan terang, namun orang-orang kafir mempersekutukan (sesuatu) dengan Tuhan mereka. Dialah yang menciptakan kamu dari tanah, sesudah itu ditentukannya ajalmu ...."* Kajian tentang langit, bumi, gelap, terang, kejadian tentang manusia dan kematiannya membentuk sains, yang diperlukannya dalam merajai bumi ini sebagai khalifah Allah.

Surah al-A'raf, ayat 10 (terjemahan): *"Sesungguhnya Kami tempatkan kamu sekalian di muka bumi dan Kami adakan bagimu di muka bumi itu (sumber-sumber) penghidupan, (tapi) amat sedikitlah kamu bersyukur."* Penempatan manusia di muka bumi dan sedikitnya manusia bersyukur adálah mengenai hubungan manusia dengan Allah. Pengadaan sumber-sumber penghidupan membentuk ekonomi, bidang kebudayaan utama dalam kehidupan masyarakat, hubungan manusia dengan alam dalam kaitan hubungannya dengan manusia.

Jadi tidaklah dapat diragukan, bahawa di samping hubungan dengan Allah, ayat-ayat al-Qur'an banyak pula mengandung hubungan manusia dengan manusia. Sunnah Hadith adalah pentafsiran, penjelasan, ulasan, huraian atau perincian dan teladan bagaimana mewujudkan al-Qur'an dalam kehidupan. Sunnah adalah laku perbuatan Nabi dalam hubungannya dengan Allah dan dengan

manusia, manusia sebagai anggota-anggota keluarganya, sahabatnya, orang yang dipimpinnya, orang laki-laki dan perempuan, jirannya, musuhnya, orang beriman, orang kafir, sahaya, orang merdeka, orang baik, orang jahat dan sebagainya, yakni setiap orang yang beliau hubungi atau yang menghubungi beliau, dan Hadith lebih terperinci menyatakan hubungan antara manusia dan manusia, di samping hubungan manusia dengan Allah.

Kesimpulan al-Qur'an dan Sunnah Hadith itu kita temukan pada ayat:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ أَيْنَ مَاثُقِفُوٓاْ إِلاَّ بِحَبْلٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ ٱلنَّاسِ

Terjemahan: Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali mereka yang menjaga hubungan dengan Allah dan manusia.

(*Ali 'Imran, 3:112*)

Hubungan dengan Allah membentuk sistem ibadat atau agama, sedangkan dengan manusia membentuk sistem mu'amalat atau kehidupan sosial yang membentuk masyarakat, itulah kebudayaan, yang telah kita perkatakan dalam Fasal 4,5,6,. Ibadat dan mu'amalat, atau agama dan kebudayaan yang diajarkan oleh Allah dan Rasul-Nya, melalui al-Qur'an dan Sunnah Hadith, itulah yang diliputi oleh din Islam. Kerana din Islam itu tidak hanya meliputi agama sahaja, tetapi juga kebudayaan, kelirulah kita selama ini menterjemahkan din Islam dengan agama Islam sahaja. Akibat kekeliruan yang dahsyat bagi kehidupan umat Islam hari ini, telah dibahas dalam Fasal yang lewat.

Islam dan Kebudayaan.

Mari kita tambahkan bukti, bahawa Islam juga mengatur dan mengawal kehidupan kebudayaan. Ayat-ayat yang mengandung dasar undang-undang (hukum), baik mengenai ibadat atau Mu'amalat, agama dan sosio-budaya, disebut ayat ahkam. Ayat-ayat ahkam tentang kebudayaan itulah yang jadi dasar bagi hukum untuk mengatur masyarakat Islam.

Diperbandingkan dengan jumlah 6236 ayat dalam al-Qur'an memang ayat ahkam itu sedikit, tetapi ia merupakan prinsip-prinsip atau asas di atas mana ditegakkan hukum agama dan kebudayaan. Menurut Abdul Wahab Khallaf, jumlah hanya 5.8%, diperinci sebagai berikut:

1. Ayat-ayat tentang ibadat: solat, puasa, haji, zakat dan lain-lain: 140
2. Ayat-ayat tentang kehidupan kekeluargaan, perkahwinan, penceraian, warisan dan lain-lain. 70
3. Ayat-ayat tentang kehidupan ekonomi (jual-beli), sewa-menyewa, pinjam-meminjam, gadai perseorangan, kontrak dan lain-lain 70
4. Ayat-ayat tentang jenayah. 30
5. Ayat-ayat tentang hubungan Islam dengan bukan Islam 25
6. Ayat-ayat tentang pengadilan. 13
7. Ayat-ayat tentang hubungan orang kaya miskin. 10
8. Ayat-ayat tentang kenegaraan. 10

Semua ayat ahkam itu berjumlah 368 ayat, terbahagi kepada 140 ayat agama dan 228 ayat kebudayaan. Perbandingan jumlah ini mungkin dapat memeranjatkan orang, seolah-olah din Islam lebih memberatkan kebudayaan daripada agama. Hal yang sesungguhnya tidaklah demikian. Seperti telah disinggung sebelum ini, ajaran Islam tentang kebudayaan merupakan pantulan daripada agama. Hubungan manusia dan manusia adalah lanjutan daripada hubungan manusia dengan Allah. Prinsip-prinsip kebudayaan yang mengatur kehidupan masyarakat berasal dari Allah. Kerana manusia berhubungan dengan Allah, mentaati-Nya, maka dibinanyalah kebudayaan berasaskan prinsip-prinsip yang digariskan Allah.

Ada dua jenis prinsip atau ahkam yang diturunkan Allah untuk ditaati oleh manusia muslim, yang pertama mengenai lapangan ibadat, kedua mengenai lapangan kebudayaan. Prinsip atau ahkam itulah yang disebut syari'at, jalan yang wajib ditempuh oleh manusia dalam berhubungan dengan Allah dan dalam berhubungan dengan manusia (temasuk hubungan dengan alam).

Dalam kajian yang lazim syari'at itu diperbincangkan dalam empat bidang:

1. Ibadat (hukum agama).
2. Mu'amalat (hukum sosial).
3. Munakahat (hukum keluarga).
4. Jenayat (hukum kesalahan jenayah).

Ada pun mu'amalat, munakahat, jenayat itu merupakan isi dalam hubungan antara manusia dan manusia, dengan demikian masuk ke dalam kebudayaan. Dengan demikian hakikat kajian itu sesungguhnya juga agama dan kebudayaan.

Selain ahkam kemasyarakatan itu berlandaskan agama, juga agama merupakan sistem hubungan manusia dengan Allah yang berkekalan, sedangkan kebudayaan jadi sistem hubungan manusia dan manusia yang selalu berubah. Tentang yang tetap tidaklah begitu banyak prinsip perlu digariskan, tetapi tentang yang berubah banyak garis-garisnya perlu dihuraikan. Oleh itu jumlah ahkam kebudayaan lebih banyak daripada ahkam agama.

Mari kita teliti sejenak contoh-contoh prinsip kebudayaan yang digariskan oleh din Islam:

1. Sosial: prinsip-prinsip tentang nikah, talaq, ruju', faraid (pewarisan), hubungan kekerabatan, garis-garis kekerabatan, kehidupan berjiran, solidariti (ukhuwah), jamaah, sopan-santun (etiket), kewajipan laki-laki dan perempaun, hak-hak kemanusiaan, adat.
2. Ekonomi: prinsip-prinsip mencari rezeki, sedekah, waqaf, infaq, segi ekonomi zakat dan faraid, baital-mal, dagang, upah, timbangan dan ukuran, riba, jual beli, pinjam-meminjam, kontrak, buruh, harta anak yatim.
3. Politik: imamah, Uli al-Amr, musyawarah, jihad dan perang, peraturan dan undang-undang, cukai, jenayah (kejahatan), keadilan, perjanjian dengan bukan muslim, minoriti bukan Islam, diplomasi.
4. Pengetahuan dan teknik: asas sains-sains fizik, sosial dan kemanusiaan, prinsip-prinsip tentang nilai ilmu, kewajip-

an ilmu, pembahagian ilmu dan kerja, kedudukan orang yang berilmu, hubungan ilmu dengan orang yang wafat, kewajipan kerja; apa-apa yang diistilahkan dengan amal mengandung nilai kerja; amal dunia dan akhirat.

5. Seni: melagukan bacaan al-Qur'an, azan dengan seni suara, arkitektur masjid, kaligrafi (seni tulisan), sastera dalam kandungan bahasa al-Qur'an, perhiasan, makanan enak, wangi-wangian, dandanan, pakaian, keindahan sebagai sifat dan disukai Allah.
6. Falsafah: suruhan berfikir, mempergunakan akal; ayat-ayat mutasyabihat memerlukan pembahasan falsafah; mencari hikmah dalam tiap suruhan dan larangan; ilmu kalam, nilai-nilai akhlak, tafsiran tentang perkara-perkara ghaib.

Demikianlah sejumlah prinsip sebagai misal ajaran Islam yang meliputi bidang-bidang kebudayaan. Prinsip-prinsip itu mengandung suruhan Allah, di samping larangan-Nya. Keseluruhan ketentuan itulah yang dikenal sebagai syari'at. Jelaslah bahawa syari'at Allah bukan sahaja mengenai peribadatan, tetapi juga meliputi bidang-bidang sosial, ekonomi, politik dan lain-lain. Dengan demikian jelaslah bahawa din Islam bukan saja meliputi agama, tetapi juga kebudayaan. Sebahagian kecil tentang ibadat, yang perlaksanaannya berkekalan, dan sebahagian besar mengenai kebudayaan yang pelaksanaannya mengalami perubahan demi perubahan, sesuai dengan perkembangan akal, penambahan pengalaman, kemajuan sains dan teknologi.

Dalam perbendaharaan bahasa Malaysia tidak ada kata yang sama isi pengertiannya dengan din. Ya, ia dapat dihuraikan misalnya sistem kepercayaan dan amal, sistem agama dan kebudayaan atau cara hidup lengkap. Kerana tidak ada terjemahan kata itu dalam bahasa kita, eloklah kita pinjam istilah itu dan masukkan ia ke dalam perbendaharaan bahasa kita dengan penyesuaiannya dengan sistem bunyi bahasa kita menjadi al-din.

Jadi, ada agama Islam, ada kebudayaan Islam dan ada masyarakat Islam. Masyarakat Islam adalah kelompok besar orang Islam yang mengamalkan kebudayaan Islam. Orang Islam ialah manusia

yang beragama Islam. Maka dalam masyarakat Islam diamalkan kebudayaan yang berpadu dengan agama Islam.

Antara agama dan kebudayaan Islam memang dapat dibezakan, tetapi tidak dapat dipisahkan dalam al-din. Kebudayaan adalah lanjutan agama, agama dan kebudayaan membentuk kebulatan yang utuh. Sebabnya telah dinyatakan di atas, kebudayaan itu ditegakkan di atas dasar agama. Agama bukan saja melahirkan kebudayaan, tetapi juga mengendalikan dan mengawalnya. Mula-mula manusia berhubugan dengan Allah. Sesudah itu Allah menyuruh manusia itu berhubungan dengan hamba-Nya yang lain, yakni manusia juga, berasaskan prinsip-prinsip yang ditentukan-Nya sendiri. Hal ini bermakna, mula-mula manusia beragama, sesudah itu ia berkebudayaan *Hablun min Allah* dan *Hablun min al-Nas*, urutan yang kita temukan dalam Surah Ali 'Imran, ayat 112.

Apabila kebudayaan tidak merupakan lanjutan agama, kebudayaan itu tidak dilahirkan oleh agama, maka ia tidak dikendalikan dan dikawal oleh agama. Hubungannya putus dengan agama. Timbullah sekularisme. Maka masyarakat yang terbentuk ialah masyarakat orang Islam. Orangnya beragama Islam, tetapi kebudayaannya bukan Islam.

Al-din mengajarkan agama dengan lengkap, buka sahaja prinsip-prinsipnya, tapi juga cara pelaksanaannya. Dalam lapangan ibadat tidak boleh ada perubahan, apakah dalam bentuk pencampuran dengan unsur lain (yang disebut sinkretisme) atau dalam bentuk pembaharuan (yang disebut bida'ah). Sinkretisme ialah memasukkan unsur kepercayaan atau agama lain ke dalam peribadatan Islam. Bida'ah ialah mengada-adakan sesuatu yang baru yang tidak diajarkan oleh al-Qur'an dan tidak ditemukan dalam Sunnah Hadith. Bida'ah dalam peribadatan bersifat *dalalah* yang hukumnya haram.

Tentang kebudayaan yang diajarkan oleh al-din Islam pada asasnya hanya mengenai prinsip-prinsipnya sahaja. Prinsip-prinsip itu ditujukan kepada kemanusiaan, kerana itu ia sesuai dengan tabiat semula jadi manusia. Prinsip-prinsip itu berkekalan, kerana kemanusiaan itu berkekalan. Akan tetapi pernyataan kemanusiaan itu dapat berubah-ubah, kerana perkembangan akal, pengalaman

dan kemajuan sains dan teknologi. Perubahan itu membawa perubahan pelaksanaan daripada prinsip yang tetap itu. Agar perubahan tidak terpesong atau berlawanan dengan syari'at, perlulah ijtihad memainkan peranannya. Perubahan itu mungkin bersifat pencampuran dengan unsur kebudayaan lain, yang disebut akulturasi atau difusi. Mungkin pula bersifat pembaharuan, yang juga disebut bida'ah. Tetapi bida'ah dalam kebudayaan itu bersifat *hasanah*, semula pembaharuan itu tidak berlawanan dengan syari'at atau tetap dalam semangat syari'at. Ijtihad menghidupkan dinamik kebudayaan, sehingga selalu dapat sesuai dengan tempat dan waktunya, sesuai dengan kemajuan alam fikiran, dengan pengalaman, dengan sains dan teknologi atau dengan kecenderungan semasa. Dalam perubahan-perubahan itu haluan atau garis arahnya berkekalan, yakni menuju salam yang isinya keselamatan dan kesenangan. Kenapa haluan itu tidak menyimpang? Haluan itu tidak memyimpang, kerana ijtihad menjaga agar perubahan-perubahan itu tetap bergerak dalam garis syari'at.

Perubahan-perubahan tersebut membawa perubahan institusi-institusi sosial, yakni perubahan kehidupan masyarakat ke tingkat yang lebih mendekatkannya kepada salam.

Apabila kita misalkan al-din Islam itu berbentuk bulatan, maka di dalamnya terdapat dua lingkaran dengan titik pusat yang sama:

Rajah II: Al-Din Islam

A. Tauhid, titik pusat kehidupan al-Din
B. Tauhid memancarkan kepercayaan-kepercayaan lain, membentuk Rukun Iman.
C. Iman membawa manusia memperhambakan diri kepada Allah, membentuk ibadat khusus atau agama.
D. Agama membina taqwa, yang menjadi dasar kehidupan sehari-hari dalam masyarakat, yang berisikan kebudayaan (sosial, ekonomi, politik, ilmu, teknik, seni, falsafah).

Titik pusat itu ialah tauhid yang jadi pangkal tolak atau pusat gerak dalam kehidupan al-din setiap tindakan atau perbuatan muslim mestilah kerana Allah, yakni dikerjakan kerana Allah, dihentikan kerana Allah. Mematuhi Allah secara mutlak, itulah yang disebut "memperhamba diri" kepada-Nya. Inilah maksud Allah menciptakan manusia seperti yang dijelaskan dalam surah al-Zarriyat, ayat 56 (terjemahan) *"Dan tidak Aku ciptakan jin dan manusia, melainkan supaya mereka memperhambakan diri ke-da-Ku."*

Tindakan perhambaannya yang pertama ialah melakukan hubungan dengan hamba Allah yang lain, yang disebut ibadat am atau kebudayaan. Perhambaan diri dilakukan manusia dengan mentaati keseluruhan perintah Allah. Keseluruhan perintah itu adalah syari'at. Setiap perintah itu disebut hukum, dalam pengertian pedoman akhlak yang tidak diragukan lagi. Syari'at meliputi semua laku perbuatan manusia. Ia merupakan jalan yang digariskan Allah yang mesti ditempuh oleh muslim. Syari'at ialah jalan yang ditempuh dalam beragama dan dalam berkebudayaan.

Al-Ahkam al-Khamsah.

Menurut syari'at ada lima ragam perintah Allah, yang diistilahkan *al-Ahkam al-Khamsah*, hukum yang lima:

1. Wajib atau fardu, mesti dikerjakan.
2. Sunat atau mandub, dianjurkan untuk dikerjakan.
3. Jaiz atau mubah, terserah: boleh dikerjakan, boleh ditinggalkan.
4. Makruh, dianjurkan untuk ditinggalkan.
5. Haram, dilarang mengerjakannya.

Hukum yang lima ini mengandung sistem nilai Islam:

1. Wajib, mengandung nilai baik.
2. Sunat, mengandung nilai "setengah baik".
3. Jaiz, bersifat neutral, tidak baik, tidak buruk.
4. Makruh, mengandung nilai "setengah buruk".
5. Haram, mengandung nilai buruk.

Perkara yang mengandung nilai baik, pasti memberi manfaat; yang setengah baik: mungkin memberikan manfaat; yang *neutral*: tidak memberikan manfaat, juga tidak mudarat. Ada pun perkara makruh: mungkin mendatangkan mudarat, sedangkan haram; pasti mendatangkan mudarat.

Al-Ahkam al-Khamsah yang dikandung syari'at itu adalah jalan yang menuntun manusia membina salam. Perkara yang wajib: membina salam atau mempertahankan salam yang sudah wujud. Perkara yang haram: mencegah pembinaan salam atau meruntuhkan salam yang sudah wujud.

Setiap hukum mesti ada sanksinya (ancaman hukuman). Kalau tidak ia tidak disebut hukum. Undang-undang yang dibuat oleh pemerintah adalah hukum. Ada sanksinya kalau dilanggar. Pemerintah mengundangkan, dilarang mencuri, rasuah, memperjualbelikan dadah, memiliki senjata api dengan tidak sah. Cubalah tuan langgar undang-undang itu. Pemerintah akan bertindak dan tuan akan mendapat hukuman.

Demikian pula syari'at atau hukum dalam Islam:

1. Perkara yang diwajibkan perlu dilakukan, kalau dikerjakan mendapat pahala, manakala ditinggalkan dijatuhi dosa.
2. Perkara yang disunatkan sebaiknya dilakukan; kalau dikerjakan mendapat pahala, manakala ditinggalkan tidak dijatuhi dosa.
3. Perkara yang dijaizkan diserahkan kepada muslim melakukan atau meninggalkannya, dilakukannya tidak memperoleh pahala, ditinggalkannya tidak memperoleh dosa.
4. Perkara yang dimakruhkan, sebaiknya ditinggalkan; kalau ditinggalkan memperoleh pahala, kalau dikerjakan juga apa boleh buat, masih belum dijatuhi dosa.
5. Perkara yang diharamkan, wajib ditinggalkan; kalau dikerjakan mendapat dosa, tetapi kalau ditinggalkan mendapat pahala.

Jadi kalau agama atau falsafah lain menentukan hanya dua nilai: positif dan negatif, baik dan buruk, maka Islam dengan

syari'atnya menyusun lima nilai. Dengan demikian ia memberikan pilihan yang lebih luas kepada Muslim dalam berlaku berbuat baik dalam agama atau kebudayaan.

Syari'at adalah untuk kepentingan manusia sendiri dalam usahanya mewujudkan keselamatan dan kesenangan. Allah itu pengasih dan penyayang, *al-Rahman al-Rahim*. Kerana kasih dan sayang-Nya kepada hamba-Nya maka diwajibkan-Nya manusia mengerjakan perkara-perkara tertentu, untuk salam si hamba itu, dan diharamkannya perkara-perkara tertentu agar si hamba itu tercegah dari seksaan dan penderitaan. Allah mewajibkan atau mengharamkan, mensunatkan dan memakruhkan, serta menjaiz-kan laku perbuatan manusia, bukanlah untuk kepentingan-Nya sendiri, dan juga hukum Allah itu tidak sewenang-wenang. Ditaati atau hukum itu, tidak ada untung atau rugi bagi Allah. Untung-ruginya adalah bagi manusia sendiri.

Telah dinyatakan, semua yang diwajibkan Allah adalah bagi pembinaan salam manusia sendiri. Semua yang diharamkan-Nya adalah untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan *kulliyat al-Khamsa,* yakni 'aqidah atau agama, diri (rohaniah dan jasmaniah), kehormatan diri, keselamatan harta benda dan keselamatan dan kesejahteraan keturunan. Setiap yang mengancam, atau akan merosak *Kulliyat al-Khamsah* itu diharamkan oleh Allah. Misal-nya:

1. Diharamkan syirik, bida'ah, khurafat, mementingkan lain daripada Allah, kerana merosak 'aqidah atau agama,
2. Diharamkan arak, heroin, membunuh, makanan tertentu, kerana ia merosak rohaniah atau jasmaniah,
3. Diharamkan cabul, membuka aurat, berkhianat, melang-gar janji, rogol, kerana ia merosak kehormatan.
4. Diharamkan judi, boros, riba, kerana ia merosak harta benda,
5. Diharamkan zina, mendirikan keluarga tanpa nikah, kahwin dalam garis kekerabatan, kerana ia merosak ke-turunan.

Syari'at adalah laksana jalan yang membawa kita kepada suatu tempat yang diidam-idamkan. Yang akan dicapi oleh syari'at itu

ialah salam, perwujudan keselamatan dan kesenangan, naluri asasi manusia. Dalam kita menempuh jalan, kita hanya akan sampai kepada tujuan, kalau kita mematuhi undang-undang lalu-lintas dan tanda-tanda yang didapati sepanjang jalan, yang berfungsi mengawal dan menuntun perjalanan. Undang-undang dan tanda-tanda itu ada yang menyuruh ada yang melarang dan ada pula yang menyerahkan pilihan kepada orang yang menggunakan jalan. Kalau peraturan jalan itu tidak kita endahkan, kita tidak akan sampai ke tempat yang dituju. Kalau apa-apa yang dilarang kita kerjakan, kita juga tidak akan sampai ke tempat yang hendak kita tuju, tetapi mungkin di hospital atau di kuburan. Demikian pula dengan syari'at, yang pengertian *lughawiyah*nya memang jalan yang lurus. Apabila kita tidak mentaati apa-apa yang diperintah oleh syari'at, maka salam yang dilambangkan oleh jannah tidak akan menjadi bahagian kita. Demikian pula kalau apa-apa yang dilarang syari'at dikerjakan, akibatnya penderitaan dan seksaan yang akan diperoleh, yang dilambangkan oleh jahanam atau neraka.

Jannah adalah perwujudan naluri asas manusia, keselamatan dan kesenangan yang diarah oleh kemanusiaan. Jahanam adalah penghancuran keselamatan dan kesenangan. Jannah dan jahanam itu ditemukan di dua tempat, di dunia jannah dan jahanamnya bersifat terhad, dan di akhirat, ia bersifat mutlak. Orang yang memperoleh kebahagian yang sempurna dalam kehidupan diungkapkan sebagai mendapat syurga dunia. Sebaliknya orang yang menemukan penderitaan dan seksaan yang sempurna dikatakan ia ditimpa oleh neraka dunia.

Jadi yang menghendaki syurga itu adalah kemanusiaan itu sendiri, yang menghendaki jauh dari neraka ialah sifat semula jadi manusia. Terhadap kehendak hakiki manusia inilah Allah menggariskan syari'atnya "Sesiapa yang hendak masuk syurga, ikutlah syari'at-Ku, dan sesiapa yang jatuh ke dalam neraka langgarlah syari'at itu". Kemahuan manusia bebas. Manusia sendirilah yang akan menentukan, penentuan yang diputuskan oleh akalnya, mentaati atau mengingkari syari'at, setiap muslim berdakwah, menyeru kepada al-din. *Al-din Islamiy* memberikan ajaran, penjelasan, petunjuk dan peringatan al-din mengisi kablu dengan agama dan mengisi budi dengan ilmu pengetahuan.

Bertebaran ayat-ayat al-Qur'an menjanjikan salam di dunia dan di akhirat kepada mereka yang beriman dan beramal salih, yakni mereka yang menempuh jalan syari'at dalam kehidupannya. Kaedah apa yang ditentukan oleh al-din untuk memperoleh kesejahteraan di kedua-dua alam itu?

Kaedah mewujudkan salam di dunia ialah dengan mengamalkan kebudayaan dan untuk salam di akhirat dengan melaksanakan agama. Dunia adalah pangkal kehidupan dan akhirat hujungnya; dan hujung itu mengendalikan pangkal. Sebab itulah agama mengendalikan kebudayaan. Dan mengatur sosial, memakmurkan ekonomi, membijaksanakan politik, meninggikan pengetahuan dan teknik, menghaluskan kesenian dan meningkatkan alam pemikiran, keselamatan dan kesenangan kebendaan dapat dicapai di dunia ini. Akan tetapi kalau kebudayaan itu tidak selaras dengan agama, tidak merupakan lanjutan agama, kerana tidak mengikuti jalan syari'at, maka kesejahteraan kebendaan itu tidak seimbang dengan kesejahteraan spiritual/rohaniah. Pertentangan inilah yang dapat diamati dalam kebudayaan sekularisme; di mana manusia kaya sekali dalam kebendaan, serentak dengan itu miskin sekali dalam kerohanian.

Kebendaan yang dibina dalam kebudayaan daripada al-din Islamiy kerana menempuh jalan syari'at, adalah selaras dengan agama, amal yang menghasilkan keuntungan wang, juga menghasilkan keuntungan pahala. Dua yang diperdapat; wang sebagai nilai benda, untuk dunia; dan pahala sebagai nilai rohaniah, untuk akhirat. Berdagang misalnya, apabila ia dijalankan dengan sains ekonomi dan diasaskan atas syari'at, maka kita memperoleh keuntungan kerana mengerjakannya menurut syari'at.

Kaedah mewujudkan salam di akhirat ialah dengan mengamalkan agama. Sasaran agama ialah roh. Kalau jasad memerlukan makanan yang bersifat kebendaan, demikian pula roh memerlukan "makanan" yang bersifat rohaniah. Kalau jasad tidak memperoleh makan, ia akan mati, yakni dari tingkat hayat ia jatuh ke tingkat benda mati. Apabila roh tidak memperoleh makanan, ia juga akan "mati", tetapi pengertian mati di sini bukanlah lenyapnya hidup, kerana eksistensi roh itu bersifat tetap, tidak mengenal pengertian mati yang demikian. Yang mati di sini ialah pengha-

yatannya, kerana roh itu demikian lemahnya, tidak mampu menjalankan fungsinya, tidak memberikan kehidupan batin yang sesuai dengan kemanusiaan, antara lain mewujudkan salam. Roh yang semestinya menguasai jasad (kerana yang jadi hakikat manusia adalah roh) dan mengendalikannya, terbalik kedudukannya. Jasad, dengan nilai-nilai kebendaannya yang dangkal dan tertuju untuk berlangsung semasa, menguasai roh.

Misalnya laki-laki menghendaki perempuan. Nilai rohaniah memerlukan perkahwinan, persetujuan kedua belah pihak dan hubungan itu berkekalan, membentuk keluarga, seterusnya keturunan. Akan tetapi kalau nilai kebendaan yang berkuasa, si laki-laki memaksa si perempuan untuk melepaskan hawa nafsunya. Dengan demikian apa bezanya ia daripada haiwan? Orang ingin kekayaan. Mudah sahaja, rebut kekayaan itu dengan menipu, rasuah, mencuri, menindas atau merompak. Orang ingin kenyang. Makanlah tanpa memikirkan dari mana asal makanan itu, apakah secara sah atau haram: tidak meneliti sifat makanan itu, apakah kenyangnya akan memberikan manfaat atau mudarat. Demikian beberapa misal, kalau jasmani menguasai rohani.

Nilai agama ialah rohaniah. Mengamalkan agama itu sesuai dengan syari'at yang akan memberikan kesejahteraan rohaniah. Roh itu wujud di dunia dan berlanjut sampai ke akhirat dan untuk selama-lamanya. Oleh itu dengan beragama manusia membina salam rohaniahnya di dunia dan di akhirat. Orang yang rohnya sejahtera (kerana mengamalkan agama), belum tentu jasadnya sejahtera pula (kerana mengamalkan kebudayaan). Mungkin ia kekurangan makanan, berpakaian buruk, berumah di gubuk, tidak mampu merawat badannya dengan ubat-ubatan. Perbezaan nilai antara agama dan kebudayaan, akan lebih mudah difahami dengan memperbandingkan ukuran nilainya.

Kita telah membahas, bahawa ukuran nilai, alat tukar dan penyimpan nilai kebudayaan ialah wang. Yang berkuasa dalam kebudayaan ialah ekonomi. Untuk mengukur harga barang dan perkhidmatan dipergunakan wang. Untuk menjual atau membeli barang dan perkhidmatan dipakai wang sebagai alat tukar. Demikian pula untuk menyimpan harga barang dan perkhidmatan juga dipergunakan wang. Sasaran kebudayaan ialah dunia yang nyata

dan barangan di dunia itu diadakan, disalurkan dan dipergunakan dengan berekonomi.

Akan tetapi agama bersasaran alam yang ghaib, ditujukan kepada roh yang ghaib dan kehidupan yang ghaib (bagi manusia di masa kini) di akhirat. Ukuran nilainya bukan wang, tetapi pahala. Semua perkara yang sesuai dengan suruhan dan larangan agama mengandung nilai baik. Kita menegakkan rukun Islam, kita menolong orang, kita menjauhkan diri daripada menganiaya orang, daripada merosak kehidupan masyarakat. Di pandang dari segi kebendaan atau kebudayaan kita tidak memperoleh nilai, kita tidak mendapat wang, tetapi di pandang dari segi agama perbuatan kita itu berharga, kerana itu kita diberi nilai. Bentuk nilai itu pahala. Amalan-amalan itu diukur dengan pahala. Pahala sebagai alat tukar agama berlakunya di akhirat. Di akhirat ia ditukar dengan keselamatan dan kesenangan dalam bentuk jannah. Jadi ia berbeza daripada wang yang jadi alat tukar keselamatan dan kesenangan kebendaan dalam bentuk kemakmuran di dunia.

Wang sebagai ukuran nilai kebudayaan berlaku sekarang, langsung dinikmati secara jasmaniah. Pahala sebagai ukuran nilai agama hanya akan berlaku dan dinikmati di masa akan datang, di samping kesejahteraan rohaniah yang sudah mulai dirasakan di dunia ini.

Apabila kebudayaan yang diamalkan selaras dengan syari'at (dengan demikian ia merupakan sebahagian daripada al-din), maka nilai yang diperoleh *mempunyai dua yakni nilai kebudayaan dan nilai agama*. Wang diperdapat, pahala pun diperoleh. Kenapa? Kerana kebudayaan yang diamalkan menurut jalan syari'at ialah kebudayaan yang ditegakkan di atas asas agama. Mengamalkan kebudayaan itu termasuk dalam ibadat pengertian am, kerana itulah ia diganjar dengan pahala.

Dari huraian di atas jelaslah betapa *agama dan kebudayaan membentuk suatu kebulatan penuh dalam al-din. Perpaduan ini membentuk perimbangan yang selaras.*

Keyakinan akan roh sebagai hakikat manusia membentuk perpaduan antara dunia dan akhirat. Dunia dan akhirat bukanlah dua kesatuan yang berdiri sendiri-sendiri tetapi satu kesatuan hidup yang terdiri atas dua bentuk dengan mata rantai maut. Dalam

kehidupan dunia roh itu beralatkan jasad. Setelah mati roh melanjutkan hidupnya tanpa jasad. Ketika kiamat roh itu juga melanjutkan kewujudannya dengan diberikan kepadanya alat baru. (Surah al-Waqi'ah; ayat 58—61)

Antara Dunia dan Akhirat Terjalin Hubungan Sebab-Akibat

Apa juga yang dilakukan di dunia merupakan sebab, yang akibatnya diperoleh di akhirat. Akibat adalah pembalasan atas sebab. Demikian pula akhirat adalah pembalasan atas dunia.

Kebudayaan mementingkan dunia, agama mementingkan akhirat, tetapi al-din memperimbangkan antara keduanya itu dengan pembinaan salam, baik di dunia, ataupun di akhirat, supaya jangan terjejas salam disalah satu alam itu, maka al-din melarang untuk berlebih-lebihan dengan kebudayaan, juga tidak boleh berlebih-lebihan dalam beragama. Setiap yang melewati batas dilarang oleh al-din, kerana ia merosak perimbangan.

Perimbangan itulah yang selalu menjadi isi doa muslim:

Terjemahan: Ya, Tuhan kami, berikanlah kepada kami Kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan jauhkanlah kami dari api neraka jahanam.

(Al-Baqarah, 2: 201)

Kata-kata sahabat lebih lanjut menjelaskan perimbangan itu:
Berbuatlah untuk dunia kamu, seolah-olah kamu akan hidup abadi dan berbuatlah untuk akhirat kamu, seolah-olah kamu akan mati esok hari.

Susunan kata atau ungkapan ini adalah ayat majmuk, terdiri daripada dua ayat tunggal, dihubungkan oleh kata sendi *'dan'*. Kata sendi ini menunjukkan bahawa kedua-dua ayat yang dirangkaikan itu mengandungi nilai yang seimbang. Kalau berbuat untuk dunia sahaja, maka orang hanya akan mementingkan kebudayaan sahaja. Kalau berbuat untuk akhirat sahaja, orang hanya akan mementingkan agama sahaja. Masing-masing melewati batas.

Maka diperimbangkanlah antara kedua-duanya itu dalam al-din, yang dunia, yang akhirat; disuruh berbudaya, disuruh beragama. Dengan menyebut dunia terlebih dahulu, tidaklah bererti dunia itu lebih penting daripada akhirat, kerana kata perangkai "dan" menunjuk kepada dua nilai yang seimbang, disebut dunia terlebih dahulu hanyalah untuk mengikuti urutan yang lojik. Manusia mengalami dunia terlebih dahulu, sesudah itu baru akhirat. Juga dunia sebagai sebab tentu mesti mendahului akhirat sebagai akibat.

Akan tetapi kalau difikirkan secara lojik, manakah yang lebih penting, dunia yang bersifat sementarakah (bagi individu hanya selama kira-kira 70 tahun) atau akhirat yang tidak berbatas waktu? Tentulah kesejahteraan abadi lebih penting daripada yang sementara. Oleh itu, mereka yang menyedari perbandingan ini dan menghayati atau meyakini akhirat, cenderung untuk memusatkan perhatian dan usahanya untuk akhirat dengan mengabaikan nasibnya di dunia. Terhadap mereka inilah Allah memperingat:

وَٱبْتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلْءَاخِرَةَ وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنْيَا

Terjemahan: Dan carilah apa yang dianugerahkan Allah kepadamu (kesejahteraan) di negeri akhirat, dan janganlah kamu lupa akan habuan kamu di dunia ...

(Al-Qasas, ayat 28: 77)

Pada masa sekarang ketika berlangsung pembelahan antara agama dan kebudayaan, umat Islam mengamalkan hanya segi agama daripada al-dinnya dan umat bukan Islam menegakkan kebudayaan sekularis, maka berlakulah bagi mereka peringatan Allah:

مَن كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ ٱلْءَاخِرَةِ نَزِدْ لَهُۥ فِى حَرْثِهِۦ وَمَن كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ ٱلدُّنْيَا نُؤْتِهِۦ مِنْهَا وَمَا لَهُۥ فِى ٱلْءَاخِرَةِ مِن نَّصِيبٍ

Terjemahan: Sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat. Kami akan memberinya mendapat tambahan pada faedah yang dikehen-

dakinya, dan sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) kebaikan di dunia semata-mata, kami beri kepadanya dari kebaikan dunia itu (sekadar yang kami tentukan), dan ia tidak akan boleh sesuatu bahagian pun di akhirat kelak.

(Al-Syura, 42: 20)

Perimbangan salam dunia dan akhirat, yang jadi naluri asas manusia, ditampung oleh al-din dengan perimbangan agama dan kebudayaan. Perimbangan agama dan kebudayaan membawa perimbangan kepada kesejahteraan roh dan jasad, yang selanjutnya bermakna perimbangan nilai-nilai spiritual dan kebendaan.

Manusia yang hidup seimbang, menempuh jalan yang tidak berat ke kiri, juga tidak berat ke kanan. Tidak ke kiri dan tidak pula ke kanan, bermakna orang menempuh jalan tengah, syari'at itu adalah jalan tengah, memperimbangkan agama dan kebudayaan dalam al-din Islam. Oleh kerana itu menyebut umat Islam itu *"ummatan wasatan"*, umat pertengahan, umat yang menempuh jalan tengah (Surah al-Baqarah, ayat 143).

Ajaran perimbangan itu hanya mungkin diciptakan oleh Allah sendiri, yang mengetahui hakikat kemanusiaan, yang mengandung sifat semula jadi penuh pertentangan dalam dirinya. Oleh kerana itu setiap konsepsi atau teori yang disusun oleh manusia, yang mengandung pertentangan dalam dirinya sendiri, selalu berat sebelah. Kerana berat sebelah, ia tidak menyelesaikan masalah-masalah pokok kehidupan, tidak pernah berhasil menyusun keselarasan antara perkara-perkara yang berlawanan. Ambil misalnya faham individualisme dan kolektivisme, masalah abadi, semenjak dahulu sampai kini, tidak pernah terselesaikan oleh falsafah manusia. Islam datang dengan menggariskan jalan tengah antara kedua-dua faham yang bertentangan. Perimbangan antara kedua-dua faham itu menguntungkan individu, serentak dengan itu memberikan laba kepada masyarakat. Mereka yang tidak memahami syari'at yang digariskan Islam, mengkaji segi demi segi, tanpa memperpadukan kedua-kedua segi. Maka timbullah tuduhan Islam itu kapitalisme (kerana melihat Islam memberikan hakmilik kepada individu), di samping tuduhan bahawa Islam itu sosialisme

(kerana melihat Islam itu mementingkan masyarakat). Islam bukan kapitalis, juga bukan sosialis. Islam itu ialah Islam, yang menempuh jalan tengah antara kapitalisme dan sosialisme. Segi-segi negatif konsepsi itu ditinggalkannya, sambil menghimpun segi-segi positifnya.

Allah yang mencipta manusia. Dia tahu hakikat kemanusiaan. Dia mengerti masalah-masalah yang timbul dari kemanusiaan itu. Maka diturunkan-Nyalah al-din yang mengandung syari'at perimbangan untuk menyelesaikan masalah-masalah itu. Apakah manusia menerima al-din itu dengan mengamalkan syari'atnya? Itu diserahkan Allah kepada manusia sendiri. Allah menjadikan manusia makhluk yang mulia dengan menganugerahkan akal kepadanya. Akal itu adalah daya manusia yang mampu menemukan kebenaran.

لَآ إِكْرَاهَ فِى ٱلدِّينِ قَد تَّبَيَّنَ ٱلرُّشْدُ مِنَ ٱلْغَىِّ فَمَن يَكْفُرْ بِٱلطَّٰغُوتِ وَيُؤْمِن
بِٱللَّهِ فَقَدِ ٱسْتَمْسَكَ بِٱلْعُرْوَةِ ٱلْوُثْقَىٰ لَا ٱنفِصَامَ لَهَا

Terjemahan: Tidak ada paksaan dalam al-din (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur), oleh itu sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus.

(*Al-Baqarah, 2: 56*)

Manusia memiliki akal. Allah menurunkan al-din Islam. Perlukah manusia akan al-din itu? Pembahasan akal tentang "Manusia dan Agama".

XV

MANUSIA DAN ISLAM

Perlukah Manusia kepada Islam?

Jawapan pertanyaan sebagai tajuk kecil ini dapat ditarik dari huraian-huraian yang terdahulu. Dengan demikian fasal yang terakhir ini merupakan kesimpulan dari fasal-fasal yang mendahuluinya.

Kita menghendaki sesuatu, apabila sesuatu itu memenuhi keperluan kita. Ungkapan ini amat sederhana dan amat lojik, sehingga tidak memerlukan pembahasan sama sekali. Apabila sesuatu memenuhi keperluan kita, tandanya sesuatu itu bernilai bagi kita. Apakah dia nilai? Jawapan terhadap pertanyaan ini tidak sederhana lagi, kerana ia membawa kita memasuki alam falsafah.

Suatu barang bernilai, apabila ia berharga bagi kita. Bagi mereka yang tidak menghargainya, barang itu tidak bernilai. Apa tanda sesuatu benda itu berharga? Kita menghendakinya, bersedia bersusah payah untuk mendapatkannya. Bahkan kita bersedia berkorban untuk memperolehnya, misalnya mengorbankan wang atau benda lain milik kita. Tanda lain menunjukkan barang itu berharga ialah puas hati kalau mendapatkannya. Kepuasan itu ialah kerana kesenangan atau keselamatan yang diberikan barang itu kepada kita. Kesenangan dan keselamatan adalah isi daripada istilah salam. Dengan demikian kepuasan itu berhubungan dengan salam.

Dalam huraian-huraian yang lalu telah ditelaah, betapa naluri asas keselamatan dan kesenangan menggerakkan laku perbuatan

manusia. Naluri itu menggerakkan manusia bertindak dan berbuat. Tujuan tindakan dan perbuatan itu mewujudkan keselamatan atau kesenangan. Falsafah teori nilai berpendapat lain tentang motif atau penggerak tindakan. Yang menggerakkan tindakan dan perbuatan ialah nilai, tujuannya ialah mewujudkan nilai hakiki bagi manusia, tidaklah terdapat pergaduhan antara kedua pandangan:

1. Bahawa laku perbuatan manusia digerakkan oleh naluri keselamatan dan kesenangan.
2. Bahawa laku perbuatan manusia digerakkan oleh nilai.

Kenapa makanan, pakaian, perumahan, perubatan bernilai bagi manusia? Kerana ia memberikan keselamatan bagi manusia. Kenapa barangan yang memberikan kenikmatan (makanan sedap, pakaian cantik, rumah bagus, ubat yang manis), barang-barang yang memberikan kemudahan, karya-karya yang menimbulkan penghayatan kesenian, bernilai? Kerana barang-barang yang memberikan kemudahan, karya-karya yang menimbulkan penghayatan kesenian, bernilai? Kerana barang-barang itu memenuhi naluri kesenangan.

Barang-barang yang tidak memberikan keselamatan atau kesenangan, kita pandang tidak bernilai. Misalnya makanan yang sudah busuk atau yang mendatangkan penyakit. Pakaian yang mendedahkan aurat bagi Islam bernilai negatif. Barang-barang yang bernilai negatif itu dijauhi orang.

Akhirnya ada pula barangan yang nilainya neutral. Ia tidak dipandang dari segi berguna tidaknya, bermanfaat-mudaratnya atau cantik-buruknya, melainkan dilihat dari segi bagaimana adanya. Pandangan demikian adalah pandangan ilmiah. Ia tidak menilai, tetapi membicarakan barang menurut faktanya.

Setelah menelaah hubungan keperluan dan nilai, kembali kita kepada pertanyaan tadi, "Perlukah manusia kepada Islam?" Untuk menjawab pertanyaan ini, dua perkara perlu difahami terlebih dahulu:

1. Apakah keperluan hakiki manusia?
2. Dapatkah Islam memenuhi keperluan itu?

Kalau Islam dapat memenuhinya, ia tentu diperlukan. Kalau tidak ia tidak diperlukan. Kalau ia mencegah terwujudnya keperluan itu, hendaklah ia dijauhi.

Keperluan hakiki sama dengan keperluan asasi. Ini telah dibahas dalam huraian yang lalu. Keperluan asasi itu dihayati manusia sebagai naluri asasi, yakni menghendaki keselamatan dan kesenangan atau salam. Oleh itu mengarah kepada salam adalah gerak semula jadi manusia.

Manusia itu sendiri terdiri daripada jasad dan roh. Jasad menghendaki salam, demikian pula roh. Yang hakikat di antara kedua-dua unsur asal itu adalah roh. Yang dikatakan "aku" itu ialah sesungguhnya rohaniah, bukan jasmaniah. Jasad hanyalah alat roh di alam nyata. Suatu ketika alat itu terpisah dari "aku". Perpisahan itu disebut peristwa maut. Yang mati adalah jasad, sedangkan "aku" yang bersifat rohaniah melanjutkan kewujudan "aku". Yang merasakan nikmat atau seksa kubur, bukanlah jasad, yang tidak lama setelah dikuburkan kembali lagi menjadi tanah, tapi "aku" yang rohaniah.

Salam jasmaniah bersifat sementara. Ia diperlukan selama jasad itu terjalin dengan roh. Sedangkan salam rohaniah bersifat kekal, kerana kewujudan roh itu berkekalan. Dengan demikian urutan keperluan hakiki manusia ialah:

1. Keperluan roh, yakni salam rohaniah.
2. Keperluan jasad, salam jasmaniah.

Roh itu bersifat ghaib, kerana itu nilai-nilai yang dikehendakinya tidak bersifat nyata. Ia bukan untuk disentuh oleh pancaindera, melainkan untuk dihayati oleh hati. Keselamatan roh bergantung pada reda dan berkah Penciptanya, sedangkan kesenangannya dirawat oleh kebaikan dan keindahan yang dihayatinya.

Jasad bersifat nyata, kerana itu nilai-nilai yang dikehendaki bersifat nyata pula. Yang nyata itu ialah yang ada faktanya. Keselamatannya bergantung pada benda-benda (makanan dan ubat-ubatan), untuk kesenangannya ia memerlukan pakaian, perumahan, barang-barang yang memberikan kemudahan, barang-barang mewah dan lain-lain.

Dunia ialah alam nyata, alam kita, alam yang disentuh oleh pancaindera, difikirkan oleh otak. Akhirat ialah alam ghaib, yang dipercayai oleh kalbu. Jasad mengalami salamnya yang penuh di dunia, sedangkan roh di akhirat. Jasad bersifat sementara, seperti pula dunia yang diarahnya. Roh bersifat sementara ia tetap bernilai, kerana ia diperlukan untuk kini dan di sini. Akan tetapi nilai yang hakiki terletak pada roh dan akhirat, sebab ia diperlukan untuk selama-lamanya, sekalipun secara penuh baru ia menyatakan diri nanti dan di sana. Oleh kerana roh dan akhirat mengandung nilai hakiki, ia sudah bermula semenjak di dunia. Manusia memerlukan salam rohaniah sepanjang hayatnya di dunia, tanpa itu nilai kebendaan tidak bermakna. Apa erti kekayaan bagi jiwa yang merana? Apa makna pangkat tinggi bagi jiwa yang gelisah? Manusia memperhitungkan nilai akhirat dalam tiap laku perbuatannya di dunia, kerana dunia ini akan ditinggalkannya, akhirat diarahnya dan di situlah ia untuk selama-lamanya.

Wang merupakan ukuran nilai kebendaan, yang bersifat duniawi. Dengan wang dapat kita membeli keselamatan dan kesenangan bagi jasad. Pahala merupakan ukuran nilai rohaniah, yang bersifat ukhrawi. Dengan pahala dapat kita "membeli" keselamatan dan kesenangan bagi roh, di akhirat nanti, tetapi yang sudah mulai dapat dihayati di dunia ini.

Antara jasad dan roh terjalin hubungan sebab akibat, seperti pula antara dunia dan akhirat. Jasad bergerak menurut arahan roh. Tindakan jasad itu berakibat bagi roh. Akibat ini disebut juga pembalasan. Segala sesuatu yang kita perbuat di dunia ini, baik atau buruk, akibatnya kita peroleh di akhirat nanti. Kehidupan akhirat tidaklah lain daripada pembalasan kehidupan dunia.

Demikianlah pembahasan tentang keperluan hakiki manusia. Dapatkah Islam memenuhi keperluan itu? Mari kita jawab pertanyaan yang mencabar ini.

Manusia adalah sebahagian daripada alam. Alam tidak wujud dari semula, seperti pula tiap barang tidak bersifat qadim. Ia tidak ada dari semula. Dari tidak ada suatu ketika alam diadakan. Khaliq yang menciptakannya ialah Allah, Tuhan Yang Maha Esa. Alam sebagai ciptaan Khaliq disebut makhluk.

Setelah alam diciptakan Allah, alam itu diatur-Nya. Sebagai

pengatur dan pendidik Allah disebut *Rabb*. Diturunkan-Nya wahyu kepada makhluk-Nya:

ثُمَّ ٱسْتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ وَهِىَ دُخَانٌ فَقَالَ لَهَا وَلِلْأَرْضِ ٱئْتِيَا طَوْعًا
أَوْ كَرْهًا قَالَتَآ أَتَيْنَا طَآئِعِينَ فَقَضَىٰهُنَّ سَبْعَ سَمَٰوَاتٍ فِى يَوْمَيْنِ وَأَوْحَىٰ
فِى كُلِّ سَمَآءٍ أَمْرَهَا ۚ وَزَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنْيَا بِمَصَٰبِيحَ وَحِفْظًا ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ
ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ

Terjemahan: Kemudian Ia menunjuk kehendaknya ke arah (bahan-bahan) langit, sedang langit itu masih berupa asap; lalu ia berfirman kepadanya dan kepada bumi: Turutlah kamu berdua akan perintah-Ku, sama ada dengan Paksa!" Keduanya menjawab: "Kami berdua sedia menurut patuh dengan sukarela". Lalu Ia menjadikan tujuh langit, dalam dua masa, dan Ia memberitahu kepada tiap-tiap langit akan urusan dan keperluannya masing-masing. Dan kami hiasi langit yang dekat (pada pandangan mata penduduk bumi) dengan bintang-bintang yang bersinar cemerlang serta memelihara langit itu dengan sebaik-baiknya. Demikianlah ketentuan Allah yang Maha Kuasa lagi Maha Mengetahui.

(Fussilat, 41: 11-12)

Setelah langit dan bumi diciptakan dan diatur-Nya, dicipta-Nya pula dan diatur-Nya isi bumi, tumbuhan dan haiwan:

وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى ٱلنَّحْلِ أَنِ ٱتَّخِذِى مِنَ ٱلْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ ٱلشَّجَرِ وَمِمَّا
يَعْرِشُونَ

Terjemahan: Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah. Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia.

(Al-Nahl, 16: 68)

Dengan wahyu itu Allah menggariskan Sunnah Allah kepada alam. Sunnah Allah menentukan sifat dan gerak alam. Alam taat kepada wahyu Allah yang diturunkan kepadanya. Ia sujud kepada Allah. Alam adalah muslim. Kerana ketaatannya kepada ketentuan-ketentuan Allah, terjadilah gerak yang teratur dan berkekalan. Keteraturan yang serba tetap itu disebut hukum. Hukum inilah yang jadi matlamat kajian sains.

Allah tidak memberitakan wahyu-wahyu apa yang diturunkan-Nya kepada alam. Manusia dengan sainsnya dapat mengkajinya sendiri. Tuhan menggalakkan manusia menemukan undang-undang alam, kerana ia dapat dimanfaatkan manusia bagi keperluannya sendiri. Bukanlah alam ini diciptakan Allah untuk manusia? Kerana itu pula Islam mewajibkan ilmu bagi umatnya.

Kepada manusia sebagai bahagian alam, Allah memberikan kelebihan, iaitu akal. Dengan akal itu manusia membezakan dirinya dari makhluk-makhluk lain. Dengan kelebihan itu Allah memilih manusia, dijadikan-Nya khalifah-Nya. *Kekhalifahannya itu menyatakan diri pada daya cipta, yang dilahirkan oleh tenaga akal dan diwujudkan oleh tangan.*

Dengan akal manusia dapat membentuk pengetahuan, pengetahuan benar atau salah. Dengan pengetahuan dapat pula ia bertindak, berbuat baik atau berbuat jahat. Dengan daya ciptanya manusia dapat menjadi takbur dan sesat. Ia dapat menciptakan konsepsi dan barang, yang mungkin memberi manfaat, tetapi juga memberi mudarat baginya dan bagi alam.

Oleh itu setelah akal dianugerahkan-Nya kepada makhluk yang akan mewakili-Nya di alam, Dia berikan pula naqal, Naqal adalah wahyu-wahyu Allah yang diturunkan-Nya kepada manusia untuk menuntun akal. *Sebagaimana Allah menurunkan wahyu kepada alam untuk menjadi hukum dalam sifat dan geraknya, demikian pula Dia menurunkan wahyu kepada manusia untuk menjadi hukum bagi akalnya.*

Wahyu Allah kepada alam ialah untuk mengatur alam, sehingga sifat dan gerak yang satu selaras dengan yang lain. Perhatikanlah misalnya gerak bumi, bulan dan matahari. Masing-masing bergerak dalam orbit yang telah ditentukan oleh wahyu Tuhan. Bulan tidak masuk ke dalam orbit matahari dan sebaliknya. Kalau

tidak ada keteraturan dalam gerak masing-masing, bayangkanlah apa yang akan terjadi. Ketika bumi menyimpang dari jalannya ia akan hangus terbakar dan semua yang ada di permukaannya ikut hancur. Apabila bintang-bintang dan galaksi-galaksi keluar dari jalan yang ditentukan Rabb, akan kiamatlah alam ini.

Manusia dan haiwan memerlukan zat asam dalam kehidupannya dan tidak memerlukan zat arang. Tumbuhan memerlukan zat arang dan tidak memerlukan zat asam. Manusia dan haiwan menarik zat asam dari udara, sambil mengisikan zat arang ke dalam udara itu. Tumbuhan menarik zat arang, sambil mengisikan zat asam ke dalam udara. Kerjasama ini menegakkan harmoni dalam kehidupan antara ketiga jenis makhluk itu.

Tumbuhan dapat hidup kerana adanya benda-benda zat mati. Haiwan dapat hidup kerana adanya benda-benda zat mati dan tumbuhan. Dan manusia dapat hidup kerana adanya ketiga jenis makhluk itu.

Demikianlah Sunnah Allah menegakkan salam dalam alam wujud ini.

Wahyu Allah kepada manusia berfungsi sama seperti wahyu-Nya kepada alam. Wahyu itu membentuk syari'at, jalan yang wajib ditempuh manusia dalam kehidupannya, untuk menegakkan salam.

Allah tidak memberitakan wahyu-wahyu yang diturunkan-Nya kepada alam, kerana manusia dengan akalnya dapat mengkaji sendiri dan menemukan Sunnah Allah itu. Akan tetapi syari'at tak akan mungkin ditemukan manusia, kalau ia tidak diberikan kepadanya. Syari'at ialah sunnah Allah untuk manusia. Manusia adalah rohaniah dan jasmaniah, tetapi yang hakikat baginya ialah roh. Syari'at terutama untuk mengatur kehidupan rohaniah, di samping kehidupan jasmaniah. Roh adalah ghaib, perjalanannya baik di dunia, ataupun di alam barzakh dan akhirat adalah juga ghaib, Sains hanya dapat mengkaji dan menemukan hukum tentang perkara-perkara alam nyata, yakni yang dapat dilakukan penyelidikan atasnya. Maka sains tidak berdaya mengkaji dan menemukan undang-undang tentang perkara-perkara alam ghaib. Kerana itu apa dan bagaimana undang-undang untuk mengwujudkan salam bagi roh yang ghaib, tidak akan mungkin dikaji dan ditemukan

oleh sains. Sebab itulah syari'at itu diberitakan Allah melalui wahyu-Nya yang diturunkan-Nya dengan perantaraan Rasul-Nya.

Syari'at untuk manusia sebagai makhluk jasmaniah adalah mungkin ditemukan oleh kajian sains, tetapi untuk ini sains memerlukan pengalaman yang panjang dan kajian mendalam, masa yang lama. Kerana itulah Allah yang pengasih dan penyayang juga menurunkan syari'at-Nya tentang perkara tersebut, supaya manusia tidak perlu menunggu lama untuk menegakkan salam jasmaniahnya dan syari'at dalam bidang inilah yang dibuktikan kebenarannya satu demi satu dalam sejarah perkembangan sains.

Demikianlah Sunnah Allah kepada alam setingkat dengan syari'at Islam kepada manusia, bertujuan sama, iaitu menegakkan salam. Sunnah Allah adalah hukum alam. Syari'at Islam pun adalah hukum alam bagi manusia, apabila mereka hendak menegakkan salam. Kerana itu ada benarnya kalau dalam ilmu bahasa kata Islam dipulangkan kepada kata salam (salm).

Risalah Islam ialah untuk mewujudkan salam bagi manusia, baik rohaniah ataupun jasmaniah. Untuk salam rohaniah Islam mewajibkan agama. Untuk salam jasmaniah diwajibkannya kebudayaan. Agama adalah sistem hubungan manusia dengan Allah dan kebudayaan merupakan sistem hubungan manusia dengan manusia. Menegakkan agama ialah dengan menjaga hubungan dengan Allah dan menegakkan kebudayaan dengan jalan menjaga hubungan dengan manusia. Kedua jalan itulah yang dikandung oleh syari'at.

Apabila tidak dijaga hubungan manusia dengan Allah, salam rohaniah tidak akan wujud. Kalau tidak dijaga hubungan manusia dengan manusia, salam jasmaniah tidak akan tercapai. Rohaniah menemukan salamnya yang penuh di akhirat dan jasmaniah di dunia. Kalau hubungan pertama dicuaikan, apa lagi ditinggalkan, manusia akan terseksa dan menderita di akhirat. Mencuaikan atau meninggalkan hubungan kedua, seksa dan derita menjadi bahagian manusia di dunia. Demikianlah dengan menempuh syari'at manusia menegakkan salam baik di dunia, ataupun di akhirat. Sebaliknya dengan melanggar atau meninggalkan syari'at, tidak mungkin manusia mewujudkan naluri asasinya: keselamatan dan kesenangan kini dan di sini serta nanti dan di sana.

Menyuruh kepada agama dan kebudayaan dan ancaman kepada mereka yang meninggalkannya, kita temukan dalam wahyu Allah:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوٓا۟ إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ ٱلنَّاسِ

Terjemahan: Mereka ditimpa kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan menjaga hubungan dengan Allah dan manusia.

(Ali 'Imran, 3: 112)

Bagaimana cara menjaga hubungan dengan Allah? Sebagai perbandingan baik kita telaah cara menjaga hubungan dalam kehidupan sehari-hari.

Bagaimana menjaga hubungan dengan teman? Dengan jalan jangan menyinggung perasaannya, jangan menyakiti hatinya, jangan membikin dia marah. Kalau ini diperbuat, hubungan persahabatan akan rosak. Sebaliknya kalau kita persenang hatinya, menggembirakan atau menyukakan hatinya, hubungan itu akan bertambah kukuh atau mesra. Tersinggungnya perasaan, sakit hati atau marahnya teman kepada kita, adalah akibat laku perbuatan kita yang buruk bagi dia. Sedangkan senang hati atau gembiranya teman itu, juga disebabkan laku perbuatan kita kepadanya, yang mengandung nilai baik.

Bagaimana menjaga hubungan dengan ketua pejabat, di mana kita kerja? Dengan jalan mematuhi peraturan-peraturan, suruhan dan larangan pejabat itu. Bagaimana menjaga hubungan dengan isteri? Berbuatlah apa yang akan menyenanginya dan tinggalkan apa yang akan menyinggung atau menyakiti hatinya.

Prinsip menjaga hubungan dengan Allah tidak berbeza dengan asas hubungan dalam kehidupan sehari-hari. Berbuatlah apa yang disuruh-Nya, tinggalkan apa yang dilarang-Nya. Dan hubungan itu akan lebih mesra, kalau laku perbuatan kita mengandung nilai reda Allah. Akan kukuhlah hubungan itu kalau kita membiasakan laku perbuatan, yang diberkati-Nya.

Mana-manakah laku perbuatan yang akan menjaga hubungan

manusia dengan Allah? Itulah yang ditentukan oleh syari'at ibadat atau agama. Dengan menempuh syari'at, manusia menjalani kehidupan beragama, yang menjaga hubungan dengan Allah. dengan beragama itu ia mencapai tingkat kemanusiaan yang mulia. Beragama adalah pertanda dari kehidupan rohaniah yang aktif. Apabila manusia menenggelamkan diri dalam kehidupan kebendaan, agama itu lenyap dalam kehidupannya. Tanpa agama apakah yang membeza manusia daripada binatang? Manusia jatuh hina.

Dengan agama manusia tidak sahaja memperkaya rohaniahnya di dunia ini, terutama ia juga mempersiapkan dirinya untuk kehidupan yang kekal, setelah meninggalkan dunia yang sementara ini. Agama memberi kekuasaan kepada manusia membina salam di akhirat.

Manakah laku perbuatan yang akan menjaga hubungan manusia dengan manusia? Itulah yang ditentukan oleh syari'at, mu'amalat atau sosial, manusia menentukan prinsip-prinsip atau asas kebudayaan. Dengan menempuh syari'at, manusia menjalani kehidupan budaya. Makhluk yang berbudaya adalah makhluk yang mencapai tingkat kemanusiaan, dan manusia itu adalah khalifah Allah di bumi yang memiliki daya manusia sahaja. Tanpa kebudayaan manusia jatuh ke tingkat haiwan. Hal ini dibuktikan oleh orang-orang yang semenjak kecil putus hubungannya dengan manusia, menjadi besar di bawah "asuhan" binatang. Kerana putus hubungan dengan masyarakat, ia tidak berbudaya, hidup sebagai binatang yang memeliharanya. Dengan demikian lenyap kekuasaannya membina salamnya di dunia.

Apabila manusia tidak menjaga hubungannya dengan Allah dan hubungan dengan manusia, yakni tidak beragama dan tidak berbudaya, hilang kekuasaannya menegakkan salam bagi dirinya, baik di dunia atau di akhirat. Di dunia ia mendapat kehinaan, kerana martabatnya dipandang setingkat binatang. Di akhirat pun ia tenggelam dalam kehinaan kerana tinggal di tempat yang hina dan terseksa, yakni neraka.

Jalan kehidupan yang menjamin keutuhan kedua hubungan itu, itulah syari'at Islam. Agama, sistem yang terbentuk di atas asas menjaga hubungan dengan Allah, dan kebudayaan, — sistem yang terbentuk di atas asas menjaga hubungan dengan manusia; — ke-

dua itulah yang jadi isi daripada *al-din Islam.*

Al-din Islam itu amat luas. Ia tidak sahaja meliputi kehidupan manusia, tetapi menjangkau keluasan jagat raya. Ia juga amat dalam, sehingga tidak terjangkau oleh sains dan teknologi. Ajaran dan amalannya sudah empat belas abad dikaji, sampai sekarang masih belum selesai. Akan tetapi kalau kita bertanya apa yang dikehendaki oleh ajaran al-din yang amat luas dan dalam itu dari manusia? Maka jawabnya dapat disimpulkan dalam ayat sederhana dan pendek: *Islam menghendaki agar manusia jadi orang baik.* Orang baik ternyata pada akhlaknya yang mulia. Untuk itulah Nabi diutus. *"Aku dibangkitkan untuk menegakkan akhlak yang mulia,"* terjemahan sabda Nabi.

Islam dan Akhlak.

Semua ajaran dan amalan Islam bermuara kepada akhlak. Syari'at menggariskan laku perbuatan yang bernilai akhlak. Dengan suruhan-suruhannya syari'at membina akhlak yang positif. Dengan larangan-larangannya ia menjauhkan nilai negatif pada akhlak. Kesimpulan syari'at itu ialah: *amar ma'ruf, nahi mungkar;* menyuruh kepada yang baik, mencegah dari yang buruk. Dengan hidup dalam syari'at manusia terdidik dalam nilai-nilai baik, terbiasa menjauh dari nilai-nilai buruk. Pendidikan itu membentuk manusia menjadi baik.

Adalah hukum alam, bahawa baik berbalas dengan baik dan jahat berbalas dengan jahat. Hukum ini disebut hukum sebab-akibat dalam falsafah. Setiap sebab melahirkan akibat yang senilai. Dengan nyata dan mudah dapat dipastikan, hukun ini berlangsung dalam alam kebendaan. Sebab air sejukkan 0°C, akibatnya ia membeku. Sebab logam dipanaskan, akibatnya ia mengembang. Sebab pohon-pohon di lereng gunung dirosak, terjadi banjir pada musim hujan dan kekeringan pada musim kemarau. Akan tetapi dalam alam rohaniah pun, hukum ini berlaku. Hanya saja akibat tidak segera menyusul sebab seperti pada alam kebendaan, kadang-kadang jarak masanya amat jauh. Orang yang berbuat baik sekarang, mungkin tidak sekarang atau besok mendapat balasan baiknya. Bertahun-tahun bahkan adakalanya puluhan tahun balasan itu baru ternyata. Demikian pula orang yang berbuat jahat, lama

sesudah ia lupa akan kejahatan yang dikerjakannya, baru ia memperoleh balasan yang senilai, dan mungkin pula datangnya balasan baik atau jahat itu lebih lama jaraknya, melewati hujung kehidupannya, terjadi di akhirat. Pahala sebagai nilai perbuatan jahat, di akhiratlah dialami balasannya.

Pada asasnya setiap yang baik dan setiap yang buruk, yang kita lakukan, berbalas di dunia ini juga. Di alam barzakh dan di akhirat balasan itu diulang kembali dengan lebih adil dan lebih pasti. Ada juga kita perhatikan, perbuatan baik dan perbuatan jahat tidak kelihatan balasannya di dunia. Dengan demikian di akhirat balasannya akan berganda. *Akhirat adalah pembalasan dunia.*

Islam menghendaki manusia itu baik. Orang baik akan berlaku dan berbuat baik. Perbuatan baik berbalas dengan baik. Kebaikan itu membina salam. Manusia yang berbuat menurut syari'at Islam akan mendapat balasan kebaikan di dunia dan di akhirat. Allah itu pengasih dan penyayang. Setelah manusia diciptakan-Nya, diturunkan-Nya syari'at yang akan membawa manusia kepada salam dunia dan salam akhirat. Syari'at memastikan pembalasan:

مَنْ عَمِلَ صَٰلِحًا فَلِنَفْسِهِۦ وَمَنْ أَسَآءَ فَعَلَيْهَا

Terjemahan: Sesiapa yang mengerjakan amal salih, maka itu adalah untuk dirinya sendiri, dan sesiapa yang mengerjakan kejahatan, maka itu akan menimpa dirinya sendiri ...

(Al-Jathiyah, 45: 15)

Allah menyuruh berbuat baik, kerana kebaikan sebagai buah perbuatan itu adalah untuk yang berbuat itu sendiri. Perbuatan yang baik dikerjakan kerana Allah tetapi bukan untuk Dia, melainkan untuk yang mengerjakan sendiri. Allah melarang daripada perbuatan jahat, kerana kerosakan sebagai buah perbuatan akan tertimpa pada yang berbuat itu sendiri. Membunuh adalah perbuatan jahat. Dari Tuhan si pembunuh mendapat dosa, dari masyarakat ia akan dapat hukuman. Sekalipun ia berhasil membebaskan dirinya dari pembalasan masyarakat, dari pembalasan Allah ia tidak

mungkin melarikan diri. Dosa itu membawa dia ke neraka. Sekalipun ia dapat bebas dari hukuman masyarakat, namun hukuman rohaniah tentu diterimanya juga. Rohaniah menjadi rosak. Mempergunakan dadah adalah perbuatan haram. Keruntuhan rohaniah dan jasmaniah dan habisnya harta kekayaan untuk memenuhi ketagihan itu adalah batasan yang langsung bagi dia yang berbuat haram itu. Berlaku ayat Allah:

مَنْ يَعْمَلْ سُوٓءًا يُجْزَ بِهِۦ

Terjemahan: Sesiapa yang mengerjakan kejahatan, nescaya akan diberi pembalasan dengan kejahatan itu ...

(*Al-Nisa', 4: 123*)

Sebaliknya sesiapa yang berbuat sesuai dengan syari'at, yang nilainya baik, memperoleh pahala dari Allah dan kebaikan di dunia. Orang yang berbuat baik terhadap keluarganya, memperoleh kasih sayang dari keluarganya itu. Sesiapa yang berbuat baik kepada masyarakat, memperoleh penghargaan dari masyarakat itu. Berbuat baik kepada orang, orang pun berbuat baik kepada kita. Pahala sebagai nilai kebaikan yang dikerjakan kerana Allah membawanya ke dalam Firdaus:

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُو۟لَٰٓئِكَ يَدْخُلُونَ ٱلْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا

Terjemahan: Dan sesiapa yang mengerjakan amal salih, dari leluki atau perempuan sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk syurga, dan mereka pula tidak akan dianiaya atau dikurangkan balasannya,

(*Al-Nisa', ayat 4: 124*)

Orang yang mentaati syari'at memperoleh buah dari ketaatannya. Demikian pula orang yang mengingkarinya memperoleh buah

keingkarannya itu:

إِنَّ ٱلْأَبْرَارَ لَفِى نَعِيمٍ وَإِنَّ ٱلْفُجَّارَ لَفِى جَحِيمٍ

Terjemahan: (Gunanya catatan malaikat-malaikat itu ialah untuk menyatukan siapa yang berbakti dan siapa yang bersalah) kerana sesungguhnya: orang-orang yang berbakti (dengan taat dan amal kebajikan), tetap berada dalam syurga yang penuh nikmat. Dan sesungguhnya orang-orang yang bersalah, bertempat dalam neraka yang menjulang-julang.

(Al-Infitar, 82: 13–14)

Setiap tindakan dan setiap perbuatan kita dalam menjalani kehidupan selalu mengandung nilai. Mungkin masyarakat tidak menilainya atau kita dapat menyembunyikannya dari penilaian masyarakat, tetapi Tuhan Yang Maha Tahu selalu mengawasi setiap laku perbuatan hamba-Nya:

وَلَا تَعْمَلُونَ مِنْ عَمَلٍ إِلَّا كُنَّا عَلَيْكُمْ شُهُودًا إِذْ تُفِيضُونَ فِيهِ وَمَا يَعْزُبُ عَن
رَّبِّكَ مِن مِّثْقَالِ ذَرَّةٍ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فِى ٱلسَّمَآءِ

Terjemahan: Dan tidaklah kamu (wahai umat manusia) dalam mengerjakan sesuatu amal usaha, melainkan adalah Kami menjadi saksi terhadap kamu, ketika kamu mengerjakannya. Dan tidak akan hilang lenyap dari pengetahuan Tuhanmu sesuatu dari sehalus-halus atau seringan-ringan yang ada di bumi atau di langit.

(Yunus, 10: 61)

Kepercayaan kepada Allah yang sifat-sifat-Nya Esa membawa kepada kepercayaan bahawa Dia selalu mengamati dan mengawasi tiap tindakan dan perbuatan kita. Untuk menjaga hubungan dengan Dia maka laku perbuatan kita asaskan atas prinsip-prinsip

yang ditentukan-Nya, sehingga ia mengandung nilai-nilai baik. Selanjutnya ia kita arahkan kepada reda dan berkat-Nya.

Sebagaimana anak-anak yang tahu bahawa ia diawasi oleh orang tuanya dalam bermain-main akan berlaku berbuat manis, sesuai dengan kehendak orang tuanya dan meninggalkan tindakan yang dilarang oleh mereka. Demikian pulalah hamba dalam menjalani kehidupan di bawah pengawasan *Ma'budnya.* Zat kepada siapa ia memperhamba diri. Pemandu kereta mematuhi peraturan lalu lintas, ketika ia tahu bahawa ia berada di bawah pengawasan polis di jalan raya. Allah senantiasa mengawasi hamba-Nya. Kesedaran ini membawa muslim taat kepada peraturan-peraturan Allah, —yang disebut syari'at, —dalam menempuh jalan raya kehidupan.

Dengan menjalani syari'at di bidang agama, muslim mempunyai kuasa untuk membina salamnya di akhirat serta salam rohaniah di dunia. Dengan menjalani syari'at di bidang kebudayaan, muslim mempunyai kuasa untuk membina salamnya di dunia, yang ada pantulannya di akhirat. Dengan tegaknya salam di dunia dan di akhirat, wujudlah naluri asasi manusia: ingin keselamatan dan kesenangan. Ia menemukan kemanusiaannya, sehingga menjadi makhluk yang termulia di antara makhluk-makhluk Khaliq. Dengan memanfaatkan kelebihannya dari makhluk-makhluk lain itu ia menyatakan hakikat manusia sebagai khalifah Allah di permukaan bumi ini.

Dengan huraian di atas, maka pertanyaan yang mencabar: "Dapatkah Islam memenuhi keperluan hakiki manusia?" terjawab dengan nyata dan pasti.

Al-din Islam memenuhi keperluan hakiki manusia. Apabila ia ingin menegakkan salam bagi dirinya, manakala ia ingin menemukan kemanusiaannya, kalau ia ingin menyatakan hakikat manusia dalam menjalani kehidupan hanya syari'at Islamlah yang mampu membawanya kepada perwujudan keinginan itu. Akan tetapi perlu diperingkatkan, *jalanilah syari'at itu selengkapnya, masuki al-din Islam itu sepenuhnya.* Bukan hanya memberatkan segi agama sahaja atau kebudayaan sahaja, melainkan jalanilah keduanya berkait dan seimbang, menegakkan kebudayaan atas asas agama.

Umat Islam dan al-Din.

Selama ini umat Islam tidak memasuki al-din sepenuhnya, ada yang hanya memasuki bidang agama sahaja, bahkan banyak orang Islam yang merasa dirinya "moden" menjauh baik dari ibadat ataupun mu'amalat, sehingga umat Islam di dunia kini menemukan nasib seperti yang kita hadapi pada hari ini. Maka perlulah selalu kita ingat suruhan Allah kepada orang-orang yang beriman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱدْخُلُوا۟ فِى ٱلسِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا۟ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ ۚ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam Islam (dengan mematuhi segala) hukum-hukumnya: dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan, sesungguhnya syaitan itu musuh kamu yang nyata.

(*Al-Baqarah, 2: 208*)

Memasuki Islam menyeluruh ialah beragama dan berbudaya berasaskan syari'at.

Apabila kita sudah sepakat, bahawa hanya al-din Islamlah satu-satunya cara hidup yang sesuai dengan kemanusiaan, maka langkah berikutnya ialah mengamalkan al-din itu. Apabila ia tidak diamalkan, tentu ia tidak akan berbuah. Mungkinkah pohon itu menghasilkan buah, kalau ia tidak ditanam dan dirawat? Realiti yang sering kita temukan ialah, banyak orang Islam lemah, ketinggalan, miskin, jahil, hina - pendeknya jauh dari kejayaan - sedangkan mereka tahu Islam itu membawa kepada kejayaan. Kenapa realiti ini berlawanan dengan tujuan Islam itu sendiri? Jawabnya yang mudah ditemukan dalam kehidupan umat Islam ialah al-Din Islam *itu tidak diamalkan,* atau *diamalkannya sebahagian-sebahagian.*

Jadi syarat kejayaan ialah pengamalan Islam. Sebelum diamalkan ia perlu dikaji. Hanya dengan menguasai dan memahami ajaran-ajaran Islam, al-din itu dapat diamalkan dengan sempurna.

Sebelum kita mengkaji ajaran-ajaran itu perlu kita fahami sistematik ajarannya untuk memudahkan kita dalam mempelajarinya.

Ajaran Islam yang pertama, yang jadi asas dari seluruh al-din ialah 'aqidah, keyakinan atau kepercayaan, dirumuskan sebagai rukun Iman.

Ciri pertama agama ialah percaya kepada Yang Qudus. Bagi Islam Yang Qudus itu ialah Allah, Tuhan Yang Maha Esa. Tuhan bukan sahaja esa dalam jumlah, tapi juga esa dalam sifat dan dalam perbuatan. Keesaan itulah yang dihuraikan oleh Sanusi dalam ilmu kalamnya, yang terkenal dengan *Kitab Sifat 20.*

Lanjutan lojik atas kepercayaan kepada tauhid atau keesaan Allah ialah kepercayaan kepada malaikat-malaikat sebagai makhluk ghaib yang bertugas sebagai pesuruh Allah di jagat raya ini. Dengan kepercayaan kepada malaikat-malaikat, kita akan percaya pula kepada Kitab-kitab Suci, yakni himpunan wahyu-wahyu Allah yang disampaikan oleh malaikat Jibril kepada Utusan Allah atau Rasulullah. Kepercayaan kepada Kitab-kitab Suci membawa orang kepada kepercayaan kepada Rasul-rasul Allah, kepada siapa Kitab-kitab Suci itu diturunkan. Dari sekian banyak Rasul Allah, adalah Muhammad s.a.w. Rasulullah yang terakhir; dan dari sekian kitab suci. Al-Qur'anlah jadi Kitab suci yang terakhir, diturunkan kepada Rasulullah yang terakhir, disampaikannya kepada umat manusia, yang berlaku sampai kini dan untuk selanjutnya selama kewujudan manusia di dunia ini. Akibat lojik atas kepercayaan kepada Kitab-kitab Suci dan Rasul-rasul Allah ialah kepercayaan kepada akhirat, yang merupakan ajaran pokok Kitab-kitab dan Rasul-rasul itu. Kepercayaan kepada akhirat sebagai Hari Pembalasan, membawa kita percaya kepada *yang baik dan yang buruk berasal dari Allah.* nilai-nilai akhlak yang pembalasannya diwujudkan di akhirat nanti. Percaya kepada Allah, kepada Malaikat-malaikat, kepada Kitab-kitab Suci, kepada Rasulullah-Rasulullah, kepada akhirat dan qadar baik dan buruk berasal dari Allah, itulah rukun-rukun keimanan, yakni prinsip-prinsip mutlak yang tanpa salah satu atau lebih daripadanya, keimanan itu batal atau tidak lengkap.

Rukun Iman sebagai kepercayaan wajib diwujudkan dalam

bentuk amalan. Kepercayaan sahaja belum bererti apa-apa, kalau ia tidak diamalkan. Saya percaya, kalau makan saya kenyang, tetapi saya tidak akan pernah kenyang, kalau makan itu tidak saya amalkan.

Pengamalan iman yang pertama ialah berbentuk ucapan lidah. Diucapkan oleh lidah, iman yang terkandung dalam hati. Tiang-tiang iman itu ialah tauhid dan kepercayaan kepada Muhammad s.a.w. sebagai Utusan Allah terakhir. Kedua kepercayaan inilah yang dikandung oleh dua kalimah syahadat atau ikrar keyakinan:

اَشْهَدُ اَلاَّ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ وَاَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ

Terjemahan: Aku berikrar tidak ada Tuhan selain Allah, dan aku berikrar bahawa Muhammad Rasulullah

Menegakkan solat ialah tiang ibadat. Belum sah Islamnya seseorang, apabila ia tidak mengerjakan solat. Setelah menjaga hubungan dengan Allah dengan solat, Allah mewajibkan muslim membayarkan zakat sekali setahun, yang hikmahnya menjaga hubungan dengan manusia lain. Selanjutnya diwajibkan-Nya saum atau puasa, yang hikmahnya menjaga hubungan manusia dengan dirinya sendiri. Inipun untuk dikerjakan berkala, paling kurang sebulan dalam setahun atau sehari dalam tiap 12 hari. Akhirnya paling tidak sekali seumur hidup, kalau sanggup, diwajibkan Muslim itu menunaikan haji, yang hikmahnya melakukan hubungan dengan umat manusia.

Syahadah (penyaksian) ke atas Allah dan Rasul-Nya, solat, zakat, saum, haji adalah rukun Islam, yakni prinsip-prinsip mutlak keislaman, yang tanpa salah satu atau lebih daripadanya. Keislaman seseorang itu batal atau belum lengkap, Rukun Islam inilah yang difahami sebagai ibadat dalam masyarakat kita. Ia boleh disebut ibadat, tetapi ibadat khusus, sebab ibadat umum menyangkut semua amalan yang dilakukan kerana iman.

Antara rukun Iman dan rukun Islam terjalin saling hubungan yang timbal balik. Dengan rukun Iman sebagai sebab, dilakukan rukun Islam sebagai akibat. Dengan mengerjakan rukun Islam, rukun Iman makin berkesan. Mengucapkan zikir bila-bila sahaja,

menegakkan solat paling tidak purata sekali dalam lima jam selama hayat, membayarkan zakat sekali dalam setahun, mengerjakan saum paling tidak purata sekali dalam tiap 12 hari, naik haji paling tidak sekali selama hayat, merupakan *proses pendidikan mendalami penghayatan iman.* Hakikat pendidikan ialah mengerjakan sesuatu berulangkali sehingga menjadi kebiasaan; kebiasaan yang menjadi norma membentuk tabiat: kebulatan tabiat membentuk keperibadian memancarlah kemahuan, yang melahirkan amalan berdasarkan iman itu, amalan inilah yang disebut dengan *amal.*

Rukun Iman mula-mula dipelajari sebagai pengetahuan. Pengetahuan itu diamalkan dengan rukun Islam. Pengamalan rukun-rukun Islam secara berkala adalah proses pendidikan untuk mewujudkan pengetahuan yang rasional tentang rukun Iman *menjadi kepercayaan hati.* Apabila iman telah dimiliki oleh kalbu, memancarlah kemahuan yang melahirkan amalan berdasarkan iman itu. Amalan inilah yang disebut dengan *amal salih.* Kedua-dua ungkapan itulah yang berulang-ulang disebut oleh al-Qur'an:

Terjemahan: Mereka yang beriman dan beramal salih.

Kerana al-din dapat dibahagi dalam agama dan kebudayaan, maka amal salih pun meliputi bidang agama dan bidang kebudayaan. Amal salih adalah perbuatan ibadat, ibadat khas dan ibadat umum.

Menegakkan amal salih dalam kebudayaan dimulai dengan *mengihsankan rukun Islam.* Pengertian *ihsan* di sini ialah membaikkan, menyempurnakan atau meningkatkan perhambaan kepada Allah dengan zikir, solat, zakat, saum dan haji. Ibadat yang diamalkan *ihsan* membuahkan *ikhlas.* Ikhlas beribadat ialah beribadat kerana Allah semata-mata. Tidak lagi difikirkan imbalan pahalanya, niat lebih tinggi dari sekadar mendapat balasan. Ia dikerjakan sebagai kewajipan hamba kepada *ma'bud*nya. Ia dikerjakan untuk mendapatkan *reda* Allah. Apabila ibadat diamalkan ikhlas, tumbuhlah *taqwa* pada diri.

Taqwa ialah sikap hidup yang menjaga hubungan manusia dengan Allah. Atas dasar taqwa itu muslim berfikir untuk mengatur kehidupan yang berubah-ubah. Prinsip-prinsip agama dan kebudayaan telah ditetapkan oleh Allah. Ini tidak akan berubah-ubah, kerana sesuai dengan hakikat kemanusiaan. Bagaimana cara pelaksanaan agama telah diteladankan oleh Rasulullah yang terakhir. Inipun tidak akan berubah-ubah, tetapi pelaksanaan prinsip-prinsip dalam kebudayaan berubah-ubah sesuai dengan tempat dan waktunya. Matlamat kebudayaan ialah dunia, dan dunia ini berubah terus-terusan. Perubahan itu ditimbulkan oleh pengalaman, kemajuan sains dan teknologi, perkembangan falsafah, selanjutnya berkesan pada pemikiran dan perasaan dalam geraknya mengarah kepada salam.

Bagi Islam prinsip kebudayaan itu berkekalan, tetapi pelaksanaannya diserahkan kepada akal, tetapi akal itu wajib berpandu pada al-Qur'an dan Hadith. Sistem berfikir ini membentuk *ijtihad.*

Dengan ijtihad dirumuskan *feqah. Feqah* menyusun peraturan-peraturan dalam ibadat dan masyarakat (yang isinya kebudayaan). Feqah mengendalikan dan mengawal laku perbuatan muslim dalam kehidupannya, mengarahkannya kepada nilai-nilai positif, mencegahnya dari nilai-nilai negatif. Dengan demikian feqah menuntun laku perbuatan kepada nilai-nilai baik. Nilai-nilai baik dalam laku perbuatan, itulah yang dikatakan *akhlak Islam.*

Akhlak Islam ialah akhlak mulia sebagai yang diteladankan oleh Nabi. Akhlak itu wajiblah jadi pakaian muslim, baik sebagai peribadi ataupun sebagai anggota masyarakat. Ia berakhlak dalam melakukan hubungan dengan Allah, ia berakhlak dalam melakukan hubungan dengan manusia. Akhlak yang nilai-nilainya Allah sendiri yang menentukan, itulah yang menjadikan laku perbuatan muslim *amal salih,* baik dalam bidang agama atau kebudayaan. Jadi ia berakhlak mulia bukan sahaja dalam beribadat kepada Allah, tetapi juga dalam sosial, ekonomi, politik, ilmu dan teknik, seni dan dalam pemikiran falsafah. Akhlak Islam dalam berbudaya itulah yang membentuk *kebudayaan Islam.*

Kebudayaan Islam membentuk kelompok manusia yang mengamalkan kebudayaan itu *masyarakat Islam.* Dalam masyarakat Islam wujud agama yang diamalkan oleh muslim secara peribadi

dan secara jama'ah, dan wujud akhlak Islam dalam kehidupannya sehari-hari. Sehingga muslim itu bukan sahaja berbeza dari segi agama daripada bukan Islam, tetapi juga dalam laku perbuatannya sehari-hari. Berbezalah tindakan muslim itu daripada bukan Islam dalam sosial, ekonomi, politik, ilmu dan teknik, seni dan pemikiran.

Dengan wujudnya masyarakat Islam, dengan sendirinya tegaklah negara Islam, yang diungkapkan dengan *Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur*. negeri sejahtera yang direstui Tuhan. Negara Islam ialah organisasi masyarakat, tempat hidup rakyat yang majoritinya mengamalkan al-din Islam, di dalam wilayah yang dikuasai oleh pemerintah yang menjalankan pemerintahan atas dasar syari'at.

Nilai-nilai akhlak yang dikandung oleh laku perbuatan muslim sebagai peribadi menegakkan kebaikan bagi peribadi itu. Nilai-nilai akhlak yang dikandung oleh laku perbuatan masyarakat atau negara Islam menegakkan kebaikan bagi masyarakat dan negara itu. Kebaikan inilah yang akan mewujudkan salam yang diarah oleh hakikat kemanusiaan, di dunia dan di akhirat.

Demikianlah asas-asas ajaran yang wajib diamalkan oleh manusia menurut konsepsi Islam, yang dapat disimpulkan dalam empat kategori:

1. Manusia wajib beriman, yakni mempercayai keesaan Allah.
2. Manusia wajib beribadat, kepada Tuhan Yang Maha Esa yang dipercayainya itu.
3. Manusia wajib berakhlak dalam setiap laku perbuatannya dalam kehidupan.
4. Manusia wajib bermasyarakat, yang prinsip-prinsip kekebudayaannya dikonsepsikan oleh Tuhan yang Maha Esa, kebudayaan mana ditegakkan di atas asas agama.

Untuk mengkaji keempat kategori ajaran dan amal Islam itu secara terperinci, buku Manusia dan Islam ini diperinci dengan:

1. Bahagian tentang Manusia dan Kepercayaan
2. Bahagian tentang Manusia dan Peribadatan

3. Bahagian tentang Manusia dan Akhlak.
4. Bahagian tentang Manusia dan Masyarakat.

Demikianlah bahagian-bahagian tersebut bertugas menghantarkan pembaca yang budiman kepada penelaahan dan huraian ajaran Islam secara meluas, untuk menjadi asas menegakkan amalan Islam.

BIBLIOGRAFI

1. AL-QURAN DAN TAFSIR

Al-Quran al-Karim

Abu al-Fida', 1976 Ismail bin Kathir. *Tafsir al-Quran al-'Azim*, Cairo: Mustafa al-Halabi.

Jalaluddin bin Muhammad dan Jalaluddin Abd. Rahman, 1966 *Tafsir al-Jalalain*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. t.t. *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*, Cairo: Matba'h al-Maimuniyyah.

Al-Qurtubi, Abu Abdullah al-Ansari, 1975 *al-Jami' Li-ahkam al-Quran*, Cairo: Mustafa al-Halabi.

Al-Khazin. Ala al-Din al-Baghdadi. t.t. *Lubab al-Ta'wil fi Ma'ni al-Tanzil*, Cairo: al-Maktabah al-Tijariyyah.

Al-Nisaburi, Nizam al-Din al-Hasan bin Muhammad. t.t. *Tafsir al-Nisaburi*, Beirut: al-Maktabah al-Thafafiyyah.

Al-Zamakhsyari, Abi a-Qasim Jad al-Allah Muhammad bin Umar. t.t. *al-Kasysyaf 'an-Haqaiq al-Tanzil*, Cairo: al-Dar al-Alineiyyah.

Al-Alusi, Abu al-Fadz Syihabuddin Mahmud. t.t. *Ruh al-Maa'ni*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi.

Sayyid Qutb, 1391H. *Fi Zilal al-Quran*, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi.

Al-Arabi, Abu Bakar. t.t. *Ahkam al-Quran*. Cairo: Mustafa al-halabi.

Al-Sais, Muhammad Ali. 1373H. *Tafsir ayat al-Ahkam*, Cairo: Maktabah al-Azhariyyah.

Al-Sabuni, Muhammad Ali. t.t. *Tafsir Ayat al-Ahkam*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi.

2. HADITH

Al Bukhari, (256H). *Sahih al-Bukhari*, Cairo: al-Matba'ah al-Khairiyah,

1320H.

Muslim (261H). Ed. Muhammad Fuad Abdul Baqi. 134H/1955M. *Sahih Muslim*, Cairo: Matba'ah 'Isa al-Halabi.

Abu Daud (275H). 1369H/1950M *Al-Sunan Abu Daud,* Cairo: Matba'ah al-Sa'adah.

Ibn Majah (275H). Ed, Muhammad Fuad Abdul Baqi. 1972. *Al-Sunan Ibn Majah*, Cairo: Matba'ah 'Isa al-Halabi.

Al Tirmidhi, (279H). t.t. *Al-Jami'* Cairo: Matba'ah 'Isa al-Halabi.

Al Tabarani, (360H). *Al-Mu'jam al-Ausat.* (Bahan belum bercetak).

Ibn Hanbal, Ahmad (241H). *Al-Musnad.* Cairo: al-Matba'ah al-Maimaniyah. 1313H.

Al Nassa'i, (303H). 1383H/1964M *Al-Sunan al-Nassa'i* Cairo: Matba'ah 'Isa al-Halabi.

Al Baji, (493H). 1332 *Al-Muntaqa.* Cairo: Matba'ah al-Sa'adah.

Al Baihaqi (458H). 1354H. Al-Sunan al-Kubra. Haidar Abad: Darirah al-Ma'arif al-Nidhamaih.

Al Syaukani, (1250H). 1391H/1971M *Nail al-Autar.* Cairo: Matba'ah Mustafa al-Halabi.

Ibn Hibban. 1388H/1968M *Sahih Ibn Hibban.* Cairo: al-Maktabah al-Salafiyah.

3. FIQH MAZHAB SYAFI'I

Al-Ansari, Abu Yahya Zakariyya. t.t. *Fat al-Wahhab.* 2 Juzu'. Mesir: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.

Al-Muti'iy, Muhammad Najib. t.t. *al-Majmu'.* 20 Juzu'. Mesir: Matba'ah al-Imam.

Al-Muzaniy, Abu Ibrahim bin Yahya. t.t. *Mukhtasar.* Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Nawawi, Abu Yahya bin Syaraf. 1958 *Minhaj al-Talibin.* Mesir: Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabi.

Al-Ramli. Ibnu Syihabu'd-Din. 1967 *Nihayah al-Muhtaj.* Cetakan Akhir 8 Jilid. Mesir: Maktabah wa Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabi.

Al-Sayyid 'Abd ar-Rahman bin Muhammad bin Husain bin 'Umar. 1952 *Bughyah al-Mustarshidin.* Mesir: Maktabah wa Malba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabi.

Al-Sayyid al-Bakry. t.t. *I'anah at-Talibin.* 4 juzu'. Mesir: Matba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.

Al-Sayyuti, Jalalu'd-Din 'Abd ar-Rahman. 1959 *al-Ashbah wa an-Naza'ir.* Mesir: Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabi.

Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris, 1973 *al-Umm*. Cetakan Kedua. 8 juzu'.

Beirut: Dar al-Ma'rifah.
Al-Sya'rani, Abu al-Muwahib 'Abd al-Wahab bin Ahmad 1981. *Mizan al-Kurba.* 2 juzu'. Beirut: Dar al-Fikr.
Al-Syarbibi, Muhammad al-Khatib. 1958 *Mughni al-Muhtaj.* 4 Juzu'. Mesir: Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabi.
Al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim bin 'Aluj bin Yusuf. t.t. *al-Muhadhadhab.* Mesir: Matba'ah 'Isa al-Babiy al-Halabi.
Ibnu Hajar al-Haytamiy, Abu al-'Abbas Ahmad Shihabu'd-Din. 1347H *Fath al-Jawwad bi Sharhi al-Irshad.* Mesir: Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabiy.
Qalyubiy wa 'Umayrah, Shihabu'd Din Ahmad bin Ahmad bin Salamah dan Shihabu'd Din Ahmad al-Barlasiy. 1956 *Hashiyatani Qalyubiy wa 'Umayrah.* Cetakan Ketiga. 4 Jilid. Mesir: Maktabah wa Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabiy.
Sheik, Zainu'd Din bin 'Abd al-Aziz. t.t. *Fath al-Mu'in bi Sharhi Qurratu al-Ain.* Mesir: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.

4. UMUM

'Abd al-Qadir 'Audah. 1383H/1963M *Al-Tashri' al-Jina'i al-Islami.* Cairo: Maktabah Dar al-'Urubah.
'Abd al-Karim Zaidan. 1396H/1976M *Ahkam al-Dhimmiyin wa al Mustaminin fi Dar al-Islam.* Ed. II Baghdad: Maktabah al-Quds.
Husni al-Kharbutli. 1389H/1969M *Al Islam wa Ahl al-Dhimmah.* Cairo: al-Majlis al-A'la li al-Shu'un al-Islamiyah.
Al Maududi, (1400H). t.t. *Haquq Ahl Al-Dhimmah fi al Daulah al-Islamiyah.* Beirut: Dar al-Fikr.
Yusuf al-Qardawi, 1378H/1969M *Fiqh al-Zakah.* Beirut: Dar al-Irshad.
Al Tabari (310H). t.t. *Tarikh al-Umam wa al-Muluk.* Cairo: al-Matba'ah al-Husainiyyah.
Ibn al-Athir (606H). 1303H *Al-Kamil fi al-Tarikh.* Cairo: Matba'ah al-maimaniyyah.
Al Baladhuri, (279H). 1319H/1901M *Futuh al-Buldan.* Cairo:
Al Sayuti, (911H). 1387H/1967 *Husn al-Muhadarah.* Cairo: Matba'ah 'Isa al-Halabi.
Ibn Kathir (774H). 1966 *Al-Bidayah wa al-Nihayah* Beirut: Matba'ah al-Ma'arif,
Ibn 'Asakir (571H). 1951 *Tarikh Madinah Dimasyq.* Damsyik: Cetakan Damsyik.
Ibn Khalikan (681H). 1972 *Wafat al-A'yan* Beirut: Dar al-Taqafah.
Al Ya'qubi, (192H) 1893 *Mu'jam al-Buldan.* Leiden:

Ibn 'Abd al-Hakam (257H). 1922 *Futuh Misr*. Leiden.

Al Asfahani, t.t. *Al-Aghani*. Beirut: Dar al-Thaqafah.

Ibn Abi Usaiba'ah. 1955 *Tabaqat al-Atibba'*. Cairo:

Gustav Lobon. t.t. Terj. 'Adil. Ed. II. *Hadarah al-'Arab*. Cairo: Matba'ah al-Halabi.

Adam Mitz. Terj. Muhammad Abd al-Hadi Abd al-Ridah. 1947 Ed. II. *Al-Hadarah al-'Arabiyyah fi al-Quran al-Rabi' al-Hijri*. Cairo:

Will Durant, 1965 — 1972M *Qissat al-Hadarah. Jami'at al-Duwal al-'Arabiyyah*, Cairo.

Thomas W. Arnold, Sir. Terj. Hasan Ibrahim Hasan dan dua rakannya. 1957 *Al-Da'wah ila al-Islam*. Cairo: al-Maktabah al-Nahdah al-Misriyah.

Muhammad al-Ghazali. t.t. *Kifah al-Din*. Cairo.

Muhammad al-Ghazali. t.t. *Al-Islam fi Wajh al-Zhaf al-Ahmar*. Cairo.

Mahmud Syakir. t.t. *Ariteria wa al-Habasyah*. Aman.

Nadim al-Baitar. t.t. *Al-Aidolojiyyah al-Inqilabiyyah*. Beirut: al-Muassasah al-Ahliyyah li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.

Muhammad 'Abduh (1323H). 1323H Ed. VIII. *Al-Islam wa al-Nasaraniyyah*. Cairo.

Ahmad al-Syalabi. 1967. *Al-Masehiyyah*. Cairo: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.

INDEKS